

**DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PENGGAL KEEMPAT  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 36**

**Rabu**

**26 Oktober 2016**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>PENERANGAN DARIPADA MENTERI KESIHATAN DI BAWAH P.M. 14(1)(i):</b>	
- Penjelasan Lanjut Mengenai Kebakaran Di Hospital Sultanah Aminah	(Halaman 30)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2017	(Halaman 42)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 36)
Usul Anggaran Pembangunan 2017	(Halaman 42)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS**  
**PENGGAL KEEMPAT**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Rabu, 26 Oktober 2016**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah fungsi, sumbangan dan pencapaian Malaysia sepanjang menjadi Anggota Tidak Tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dari tahun 2015 hingga 2016.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Seri Reezal Merican]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah atas soalan yang telah dikemukakan. Untuk makluman Dewan, Malaysia telah menganggotai Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai ahli tidak tetap bermula dari 1 Januari 2015 sehingga dan akan berakhir pada Disember 2016. Ini adalah kali ke-4 negara menjadi anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Kali pertama pada 1965 berkongsi dengan Czechoslovakia. Kali kedua pada 1989 hingga 1990. Kali ketiga pada 1999 hingga 2000. Pemilihan pada kali ini adalah merupakan satu pengiktirafan dan penghormatan kepada negara kerana dalam pemilihan ini Malaysia telah menerima 187 jumlah undi daripada 193 keseluruhan negara-negara PBB. *[Tepuk]*

Dalam menjalankan tanggungjawab sebagai Ahli Tidak Tetap Majlis Keselamatan PBB, Malaysia berpegang teguh kepada prinsip penyelesaian konflik secara damai melalui kaedah perundingan dan pendekatan kesederhanaan serta menghormati integriti wilayah dan kedaulatan negara. Bagi memastikan Malaysia menitik beratkan lima keutamaan negara sebagai ahli tidak tetap Majlis Keselamatan PBB iaitu:

- (i) menggalakkan penyelesaian pertikaian secara damai melalui pendekatan kesederhanaan ataupun wasatiyyah;
- (ii) pengantaraan sebagai langkah *mediation* ke arah mencapai kedamaian;
- (iii) pengukuhan misi pengaman PBB atau *peacekeeping mission*;
- (iv) pembinaan keamanan bagi negara-negara pasca konflik; dan
- (v) usaha berterusan ke arah pembaharuan Majlis Keselamatan PBB yang lebih komprehensif.

Selain daripada isu-isu yang sememangnya menjadi isu ruji kepada Malaysia iaitu isu Palestin dan juga isu MH17, kemanusiaan keganasan di Yaman dan juga di Syria, dan isu kanak-kanak dan konflik bersenjata.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang tempoh keanggotaan penggal 2015-2016, Malaysia telah menduduki kerusi Presiden Majlis Keselamatan PBB sebanyak dua kali iaitu Jun 2015 dan juga Ogos 2016. Malaysia telah mengutarakan inisiatif-inisiatif semasa menjadi presiden seperti berikut:

- (i) Debat terbuka (*open debate*) mengenai kanak-kanak dan konflik bersenjata;
- (ii) Malaysia telah berjaya memberi sumbangan dan bekalan dengan memperkenalkan Resolusi 225 yang telah diperakui oleh keseluruhan 15 Ahli Majlis Keselamatan PBB, malahan ditaja oleh 56 buah negara-negara anggota PBB yang lain.
- (iii) selain daripada itu, Malaysia juga telah mengusahakan taklimat terbuka (*open briefing*) mengenai usaha pembangunan keamanan;
- (iv) Malaysia juga telah mengadakan mesyuarat tidak formal menggariskan impak perubahan iklim terhadap pelbagai sektor. Mesyuarat ini juga telah menyumbang kepada perbincangan mengenai Perjanjian Paris yang telah dipersetujui di Paris pada Disember 2015; dan
- (v) juga debat terbuka (*open debate*) mengenai ketakcambahan senjata pemusnah besar-besaran ataupun *weapon of mass destruction* yang mana telah berjaya meningkatkan kesedaran berhubung ancaman percambahan WMD daripada pelaku bukan negara dan iltizam negara anggota PBB untuk kerjasama menangani ancaman tersebut.

Dalam soal Palestin, Malaysia terus lantang sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan PBB, Malaysia telah mempengerusikan tiga mesyuarat tidak rasmi mengenai situasi di Gaza. Pada bulan Julai 2015, isu perlindungan berkaitan penduduk Palestin pada 2016, Mei dan yang terakhirnya mutakhirnya adalah isu penempatan haram oleh Israel pada awal bulan Oktober tahun ini. Mesyuarat-mesyuarat tidak rasmi tersebut merupakan sumbangan Malaysia di Majlis Keselamatan PBB bagi menjamin isu Palestin sentiasa diberi perhatian dan perlu diberi penyelesaian secara menyeluruh.

Secara ringkasnya, Malaysia telah menggunakan peluang seoptimumnya sebagai peluang keahlian sebagai ahli tidak tetap di Majlis Keselamatan PBB untuk menengahkan prinsip pemeliharaan keamanan, keselamatan sejagat, berteraskan kesederhanaan dan rundingan secara damai. Terima kasih.

**Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada keluarga Wisma Putra dan juga Malaysia yang telah memainkan peranan yang sangat penting dan amat berkesan di peringkat dunia.

#### ■1010

Kita tahu bahawa PBB ini adalah sebuah organisasi antarabangsa yang menggalakkan kerjasama antara berkaitan pemeliharaan keamanan dan keselamatan sejagat, pembangunan dan juga hak asasi manusia yang merupakan tiga tonggak pertubuhan ini. Kita tahu dan saya harap rakyat semua tahu bahawa bagaimana peranan Malaysia ini telah meletakkan Malaysia di tempat orang hormat kepada kita. Tahniah sekali lagi kepada pihak Wisma Putra. Banyak isu yang telah diperkatakan, isu Palestin, isu lain dan sebagainya.

Saya hendak secara khusus pada hari ini, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kalau boleh, saya hendak tahu bagaimana hendak maklumkan kepada Dewan ini, apakah tindakan terkini yang diambil oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap isu Syria. Hari ini bergolak begitu hebat sekali. Jadi saya tahu Yang Berhormat Timbalan pun ada memainkan peranan dari segi ini, biar rakyat tahu apa sebenarnya tindakan terkini yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah atas soalan tambahan tersebut. Saya suka hendak maklumkan kepada Dewan bahawa konflik yang berlaku di Syria ini benar-benar kompleks kerana *conflicting group* yang berada di Syria ini bukan membabitkan dua kumpulan sebagaimana yang selalunya berlaku di mana-mana zon konflik. Yang ada di sana adalah membabitkan

pertamanya tentera-tentera Bashar, keduanya adalah *rebels* yang datang daripada kalangan am *opposition* yang terdiri daripada hampir 100 grup. Ketiganya ialah kumpulan-kumpulan militan yang dikatakan ISIS dan juga Daish. Lebih mengeruhkan keadaan, ia berlaku seakan-akan ada *power play* di peringkat United Nations Security Council.

Ini sememangnya terbukti bila mana terdapat satu *resolution* baru ini, pada 8 Oktober yang ditaja oleh Spain dengan France bagi tujuan untuk memastikan Aleppo diadakan gencatan senjata secara total bagi membolehkan bantuan-bantuan kemanusiaan disalurkan. Malangnya ketika mana ditaja, Malaysia menyokong tetapi ia ditaja juga oleh satu lagi draf *resolution* by Rusia yang akhirnya diveto oleh Rusia. Demikian juga resolusi yang dibuat oleh Rusia, tidak mendapat sokongan daripada minimum 9 anggota-anggota keselamatan untuk membolehkan sebuah resolusi itu akhirnya diluluskan. Ia menyebabkan akhirnya berlaku *stalemate*. Ini telah dibangkitkan oleh wakil kita, Datuk Ramlan di sana dan kita sudah menulis surat bersama dengan 61 negara kepada Presiden PBB, Presiden Majlis Keselamatan dan juga *Secretary General* untuk minta supaya inisiatif Syria terutamanya bantuan kemanusiaan disegerakan.

Kemudian kita juga hantar bersama 78 negara untuk diadakan sidang *pleno* khas *initiated by Canada* dan akhirnya sidang pleno yang diadakan pada 20 Oktober telah mengambil tempat dan Malaysia telah memainkan peranan yang begitu substantif. Akhirnya ia menyebabkan berlakunya sekejap gencatan senjata yang di Aleppo bila mana Rusia dengan tentera Bashar bersetuju untuk memberi ruang, bantuan-bantuan kemanusiaan disalurkan. Tetapi pada umumnya saya hendak maklumkan bahawa suasana yang berlaku di Aleppo masih lagi dalam keadaan getir.

Pada waktu saya bercakap ini, sekitar 300,000 rakyat Syria telah pun terbunuh, 4.8 juta menjadi *refugees*, 7 juta menjadi *internally displace* dalam istilah yang digunakan PBB maknanya rumah mereka hancur lebur, 250 ini adalah angka tidak rasmi ada yang menyatakan 300,000. Sekadar hendak masuk dalam imaginasi kita Tuan Yang di-Pertua, penduduk Perlis pun 256,000. Seakan-akan satu Perlis *has been completely wiped out*. Demikianlah keadaan yang berlaku di Syria. Namun kita masih lagi memainkan peranan untuk meminta dan menekan, terutamanya di kalangan P5 agar mereka dapat kembali ke meja rundingan dan akhirnya membolehkan bantuan kemanusiaan dapat disalurkan ke kawasan yang dikatakan zon konflik. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Rantau Panjang yang bangun dulu.

**Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, saya ingin tahu apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia sebagai negara anggota tidak tetap PBB ini di mana menghadapi negara-negara anggota dalam menghadapi sengketa atau pendamaian yang melibatkan negara umat Islam. Jadi, apakah dari sudut komitmen mereka, contohnya dari sudut apabila diputuskan untuk memutuskan hubungan diplomatik dari sudut ekonomi, darat, laut ataupun sebagainya, apakah ada halangan-halangan daripada negara-negara tertentu yang menyebabkan macam, ataupun resolusi yang kita hendak capai itu kurang berjaya. Minta penjelasan.

**Dato' Seri Reezal Merican:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang, sebagaimana yang saya maklumkan tadi kadang-kadang sebab itulah Malaysia antara negara yang meminta supaya dilihat semula, kalau boleh diadakan *reform* kepada Majlis Keselamatan. Sebab ia lebih *representative* dan ia tidak lebih berpihak kepada pihak-pihak yang tertentu dari segi kepentingan mereka. Namun apa yang berlaku sekarang, kita kadang-kadang kita menggunakan perimbangan Tuan Yang di-Pertua. Ada kalanya kita lihat kegagalan Majlis Keselamatan ini kita bawa ke PBB, macam sebagaimana yang kita lakukan ke Syria kita bawa ke sidang pleno.

Bila ada jumlah yang lebih ramai ia akan jadi tekanan yang sedikit lebih walaupun *Security Council has vetoed* keputusan tersebut. Ini ada nampak kejayaan sebagaimana yang berlaku di Syria baru ini, adalah gencatan senjata walaupun dalam tempoh sehari tetapi sekurang-kurangnya berjaya walaupun tidak ada satu *resolution* pun yang diluluskan di *Security Council* untuk gencatan senjata tetapi berjaya dibuat di peringkat PBB. Sedangkan dalam organ PBB Tuan Yang di-Pertua, organ yang paling-paling berkuasa adalah *Security Council*. *It has been mandated* di bawah *chapter UN*, di bawah *Security Council* punya keputusan adalah *legally enforceable and binding*.

Keputusan di peringkat UN adalah bersifat *political*. *It cannot be legally binding*. Sebab itulah keputusan-keputusan resolusi-resolusi di peringkat United Nations *Security Council* adalah cukup-cukup penting. Namun pada waktu ini, kita menggunakan pendekatan yang *tawazun*, kita gunakan juga pendekatan datang daripada PBB agar menjadi tekanan terutamanya negara-negara yang P5 ini ada kepentingan. Terima kasih.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Saya jemput Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye soalan nombor dua.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan isu ini melibatkan satu lagi Tuan Yang di-Pertua, boleh...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Tak apa terima kasih ya. Kita ada peluang lagi dalam perbincangan kita ya.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Tapi ini mengenai berapa bulan lagi Tuan Yang di-Pertua, dalam UNIC...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, sila soalan nombor dua. Sila nombor dua.

**2. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah peruntukan untuk Ekuinas Nasional Berhad sejak penubuhan pada tahun 2009, serta pulangan dividen setakat ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Abdul Rahman Dahlan]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Ekuiti Nasional Berhad ataupun Ekuinas ditubuhkan pada September 2009 sebagai salah satu langkah untuk meningkatkan penyertaan bumiputera dalam bidang ekonomi. Sejak penubuhan Ekuiti Nasional Berhad atau pun Ekuinas pada tahun 2009 sehingga Jun 2016, Ekuinas telah menerima dana peruntukan sebanyak RM3.9 bilion. Ekuinas merupakan agensi pelaburan dalam pasaran ekuiti persendirian dan telah membuat pelaburan ke atas 33 buah syarikat iaitu 19 buah syarikat di bawah portfolio pelaburan langsung manakala 14 buah syarikat di bawah portfolio program penyumberan luar.

Portfolio syarikat pelaburan Ekuinas merangkumi pelaburan di dalam sektor barangan pengguna laris atau *fast moving consumer goods* dengan izin, makanan dan minuman atau *food and beverage*, minyak dan gas, pendidikan dan perkhidmatan, peruncitan serta penjagaan kesihatan. Dana pelaburan yang diterima diletakkan di bawah fasa-fasa yang berasingan untuk tujuan pelaburan. Seperti syarikat pelaburan ekuiti persendirian yang lain, prestasi pulangan pelaburan akan tercapai dengan penjualan aset secara menyeluruh di dalam dana pelaburan bagi setiap fasa. Tempoh pelaburan di bawah portfolio pelaburan langsung adalah sehingga 7 tahun dari tarikh pelancaran fasa tersebut. Manakala bagi portfolio penyumberan luar, tempoh pelaburan adalah sehingga 8 tahun.

Kadar Pulangan Dalaman (IRR) dikira bagi setiap dana pelaburan fasa dan ia adalah pulangan ke atas pelaburan yang mengambil kira nilai semasa pelaburan merangkumi nilai masa wang bagi tempoh pelaburan itu.

■1020

Ia merupakan pengukuran prestasi dana ekuiti persendirian yang diguna pakai di peringkat antarabangsa. Dana pelaburan langsung fasa pertama yang telah dilancarkan pada tahun 2010 dijangka akan mencapai peringkat matang dan dijual sepenuhnya pada penghujung tahun 2017. Bagi merealisasikan keuntungan modal dari syarikat-syarikat di bawah dana pelaburan tersebut. Seperti yang telah diumumkan dalam Laporan Tahunan Ekuinas 2015, dana pelaburan fasa satu telah mencapai kadar pulangan dalaman kasar (IRR) sebanyak 14.8% sehingga 31 Disember 2015. Bagi dana pelaburan langsung fasa kedua yang dilancarkan pada tahun 2012, telah mencapai kadar pulangan dalaman kasar ataupun IRR sebanyak 13% sehingga tahun 31 Disember 2015.

Tuan Yang di-Pertua, pulangan keuntungan modal yang telah diperoleh daripada hasil pelaburan Ekuinas akan dikembalikan kepada kerajaan setelah tamat tempoh pelaburan dan kesemua aset di bawah dana pelaburan yang dijual itu sepenuhnya, sekian terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih. Saya lihat daripada segi prestasi Ekuinas itu memang cemerlang dari segi atas kertas. Oleh kerana apabila kita ada satu pengurusan yang profesional, ada visi yang jelas tanpa gangguan ahli politik, kita mungkin dapat prestasi macam Ekuinas dengan IRR 13% hingga 14%. Soalan saya, apabila Ekuinas ini bermula dengan suntikan dana RM500 juta dan sehingga sekarang sehingga RM3.9 bilion. Jadi setakat mana kerajaan akan terus menyuntik dana seterusnya? Adakah kerajaan akan mengehendak tahap maksimum untuk suntikan dana tersebut. Kerana kalau kita lihat untuk perkembangan dana ini secara mampan, *sustainable*, tidakkah dana tersebut dapatkan sumbangan dana daripada sama ada Bursa Saham ataupun daripada pasaran kewangan, sekian.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas soalan seterusnya daripada Yang Berhormat. Kalau kita tengok daripada mandat yang telah diberikan, Ekuinas sepatutnya menerima dana lebih kurang RM5 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sehingga Jun 2016, Ekuinas telah menerima dana sebanyak RM3.9 bilion seperti mana yang saya sebutkan tadi. Sebagai perbandingan ataupun rujukan, dana yang diterima oleh Ekuinas sepanjang tahun 2010 sampailah 2016:



TAHUN	JUMLAH DANA (RM JUTA)
2010	500
2011	600
2012	700
2013	600
2014	600
2015	600
2016	300

Jadi keseluruhannya RM3.9 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita buat ialah apabila Ekuinas mendapat keuntungan, pulangan itu akan dikembalikan kepada kerajaan. Jadi, ia tidak disimpan oleh Ekuinas. Kerajaan akan memberikan dalam bentuk RM500 hingga *on average* lebih kurang RM600 juta setiap tahun. Itu pun mengikut kemampuan kerajaan dan sekarang ini, *so far* baru RM300 juta. Kita tidak mendapat sumber yang lain ataupun mungkin di fasa yang akan datang. Buat masa ini, yang RM5 bilion yang telah dijanjikan oleh kerajaan belum lagi habis dipakai, baru lebih kurang RM4 bilion, so ada lagi RM1 bilion komitmen kerajaan untuk Ekuinas. Saya kira pada waktu ini kita belum lagi mempunyai desakan ataupun keinginan untuk mencari dana, sumber yang lain selain daripada dana yang telah disediakan oleh kerajaan mengikut jadual yang telah diberikan, terima kasih.

**Datuk Dr. Abd. Latiff Ahmad [Mersing]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah dapat Dato' Sri. Saya berdoa panjang umur, murah rezeki. Tahun ini macam Yang Berhormat Menteri beritahu tadi, RM300 juta. Hendak cukupkan kuota RM5 bilion. Saya *check* juga untuk tahun depan, peruntukan dalam bajet tidak ada. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bila tidak ada dalam bajet, apakah tindakan Ekuinas dalam usaha untuk memperkasa dan menambah lagi bilangan-bilangan usahawan seperti Al-Ikhsan, dia jual 35% *stake* dalam Ekuinas. Ekuinas ini banyak duit, pada waktu yang sama mereka yang mengendalikan bentuk keusahawanan ini sudah ada *goodwill* dia. Soalan kedua saya hendak tanya, apakah terdapat *internal politic* dari sudut kuasa apabila Ekuinas masuk dan sudah pasti ada *disequilibrium* di antara pemilik asal dengan pemodal baru, terima kasih.

**Datuk Abdul Rahman Dahlan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Buat masa ini walaupun Ekuinas seperti mana yang saya katakan tadi, kita masih mempunyai lagi rizab. Ekuinas adalah salah satu agensi pelaburan kerajaan yang amat telus, antara yang paling telus, di mana laporan-laporan berkenaan dengan pelaburan, kedudukan kewangan, perancangan dan sebagainya itu dilaporkan *public*, secara umum dan kita

boleh membaca semua maklumat berkenaan dengan Ekuinas ini dengan secara terbuka. *I believe there are one of the most transparent*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Untuk pelaburan seperti pelaburan terhadap Syarikat AI-Ikhsan contohnya. Betul apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Mersing bahawa kita telah melabur lebih kurang 35% pengambilan ekuiti AI-Ikhsan dengan jumlah lebih kurang RM68 juta. Tujuan kita ialah untuk dalam masa tiga hingga lima tahun ini akan menyenaraikan AI-Ikhsan ini di dalam Bursa dan di situlah nanti ada pulangan ataupun peluang untuk Ekuinas *divest* dan memberikan peluang kepada syarikat-syarikat bumiputera ataupun pelabur-pelabur bumiputera untuk masuk dalam Ekuinas ini.

Kemudian kita juga merancang untuk masa depan Ekuinas ini kita ada beberapa strategi dan bidang yang ingin diberikan pengkhususan. Pertamanya, pendidikan. Kemudian ada minyak dan gas, sektor perkhidmatan, sektor penjagaan kesihatan seperti mana saya katakan tadi barang pengguna laris atau *fast moving consumer goods* dengan izin, peruncitan dan juga percutian. Buat masa ini kita masih ada lagi mempunyai dana untuk meneruskan pelaburan kita untuk 2017. Untuk 2017, kita jangkakan Ekuinas akan melabur lebih kurang RM400 juta melalui dana-dana yang telah ada dalam tangan dan juga pulangan yang telah dibuat melalui penjualan saham-saham yang telah matang.

Jadi dalam bentuk ekuiti, dalam bentuk pelaburan walaupun kerajaan tidak memberikan apa-apa peruntukan tetapi dengan melalui dana dalaman, *insya-Allah*. Saya dari segi politik ataupun percanggahan pandangan daripada pelabur asal dan juga Ekuinas, itu tidak menjadi masalah besar sebab bila kita membeli saham mereka ini ia dibuatkan dengan cara yang lebih *transparent* iaitu perundingan, *it's not a hostile take over*.

*It's always-* berkenaan dengan membesarkan lagi perniagaan yang sedia ada dan selalunya pengasas syarikat tersebut ataupun pemegang saham yang awal akan teruja, *excited* bahawa Ekuinas akan masuk untuk membesarkan lagi syarikat tersebut. *It's not a hostile take over*, jadi dalam contoh-contoh yang saya telah berikan tadi kebanyakan pengurusan asal dan pemegang saham asal syarikat tersebut akan bekerjasama dengan Ekuinas untuk merealisasikan tujuan asal mereka, terima kasih.

## ■1030

3. **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan :-

- (a) tindakan yang telah diambil oleh pihak kerajaan bagi menangani kesan fenomena pemanasan global dan jenis bantuan yang diberikan kepada para penduduk tepi pantai yang mana sawah padi mereka dinaiki air laut akibat fenomena ini; dan
- (b) langkah yang diambil bagi mengatasi masalah pemutihan terumbu karang (yang mana pendapatan nelayan pantai terjejas akibat tempat pembiakan ikan telah musnah).

**Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagai mendahului pertanyaan yang ditanya oleh Yang Berhormat Putatan, ingin saya menjelaskan sedikit berhubung dengan terumbu karang ataupun apa yang dikatakan *the coral reef* ini.

Kita mempunyai seluas 400,600 hektar *coral* di seluruh Malaysia, Sabah, *East Cost Malaysia* dan juga di Sarawak. *Coral reef* kita mempunyai *support system* yang tertinggi. Mempunyai— boleh menyokong 700 spesies kehidupan laut dan juga yang khususnya di Sarawak, Sabah mempunyai *estimated over 550* spesies. Sementara ini di Semenanjung boleh *support* kepada 480 spesies di ekosistem *coral reef* ini. Jadi ia mempunyai fungsi yang amat penting sebagai habitat untuk pembiakan ikan khususnya dan kehidupan laut amnya. Ia juga mengeluarkan oksigen tiga kali ganda lebih daripada ekosistem daratan umpamanya hutan. Ia berlaku *bleaching* ataupun kelunturan apabila suhu laut meningkat sampai 30 peratus hingga 31 peratus. Ini boleh berlaku apabila pada zaman kekeringan berlaku iaitu masa panas ataupun *heat wave* berlaku sebagaimana yang telah berlaku pada bulan yang lepas. Kita membuat pemantauan bahawa berlaku *heat wave* tetapi baik pada kita kerana air itu mula kembali menjadi sejuk semula di bawah 30 darjah, ia punya kepanasan.

Jadi tindakan-tindakan untuk mengatasi masalah kelunturan karang terutamanya di kawasan taman laut, pelbagai tindakan telah diambil oleh pihak kementerian melalui Jabatan Taman Laut Malaysia. Antaranya ialah:

- (i) menjalankan kajian dan pemantauan terumbu karang bagi menilai keluasan kawasan dan peratusan terumbu yang terjejas akibat kelunturan karang;
- (ii) usaha untuk membaik pulih kawasan yang terjejas melalui pelaksanaan Projek Restorasi Karang. Jadi restorasi karang ini

- dijalankan oleh pihak jabatan bersama dengan pihak institusi-institusi pengajian tinggi seluruh Malaysia;
- (iii) menutupkan kawasan terumbu karang terjejas melebihi 85 peratus bagi mengurangkan tekanan dan membantu proses pemilihan terumbu karang;
  - (iv) membentuk pelan tindakan bagi menangani kelunturan karang;
  - (v) membuat kajian bagi menentukan kawasan terumbu karang yang telah tahan lasak *resilient area*; dan
  - (vi) mengawal aktiviti pelancongan di kawasan taman laut. Maksudnya kalau berlakunya kelunturan ini berterusan maka di kawasan tersebut kita *rehabilitate* supaya tidak ada lagi aktiviti-aktiviti pelancongan untuk kita membaik pulih kawasan-kawasan tersebut.

Jadi persoalan Yang Berhormat, (a) bertanya pada saya fenomena air pasang pada 18 hingga 20 September dan apakah tindakan kita kepada perkara ini. Jadi jawapan Yang Berhormat ialah di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sebenarnya. Fenomena air pasang besar pada 18 hingga 20 September yang lalu telah memberi kesan di pesisiran pantai kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda yang mana kawasan sawah seluas 87 hektar telah ditenggelami air masin. Walau bagaimanapun ia hanya 5.68 hektar sawah padi yang masih bertanam dan belum dituai mengalami kerosakan.

Sebagai langkah pemulihan tanah sawah di kawasan tersebut, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani akan menggunakan kaedah *flushing*. *Flushing* ini untuk mengeluarkan air masin, menggunakan air tawar supaya kesan masin itu akan keluar dari kawasan sawah padi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, bantuan ihsan di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan juga boleh difikirkan nanti atas pertimbangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kerana bukan di bawah kawalan kementerian saya Yang Berhormat. Jadi dalam keadaan sedemikian barang siapa yang berminat berjumpalah dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya ucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri yang begitu fokus dengan tugas di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Saya difahamkan melalui sumber daripada *Guardian Unlimited* yang mana terlihat pemecahan dan seolah-olah terumbu di sebelah Barat Antartika dan ia akan melibatkan— menaikkan air laut kepada 10 meter iaitu 32 kaki. Bayangkan kalau ini

terjadi dan apakah tindakan ataupun persediaan daripada pihak kementerian soal ini? Kita lihat dengan kawasan sawah padi di Kuala Kedah, di Kampung Padang Garam, Kampung Baru, di Telok Telipok dan tidak kurang Putatan juga termasuk tanah-tanah keluarga saya ada tiga keping telah pun sampai air masin dan tidak boleh lagi kita tanam padi.

Jadi soalan saya, apakah sudah atau tidak kementerian ini mengenal kawasan-kawasan yang terlibat dengan kenaikan air masin ini Yang Berhormat Menteri? Adakah kolaborasi antara kementerian dengan Kementerian MOA, LKIM, MPIC bahawa apakah ada R&D untuk membantu penduduk-penduduk di kawasan yang *vulnerable* ini? Mana kawasan mungkin tanaman padi itu tidak sesuai lagi. Mungkin untuk diusahakan kepada produk-produk yang memberi hasil *house of income* kepada para nelayan kita terutama terumbu-terumbu yang rosak, pendapatan ikan sudah agak mengurang. Terbit sekali di Sabah ini ada juga pengeboman ikan yang merosakkan terumbu ikan. Apakah secara kolaborasi daripada kementerian dalam soal ini? Itu soalan Yang Berhormat.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan Yang Berhormat Putatan ini merangkumi banyak jabatan dan *area* ya. Pertama, Yang Berhormat bertanya dengan saya berhubung dengan apakah tindakan yang patut diambil untuk kawasan-kawasan yang telah terjejas oleh sebab kenaikan air masin. Yang Berhormat merujuk kepada apa yang berlaku di Antartika, hal kecairan ais di *polar regions*. Sebenarnya kita mempunyai jabatan yang berlainan di bawah NAHRIM. Kita mempunyai kajian di bawah itu. Jadi kita mempunyai ramalan bahawa Yang Berhormat adalah pada tahun 2100 iaitu 85 tahun daripada sekarang kalau tidak berjayanya *Paris Agreement* menangani masalah kepanasan iklim dunia maka banyak pulau di Lautan Pasifik akan ditenggelami air dan juga Malaysia dijangka 20 peratus kawasan-kawasan tepian laut dan tepian sungai yang rendah, kawasan rendah akan juga ditenggelami air.

Berjuta manusia perlu dipindah ke tempat yang lebih tinggi kerana mitigasi—*problem* di sini ialah amat tinggi Yang Berhormat iaitu benteng laut dan sebagainya. Kalau kita hendak lihat benteng laut pada masa sekarang ataupun *flood mitigation program* yang kita ada telah berjumlah RM40 bilion setakat ini. Jadi kementerian saya merancang sebanyak mana kerajaan boleh membina setiap tahun dan sebanyak mana kita boleh bina secara PFI kalau ada sistem-sistem kewangan kreatif yang lain boleh kita laksanakan supaya mengurangkan kos kepada kerajaan dan melaksanakan projek untuk benteng laut ini oleh sebab kesan *global warming* yang disebut oleh Yang Berhormat tadi.

■1040

Jadi untuk masa yang terdekat soalan pertanian ini tadi Yang Berhormat, sebagaimana yang telah saya sebutkan di bawah perancangan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Walau bagaimanapun, soalan *sea level rising* di bawah NAHRIM, di bawah kementerian saya ini, kita maklumkan kepada semua kementerian. Bahkan saya akan membentangkan kertas-kertas NAHRIM dan penemuan oleh pihak NAHRIM ini, kita akan beritahu kepada semua badan yang penting umpamanya di Semenanjung, Majlis Kanun Tanah Negara. Kita beri maklumat kepada majlis perbincangan di antara Perdana Menteri dengan Menteri-menteri Besar dan juga Ketua Menteri seluruh negara.

Dalam Majlis Pembangunan Fizikal Negara, kita bentang juga dan khususnya di bawah Majlis Air Negara pun kita bentangkan juga, untuk memaklumkan pihak negeri tindakan-tindakan yang perlu diambil dalam semua sudut, bukan sahaja pertanian tetapi juga pembangunan-pembangunan berdekatan dengan tepian pantai, *reclamation of* tanah, laut dan sebagainya. Jadi Yang Berhormat, apa yang kementerian buat di sini ialah sebagai pakar dan memaklumkan kepada semua kementerian kerajaan, apakah tindakan kita kalau kita gagal menangani masalah *global warming* ini oleh *Paris Agreement*.

Akan tetapi, walau bagaimanapun, menyentuh *Paris Agreement* Yang Berhormat, setakat ini kita sudah menepati *benchmark* yang ditetapkan oleh pihak UNFCCC iaitu apabila sampai 55 buah negara, dan 55 peratus lebih dia punya *admission* daripada 50 lebih buah negara yang meratifikasikan *Paris Agreement*, *Paris Agreement* akan *come into force* 30 hari selepas semuanya diratifikasi sedemikian. Malaysia *insya-Allah* akan meratifikasikan *Paris Agreement* tidak lama lagi. Apabila Kabinet telah bersetuju, *paper* akan dibentangkan pada 4 hari bulan, Kabinet bersetuju, *insya-Allah* dalam minggu yang itu juga kita boleh meratifikasikan *Paris Agreement*, menangani masalah *global warming*, Yang Berhormat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf, ada panjang sedikit, menceritakan soal kepanasan dan menangani masalah *global warming*. Terima kasih.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, tidak dinafikan peningkatan aras laut ini disebabkan oleh kenaikan suhu dunia. Kalau kita Malaysia memenuhi syarat *Paris Agreement*, tetapi banyak negara lain yang tidak, terutama di Asia Tenggara ini tidak melaksanakannya, mungkinkah kita dapat mengatasi masalah, yang saya difahamkan atau pun adakah benar Asia Tenggara ini akan mengalami kenaikan paras laut yang lebih tinggi iaitu

dua kali ganda daripada tempat lain? Jadi kalau itu berlaku, maka bagaimana tindakan yang perlu kita buat? Terima kasih.

**Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar:** Ya, saya amat setuju dengan apa yang diimbaskan oleh Yang Berhormat bahawa *Paris Agreement* menentukan supaya satu 197 buah negara yang menjadi ahli *United Nations Framework Convention for Climate Change* yang telah menandatangani *Paris Agreement* itu pada 22 April tahun ini, melaksanakan semua apa yang dipersetujui, dijanji. Pihak Barat, negara membangun, mengeluarkan sumber kewangan untuk mengatasi umpamanya Malaysia. Kita mempunyai 10 peratus *contribution condition of* menerima *technological support*, menerima sumber kewangan untuk teknologi dan menerima sumbangan untuk *capacity building*.

Kalau ini boleh dilaksanakan dan seluruh negara di dunia patuh kepada ini, *insya-Allah* kita boleh menangani masalah *global warming*, Yang Berhormat. Sebagaimana kita mengatasi masalah *depletion of ozone layer* pada satu ketika, yang mana Malaysia telah *reduced* 100 jenis *substances* yang diguna pakai pada zaman itu, pada tahun 80-an dan 90-an, telah kita hapuskan penggunaannya.

Akhirnya saintis telah mengetahui bahawa *ozone layer* itu dah *start to recover*. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kalau semua 197 buah negara berjaya mengikut garis panduan di bawah *Paris Agreement* itu, kemungkinan apa yang saya sebut awal tadi, yang kita ditenggelami air, pulau-pulau di Lautan Pasifik itu ditenggelami air umpamanya tidak akan berlaku. Kalau berlaku pun, sedikit sahaja oleh sebab fenomena kepanasan ini.

Sejarah mengetahui bahawa kepanasan ini bermula Yang Berhormat, telah bermula zaman revolusi pertanian dahulu di negara Barat dan disusuli dengan *industrial revolution* Barat, 300 tahun Barat menyemburkan ke udara benda-benda yang menghakiskan, menyebabkan kepanasan dan menyebabkan *greenhouse gases* ke udara. Ini menyebabkan kenapa *global warming* berlaku pada ketika ini. Jadi maknanya negara Barat lebih besar tugasnya daripada negara kita yang kecil-kecil atau pun *developing nation* daripada menangani masalah ini walaupun akhirnya kesan kepada *global warming* ini banyak mengena kepada negara-negara yang sedang membangun di selatan. Terima kasih Yang Berhormat.

4. **Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) Joint Investigation Team (JIT) telah mengesahkan bahawa MH17 Malaysia Airlines telah ditembak jatuh oleh puak pemberontak Pro-Rusia di Ukraine, menggunakan peluru berpandu BUK 9M38, apakah tindakan kerajaan selanjutnya; dan
- (b) Kaedah-kaedah yang bakal diambil oleh kerajaan dalam menuntut agar keadilan akan dapat dicapai.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam 1Malaysia Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, laporan interim siasatan jenayah nahas penerbangan MH17 yang dikeluarkan oleh pihak Joint Investigation Team atau pun singkatan JIT pada 28 September 2016 belum mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam menembak jatuh pesawat MH17.

Pada masa ini siasatan berhubung pelaku-pelaku jenayah berhubung nahas penerbangan MH17 masih sedang dijalankan oleh JIT. Oleh yang demikian, sebarang tindakan yang akan diambil hanya akan diputuskan setelah siasatan berhubung nahas pesawat tersebut selesai dan setelah mendapat bukti-bukti yang kukuh untuk membawa pelaku atau pun pelaku-pelaku jenayah ke muka pengadilan.

Berhubung dengan kaedah-kaedah yang bakal diambil oleh kerajaan dalam menuntut keadilan agar keadilan dapat dicapai, Malaysia bersama-sama negara yang diwakili dalam JIT iaitu negara Belanda, Ukraine, Australia dan Belgium sedang meneruskan perbincangan bagi dua opsyen pendakwaan yang telah dikenal pasti iaitu pertama, pendakwaan di peringkat nasional oleh salah satu negara anggota JIT. Kedua, pendakwaan oleh suatu tribunal antarabangsa yang diwujudkan khas oleh negara anggota JIT. Walau bagaimanapun, keputusan antara kedua-dua opsyen tersebut adalah bergantung kepada hasil siasatan jenayah kelak. Terima kasih

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. walaupun kita lihat peranan yang sekarang ini lebih aktif atau pun amat aktif dimainkan oleh Kementerian Luar Negeri kita namun pun begitu, semenjak MH17 ditembak jatuh pada Julai 2014, ahli keluarga sedang menunggu, apakah tindakan-tindakan yang sedang kita ambil sementara penyelesaian akan diselesaikan di peringkat antarabangsa dan terdapat konflik di antara pihak yang mengetuai penyiasatan itu iaitu daripada pihak Kerajaan Belanda dan Rusia juga tidak menerima *findings* oleh JIT.

Jadi sementara itu terjadi, apakah tindakan kerajaan untuk memastikan bahawa waris-warisi ini diberikan keyakinan bahawa kerajaan akan bertanggungjawab



terhadap apa juga yang *findings* yang akan berlaku dan apakah imbuhan-imbuhan atau pun apakah bentuk bantuan yang akan diberikan kepada keluarga mangsa ini supaya akhirnya mereka tidak merasakan bahawa kerajaan lepas tangan dalam kes ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1050

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, seperti saya maklumkan tadi, pihak Kerajaan Malaysia telah menimbang opsyen pendakwaan. Dalam menimbang opsyen pendakwaan, negara yang diwakili dalam JIT amat komited untuk menghormati kedaulatan undang-undang ataupun *rule of law*, termasuk kebebasan pendakwa raya dan pihak berkuasa kehakiman yang berwibawa. Pada masa ini, seperti saya katakan dua opsyen. Bagi maksud keputusan antara kedua opsyen tersebut, hasil siasatan jenayah amatlah penting kerana hasil siasatan ini akan menjelaskan tempat permastautinan orang yang disyaki kewarganegaraannya dan tempat terbaik untuk mereka dibicarakan. Walau apa pun opsyen pendakwaan dan perbicaraan yang ditentukan kelak, keupayaan untuk memulakan pendakwaan terhadap mana-mana tertuduh adalah tertakluk kepada adanya keterangan yang mencukupi yang boleh diterima mahkamah.

Malaysia sebagai salah satu anggota JIT tidak akan bertindak bersendirian terhadap pihak yang menyebabkan nahas penerbangan MH17. Malaysia bersama-sama dengan negara-negara lain dalam JIT dalam mengambil tindakan terhadap pihak yang menyebabkan nahas ini berlaku. Untuk makluman, yang terbaru pihak Kerajaan Belanda telah mengambil tindakan untuk membuat pendakwaan nasional, apa yang sedang diusahakan oleh pihak negara Belanda.

Tentang bantuan kepada keluarga mangsa, pihak kerajaan dan pihak MAS amat komited dan senantiasa mengambil berat tentang keluarga-keluarga mangsa. Terima kasih.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Handsome* nampak hari ini. Kita tahu Rusia menggunakan kuasa veto untuk menolak resolusi yang dibentangkan Malaysia kepada Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi menubuhkan Tribunal Antarabangsa ini. Kita menyuarakan rasa kekecewaan dengan kegagalan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ini selepas ia menerima pakai draf resolusi bagi penubuhan sebuah tribunal jenayah antarabangsa sementara untuk membicarakan mereka yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat Malaysia iaitu pesawat MH17 ini.

Soalan saya, jika PBB tidak menerima permohonan Malaysia dalam mendapatkan keadilan dalam insiden MH17 ini, apakah pula tindakan negara kita yang seterusnya? Terima kasih.

**Datuk Ab. Aziz bin Kaprawi:** Tuan Yang di-Pertua, memang negara Malaysia ada hak untuk membuat pendakwaan tetapi oleh sebab kejadian jenayah ini berlaku di Eropah dan negara Eropah, khususnya pihak negara Belanda tadi, setelah mempunyai bahan ataupun bukti yang lebih kukuh di pihak negara-negara, khususnya negara Belanda dan Ukraine. Oleh itu, pihak negara Malaysia senantiasa memberi kerjasama kepada anggota JIT untuk membuat pendakwaan bagi mencapai, bagi menentukan pihak penjenayah-penjenayah ini dapat dibawa ke muka pengadilan.

Walau apa pun opsyen pendakwaan dan perbicaraan yang ditentukan kelak, keupayaan untuk memulakan pendakwaan terhadap mana-mana tertuduh adalah tertakluk kepada adanya keterangan yang mencukupi yang boleh diterima oleh pihak mahkamah. Malaysia sebagai salah satu anggota JIT tidak akan bertindak bersendirian terhadap pihak-pihak yang menyebabkan nahas penerbangan MH17 ini. Malaysia akan bersama-sama dengan negara-negara anggota JIT dalam mengambil tindakan yang tegas terhadap pihak-pihak yang menyebabkan nahas ini berlaku. Terima kasih.

**5. Datuk Rozman bin Isli [Labuan]** minta Menteri Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah keberhasilan langkah pengasingan sisa pepejal mengikut kategori diperkuatkan dan berapakah jumlah kos pengurusan dan pembersihan yang telah berjaya dijimatkan.

**Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan nombor lima pada hari ini bersama-sama dengan soalan nombor 44 daripada Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian dari Petaling Jaya Selatan bertarikh 27 Oktober 2016, soalan nombor 32 daripada Yang Berhormat Tuan Anuar bin Abd. Manap dari Sekijang bertarikh 1 November 2016 dan soalan nombor 39 daripada Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Fasih binti Mohd. Fakeh dari Sabak Bernam bertarikh 21 November 2016. Memandangkan keempat-empat soalan yang dikemukakan ini menyentuh kepada skop yang sama berkaitan dengan soal pengasingan sisa pepejal.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**  
Ya, sila.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2012 jumlah penjanaan sistem pepejal negara oleh rakyat Malaysia adalah sebanyak 33,000 tan sehari. Ia telah pun meningkat pada tahun 2015 kepada 38,000 tan sehari. Sekiranya kadar penjanaan sisa pepejal ini yang semakin meningkat ini tidak diuruskan dengan baik, terutama dengan pembudayaan amalan 3R ini, maka ini akan menyebabkan dan memberikan kesan implikasi kepada jumlah sisa pepejal yang akan dihantar ke pusat-pusat ke tapak-tapak pelupusan akan meningkat. Akhirnya, akan memendekkan jangka hayat tapak pelupusan dan akan melibatkan lebih banyak lagi kos perbelanjaan menguruskan sisa-sisa pepejal yang akan terus meningkatkan akibat sisa pepejal yang tidak diuruskan dengan cekap. Maka kerana itu Tuan Yang di-Pertua, akhirnya ia akan merendahkan kepada sasaran kadar kitar semula negara.

Menjawab kepada persoalan yang telah pun dikemukakan oleh kelima-lima Ahli-ahli Yang Berhormat ini, penguatkuasaan pelaksanaan pengasingan sisa pepejal di punca Tuan Yang di-Pertua, telah pun bermula pada 1 Jun 2016 serentak di tujuh buah negeri yang menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 iaitu Akta 672 iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Kedah dan Perlis. Pelaksanaan ini Tuan Yang di-Pertua, melibatkan 53 buah kawasan operasi pihak berkuasa tempatan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan dan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan bagi pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun bersama-sama berkempen, bersama-sama membantu dalam program pembudayaan amalan 3R di peringkat Yang Berhormat bersama-sama dengan peringkat rakyat yang ada dalam kawasan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya bermula daripada 1 Jun 2016 sehingga 30 Jun 2016 sebanyak 85 notis pemberitahuan kesalahan telah pun dikeluarkan kepada individu ataupun premis yang gagal melaksanakan pengasingan sisa pepejal di punca. Daripada notis pemberitahuan kesalahan itu Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 11 telah pun didapati izin kompaun dan telah pun diperolehi daripada Timbalan Pendakwa Raya.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal ini telah pun berjaya mengumpulkan sebanyak 1,724 tan sisa kitar semula semenjak ia dilaksanakan. Ia juga telah pun menunjukkan pengurangan sisa pepejal yang boleh dikitar semula yang dilupuskan ke tapak-tapak pelupusan iaitu sebanyak 237,230 tan merangkumi 13.21 peratus.

Sebelum ia dikuatkuasakan, jumlah sisa pepejal yang dihasilkan adalah sebanyak 1,795,548 tan, berbanding dengan 1,558,370 tan selepas ia dikuatkuasakan. Dari segi penjimatan kos Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada anggaran kadar pengurusan tapak pelupusan semasa iaitu RM30 bagi setiap tan. Pengurangan sisa pepejal yang dihantar ke tapak-tapak pelupusan telah pun dapat dijimatkan sebanyak RM7,116,900.

Tuan Yang di-Pertua, antara langkah-langkah yang telah pun dilaksanakan oleh pihak kementerian ini, semangat NBOS bersama dengan kementerian-kementerian yang lain, bersama-sama dengan kerajaan negeri, NGO dan juga komuniti untuk kita menyemarakkan lagi, meningkatkan lagi pengetahuan dan juga kempen kesedaran di kalangan rakyat Malaysia.

#### ■1100

Pelbagai program telah pun dijalankan yang melibatkan media cetak, media elektronik, media sosial, ceramah, pameran dan kitar semula, program kitar semula di sekolah, program 3R di kawasan kediaman, program 3R di jabatan kerajaan, program 3R di institut pengajian tinggi dan program 3R di industri.

Tuan Yang di-Pertua, kesan atau impak hasil daripada tindakan penguatkuasaan pengasingan sisa pepejal di punca yang telah pun dijalankan akan menyumbang kepada beberapa perkara seperti berikut:

- (i) mengelakkan pembuangan bahan yang boleh dikitar semula yang boleh digunakan sebagai produk baru;
- (ii) mengurangkan jumlah sisa pepejal yang boleh dihantar ke tapak-tapak pelupusan;
- (iii) mengurangkan peruntukan kewangan negara untuk proses pengurusan pelupusan sisa pepejal;
- (iv) mentransformasikan minda masyarakat ke arah membudayakan amalan pengasingan sisa pepejal; dan
- (v) menyumbang kepada pencapaian kadar kitar semula daripada 10.5 peratus pada tahun 2012 kepada 17.49 peratus pada tahun 2016 seiring dengan sasaran kadar kitar semula kebangsaan sebanyak 22 peratus pada tahun 2020.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Terima kasih. Wah, jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri sangat komprehensif, susah hendak tanya soalan tambahan ni. *[Dewan ketawa]*

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Tidak boleh tanya.

**Datuk Rozman bin Isli [Labuan]:** Okey, terima kasih atas jawapan itu. Soalan tambahan saya, saya difahamkan pendidikan untuk pengasingan sisa pepejal ini akan lebih jauh berkesan sekiranya diadakan di peringkat umur yang lebih awal. Tadi saya dengar disebut pengajian tinggi. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju sekiranya kita buat kerjasama ataupun kementerian bekerjasama dengan pendidikan di peringkat tadika, sekolah rendah dan sekolah menengah untuk mendidik pengasingan sisa pepejal ini dibuat di negara ini seperti yang sudah dibuat di negara Jepun yang memberikan kesan yang baik dan cepat? Terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dah sebutkan tadi Yang Berhormat bahawa pihak Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam usaha untuk pembudayaan amalan 3R ini ataupun dalam usaha untuk pembudayaan amalan kitar semula terutama di punca, di rumah dan sebagainya, kita telah pun mengadakan kerjasama bijak— semangat NBOS lah ini— kerjasama bijak antara kementerian-kementerian, NGO, komuniti masyarakat dan sebagainya.

Berbangkit kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi, program kitar semula juga diadakan di sekolah dan telah pun melibatkan sebanyak 3,591 buah sekolah yang melibatkan jumlah murid seramai 43,092 orang. Jadi usaha cadangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu telah pun diambil dalam tindakan dan akan diluaskan lagi dengan kerjasama daripada pelbagai pihak termasuklah PIBG dan sebagainya. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tahniah kepada kementerian KPKT kerana dapat mengadakan program kitar semula ini yang saya rasa hanya merangkumi tujuh buah negeri. Bagaimana dengan tujuh buah negeri lain? Apakah masalah ataupun dari segi akta yang melarang tujuh buah negeri lain boleh ikuti program ini terutama di Selangor? Sekian, terima kasih.

**Datuk Halimah binti Mohd. Sadique:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya dah sebutkan tadi, Akta 672 ini terpakai kepada tujuh buah negeri pada peringkat awal. Ia sebenarnya telah pun dibuka kepada negeri-negeri pada suatu waktu dahulu semasa pengambilalihan penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam tetapi pada peringkat itu, tujuh buah negeri sahaja yang telah pun menyatakan minat untuk sama-sama mengguna pakai akta ini.

Buat masa ini, Tuan Yang di-Pertua, kita memerlukan peruntukan sebesar RM2.2 bilion untuk menguruskan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam kepada tujuh buah negeri ini. Jadi kepada negeri-negeri yang lain itu nanti mungkin akan dipertimbangkan oleh pihak kementerian sesuai dengan keupayaan peruntukan

kewangan yang ada. Buat masa ini, kita akan teruskan usaha untuk menguruskan tujuh buah negeri yang telah pun mengguna pakai Akta 672 ini. Terima kasih.

**6. Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tindakan-tindakan yang diambil bagi menyelesaikan masalah kesesakan penjara di seluruh negara.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Masir Anak Kujat]:** Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik Jabatan Penjara sehingga 4 Oktober 2016, didapati hanya beberapa penjara terutamanya di negeri Sabah yang mengalami kesesakan dan telah melebihi kapasiti. Dalam menangani isu tersebut, pihak kerajaan juga telah meluluskan permohonan untuk membina sebuah penjara di Sabah di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan sambungan di bawah RMKe-11. Pembinaan penjara baru tersebut dijadualkan untuk dimulakan pada Januari 2017.

Selain itu, antara langkah lain yang turut diambil oleh Jabatan Penjara Malaysia bagi menangani masalah atau mengurangkan kesesakan adalah seperti berikut:

- (i) melaksanakan pemindahan banduan dari penjara sesak ke penjara yang tidak sesak;
- (ii) mempergiatkan lagi pelaksanaan sistem parol, perintah kehadiran wajib dan pusat pemulihan pemasyarakatan yang mana kini telah melibatkan seramai 27,800 yang telah menjalani pemulihan di luar penjara;
- (iii) meningkatkan keberkesanan pemulihan dan latihan bagi mengurangkan kemasukan semula banduan ke penjara selepas mereka dibebaskan;
- (iv) mengubahsuai penjara sedia ada bagi meningkatkan kapasiti; dan
- (v) bekerjasama dengan mahkamah dan juga Jabatan Imigresen bagi mempercepatkan proses penghantaran pulang banduan warga asing yang telah selesai menjalani hukuman yang pada masa kini kira-kira 31 peratus banduan yang terdiri daripada warganegara asing.

**Tuan N. Surendran a/l K. Nagarajan [Padang Serai]:** Terima kasih untuk jawapan itu. Masalah kesesakan ini adalah serius kerana ia akan menyebabkan merebaknya penyakit-penyakit yang serius seperti tuberkulosis dan skabies dan ia

juga boleh menyebabkan peningkatan ketegangan antara banduan, dengan izin, *social tension* yang boleh menyebabkan kecederaan atau kematian.

Soalan saya, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa sambil langkah-langkah ini diambil, akan terdapat akibat yang teruk ataupun serius terhadap kebajikan bukan sahaja banduan tetapi juga kakitangan penjara kerana penyakit boleh merebak kepada mereka dan kemudian keluarga mereka? Apakah langkah-langkah yang segera dan *urgent*, dengan izin, yang dapat dilakukan oleh Kementerian Dalam Negeri untuk menangani masalah ini? Bolehkah kita dapat komitmen Menteri bahawa perkara ini akan diberikan prioriti dan langkah-langkah segera dan *urgent* akan diambil? Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan yang berkaitan dengan penyakit tuberkulosis ini akan dijawab pada 14 November yang akan datang. Sudah maklum kalau sekiranya ada berlaku kes penyakit tuberkulosis, memang mengikut Peraturan Penjara 2000, Peraturan 238 memang kita ada pegawai perubatan dan klinik untuk mengasingkan dan merawat pesakit-pesakit terutama mereka yang menghidap tuberkulosis termasuk juga warga kakitangan penjara sekiranya ada. Terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai 30 peratus daripada mereka di dalam penjara ini adalah warga asing. Soalan saya ialah, 30 peratus daripada berapa ratus ribu banduan kita yang ada di dalam penjara? Apakah negara-negara daripada 30 peratus itu yang terlibat dalam jenayah di negara ini dan apakah bentuk jenayah yang dilakukan oleh mereka di dalam negara kita ini? Terima kasih.

**Tuan Masir Anak Kujat:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya 31 peratus itu melibatkan lebih kurang 15,000 orang pekerja asing daripada seluruh 51,000 orang banduan yang ada di penjara kita. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kebanyakan banduan ini adalah dari warga Indonesia dan sudah pasti kita akan bekerjasama dengan Jabatan Imigresen dan mahkamah untuk mempercepatkan hukuman yang boleh dilaksanakan. Terima kasih.

## ■1110

**7. Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]** Minta Perdana Menteri menyatakan perkembangan semasa penubuhan Majlis Halal Malaysia (MHM) yang diumumkan pada bulan Februari 2016 bagi menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet Pengurusan dan Pembangunan Industri Halal Malaysia.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Salam sejahtera, salam 1 Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli Yang Berhormat, kerajaan pada 8 Jun 2016 telah meluluskan penubuhan Majlis Halal Malaysia ataupun ringkasnya MHM di bawah Jabatan Perdana Menteri secara pentadbiran.

MHM ataupun tadi disebut sebagai Majlis Halal Malaysia dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan dianggotai oleh 12 orang Menteri daripada pelbagai kementerian, Ketua Setiausaha Negara, Peguam Negara dan pengerusi-pengerusi atau wakil Majlis Agama Islam negeri-negeri. Objektif dan tujuan Majlis Halal Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) menjadikan badan penyelaras bagi penggubalan dasar pembangunan negara. Pengurusan dan pembangunan industri halal secara komprehensif, bersepadu dan berkesan bagi memastikan Malaysia menjadi peneraju dan pusat rujukan halal global;
- (ii) membangun, menyelaras dan memantau pelaksanaan inisiatif-inisiatif berkaitan halal dalam usaha mewujudkan ekosistem halal yang lengkap; dan
- (iii) melaksana penambah baikkan, pemerksaan dan pengantarabangsaan ekosistem halal agar negara lebih kompetitif di peringkat global.

Struktur organisasi Majlis Halal Malaysia melibatkan tiga sektor utama dalam pengurusan halal negara:-

- (a) Sektor Penyelarasan Strategik di bawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Islam Malaysia (JAKIM);
- (b) Sektor Penyelarasan Standard Halal di bawah tanggungjawab Jabatan Standard Malaysia; dan
- (c) Sektor Penyelarasan Pembangunan Industri di bawah tanggungjawab *Halal Industry Development Corporation* (HDC).

Seterusnya, kertas cadangan pelaksanaan Majlis Halal Malaysia (MHM) akan dibentangkan kepada Majlis-majlis Agama Islam Negeri-negeri. Pembentangan tersebut adalah memberikan penjelasan kepada semua Majlis-majlis Agama Islam negeri-negeri untuk pelaksanaan Majlis Halal Malaysia sebagai badan penasihat dan bertanggungjawab dalam menyelaras pembangunan industri halal negara secara lebih strategik, efektif dan menyeluruh. Terima kasih.



**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak mengalu-alukan pemimpin masyarakat dari Parlimen Jasin yang ada dalam Dewan pada hari ini. Selamat datang. *[Tepuk]*.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan dan dapat dilihat dengan adanya Majlis Halal Malaysia ini, 12 kementerian dan agensi-agensinya kerajaan turut terlibat. Saya juga nak bertanya sama ada Majlis Halal Malaysia juga dapat mengambil kira setiap negeri yang membangunkan hab halal sama ada mereka juga dapat menganggotai majlis ini kerana merekalah yang berjumpa ataupun yang berhadapan dengan setiap pelabur. Isu-isu dari pelabur-pelabur ini adalah sama ada isu yang akan dibawa oleh Majlis Islam daripada setiap negeri, dan isu-isu pembangunan daripada segi infrastruktur asas yang harus dibangunkan oleh kerajaan untuk pelabur-pelabur terutamanya seperti di Tanjong Manis. Kita masih banyak kekurangan infrastruktur ya. Jadi sama ada pihak EPU juga ada duduk bersama dalam Majlis Halal Malaysia. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih pada Yang Berhormat Tanjong Manis dalam cadangan untuk penambahbaikan dan juga penambah mengemaskan bagi tujuan industri halal di Malaysia. Saya sebutkan tadi penubuhan Majlis Halal Malaysia ini adalah atas konsep untuk lebih menggerakkan, bukan hanya di peringkat kebangsaan tetapi di peringkat mengantarabangsakan industri halal. Malaysia menjadi peneraju kepada industri halal di peringkat global dunia ini.

Tentunya cadangan yang diberikan untuk supaya hab halal ataupun *players* kepada pemain-pemain industri halal ini diambil kira di dalam jawatankuasa ataupun berada bersama dalam Majlis Halal Malaysia ini. Kita juga akan membawa cadangan ini untuk diambil perhatian oleh Majlis Halal Malaysia yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Namun walau bagaimanapun, pada hemat saya untuk dalam seketika ini MITI yang juga kementerian yang berkaitan bersama dalam hal ini yang memang berkolaborasi secara dekat dengan pihak pemain hab halal dan sebagainya ini sentiasa bersama-sama dengan mereka. Walau bagaimanapun, cadangan dan pandangan Yang Berhormat Tanjong Manis akan dibawa untuk pertimbangan pihak Majlis Halal Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Apakah SOP yang dilakukan terhadap syarikat-syarikat yang telah pun

mendapat penarafan halal? Dari segi sudut untuk mereka ini dipantau sama ada mereka ini sentiasa mematuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh pihak berwajib ketika mereka mendapat penarafan halal ini, contohnya seperti enam bulan, setahun dan sebagainya.

Satu lagi ialah berkenaan dengan apakah tindakan drastik yang dibuat oleh pihak kementerian ataupun pihak yang berwajib. Berkenaan dengan apa yang disiarkan melalui media-media sosial dengan menggunakan nama-nama *public figure*, dengan izin. Kononnya barang ini telah menjadi haram dan tidak halal lagi dan apakah tindakan drastik yang dibuat kerana untuk mengurangkan keresahan di kalangan pengguna yang terdapat di dalam negara ini. Terima kasih.

**Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Gantang. SOP balik kepada ini sebab tadi berkaitan dengan Majlis Halal sebab Majlis Halal ini ia terangkum kepada tiga sektor yang telah saya sebutkan tadi. Pengeluaran sijil oleh pihak JAKIM, pengawalan standard oleh pihak Jabatan Standard Malaysia dan sektor yang ketiga iaitu lah yang berkaitan dengan soal untuk menggerakkan industri halal itu kepada *Halal Industry Development Corporation (HDC)*.

Balik kepada SOP yang ada kepada pihak pengeluar sijil, iaitu bagaimana kita nak mengawal mereka yang telah pun memegang sijil-sijil halal ini. SOP nya ialah kita ada audit yang dibuat secara berkala kepada pihak syarikat dalam penentuan supaya mereka mempertahankan peraturan dan juga terma-terma yang ada untuk industri halal yang sebagaimana mereka memegang sijilnya.

Selain daripada itu juga, apabila tamat tempoh permohonan sijil untuk diangkat semula adalah juga melalui sistem pengauditan dan juga mengambil kira *track record* yang telah dilaksanakan oleh pihak syarikat. Jadi dalam erti kata lain, selain daripada peringkat dalaman, mereka telah mewujudkan kumpulan ataupun penasihat syariah untuk halal di syarikat masing-masing. Kemudian diikuti dengan audit yang telah dibuat dan begitu juga dengan semasa pembaharuan dalam tempoh dua tahun sekali. Mereka memperbaharui sijil mereka tersebut juga sekali lagi satu peringkat untuk diperlihatkan kepatuhan-kepatuhan yang mereka telah laksanakan.

Soalan yang berikutnya Yang Berhormat Bukit Gantang bertanyakan tentang syarikat-syarikat yang menggunakan jenama-jenama nama yang besar-besar. Saya tak pasti kerana Yang Berhormat Bukit Gantang tidak sebut apa produk yang hendak dimaksudkan sebab dalam sehari dua, seminggu dua ini *viral* banyak sangat hal-hal berkaitan dengan halal ini. Mungkin atas keprihatinan, suka saya tekankan bahawa sijil halal ini adalah bersifat kesukarelaan. Maknanya di peringkat kerajaan, negara tidak

mewajibkan sijil tersebut. Akan tetapi apabila sudah ada sijil mesti kena patuh kepada kepatuhannya. Cuma saya sudah sebutkan kepada sidang akhbar yang dibuat tentang nama-nama yang berkaitan dengan ada— yang tidak sinonim, tidak sesuai dengan keperluan yang boleh membawa kepada ketidakfahaman. Hari itu kita timbul masalah ‘*hot dog*’, timbul masalah makanan yang menggelar dengan nama ‘tahi itik’, makanan ‘badak’, ‘cucur kodok’.

■1120

Yalah oleh sebab dalam fiqah kodok itu ia tidak masuk dalam yang dihalaikan, maka ‘mencucurkodokkan’ kepada cucur itu dia akan [*ketawa*] ... menyebabkan menjadi timbul, tapi perkara itu sudah sebagaimana yang Bukit Gantang kata dah popular lama dah dikenali lama jadi hal-hal seperti ini sebab - bahkan ada juga orang yang bertanya kepada saya Yang di-Pertua, Puteri Mandi sebab dia kata Puteri Mandi orang perempuan saja boleh makan sebab puteri yang mandi ini selalunya tidak menutup aurat jadi lelaki tidak boleh makan puteri mandi.

Ini menjadi satu hal yang *joke*, ia menjadi satu gurauan. Tetapi gurauan yang kadang-kadang di satu sudut boleh menyakitkan pihak-pihak yang lain dan termasuk nama-nama yang berkaitan yang terbaru kita dengar ada nama-nama besar yang telah pun mengharumkan nama dalam pelbagai termasuk industri muzik tapi nama itu - tapi tulisannya diinggeriskan yang ini merupakan termasuk hal-hal yang menjadi perhatian terutamanya pihak-pihak berwajib yang berkaitan untuk tindakan yang berkeperluan yang sesuai yang untuk tindakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**8. Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan rancangan untuk menambah baik serta melebarkan jalan keluar masuk sekitar Tol Bukit Tambun dan Simpang Ampat serta penambahbaikan sistem memandangkan bilangan kereta telah meningkat. Jika ya, berapakah kos, jenis penambahbaikan serta syarikat dan tempoh masa kerja tersebut akan dijalankan. Jika tidak, mengapa.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan di atas soalan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini mengambil maklum mengenai isu kesesakan trafik laluan jalan persekutuan FT149 Bukit Tambun iaitu dari Plaza Tol Bukit Tambun ke Bandar Simpang Empat Pulau Pinang. Kesesakan ini berikutan pembangunan pesat di sepanjang laluan berkenaan. Cadangan untuk melebarkan Plaza Tol Bukit Tambun dan menaik taraf laluan FT149 sepanjang 3.5 kilometer tidak dapat dilaksanakan berikutan isu kekangan rizab jalan yang sedia ada.

Walau bagaimanapun, kementerian ini telah mengarahkan Jabatan Kerja Raya untuk menjalankan audit bagi tujuan menambah baik kelancaran aliran trafik termasuk mengkaji sistem lampu isyarat di laluan berkenaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya dengan ringkas sebentar tadi. Yang Berhormat Timbalan Menteri saya ingin bertanya di sini, pada pandangan saya, saya rasa isu untuk mengambil alih rizab jalan tidak wujud sebab tempat itu, banyak tempat adalah kawasan persendirian. Oleh itu, pada pandangan saya adalah dengan izin *moral duty* of Kementerian JKR untuk mengambil tanah-tanah tersebut, pengambilan tanah-tanah tersebut untuk melebarkan jalan keluar masuk di kawasan persimpangan tol Bukit Tambun dan Simpang Empat.

Saya juga ingin bertanya di sini, memandangkan *revenue* atau *collection PLUS* tahun demi tahun ini meningkat sejajar dengan bilangan kereta di atas jalan raya, saya ingin bertanya kepada kementerian sama ada kementerian ada apa-apa hasrat untuk memansuhkan kutipan tol di Bukit Tambun Simpang Empat atau pun terus di *PLUS Highway* seperti yang diuar-uarkan oleh kami di sebelah sini, Pakatan Harapan, sekiranya kami mengambil alih kerajaan kami akan memansuhkan tol Lebuhraya Utara Selatan. Terima kasih. [*Dewan riu*].

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan di atas soalan tambahan. Suka saya ingin nyatakan di sini Yang Berhormat bahawa sekiranya Yang Berhormat menyatakan bahawa itu *moral duty* kerajaan dan juga kementerian, *moral duty* kami juga untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya Yang Berhormat ya. Oleh itu rizab jalan yang saya maksudkan bukan rizab tanah. Jadi rizab tanah telah mencapai had maksimum yang telah ditetapkan. Oleh itu, *there is no further development can be done ... the extension can't be done*.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** *Unless you acquire the land* dengan izin, *unless you acquire the land*, pengambilan tanah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Batu Kawan.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Ia melibatkan banyak isu teknikal Yang Berhormat ya. Mungkin lepas ini saya boleh minum kopi dengan Yang Berhormat untuk jelaskan secara lanjut.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, terima kasih.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Namun saya juga ingin menyatakan di sini Yang Berhormat, antara langkah-langkah yang diambil bagi mengurangkan kesesakan daripada tol Plaza Bukit Tambun ini yang diambil pihak PLUS, mereka telah menambah bilangan kakitangan dan petugas di plaza tol terutama di waktu puncak, bantuan dan kerjasama daripada polis trafik dan agensi penguatkuasaan seperti JPJ untuk tindakan penguatkuasaan undang-undang jalan juga dilaksanakan dan pihak JKR dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Prai Selatan akan mengkaji semula sistem pengurusan trafik di sana, termasuklah mewujudkan lampu-lampu isyarat di laluan-laluan yang diperlukan.

Untuk menjawab persoalan Yang Berhormat mengenai pemansuhan, kerajaan ketika ini belum ada perancangan untuk memansuhkan tol yang ada di jajaran yang telah disebutkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri saya ingin mendapatkan sedikit penjelasan dari Yang Berhormat berkenaan dengan perancangan dan juga perancangan-perancangan telah dibuat oleh Kementerian Kerja Raya bagi negeri Pulau Pinang sehingga sekarang memang nampak banyak. Tapi bolehkah Yang Berhormat perincikan berapakah peruntukan yang telah diberikan oleh Kementerian Kerja Raya di dalam peruntukan Rancangan Malaysia ke-10 atau ke-11 terutamanya. Dan kalau dapat boleh perincikan untuk pengetahuan kepada dewan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya ingat jawapan bertulis.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang dikemukakan saya mempunyai rekod di sini Yang Berhormat. Untuk Rancangan Malaysia yang ke-11 hanya untuk *rolling plan* yang pertama iaitu 2016-2017 di bawah Kementerian Kerja Raya terdapat tujuh projek dengan kos keseluruhan sebanyak hampir RM1.96 bilion, bukan milion ya - bilion, telah diluluskan untuk negeri Pulau Pinang. Izinkan saya memperincikan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said:** Saya ingat jawapan bertulislah.

**Datuk Rosnah binti Haji Abdul Rashid Shirlin:** Saya akan memberikan jawapan secara bertulis tetapi untuk Rancangan Malaysia Yang Ke-10 saya juga akan perincikan tetapi salah satu projek mega untuk negeri Pulau Pinang adalah Jambatan Ke-2 Pulau Pinang atau Jambatan Sultan Abdul Halim Shah yang memakan belanja

sebanyak RM4.6 bilion Yang Berhormat, yang selebihnya saya akan berikan secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

9. **Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]** Minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan bilakah kementerian akan membina sebuah Pusat Giat Mara yang kekal di Limbang kerana Pusat Giat Mara Limbang pada masa ini adalah sementara sahaja.

**Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub]:** Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Limbang. Untuk makluman Yang Berhormat memang kita bercadang dan berhasrat untuk mewujudkan bangunan di tapak kekal Giat MARA di Limbang. Setakat ini kita masih lagi menunggu selepas permohonan yang telah kita buat dengan Jabatan Tanah dan Survey Limbang untuk mendapatkan mana-mana lokasi yang sesuai bagi tujuan pembinaan.

Walau bagaimanapun, kita juga telah memutuskan untuk mengemukakan permohonan bajet pembinaan bangunan kekal Giat MARA Limbang ini, Tuan Yang di-Pertua untuk *rolling plan* yang ketiga pada tahun hadapan, tahun 2017. Dan kesempatan ini Tuan Yang di-Pertua saya nak ucap setinggi penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Limbang, di atas usaha Yang Berhormat membantu Giat MARA sehingga membolehkan Giat MARA Limbang yang telah kita tubuhkan pada 1 Ogos 2011 yang lepas untuk kita duduki pejabat presiden lama Limbang secara percuma itu pun sehingga Ogos 2017 sahaja perjanjian secara percuma. Ini juga atas usaha dan kerjasama daripada Yang Berhormat kita ucap tahniah dan penghargaan terima kasih. Terima kasih Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat atas jawapan. Untuk pengetahuan kementerian, saya telah berbincang dengan Pejabat Tanah dan juga Pejabat Residen dan juga MARA Limbang iaitu untuk menempatkan cadangan Kompleks Giat MARA Limbang ini di kawasan bandar baru Limbang. Berhampiran dengan cadangan kompleks

#### ■1130

Bukannya di tapak yang telah dipohon oleh GIATMARA yang kami dapati kurang sesuai tempat itu dan perkara ini sedang pun diuruskan dengan sesegeranya, *insya-Allah*. Jadi soalan saya ialah apakah pihak kerajaan khususnya MARA bersedia untuk membeli tanah untuk tujuan yang sungguh-sungguh ini untuk membina cadangan Kompleks GIATMARA Limbang ini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi atas soalan tambahan Yang Berhormat Limbang. Sememangnya kalau jawapan kita tak dapat daripada Pejabat Tanah dan Survey Limbang ini sehingga Jun tahun depan, maka sudah tentulah kita akan berusaha untuk membuat pengambilan tanah perolehan dan kita akan juga memasukkan di dalam *rolling plan* yang ketiga ini, kos pengambilan tanah dan kita akan berbincang dengan pihak-pihak yang kita kira perlu. Contohnya dengan pihak Yang Berhormat sendiri, pusat khidmat sendiri, di manakah tapak ataupun tempat yang kita fikirkan sesuai untuk kita bina GIATMARA ini. *Insyah-Allah* ianya akan terlaksana apa yang dihasratkan dan dicitakan oleh Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. Baiklah Yang Berhormat, selesai sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

**PENERANGAN DARIPADA MENTERI KESIHATAN**  
**DI BAWAH P.M. 14(1)(i)**

**PENJELASAN LANJUT MENGENAI KEBAKARAN**  
**DI HOSPITAL SULTANAH AMINAH**

**11.31 pg.**

**Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada pagi 25 Oktober 2016, tahun ini iaitu semalam, sekitar jam 9 pagi, telah berlaku satu kebakaran di Unit Rawatan Rapi yang berada di Tingkat 2, Hospital Sultanah Aminah di Johor Bahru. Kebakaran tersebut telah bermula di bilik rawatan di dalam Unit Rawatan Rapi tersebut di mana seorang *pharmacist* telah terhidu bau asap. *Pharmacist* tersebut kemudiannya telah cuba untuk memadamkan api dengan menggunakan alat pemadam api, namun api telah terus marak dan merebak dengan kepulan asap yang tebal.

Kebakaran telah menjadi tidak terkawal dan merebak ke seluruh ICU. Perenjais air telah dicetuskan dan 10 orang kakitangan yang sedang bertugas di dalam Unit Rawatan Rapi telah cuba sedaya upaya untuk memindahkan pesakit keluar daripada Unit Rawatan Rapi tersebut. Namun keadaan ini agak sukar ditangani memandangkan pesakit di dalam unit ini adalah dalam keadaan tidak sedar dan dipasangkan dengan mesin bantuan pernafasan serta pelbagai mesin dan peralatan yang lain.

Pasukan bomba dan penyelamat telah dimaklumkan secepat mungkin dan mereka tiba untuk mengawal keadaan namun usaha mengawal api adalah amat sukar memandangkan keadaan api yang cepat marak dan merebak serta sukar dikawal. Ini berkemungkinan disebabkan oleh kandungan oksigen yang tinggi dan terdapat pelbagai gas serta cecair bus yang mudah terbakar di dalam Unit Rawatan Rapi. Walau bagaimanapun, usaha mereka akhirnya telah berjaya mengawal api ini agar tidak merebak keluar daripada Unit Rawatan Rapi dan tidak melangkaui tingkat 2 bangunan ini. Api dapat dipadamkan pada jam 10 pagi.

Dengan dukacitanya saya memaklumkan bahawa enam orang daripada tujuh orang pesakit di dalam Unit Rawatan Rapi di Hospital Sultanah Aminah tersebut tidak dapat diselamatkan dan telah terkorban manakala seorang lagi berjaya diselamatkan dan telah dipindahkan ke Unit Rawatan Rapi di Hospital Sultan Ismail. Keadaan pesakit pada ketika ini adalah stabil tetapi masih membimbangkan kerana beliau turut mempunyai masalah penyakit jantung.

Dua orang jururawat dan seorang pelajar fisioterapi yang telah mencuba sedaya upaya untuk memindahkan dan menyelamatkan pesakit ke kawasan pengudaraan yang baik juga turut terperangkap. Salah satu tingkap di sisi Unit Rawatan Rapi telah dipecahkan dalam usaha menyelamatkan mereka. Dengan cara ini, kakitangan wad tersebut dan seorang pesakit di Unit Rawatan Rapi dapat diselamatkan. Namun begitu, dalam usaha mereka menyelamatkan pesakit, mereka telah terhidu keputihan asap tebal dan telah pengsan.

Ketiga-tiga mereka kemudiannya telah diselamatkan dan diberi bantuan pernafasan. Percubaan dan keberanian mereka untuk bertindak menyelamatkan pesakit-pesakit tersebut walaupun ternyata membawa risiko kepada diri mereka sendiri demi keselamatan pesakit, adalah sangat murni dan amat dihargai. Sikap mereka yang sangat bertanggungjawab untuk menjaga pesakit ini amatlah dibanggakan namun ketiga-tiga mereka mengalami kecederaan paru-paru akibat terhidu asap tebal dan kini memerlukan bantuan pernafasan dan telah dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi di Hospital Sultan Ismail.

Tujuh orang lagi staf lain yang berkhidmat di unit ini telah juga diberi rawatan dan diletakkan di bawah pemerhatian. Semua warga hospital telah bekerjasama dan berpadu tenaga sebagai satu pasukan untuk memindahkan 477 orang pesakit ke kawasan lebih selamat mengikut protokol kebakaran dan bencana yang tersedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah diberikan taklimat terperinci oleh kakitangan hospital, Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Jabatan Polis. Punca kebakaran masih belum ditentukan dan siasatan oleh pasukan bomba dan penyelamat masih berjalan.



Pelan kontingensi telah dimulakan dan pesakit daripada Hospital Sultanah Aminah telah dilencongkan ke hospital berdekatan. Bagi Kementerian Kesihatan Malaysia, kejadian ini merupakan satu peristiwa yang amat menyedihkan.

Saya telah bertemu dengan ahli-ahli keluarga untuk menzahirkan perasaan simpati dan untuk mengucapkan takziah atas kemalangan jiwa yang telah berlaku ini. Sesungguhnya doa serta ingatan kami adalah bersama mereka dan diharapkan mereka diberi kekuatan untuk melalui saat dan detik suram ini. Kementerian Kesihatan Malaysia bersama agensi pelaksana seperti Jabatan Kerja Raya dan pihak perunding sememangnya memberi keutamaan yang tinggi kepada aspek keselamatan, di samping memastikan ianya dapat berfungsi mengikut keperluan perkhidmatan.

Sebelum pembinaan, reka bentuk sesuatu bangunan hospital perlu mematuhi sepenuhnya ketetapan pihak berkuasa yang berkaitan termasuk jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta lain-lain keperluan seperti yang termasuk di dalam *Universal Building By-Laws*. Begitu juga dengan sistem-sistem yang dipasang di dalam hospital adalah merupakan sistem yang telah mendapat pensijilan daripada aspek fungsi dan keselamatan, sama ada mengikut standard tempatan mahupun antarabangsa. Ini termasuklah sistem berkaitan seperti sistem mekanikal dan sistem elektrik. Kementerian Kesihatan Malaysia hanya akan mengambil alih bangunan untuk dioperasikan apabila ianya diperakukan siap sepenuhnya termasuk proses pengujian dan pentauliahan telah disempurnakan atau *testing and commissioning* dan mendapat sijil layak menduduki.

Selanjutnya, semasa pengoperasian, penyelenggaraan berkala akan dilaksanakan. Kejadian yang tidak diingini ini perlu disiasat untuk mengenal pasti punca dan sebab kebakaran ini boleh berlaku dan merebak. Saya telah mencadangkan dan mengarahkan agar satu jawatankuasa atau suruhanjaya khas siasatan bebas dapat ditubuhkan untuk menjalankan satu siasatan mendalam dan terperinci mengenai kejadian ini. Saya berharap jawatankuasa atau suruhanjaya ini dapat memberi petunjuk dan membuat penambahbaikan terhadap sistem keselamatan di hospital dan memantapkan kaedah pemantauan secara berkala bagi meningkatkan tahap keselamatan bagi pesakit dan warga kerja di hospital.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

▪ 1140

Saya berharap hasil siasatan oleh jawatankuasa ini dapat memberi panduan dan mencari punca kebakaran di Hospital Sultanah Aminah ini dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti penyelenggaraan komprehensif yang berterusan di Hospital Sultanah Aminah merangkumi pelan *preventive maintenance, schedule corrective maintenance, routine inspection, predictive maintenance* dan lain-lain senarai semak teknikal yang ditetapkan terhadap fasiliti dan peralatan perubatan termasuk di Unit Rawatan Rapi di bawah Program Penswastan Perkhidmatan Sokongan Hospital oleh Syarikat Medivest Sdn. Berhad.

Penyelenggaraan komprehensif yang dilaksanakan oleh pihak syarikat turut melibatkan kerja-kerja pengujian keselamatan *electrical* bagi peralatan perubatan. Pihak syarikat juga melaksanakan aktiviti penyelenggaraan mengikut kekerapan yang telah ditetapkan. Contohnya seperti berikut:

- (i) penyelenggaraan sistem *electrical* iaitu 3, 6 dan 12 bulan sekali;
- (ii) penyelenggaraan peralatan perubatan juga 3, 6 dan 12 bulan sekali;
- (iii) penyeliaan perkhidmatan sokongan hospital secara berkala oleh jurutera atau penolong jurutera hospital turut dilaksanakan bagi memastikan perkhidmatan yang dikenakan oleh Syarikat Medivest Sdn. Berhad menepati keperluan kontrak.

Sebarang penemuan kerosakan dan kecacatan akan dimaklumkan, dan akan dibaiki oleh Syarikat Medivest Sdn. Berhad dalam tempoh yang ditetapkan. Pemotongan yuran akan dikenakan kepada pihak syarikat sekiranya berlaku ketidapatuhan terhadap pelaksanaan perkhidmatan sokongan hospital.

Syarikat Medivest pun melaksanakan aktiviti *user training* yang merangkumi model penggunaan dan penyelenggaraan harian fasiliti dan peralatan kesihatan termasuk sistem pencegahan kebakaran sekurang-kurangnya sekali setahun dan mengikut keperluan pengguna.

Hospital Sultanah Aminah merupakan sebuah hospital tertua dan menghadapi pelbagai jenis masalah. Syarikat Medivest Sdn. Berhad terlibat untuk menyediakan keperluan laporan- *condition appraisal* dan laporan teknikal semasa bagi semua sistem kejuruteraan hospital yang telah dikenal pasti tidak optimum atau mengalami kerosakan khusus untuk membantu pihak hospital membuat perancangan kerja-kerja penggantian, pembaikan, naik taraf atau pun ubah suai.

Kerja-kerja yang telah diluluskan oleh pihak kementerian bagi mengatasi masalah *ageing aset* di masa terdekat ini termasuk kerja-kerja menaik taraf bekalan elektrik bangunan hematologi, pusat bersalin, jabatan forensik dan bangunan lif.

Kerja-kerja menaik taraf *inverter* EBOPS dan *car locking device lift* di bangunan induk, membekal, memasang, menguji dan mentauliah lif di Blok 'A', 'B', 'C' dan 'D' dan kerja-kerja membekal, memasang AHU di OT 1 dan 2.

Melalui Kontrak Perjanjian Perkhidmatan Sokongan Hospital, kementerian dan juga pihak syarikat telah menyediakan *Standard Operating Procedure* penjagaan kebakaran dan kontingensi dan *emergency respons plan* (ERP) bagi mencegah dan meminimumkan gangguan perkhidmatan sekiranya terdapat kejadian-kejadian yang tidak diingini berlaku.

Garis panduan yang disediakan merangkumi langkah-langkah pencegahan dan tindakan-tindakan kecemasan yang perlu diambil oleh pihak yang terlibat ketika kecemasan berlaku. Semasa kejadian kebakaran, antara tindakan yang telah diambil ialah melaksanakan *contingency* dan *emergency respons plan* sebagaimana yang telah disenaraikan dalam *hospital's specific implementation plan*. Antara perkara-perkara yang terlibat ialah:

- (i) menghubungi pihak bomba melalui pentadbiran hospital secepat mungkin;
- (ii) mengaktifkan sistem penggera kebakaran (*breaking the glass*);
- (iii) menjaga kepentingan keselamatan semua pihak dan mendapatkan kebenaran bagi hospital untuk melaksanakan isolasi terhadap sistem-sistem kejuruteraan yang terlibat insiden kebakaran seperti sistem gas perubatan dan sistem bekalan elektrik setelah mengambil kira faktor keselamatan;
- (iv) menyediakan bekalan elektrik sementara dan pencahayaan di kawasan-kawasan tertentu seperti *recovery* dan *emergency areas*;
- (v) membantu pihak hospital dalam proses pemindahan pesakit-pesakit dan kakitangan;
- (vi) memberi kerjasama dan nasihat teknikal sepenuhnya kepada pihak bomba sepanjang berlakunya kebakaran, dan meneruskan perkhidmatan sokongan hospital dan memastikan perkhidmatan klinikal di kawasan yang tidak terlibat kebakaran masih beroperasi.
- (vii) pihak perkhidmatan sokongan hospital juga dikehendaki untuk menyediakan laporan insiden oleh pihak-pihak yang terlibat dalam insiden kebakaran kepada pihak yang berkuasa;

- (viii) Syarikat Medivest juga perlu melaksanakan pelan kontingensi seperti penyediaan peralatan perubatan secara pinjaman kepada pihak hospital untuk memastikan perkhidmatan klinikal hospital dapat diteruskan dengan gangguan yang minimum;
- (ix) membuat pemeriksaan dan penilaian teknikal di fasiliti-fasiliti lain di Hospital Sultanah Aminah bagi memastikan kejadian yang sama tidak berulang;
- (x) menyediakan anggaran kos dan melaksanakan kerja-kerja pembaikan setelah penilaian teknikal yang terperinci dijalankan dan mendapat peruntukan khas;
- (xi) membantu pihak hospital bagi memulihkan perkhidmatan Unit Rawatan Rapi (ICU) sementara yang terjejas dengan memberi khidmat nasihat teknikal sistem kejuruteraan berkaitan; dan
- (xii) melaksanakan audit kebakaran di semua fasiliti kesihatan di bawah mereka.

Satu lagi langkah tambahan dan usaha penambahbaikan berterusan selain yang telah dicadangkan oleh Kementerian Kesihatan ialah untuk menjalankan pengauditan kesiapsiagaan kebakaran kepada semua hospital di bawah Kementerian Kesihatan secara berperingkat, bermula dengan hospital-hospital yang lama usianya. Ini adalah penting untuk mengelakkan daripada kejadian kebakaran sebegini berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mangsa yang terkorban dan mereka yang tercedera. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Kesihatan Malaysia, anggota Bomba dan Penyelamat, anggota Polis Diraja Malaysia dan badan bukan kerajaan yang telah bekerjasama secara bersepadu dalam menangani insiden ini. Marilah kita berdoa secara bersama untuk memperingati mereka yang terkorban dalam kebakaran ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setakat itulah pernyataan Yang Berhormat Menteri di bawah Peraturan Mesyuarat 14(1)(i).

Selanjutnya Peraturan Mesyuarat 12(1), saya jemput Yang Berhormat Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN  
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.48 pg.****Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said]:**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 9.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, pada hari Khamis, 27 Oktober 2016”

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Razali bin Ibrahim]:**

Saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

**11.49 pg.****Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** *[Bangun]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sebelum saya mengemukakan peraturan mesyuarat, saya juga bagi pihak rakan-rakan DAP dan rakan-rakan di sebelah sini untuk merakamkan ucapan takziah kepada semua mangsa kebakaran di Hospital Sultanah Aminah, dan kita mengharapkan satu siasatan terperinci akan dapat dijalankan untuk memastikan bahawa perkara seperti ini tidak berulang di mana-mana tempat, terutamanya di hospital-hospital yang telah lama.

**■1150**

Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 11(2) berkenaan dengan persidangan penggal majlis dan mesyuarat-mesyuarat. Peraturan Mesyuarat 11(2) berbunyi, “*Dengan tertakluk kepada syarat-syarat perenggan (1), Ketua atau Timbalan Ketua Majlis hendaklah menetapkan, sekurang-kurangnya 28 hari sebelum permulaan*

*tiap-tiap Penggal, tarikh-tarikh Majlis akan bermesyuarat dalam Penggal itu: Tetapi disyaratkan iaitu Ketua atau Timbalan Ketua Majlis boleh mengubah tarikh-tarikh yang ditetapkan dari semasa ke semasa.”*

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon pihak Tuan Yang di-Pertua supaya dapat berunding dan juga meminta pihak kerajaan terutamanya ketua majlis untuk mengubah tarikh supaya persidangan Dewan Rakyat tidak diadakan pada hari Isnin, 31 Oktober kerana pada hari Sabtu yang akan datang, 29 Oktober ialah Hari Deepavali dan tidak ada apa-apa cuti am untuk lepasan Hari Deepavali.

Kita memahami bahawa dalam Dewan yang mulia ini ramai Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Ipoh Barat dan ramai lagi dan pegawai-pegawai Parlimen dan juga wartawan-wartawan yang membuat liputan dekat luar ramai daripada masyarakat kaum India dan kita rasa adalah tidak adil kalau tidak ada lepasan ataupun cuti tambahan untuk Hari Deepavali. Kita harap ini dapat diubah dan ini memang mematuhi peraturan mesyuarat. Peraturan mesyuarat membolehkan tarikh-tarikh itu dapat diubah dengan persetujuan daripada ketua majlis dan kita harap, saya harap Tuan Yang di-Pertua pun tidak ada tambahan.

Mungkin Tuan Yang di-Pertua pun ada ramai rakan-rakan kaum India. Bolehlah kita bersama-sama menyambut Deepavali pada hari Sabtu dan Ahad dan tidak bermesyuarat pada hari Isnin.

**Beberapa Ahli:** *[Tepuk]*

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Jadi saya harap ini satu keputusan dapat dibuat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya Yang Berhormat seperti yang dinyatakan...

**Tuan Loke Siew Fook [Seremban]:** Sebelum itu, akhir sekali, *Deepavali Vaalthukkal*.

**Tuan Manivannan a/l Gowindasamy [Kapar]:** *[Ketawa]* Saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, seperti yang dinyatakan dalam peraturan (1) dan (2) yang berkaitan, tarikh-tarikh ditentukan oleh ketua majlis dan tentulah peraturan mesyuarat yang dikemukakan pada mesyuarat ini akan diambil perhatian oleh ketua majlis. Pada peringkat ini, saya tidak ada sebarang keputusan yang perlu dibuat tetapi kita akan tertakluk kepada keputusan yang akan dibuat oleh ketua majlis.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat. Saya sependapat dengan Yang Berhormat Seremban. Sebenarnya ini bukan perkara yang pertama. Pada tahun 2011 *on record...*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah diputuskan Yang Berhormat.

**Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]:** ...Saya ada bangkitkan. Pada tahun 2011, *we need to be re-repeated*, pada 2011 keadaan yang sama di mana kita mengingatkan kepada pihak-pihak yang berkenaan supaya tidak mengadakan mesyuarat atau melapangkan tarikh mesyuarat itu supaya Deepavali satu hari sebelum atau 1,2,3 hari selepas itu kerana bila kita balik ke kawasan, lalu lintas sibuk. *As it is it already bad on Sunday*. Kalau lebih dari waktu ini lagi teruk di kawasan kita dan sebagainya. Untuk lima tahun nampaknya pihak-pihak berkenaan mengambil tahu peringatan yang kita beritahu pada tahun 2011, *on the 25th of October* saya ada ucap sedemikian, Tuan Yang di-Pertua mengambil tahu mengapa ini berubah. Saya harap satu perubahan dibuat dan hari Isnin tarikh dilapangkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, seperti yang saya katakan tadi, itulah keputusan saya Yang Berhormat. Ya sila Setiausaha.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Peraturan mesyuarat.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun berkenaan dengan Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) iaitu apabila ada apa-apa hal berkenaan dengan Hak dan Kebebasan yang dilanggar oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat, haruslah kita merujuk, saya hendak mengusul untuk merujuk mereka kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan terutamanya apa yang berlaku di antara Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Segambut baru-baru ini memang sangat memalukan Dewan yang mulia ini dan dengan izin, *bringing disrepute to the House*.

Cara Tuan Yang di-Pertua membidas ahli Parlimen dan juga cara Yang Berhormat Segambut membalas, ini sudah mendapat liputan besar dalam media untuk memastikan Dewan yang mulia ini tidak menjadi bahan ketawa orang luar. Cara tindak tanduk Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Segambut, saya ingin mengusulkan supaya mereka dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan agar tindakan ataupun keputusan yang sepatutnya dapat diambil untuk memulihkan imej Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini penting kerana kalau ini berterusan dan saya baru terima satu mesej daripada Yang Berhormat Segambut bahawa beliau tidak dibenarkan masuk ke Dewan ini dan kita tidak tahu kenapa. Tidak ada pun keputusan

dibuat, pengumuman yang dibuat atau keputusan dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua untuk melarang beliau masuk ke Dewan mulia ini. Kalau ini terus berlaku...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukup Yang Berhormat.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** ...Apa sudah jadi institusi Parlimen ini. Ini sangat penting. Sebab itu untuk memulihkan imej dan martabat dan orang ramai dan juga untuk menjaga kepentingan Dewan yang mulia ini, ia menyusulkan supaya kedua-dua mereka dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan supaya isu ini dapat dibuktikan dengan segera.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat. Ya.

**Seorang Ahli:** Saya sokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, usul untuk mengkaji keputusan Tuan Yang di-Pertua tertakluk kepada peraturan mesyuarat mesti dibuat melalui satu usul yang berasingan Yang Berhormat dan usul untuk merujuk mana-mana ahli ke hak dan kebebasan itu adalah keputusan ketua majlis. Jadi *we cannot pre-empt*, saya tidak tahu tetapi soal kenapa Yang Berhormat Segambut tidak boleh masuk Dewan ini adalah kerana Tuan Yang di-Pertua telah menghalau keluar, *ejected him from the House, Second Chamber* semalam.

Bererti, dua hari dia tidak boleh masuk dalam Dewan.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ada keputusan dibuat atau tidak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, dia dihalau...

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Atau dihalau keluar saja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, dihalau keluar, bererti dihalau keluar, dua hari Yang Berhormat.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tidak ada peraturan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ada peraturan. Jika tidak disebut berapa hari dalam peraturan mesyuarat, ia bermakna dua hari tempoh mesyuarat termasuk hari di mana kejadian itu berlaku.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, sebab itu di bawah Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) ini, tidak ada notis yang perlu diberikan untuk usul ini. Sebab itu saya, demi kebaikan Dewan yang mulia ini kalau mana-mana ahli Parlimen boleh dihalau keluar...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudahlah Yang Berhormat.



**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Yang di-Pertua pun buat banyak perkara yang membawa, memalukan Dewan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, mesti dibuat dalam bentuk usul. *Thats it.* Kalau hendak komen terhadap tingkah laku Tuan Yang di-Pertua, mesti dibuat dalam bentuk usul berasingan.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini 26(1)(p), tidak payah bukan untuk hak dan kebebasan tidak payah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya tidak tahu lagi, tidak tahu apa tindakan. Kita kena *pre-empt* ya.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Kalau boleh saya baca.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payahlah Yang Berhormat, tidak ada. Setakat ini Yang Berhormat Segambut diperintah keluar dan tidak boleh masuk Dewan selama dua hari berdasarkan kepada Peraturan Mesyuarat 44(2). *Thats it.*

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Esok boleh balik. *It is very clear,* dua hari termasuk hari kejadian berlaku. Maknanya semalam, hari ini, esok boleh balik Dewa Yang Berhormat ya.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Seperti Tuan Yang di-Pertua, pada hari bajet beliau memang mempelawakan siapa-siapa yang tidak mahu mendengar bajet boleh keluar. Kita keluar, kemudian dia kata ada rancangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudahlah, cukup.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Memang ramai yang tidak ada, tidak tahu apa yang akan berlaku dan kalau memang apa yang dirancang itu pun kalau ada satu, dua orang pun, tidak bolehlah mengatakan seluruh pihak pembangkang yang ada rancangan untuk keluar. Kalau kita ada rancangan, ramai sudah pun mengeluarkan pandangan bahawa kalau peringkat yang hendak dibuat ini tidak sepatutnya mesti tangkap MO1, bukan siapa MO1.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Cukuplah Yang Berhormat.

**Tuan Ngeh Koo Ham [Beruas]:** Ini kerana MO1 itu sudah dikenali oleh semua orang. Jadi itu menunjukkan tidak ada rancangan menyeluruh untuk keluar Dewan. Itu pun dakwaan melulu terhadap Ahli-ahli Parlimen ini dan ini menjejaskan imej Parlimen. Sebab itu kalau saya bohong, kalau boleh dibenarkan untuk saya mengusul.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Setakat itulah Yang Berhormat komen saya terhadap usul yang dibuat oleh Yang Berhormat. Ya.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Peraturan Mesyuarat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, peraturan mesyuarat lagi ya. Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Ya, tidak ada kaitan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada Peraturan Mesyuarat 10(1) dan 10(2) yang mana dikatakan, "*Sebuah buku penyata rasmi yang mengandungi semua ucapan-ucapan yang dikeluarkan dalam Majlis Mesyuarat dan dalam Jawatankuasa sesebuah Majlis Mesyuarat hendaklah disediakan di bawah jagaan Setiausaha.*" Bahagian dua dia kata, "*Buku ini dikeluarkan menurut apa-apa rupa cara yang diperintahkan oleh Tuan Yang di-Pertua, dan satu salinan buku ini hendaklah dihantar kepada tiap-tiap ahli dengan seberapa segera selepas tamat mesyuarat.*"

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya ada *print screen*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat, isu ini telah dibawa oleh beberapa orang ahli.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Tidak, tidak, saya belum jelaskan lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Saya dimaklumkan bahawa buku penyata telah pun diedarkan.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Saya belum jelaskan.

#### ■1200

Saya di sini hendak jelaskan, saya *print screen* pada pukul 11.00 pagi tadi dalam *website* Parlimen senarai Penyata Rasmi, ada Penyata Rasmi untuk 20 Oktober iaitu Khamis lepas. Kemudian ada Penyata Rasmi untuk 24 Oktober iaitu hari Isnin minggu ini tetapi penyata untuk 21 hari bulan iaitu hari Jumaat yang lepas tidak dapat lagi. Jadi saya mohon untuk dipercepatkan. Saya faham mungkin perlukan masa tetapi saya tidak faham mengapa yang 24 hari bulan sudah ada tetapi yang 21 hari bulan ini adalah jam 11.00 pagi saya *print screen* di Laman Web Rasmi Parlimen.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, saya dimaklumkan Setiausaha Dewan Rakyat, penyata tersebut kini berada dalam *website* Parlimen.

**Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam]:** Jadi baru dimuat turun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Terima kasih, Yang Berhormat. Sila Setiausaha.

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2017****Bacaan Kali Yang Kedua****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2017**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2017 ini dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan iaitu suatu jumlah wang sebanyak tidak lebih dari empat puluh lapan bilion ringgit (RM48,000,000,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2017, dan bagi tujuan dan butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2017, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 25 Tahun 2016, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan enam dan tujuh senarai tersebut.” **[25 Oktober, 2016]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, sila Yang Berhormat Kepong untuk 17 minit.

**12.01 tgh.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, semalam saya sebutkan 73% rakyat Malaysia tinggal di bandar. Walaupun kerajaan sudah wujudkan Dasar Nasional untuk warga emas sebelas tahun lalu, dasar ini disemak semula pada tahun 2011. Akan tetapi langkah-langkah yang diamalkan belum mengambil kira hampir 3,000,000 warga emas di Malaysia. Pada 2035 bilangan warga emas dianggarkan 4.5 juta dalam kependudukan lebih 35 juta. Ini lebih hampir 17%.

Tuan Yang di-Pertua, para pesakit yang masuk ke hospital terdiri daripada lebih 20% warga emas atau lebih 400,000 ribu setiap tahun yang masuk ke hospital, 70% masuk ke hospital awam dan 30% ke hospital swasta. Di hospital Malaysia terdapat 5 unit untuk warga emas dengan jumlah katil 150. Kita hanya ada 23 doktor pakar untuk warga emas dan kita perlukan lebih 230 doktor pakar.

Tuan Yang di-Pertua cuba bayangkan beribu-ribu pesakit warga emas yang perlu masuk ke hospital setiap tahun, beribu-ribu. Kadangkala kita dengar ibu bapa ditinggalkan anaknya. Kementerian mestilah memandang dengan teliti. Cuba kita bayangkan, jika seorang anak dari kampung dapat gaji RM3,000 sebulan dan isteri atau suaminya RM3,000 sebulan. Mereka ada dua anak, ibu atau bapanya sakit kencing manis yang teruk. Pasangan ini memang tidak mampu menjaganya. Jika pihak hospital mendapati pihak warga emas sudah dibuang oleh anaknya dia akan dimasukkan ke hospital dan mendapat tempat tidur, makanan dan rawatan. Inilah satu keadaan yang kementerian perlu meneliti.

Bukan semua orang yang dibuang, bukan semua anak pinak tidak mahu jaga ibu bapa. Saya percaya hampir semuanya hendak jaga tetapi keadaan masyarakat berubah dan lebih banyak lagi akan tinggalkan kampung dan masuk ke bandar.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Minta celahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, Yang Berhormat Gopeng.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Kepong. Saya masih ingat semasa saya pernah bekerja di Scotland. Ada pernah bekerja di sebuah hospital geriatrik yang menjaga warga emas ini. Jadi, adakah Yang Berhormat Kepong setuju bahawa sepatutnya kerajaan harus sediakan wad-wad *special* ataupun hospital-hospital *special* yang boleh menjaga warga emas ini dan mereka yang ada penyakit-penyakit tertentu yang memerlukan jagaan di hospital geriatrik bukan hospital biasa yang memerlukan lebih rawatan intensif.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita mesti timbangkan tetapi kita mesti ingat Scotland dan Malaysia tidak serupa, tidak serupa. Walaupun kita mengambil kira, kita timbangkan apa yang diamalkan di Scotland kita pun mesti timbangkan keadaan sosioekonomi Malaysia.

Ada pusat atau rumah bagi warga emas sama ada awam atau swasta yang diuruskan dengan baiknya semacam itu Sri Kayangan dengan 183 penghuni dan juga Sister's of the Poor di Cheras tidak sampai 100 penghuni. Ini seperti hotel. Akan tetapi pusat-pusat seumpama ini tidak banyak dan beratus ribu warga emas yang perlu bantuan dan perlindungan.

Ada pusat yang begitu sesak dan buruk. Cubalah kita pergi melihat dengan sendiri Yang Berhormat Lenggong saya berharap dia sayangkan warga emas dan pergi melawat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sayang semua warga emas tetapi bukan Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dari semasa ke semasa ada laporan mengenai warga emas dianiayai di pusat ini. Kerajaan mestilah memantau semua pusat untuk warga emas dengan berkesan. Penguatkuasaan undang-undangnya mestilah ketat. Kita berkehendakkan amalan undang-undang, penyelidikan dasar dan program untuk menjaga status maruah dan kesejahteraan warga emas.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Bagi sedikit. Barulah boleh sayang Yang Berhormat Kepong. Yang Berhormat Kepong, kalau kita tengok bantuan yang kerajaan bagi banyak untuk warga emas, saya hendak tanya Yang Berhormat Kepong sebab Yang Berhormat Kepong ini dia lain sedikit berbanding dengan yang lain. Berbanding dengan Yang Berhormat Bukit Mertajam, berbanding lain dengan Yang Berhormat Beruas dia lebih rasional sedikit.

Yang Berhormat Kepong kalau kita tengok, bantuan dan kebajikan masyarakat apa pandangan Yang Berhormat Kepong, perlukah kita bagi automatik terus kepada warga emas ini walaupun kadang-kadang dia tinggal seorang di rumah tetapi ada anak, dia tidak dapat bantuan kerana ada anak dan sebagainya. Akan tetapi kadang-kadang anak juga susah jadi apa pandangan Yang Berhormat Kepong, hendak tanya pandangan Yang Berhormat Kepong ini. Tidak boleh jawabkah?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat Lenggong dia panjang sedikitlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tidak payah panjang, Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ingin buah manggis hutan masak ranum tergantung tinggi. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong faham tidak, Yang Berhormat Lenggong. Ada fahamkah Yang Berhormat Lenggong?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Dia tidak faham.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Tidak habis pantun, bagilah habis pantun itu, Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Itu Yang Berhormat Lenggong dia hendak jadi jawatan Menteri. *[Dewan riuh]* Akan tetapi keinginan itu susah hendak mendapatinya. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2002 Universiti Putra Malaysia tubuh Jabatan Gerontologi dengan program seperti U3A dan mesti pihak kementerian, kerajaan mesti

meneliti hal ini sama ada untuk segelintir warga emas sahaja ataupun untuk ramai warga emas yang beratus ribunya.

Pada tahun 2011, Universiti Malaya bermula dengan Pusat Penyelidikan Keselamatan Sosial dan tahun 2012 kumpulan penyelidik penyakit-penyakit berkaitan dengan warga emas Universiti Kebangsaan Malaysia ada Pusat Penyelidikan Warga Emas dan Rehabilitasi Masyarakat dan seterusnya Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi serta Kementerian Pendidikan ada membuat penyelidikan dari semasa ke semasa. Akan tetapi...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** *[Bangun]* Yang Berhormat Kepong, saya Yang Berhormat Kepong.

■1210

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Sebelah sini. *[Ketawa]* Kasihan saya Yang Berhormat Kepong. Boleh ya Yang Berhormat Kepong? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik tadi dengan apa Yang Berhormat Kepong nyatakan terutamanya mengenai tempat untuk warga-warga emas ini memandangkan sekarang ini kalau kita tengok lebih ramai lagi kemungkinan anak-anak mereka yang telah bekerja.

Kadang-kadang ada yang menghiraukan ibu bapa mereka. Cuma saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Kepong. Sekarang ini banyak yang *private*, yang pertamanya adakah Yang Berhormat Kepong bersetuju dengan saya bahawa sudah tiba masanya untuk pihak kerajaan *start* dengan izin, *start training* warga-warga yang berminat untuk menjaga mereka ini, menanti di rumah-rumah orang tua ini. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah itu Yang Berhormat Parit Sulong ini dia tidak sulung lagi. Ya, langkah itu perlu kita pertimbangkan, perlu kita timbangkan sebab ini melibatkan banyak perkara. Salah satunya yang disebutkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong. Kita perlukan banyak pekerja sosial, semua itu profesional yang berkaitan dengan warga emas dan sebagainya. Ini merangkumi banyak aspek. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Yang Berhormat Kepong, warga emas itu termasuk usia Yang Berhormat Kepong sendiri kah atau macam mana? Dia tidak boleh jawab.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Ya sulung dan sunyi sekarang. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, kita perlu penguatkuasaan yang efektif untuk ramai warga emas dan

penyelarasan program yang baik. Undang-undang mesti dipinda untuk warga emas macam Akta Guna Tenaga, Akta Keselamatan Sosial untuk pekerja, Akta Pusat Jagaan, Akta Healthcare Swasta dan Akta Kemudahan Asas dan Akta Pendidikan dan banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Kerajaan atau kementerian belum lagi mengkaji semua ini untuk menangani masalah yang semakin hari semakin serius. Adalah peri mustahaknya kerajaan mengkaji dengan menyeluruh segala aspek yang berkaitan dengan warga emas lalu mewujudkan dasar dan program yang benar-benar boleh membantu ramai wara emas.

*Minum air campur gula,*

*Minum sirap warna manggis.*

*Ambil wang bajet diguna,*

*Genggam air tiada tiris.*

Itulah, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Lenggong.

**12.13 tgh.**

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Ikan kembung ikan kerapu,*

*Tadi Yang Berhormat Kepong merapu.*

Sejak menjawat jawatan Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah pun membentangkan tujuh belanjawan. Jadi saya ambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah walaupun cabaran yang ada ketika ini cukup besar dengan cabaran ekonomi, dengan kedudukan kewangan negara. Akan tetapi keupayaan kerajaan, keupayaan Yang Berhormat Pekan bentangkan belanjawan yang cukup baik kepada kita, ia sebenarnya menggembirakan majoriti rakyat.

Oleh sebab itu saya ambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada kerajaan kerana telah mengemukakan banyak perkara yang meliputi pelbagai aspek. Ia mendapat reaksi yang baik terutama sekali daripada pakar-pakar ekonomi dan rakyat secara keseluruhannya. Oleh sebab itu sekali lagi saya merakamkan ucapan tahniah bagi pihak rakyat di kawasan Parlimen Lenggong.

*[Yang Berhormat Kepong berjalan keluar meninggalkan Dewan]*

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Kepong nantilah dahulu, hendak pergi mana? Okey sila. Baru hendak puji Yang Berhormat Kepong tadi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi menyentuh bajet yang dibentangkan oleh kerajaan, saya secara peribadi melihat bahawa apa yang dikemukakan dalam bajet ini dengan jelas menunjukkan bahawa kerajaan respons kepada reaksi rakyat. Rakyat memberikan pandangan dari pelbagai cara dalam media sosial. Malah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga jentera kerajaan yang merangka bajet ini juga melaksanakan pelbagai dialog, pelbagai forum dengan pelbagai pihak.

Ini menunjukkan bahawa apa yang dirangkumkan dalam belanjawan ini merupakan hasil daripada reaksi dan pandangan rakyat. Oleh sebab itulah saya melihat bahawa cadangan-cadangan yang dikemukakan itu banyak menyelesaikan isu rakyat. Misalnya soal perumahan, soal berkaitan dengan pendidikan, soal kumpulan sosial dan sebagainya. Ini cukup mengagumkan saya walaupun cabaran besar antaranya ialah apabila kita menghadapi masalah kejatuhan minyak dan gas.

Oleh sebab itu dengan peruntukan sebanyak RM214.8 bilion bagi belanja mengurus dan RM46 bilion untuk belanjawan pembangunan ini yang melibatkan keseluruhan RM262.8 bilion, ia merupakan satu yang realistik kalau hendak dibandingkan dengan belanjawan Pakatan Harapan yang saya nampak langsung tidak begitu kukuh dari segi data dan faktanya. Ia merupakan bajet yang asasnya tidak kukuh. Hanya saya difahamkan dirangka dua tiga orang sahaja. Ia cukup berbeza dengan bajet yang dirangka oleh kerajaan.

Tentunya juga walaupun beberapa keputusan yang tidak popular tetapi sebenarnya penting kepada kita. Ini juga menunjukkan keberanian kerajaan mengemukakan bajet yang cukup penting dan dinanti-nantikan oleh rakyat.

Pujian memang harus diberikan kerana bajet ini kita lihat juga merangka kembali program-program untuk kembalikan ekonomi negara dengan berteraskan beberapa strategi. Antaranya ialah kita lihat sejak beberapa tahun ini kerajaan mempelbagaikan sumber hasil kerajaan dengan mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas daripada 41.3 peratus pada tahun 2009 kepada 14.6 peratus pada tahun 2006. Kebijaksanaan kerajaan mempelbagaikan sumber ini telah menyebabkan kita berkeupayaan walaupun kita menghadapi kejatuhan harga minyak dan gas.

Walaupun tidak popular soal GST ini tetapi ia penting. Oleh sebab itu saya sebut di awal tadi bahawa tindakan-tindakan walaupun tidak popular di sesetengah kumpulan tertentu tetapi ia penting kepada negara. Bayangkan bagaimana akan



berlaku jika kejatuhan harga minyak dan gas hari ini tidak ditampung dengan pendapatan hasil melalui GST. Oleh sebab itu saya cukup bangga dengan keberanian ini. Kita berani kerana kita mahu mempertahankan kedudukan ekonomi negara dan mempertahankan rakyat dan sebagainya. Oleh sebab itu langkah ini harus dipuji.

Cuma saya hendak cadangkan kepada kerajaan, oleh sebab isu GST ini sering kali dan acap kali dimainkan oleh pihak tertentu saya harap langkah-langkah penerangan, penjelasan kepada rakyat secara berterusan mesti terus dilaksanakan terutama kita lihat kepada kumpulan mana yang masih lagi tidak memahami asas dan GST ini. Sudah tentu juga, perkara penting yang perlu diberikan perhatian ialah langkah-langkah penguatkuasaan.

Oleh sebab itu di dalam Dewan yang mulia ini saya harap kementerian yang berkaitan mengambil tanggungjawab besar kerana kita mesti melengkapkan keseluruhan prasarananya dan melakukan langkah-langkah supaya penguatkuasaan kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang mengambil kesempatan daripada GST ini untuk menekan rakyat dapat ditangani dengan baik. Saya percaya jika langkah ini dibuat, keresahan rakyat yang tidak sepatutnya berlaku dapat kita bendung dan kurangkan.

#### ■1220

Sudah tentu juga kita patut puji kepada langkah kerajaan. Langkah Yang Amat Berhormat Pekan kerana telah daripada awal lagi melakukan rasionalisasi subsidi ini. Ini juga satu lagi langkah yang cukup baik dan ia dilakukan bagi mengelakkan ketirisan dan digantikan dengan subsidi-subsidi bersasar. Akhirnya kalau sebelum ini subsidi kerajaan hanya diperoleh kumpulan tertentu sahaja, syarikat tertentu sahaja malah juga dinikmati oleh rakyat asing yang berada dalam negara ini, tetapi langkah membuat subsidi yang bersasar sebenarnya amat bermanfaat dan ia diresapi dan dinikmati sampai kepada golongan-golongan tertentu misalnya nelayan, rakyat termiskin yang sememangnya patut dibantu hasil daripada subsidi kerajaan.

Jadi dengan sendirinya kita dapat lihat bahawa kalau sebelum ini kita banyak dengar cakap-cakap kosong daripada rakan-rakan kita di sebelah pakatan harapan ini mengatakan bahawa negara kita hendak bankrap, hendak mufli dalam masa terdekat dan sebagainya, ia tidak benar sama sekali. Malah apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan itu semuanya berasaskan kepada fakta, rujukan-rujukan tepat dan juga merujuk kepada pandangan-pandangan pihak-pihak yang mempunyai kredibiliti yang ada standard dan sebagainya misalnya *Fitch Ratings*, *Standard & Poor's* dan sebagainya. Maknanya kerajaan kita tidak bercakap hanya berasaskan andaian tetapi

merujuk kepada fakta dan juga pandangan-pandangan pakar sama ada dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Lenggong, sikit boleh?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey, sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya hendak tanya Yang Berhormat Lenggong. Kata-kata yang mengatakan negara ini hendak bankrap, hendak muflis adalah sebenarnya kata-kata yang bukan sahaja mengelirukan malah adalah satu pembohongan yang nyata. Ini kerana Yang Berhormat Lenggong, dengan penarafan antarabangsa oleh *Fitch*, *Moody's* dan *Standard & Poor's* yang tidak turun pada *A minus*, dengan kejayaan kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengekalkan KDNK kita par dalam 6 peratus dan dengan kejayaan kerajaan kita untuk menurunkan defisit daripada 6.7 peratus pada tahun 2009 hingga kini pada 3.1 peratus, ini sudah nyata dan jelas bahawa kerajaan macam ini bukanlah kerajaan yang dikatakan bakal bankrap dan muflis. Macam mana, Yang Berhormat Lenggong?

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Lenggong, laluan. Boleh?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Ya, saya bersetuju. Sekejap, Yang Berhormat Batu. Saya *respond* yang ini dulu. Saya bersetuju. Ini kerana kalau pandangan mereka kata negara kita hendak bankrap, itu pandangan berasaskan andaian yang tidak ada fakta yang tepat. Yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Pekan berasaskan kepada fakta yang tepat. *Standard & Poor's*, *Fitch Ratings*, *Moody's*, ini adalah badan-badan penarafan antarabangsa. Oleh sebab itu, secara logik dan juga faktor yang jelas, kita menandingi negara-negara lain. Menandingi Filipina, Thailand. Oleh sebab itu rakyat di luar sana, saya harap jangan dengar pandangan-pandangan yang hanya bersifat politik, ada niat tertentu untuk menolak kerajaan ini sebenarnya. Akan tetapi hakikatnya kalau kita bandingkan dengan apa yang mereka kemukakan, memang jauh sekali.

Oleh sebab itu kita harus puji langkah yang dibuat oleh kerajaan.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Yang Berhormat Lenggong, sedikit sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila.

**Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya tertarik dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Lenggong.

Biarlah kita buat satu andaian yang bukan tidak berasas. Jikalau kerajaan tidak memperkenalkan GST dengan keadaan hasil pendapatan yang sekarang, saya hendak dapat pendapat dan pandangan daripada Yang Berhormat Lenggong sama ada negara kita mampu menampung perbelanjaan yang kita ada atau tidak.

Semalam, kami dengar dari Yang Berhormat Jasin menyatakan makin tidak seimbang pertumbuhan ekonomi dengan perbelanjaan dan juga produktiviti tidak naik. Apa penyelesaian kerajaan kalau trend ini berterusan? Adakah kita terpaksa bergantung kepada GST untuk menampung perbelanjaan yang makin meningkat? Boleh minta pandangan, Yang Berhormat.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sebut tadi bahawa— terima kasih Yang Berhormat Batu. Saya sebut tadi kebijaksanaan kerajaan mempelbagaikan sumber hasil kerajaan. GST satu daripadanya. Kita lakukan rasionalisasi, kita meningkatkan pelaburan asing dan sebagainya, membuat penjimatan dan sebagainya, mengawal ketirisan dan sebagainya. Ini ialah langkah-langkah untuk menambah hasil kerajaan. Kita tidaklah bergantung seratus peratus kepada GST.

Akan tetapi yang saya sebut tadi ialah GST menampung kekurangan yang berlaku hasil daripada penurunan minyak dan gas. Oleh sebab itu langkah yang dibuat oleh kerajaan walaupun tidak popular kepada sesetengah pihak tetapi penting kepada masa depan negara. Ini saya sebut. Oleh sebab itu kalau kita lihat bajet Yang Berhormat rakan-rakan Yang Berhormat Batu buat memang tidak jelas sama sekali. Kononnya hendak mengurangkan bajet Jabatan Perdana Menteri dengan sendirinya meningkatkan pendapatan rakyat. Hendak menghapuskan GST. Itu tidak logik tetapi menawarkan pelbagai perkara dalam bajet mereka. Tidak betul. Oleh sebab itu memang jauh beza antara bajet Kerajaan Barisan Nasional dengan pakatan rakyat.

Saya lihat reaksi-reaksi rakan-rakan daripada Pakatan Harapan waktu bercakap dalam bajet walaupun hari itu lintang-pukang lari keluar kerana kononnya menolak bajet. Akan tetapi hari ini, bercakap macam-macam malah meminta itu dan ini. Ini menunjukkan sebenarnya retorik dan hanya sandiwara sahaja. Sila Yang Berhormat Jerantut.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya pun hendak tanya pendapat Yang Berhormat Lenggong. Bila kita sebut GST ini seolah-olah kita hilang punca. Seolah-olah kita hilang sejarah, seolah-olah GST ini satu gergasi baru datang mencengkam ekonomi rakyat seperti mana yang dimomokkan oleh pihak pembangkang. Adakah GST ini perkara baru seolah-olah

tidak ada cukai sebelum ini? Minta Yang Berhormat Lenggong berikan definisi SST dengan GST ini. Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Jerantut. Bukan perkara baru, bukan negara kita sahaja yang melaksanakan GST. Yang Berhormat Pagoh ada dalam kerajaan pun menyokong pada waktu itu. Tidak adapun. Cuma saya hendak sebut di sini bahawa Pakatan Harapan tahu tentang apa yang akan berlaku dengan harga minyak dan gas. Mereka tahu. Mereka juga tahu apa yang akan berlaku tentang nilai Dolar Amerika dan nilai mata wang. Semua ini mereka tahu. Mereka pun ada pakar juga tetapi sengaja tidak mahu bercakap perkara yang benar. Harapan mereka sebenarnya adalah jika kerajaan tidak melaksanakan GST dengan penurunan-penurunan harga minyak dan gas ini, akan berlaku keadaan yang meruncing.

Maka jika kita tidak ada keberanian melaksanakan GST, kita hilang pendapatan daripada minyak dan gas, maka kerajaan tidak ada wang. Jika kerajaan tidak ada wang, akan berlaku penutupan industri dan sebagainya. Akhirnya nanti rakyat akan bangun menunjukkan reaksi negatif kepada kerajaan. Itu yang mereka harapkan sebenarnya. Oleh sebab itu apa yang mereka lakukan sebenarnya mahu supaya berlaku keadaan yang tidak stabil dalam negara.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Lenggong, sedikit. Yang Berhormat Lenggong, sedikit sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Dari semalam asyik bercakap. Sila Yang Berhormat.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Hendak tanya Yang Berhormat Lenggong, selain daripada GST, ada atau tidak punca-punca lain Yang Berhormat Lenggong boleh fikir untuk gantikan GST yang RM40 bilion itu? Tidak, saya cadangkan dalam ucapan saya nanti.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya sudah sebut tadi, Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Kita pelbagaikan sumber pendapatan. Kerajaan ini mempelbagaikan. GST ini satu daripadanya. Jadi saya fikir langkah-langkah dan cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa sebenarnya kita telah pun laksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sebut di sini bahawa yang saya sebut di awal tadi...

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Lenggong, sedikit sahaja. Yang Berhormat Lenggong, Kuala Krai minta sedikit ya.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak beralih tajuk lain. GST lagikah?

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Balik kepada GST.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Alamak.

**Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Lenggong membuat andaian kita di pihak pembangkang ini menggunakan isu GST ini dalam keadaan harga minyak rendah. Jadi akan kelam kabut kalau tidak ada GST. Soalan saya, harga minyak dan gas jatuh ini boleh kita sebut sebagai fenomena sementara, *temporary*. Ertinya harga minyak boleh naik balik.

Jadi soalan saya, apakah Yang Berhormat Lenggong beranggapan apabila harga minyak naik balik, maka GST akan ditarik balik? Terima kasih.

**Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]:** Yang Berhormat Lenggong, saya hendak berkongsi dengan Yang Berhormat Lenggong. Semasa kerajaan membuat keputusan untuk mengadakan GST, semasa itu harga minyak pun sudah seratus lebih dan bukan semasa ia turun. Maknanya ia bukan *hinges*. Kita membuat keputusan GST itu bukan disebabkan harga minyak itu. Ini kerana penstrukturan semula *tax* itu.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Faham ya? Masuk pandangan beliau dalam ucapan saya. Yang saya sebut tadi, yang saya sebut tadi ialah sebenarnya Pakatan Harapan menggunakan isu GST ini untuk kepentingan politik. Tidak bersandarkan kepada fakta yang tepat dan betul.

#### ■1230

Itu yang saya hendak maksudkan. Tuan Yang di-Pertua, saya sebut pada awal tadi bahawa bajet ini adalah bajet respons, permintaan dan reaksi rakyat. Antara perkara yang menjadi perkara yang mendapat perhatian rakyat ialah isu perumahan. Itu antara perkara yang cukup dinantikan oleh rakyat dan sebab itu kita dapat lihat dalam intipati bajet 2017 ini, banyak dikemukakan soal projek perumahan generasi kedua untuk FELCRA, FELDA, RISDA dan kerajaan juga komited untuk membantu dan menyediakan peruntukan RM400 juta untuk pembangunan infrastruktur rumah.

Ini satu perkara yang baik malah kita lihat bahawa pelbagai agensi akan diberikan peranan untuk terlibat dalam soal berkaitan dengan isu perumahan ini. Saya percaya, saya harap kerajaan akan terus melipat ganda usaha dan melaksanakan lagi program-program, terutama dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya isu perumahan ini dapat ditangani dan dilaksanakan dengan baik kerana ini merupakan agenda penting negara, merupakan keperluan rakyat dan isu perumahan ini bukan hanya dihadapi kepada generasi muda di bandar tetapi juga kebanyakan di luar bandar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Wangsa Maju bangun.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Boleh.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sila.

**Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju]:** Tentang perumahan. Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Kita pun sedar dan akui perkara perumahan sangat penting. Baru-baru ini sebab ada komen bank-bank enggan memberikan *loan*. So, Menteri berkenaan cadangkan pemaju bagi pinjaman. Apakah komen Ahli Yang Berhormat?

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya berpandangan apa juga langkah yang baik untuk memudahkan rakyat membuat pinjaman, ia mesti dilaksanakan oleh kerajaan. Ini penting supaya setiap unit rumah yang dilaksanakan oleh kerajaan mampu dibeli oleh rakyat dan memang antara isu ialah kemampuan dari sudut kewangan. Jadi saya percaya kementerian berkaitan telah pun merangka dan akan mengatasi masalah-masalah sebagaimana yang dibangkitkan, sila.

**Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat ada menyatakan dalam hujahan Yang Berhormat mengenai dan juga saya rasa Yang Berhormat juga berkata bahawa apabila kita hendak melaksanakan projek perumahan ini, memerlukan bantuan dari negeri-negeri. Jadi, saya hendak bertanya kepada pihak Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat boleh maklumkan ataupun mungkin Yang Berhormat pun tahu atau boleh dimasukkan dalam ucapan Yang Berhormat mengenai kerjasama daripada peringkat negeri itu sendiri dalam memastikan *flow of doing business* ataupun buat perkara membina rumah ini terutama daripada negeri-negeri pembangkang ini mendapat sambutan dan kerjasama daripada pihak mereka ini. Apakah pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini? Terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya— sekejap Yang Berhormat Batu Gajah. Saya tahu antara isu utama dalam pembinaan rumah ialah soal tanah. Tanah terletak di bawah pentadbiran kerajaan negeri. Sebab itu saya melihat bahawa antara perkara penting yang juga boleh dilakukan bagi memastikan banyak rumah dapat dibina ialah kalau kita melaksanakan NBOS dengan kerajaan negeri. Saya ambil contoh misalnya rumah yang dibangunkan di kawasan saya dengan kerjasama SPNB, kerajaan negeri menyediakan tanah, Persekutuan menyediakan peruntukan prasarana dan rumah dibina. Sebab itu saya hendak mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini, kalau boleh kerajaan melaksanakan dengan setiap

negeri rumah yang dilaksanakan antara NBOS kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan.

Misalnya kerajaan negeri mungkin ada kewangan sedikit menyediakan infrastruktur tanah, buat infrastruktur tetapi rumah dibuat oleh kerajaan melalui PPR, melalui SPNB dan sebagainya. Cuma saya berharap dalam soal ini, rakan-rakan kita di Pakatan Harapan mestilah berjiwa besar. Kalau isu juga berlaku di kawasan-kawasan yang diperintah oleh Pakatan Rakyat kerana tanah di bawah hak kuasa kerajaan negeri. Ini yang menjadi masalah. Sebab itu saya berharap kalau kita memang ada jiwa besar untuk menyelesaikan isu perumahan rakyat ini, maka kita harus bekerjasama dalam soal ini, okey.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Berbalik kepada isu tadi mengenai bank yang tidak mahu memberikan pinjaman ataupun mengurangkan memberi pinjaman sebab mereka takut peminjam-peminjam ini mungkin mereka tidak dapat bayar pinjaman tersebut. Kalau kita pindahkan beban itu kepada pemaju dan kita minta pemaju pula bagi pinjaman kepada pembeli-pembeli rumah, saya khuatir bahawa mungkin pada masa hadapan, pemaju-pemaju ini akan menjadi along pula dan ia akan membawa banyak risiko. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Lenggong berkaitan dengan perkara ini.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Sebenarnya cadangan itu telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat Tanjong Karang. Saya difahamkan dalam peringkat kajian mereka dan tentu isu-isu yang dibangkitkan tadi dalam perhatian dan memang kita pun juga bimbang perkara-perkara seumpama itu berlaku. Sebab itu saya berharap kerajaan memperhalusi perkara ini, yang penting bagi kita ialah kita mesti berikan kemudahan kepada rakyat untuk membuat pinjaman kerana agenda rumah ini memang perkara penting dan utama sekali.

Cuma saya hendak mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini, saya pun mewakili rakyat di kawasan saya, juga memerlukan rumah ini. Sebab itu saya berharap FELDA terutamanya untuk menyegerakan pembinaan rumah. Kita ada tanah, kalau boleh bukan hanya 40 unit, kita minta tambah sebagaimana yang diluluskan sebelum ini supaya generasi muda, generasi kedua FELDA juga mendapat manfaat. Jadi saya berharap projek perumahan dan generasi kedua FELDA di kawasan Parlimen Lenggong juga dapat dipenuhi.

Saya juga ingin menyuarakan hasrat daripada rakyat di kawasan saya terutama sekali projek PPR. Kita sudah berbincang supaya projek perumahan rakyat di Kampung Chain itu dapat kita segerakan dan proses-proses yang sepatutnya

dilaksanakan oleh kerajaan negeri– saya percaya kerajaan negeri akan laksanakan. Cuma saya berharap projek ini dapat benar-benar menjadi realiti dengan segera termasuklah projek PR1MA di Bukit Lasah dan sebagainya. Ini abang saya, saya kena bagi. Sila Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lenggong. Kita hendak berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri KPKT yang telah membina rumah PPR di kawasan saya. Hanya satu masalah dia, perhubungan negeri dan Persekutuan kerana negeri menunggu keputusan Yang Berhormat Menteri untuk mempercepatkan surat supaya hak milik apabila rumah itu diagihkan kepada yang memohon, agar dapat dipercepatkan surat-surat itu. Boleh tidak Yang Berhormat Lenggong membantu supaya kita cepat mendapat surat-surat itu, terima kasih.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Saya percaya itu akan ditangani. Saya boleh bantu, bantu minta Menteri cepatkan.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Lenggong, sedikit Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Sebab kuasa tidak ada lagi. Sudah masuk ucapan Yang Berhormat Sibuti dalam ucapan saya. Saya berharap kerajaan memberikan perhatian apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti, itulah bantuan yang saya boleh beri.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Yang Berhormat Lenggong.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Saya ada lima minit hendak *perabih* lagi ini, banyak lagi.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Sikit sahaja perumahan.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** ...Pandangan daripada rakyat in...

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Sedikit sahaja.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Okey.

**Dr. Izani bin Husin [Pengkalan Chepa]:** Kita tahu perumahan PPR adalah kepada golongan B40 yang betul-betul miskin dan mereka ini kenapa bank tidak beri pinjaman kerana mereka tidak ada kelayakan untuk meminjam. Apabila kerajaan mengusahakan pihak bank untuk memberi, bukankah ini menambahkan hutang isi rumah kepada mereka walaupun lima tahun itu peringkat bayar *interest* tetapi selepas itu mereka terpaksa membayar penuh. Apakah cara ini menguntungkan pemaju ataupun rakyat itu sendiri, pandangan.



**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya ada empat minit lagi untuk habiskan teks saya. Tuan Yang di-Pertua, banyak sangat bantuan kebajikan yang disediakan oleh kerajaan, memang cukup banyak. Harus dipuji walaupun kita mencabar hari ini tetapi tetap disenaraikan bantuan-bantuan persekolahan, bantuan orang miskin, bantuan orang tua, macam-macam bantuan. Ini menunjukkan keupayaan kerajaan memberi kepada rakyat dan menolak cakap-cakap tertentu kononnya kerajaan bentang perkara yang tidak betul, tidak ada duit dan sebagainya. Tetapi kerajaan ada duit, sebab banyak juga yang diputuskan ini akan diberi secara terus, BR1M misalnya.

■1240

Cuma saya hendak ambil kesempatan di Dewan ini, saya hendak meminta kepada kerajaan supaya kemas kini sistem data e-Kasih ini, data kemiskinan ini. Ini kerana data ini tidak *complete* ada orang di sebelah rumah yang lebih miskin daripada orang yang ada dalam data. Dia miskin tetapi nama dia tidak ada kerana barangkali nama lambat masuk dan sebagainya. Sebab itu saya harap kerajaan mesti ada bank data ini, gabungkan semua data-data kemiskinan daripada pelbagai agensi satukan dan jadikan e-Kasih ini merupakan juga utama kepada data-data lain supaya setiap pemberian bantuan ini tidak hanya diberikan kepada kumpulan yang tertentu sahaja. Kementerian ini beri bantuan melalui e-Kasih, pendidikan melalui e-Kasih, kesihatan bagi e-Kasih, KPKT melalui e-Kasih.

Saya bimbang individu tertentu akan dapat pelbagai peruntukan kerana hanya berasaskan kepada sumber e-Kasih. Ini berlaku sebab itu supaya setiap bantuan yang diberikan ini akan dinikmati oleh semua pihak. Saya harap supaya sistem data kemiskinan ini e-Kasih ini dikaji dan dikemas kini supaya nikmat yang kerajaan sediakan akan diperolehi secara menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, prasarana luar bandar penting saya harap projek-projek jalan kampung juga dilaksanakan di kawasan saya, saya minta Yang Berhormat Menteri tolong beri perhatian soal jalan ke kawasan RPS Jala di kawasan saya untuk penempatan Orang Asli.

Saya minta juga RPS Air Kara yang baru, satu masalah apabila Orang Asli suka berpindah kawasan Air Kara ini memerlukan air, memerlukan bekalan elektrik, jalan dan sebagainya. Terasuklah saya harap program-program pembangunan ekonomi dapat dilaksanakan oleh kerajaan kepada masyarakat Orang Asli. Kawasan saya ialah kawasan yang diperakui sebagai lembah warisan dunia UNESCO. Namanya sudah terkenal saya ucapkan terima kasih kepada kerajaan khususnya

Kementerian Pelancongan kerana membangunkan Galeri Ekologi Lembah Lenggong yang bertaraf antarabangsa yang akan disiapkan dalam tempoh beberapa tahun ini.

Cuma saya berharap tapak-tapak warisan yang ada di sekitarnya dibangunkan. Apabila kerajaan di negeri Perak telah pun membuat promosi untuk tahun melawat Perak 2017, Lenggong adalah salah satu destinasi yang saya harap peruntukan segera dapat diturunkan untuk mengemas kini dan menaiktarafkan tapak-tapak Gua Harimau dan sebagainya. Gua-gua sekitar lembah Lenggong ini mesti di naik taraf segera dan saya juga mohon supaya Kementerian Pelancongan dapat memberikan peruntukan yang sewajarnya kerana Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah pun mengisytiharkan program besar di Lenggong satu ialah *Lenggong International Food Fiesta* yang melibatkan promosi makanan. Keduanya *Lenggong Valley Ecology International Conference*.

Dua program ini, *Lenggong International Food Fiesta* dan satu lagi *Lenggong Valley Ecology International Conference*. Dua program bertaraf antarabangsa ini saya harap akan disokong oleh Kementerian Pelancongan bagilah dana yang secukupnya untuk kita gerakkan aktiviti ini ia beri impak kepada pembangunan sektor pelancongan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada kerajaan kita bukan menolak Wawasan 2020 tetapi kita mahu merangka sesuatu yang baru. TN50 - Transformasi Nasional 2050, rangka program yang dirancang oleh anak muda untuk masa depan negara kita. Ini langkah yang terkedepan dan saya percaya Kementerian Belia dan Sukan demi tanggungjawab ini akan dilaksanakan dengan baik. Saya harap kita wakil-wakil rakyat ini diberikan peranan yang sama untuk kita juga boleh melakukan program-program bagi mendapat input daripada rakyat. Ini kerana yang penting dari kita ialah kita juga hendak mahu supaya rakyat dan semua di luar bandar juga diberi peranan untuk beri pandangan kerana untuk merangka dasar baru negara ini, TN2050 ini kita harap dapatan inputnya juga akan diperolehi dari pelbagai pihak bagi kumpulan NGO terlibat khususnya bersama kita sebagai wakil rakyat. Saya harap ini suatu yang penting dan menjadi agenda utama kepada kita.

Satu yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya tengok bajet kita ini bertemakan, 'Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi'. Perpaduan menjadi kata kunci utama di dalam bajet itu. Sebab itu di dalam Dewan yang mulia ini oleh sebab isu-isu perpaduan ini sudah menjadi begitu penting sekali, saya harap kementerian supaya letakkan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional ini di kementerian terkanan. Letakkan sebagai agensi penting, tingkatkan pegawainya, tingkatkan kualiti programnya, bagi peruntukan yang secukupnya, tambah pegawainya kerana ia penting

dalam situasi kita ini. Tidak ada makna jikalau kita merangka negara begitu baik tetapi perpaduan rakyat kita tidak dapat bina. Sebab itu saya harap Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional diperkukuhkan dari segi pegawainya letakkan di bawah kementerian-kementerian mana yang penting supaya ini menjadi agenda penting dalam negara.

Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Pekan, terima kasih dan tahniah kepada kerajaan kerana mengemukakan bajet yang baik dan saya percaya yang penting sekali ialah bagaimana kita hendak pastikan bajet yang dirangka ini dapat benar-benar dilaksanakan dengan baik. Sebab itu pemantauan mesti diberikan keutamaan. Terima kasih, saya menyokong dan tahniah kepada kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Marang.

**12.45 tgh.**

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua. Saya mulakan ucapan perbahasan *ummul mukminun* dengan menyebut firman Allah SWT. *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* “*Bertolong menolonglah kamu di dalam perkara kebajikan dan takwa dan janganlah sekali-kali bertolong menolong dalam perkara dosa dan permusuhan.*”

Saya ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan yang memberi peluang kepada saya terlebih dahulu untuk menyampaikan ucapan perbahasan. Untuk mencapai bajet yang baik dan berkaji bukan sahaja kita mahukan haji yang mabrur kepada jemaah haji, termasuklah bajet juga mabrur berkebaikan dan baik. Perlu dipertimbangkan, dilakukan perbahasan dengan penuh saksama.

Ini kerana segala perancangan yang dilakukan oleh manusia, bukan Tuhan, mesti mempunyai kelemahan-kelemahan, ada perkara yang positif dan ada perkara yang negatif. Kita menyokong dan bersetuju dengan perkara yang positif untuk meluluskan peruntukan bagi jentera-jentera kerajaan, pegawai kerajaan dan keamanan serta keselamatan yang menjalankan tugas untuk kepentingan negara dan semua institusi negara ini. Begitu juga untuk kepentingan rakyat umum bagi perkara-perkara yang asasi dan pokok untuk menyelesaikan masalah. Dalam masa yang sama kita perlu mengambil kira kelemahan-kelemahan yang berlaku seperti kebocoran, salah laku dan sebagainya yang perlu diambil tindakan yang sewajarnya supaya rakyat dan negara selamat bukan sahaja duitnya selamat.

Bagi mencapai tujuan itu, Islam berpandukan al-Quran mengemukakan asas yang sangat kukuh. Allah berfirman, *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* - Orang-orang

yang akan memberikan kepada mereka kuasa memerintah di muka bumi di dalam negeri mereka hendaklah mendirikan sembahyang hubungan spiritual, rohani dengan Allah. Menunaikan zakat aspek ekonomi, menyuruh kepada yang baik mencegah kemungkaran, terkandung di dalamnya perlembagaan undang-undang dan segala pengurusannya bagi Allah sahaja akibat dari segala urusan, wawasan dunia dan wawasan akhirat. Kita membina negara dalam keadaan masyarakat majmuk berbilang kaum, tidak menjadi masalah adanya masyarakat majmuk. Walaupun diwujudkan oleh penjajah untuk melaga-lagakan kita tetapi dapat sempurnakan sekiranya kita menerima *reality* manusia sejagat adalah hidup bermasyarakat.

#### ■1250

Maka diletakkan Rukun Negara yang disemak oleh semua kaum. Kepercayaan kepada Tuhan; bagi penganut Islam ialah Allah. Kesetiaan kepada Raja-raja. Keluhuran perlembagaan. Kedaulatan undang-undang. Kesopanan dan kesusilaan. Dalam aspek yang berkait dengan perlembagaan, kita telah meletakkan satu asas yang kukuh dalam perlembagaan. Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan, "*Islam ialah agama bagi Persekutuan...*" Kebebasan kepada agama lain. Sejarah kemerdekaan dicipta Almarhum Profesor Ahmad Ibrahim menyebut dalam bukunya, *Islam Dalam Perlembagaan*, menaakul minit Suruhanjaya Reid yang mana apa yang disebut dalam Perlembagaan ini adalah perbincangan daripada minit Suruhanjaya Reid. Mereka menerima perkara tersebut dengan mengambil kira memorandum yang dikemukakan oleh Parti Perikatan. UMNO, MCA dan MIC di peringkat awal selepas ditubuhkan Malaysia tambah lagi parti-parti Malaysia Timur.

Pada masa awal kemerdekaan, pra-kemerdekaan PAS adalah satunya parti pembangkang, satu kerusi parti pembangkang. Parti-parti lain belum wujud. Islam adalah ajaran yang fleksibel. Al-Quran menerima apa yang ada dalam asas perlembagaan ini. Islam adalah agama Persekutuan. Agama-agama lain diberi kebebasan. Al-Quran mengatakan, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Tidak ada paksaan dalam agama.*" Agama adalah kepercayaan hati. Hati tidak boleh dipaksa.

Ada pula dari segi perundangan Al-Quran mengatakan, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Jika sekiranya orang bukan Islam itu datang mereka mahu dengan hukuman mereka sendiri, mereka tidak dipaksa.*" Dalam hal ini saya merasa dukacita apabila saya mengemukakan usul bersendirian 355, timbul desas-desus dan ucapan-ucapan yang menimbulkan perkara yang sangat negatif. Sepatutnya kita menerima apa yang sudah ada dalam perlembagaan, termasuk Jadual Kesembilan dalam perlembagaan yang berkait dengan negeri di mana undang-undang Islam atau hukum Islam berkait dengan negeri yang berkait dengan orang-orang Islam sahaja.

Usul yang saya kemukakan berkaitan dengan Mahkamah Syariah. Mahkamah Syariah berkait dengan penganut Islam sahaja. Tidak ada kaitan dengan penganut yang bukan Islam. Bahkan 355 ini pernah dibawa dalam tahun 1965 dan tahun 1966. Pada tahun 1965 dibuat pindaan yang masa itu Singapura dalam Malaysia. Mending Lee Kuan Yew di dalam Parlimen tidak ada apa-apa bantahan.

Tahun 1980-an dibuat pindaan lagi, tidak menimbulkan apa-apa masalah tetapi apabila saya kemukakan di peringkat ini, menimbulkan masalah yang boleh menghasilkan salah faham di antara satu sama lain. Kita mahu supaya perkara yang berkait dengan penganut Islam ini hendaklah diberi kepada orang-orang Islam sahaja. Sama ada pihak kerajaan atau pihak pembangkang. Terpulang bagi mereka, sepatutnya begitu. Tidak menimbulkan isu-isu yang boleh menimbulkan ketegangan dan pihak media juga perlu memainkan peranan yang sihat dan yang baik untuk menghasilkan masyarakat yang majmuk bersatu padu sebagaimana yang kita mahu.

Kedua, saya ingin sentuh tentang— ya sila.

**Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Yang Berhormat Marang kerana sudi memberi peluang kepada saya untuk mencelah. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Marang, atas usul pindaan persendirian rang undang-undang Akta 355 iaitu usul hudud. Kenapakah Yang Berhormat Marang merelakan diri dan parti PAS diperalatkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan Perdana Menteri dalam hal ini? Adakah Yang Berhormat Marang sedar bahawa tindakan Yang Berhormat telah memecahkan perpaduan pembangkang dan juga memusnahkan harapan rakyat yang hendak menyelamatkan negara ini daripada genggaman UMNO dan ia juga telah menggugat asas pembentukan Malaysia yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan?

Juga saya ingin tanya Yang Berhormat Marang. Adakah Yang Berhormat Marang sedar bahawa walaupun sekarang usul Yang Berhormat telah diturunkan dan walaupun ia telah dapat dinaikkan dalam urusan mesyuarat kita, Ahli-ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah tidak akan menyokong usul ini kerana ia melanggar semangat dan terma-terma Sabah Sarawak bersetuju untuk membentuk Malaysia? Saya boleh tanya Yang Berhormat Tuaran. Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Selangau mereka pun tidak akan bersetuju dengan usul Yang Berhormat. Boleh kita tahu apakah ada udang di sebalik batu, atau persetujuan sulit di antara Yang Berhormat Marang dengan Yang Amat Berhormat Pekan supaya usul ini dapat dinaikkan, memecahbelahkan pembangkang dan supaya UMNO dapat terus mentadbir negara ini?

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Yang Berhormat ...

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Belakang minta laluan.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Ya. Ya.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Marang kerana memberi peluang kepada saya. Yang Berhormat Marang saya ingin mendapat beberapa penjelasan mengenai apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sekejap tadi. Mengenai cadangan Yang Berhormat membawa usul bagi meminda Akta 355 iaitu Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965. Saya ingin mendapat penjelasan adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa usul persendirian ataupun *private member's bill* adalah suatu perkara yang dibenarkan dalam *standing order* Parlimen ataupun dalam Peraturan Mesyuarat Parlimen ini sendiri, yang membolehkan mana-mana Ahli Parlimen di dalam Parlimen ini sama ada daripada *backbenchers* mahupun daripada pembangkang untuk membawa usul seumpama ini. Ini adalah satu amalan demokrasi yang perlu dihormati.

Persoalan sama ada seseorang Ahli Parlimen itu mahu menyokong ataupun tidak menyokong, usul ini suatu perkara yang lain. Akan tetapi untuk menyekat seseorang Ahli Parlimen untuk membawa usul, bagi saya ia adalah satu perkara yang melanggar amalan demokrasi. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Terima kasih kepada semua dua orang yang bertanya. Ada enam perkara soalan yang saya simpulkan. Pertama, isu ini berkait dengan hudud. Usul ini tidak ada kena mengena dengan hudud. Perkataan hudud perlu dijelaskan. 'Hudud' dengan makna sempadan, *borders*—sempadan. Ia termasuk dalam undang-undang jenayah yang disempadankan dalam Al-Quran dan hadis yang tidak boleh diisytiharkan ataupun dipinda oleh penganut-penganut Islam.

Kedua, undang-undang jenayah ini berkait dengan negeri. Berkait dengan undang-undang negeri, terpulang kepada negeri masing-masing. Negeri masing-masing untuk sama ada menggunakan undang-undang jenayah Islam. Hudud, qisas dan takzir ada tiga jenis undang-undang jenayah dalam Islam. Terpulang kepada Sabah dan Sarawak. Terpulang kepada Kelantan. Terpulang kepada Terengganu. Terpulang kepada Pulau Pinang. Ini undang-undang negeri masing-masing. Usul yang saya bawa ini adalah kaitan dengan mahkamah, Mahkamah Syariah. Macam Yang Berhormat Kota Bharu sebutkan tadi Mahkamah Syariah untuk memperkenalkan bagaimana konsep mahkamah, sistem mahkamah, peraturan mahkamah.

Adalah tidak adil sekiranya kita mahu melaksanakan undang-undang Islam tidak perlu mahkamah. Itu tidak betul, mesti ada mahkamah. Ini untuk

memperkenalkan mahkamah. Mahkamah Syariah sudah ada sejak zaman-berzaman. Zaman British setelah kita merdeka ada lagi Mahkamah Syariah. Maka berlakulah dua kali pindaan bagaimana hendak menaikkan taraf Mahkamah Syariah. Apa yang berlaku pada hari ini taraf Mahkamah Syariah lebih rendah dari Mahkamah Majistret, ini sangat mendukacitakan bagi penganut-penganut agama Islam.

Jawapan yang kedua, oleh sebab undang-undang ini undang-undang agama saya sebutkan tadi Al-Quran mengatakan pilihan kepada penganut agama-agama lain. Tidak salah bagi penganut agama-agama lain untuk mengemukakan undang-undang mereka sendiri. Undang-undang jenayah mereka sendiri. Setahu saya dalam *Bible Old Testament* yang kami sebut Taurah menjadi amalan kepada orang-orang Kristian, ada juga undang-undang qisas dan hudud. Terpulang kepada mereka sendiri hendak kemukakan atau tidak. Kita orang Islam terpulang kepada kita sendiri.

Kedua, mengapa usul ini naik turun? Ini urusan Tuan Yang di-Pertua, urusan Parlimen, bukan urusan saya. Bukan urusan saya. Saya kemukakan usul sahaja, terpulang kepada mereka hendak letak nombor satu, nombor 10, nombor 40.

Tentang Sabah dan Sarawak, saya sudah sebut tadi dalam jawapan saya ini hal negeri masing-masing. Hal negeri masing-masing. Ini bukan hak saya. Ada undang di sebalik batu? Ada undangkah, ikankah, buayakah apa saya tidak tahu. Ini terpulang.

Saya balik kepada *standing order*, usul persendirian. Saya pernah kemukakan usul ini tahun 1990-an, Yang Berhormat belum duduk dalam Parlimen lagi saya kemukakan usul ini. Mengikut *standing order*, usul persendirian mestilah terlebih dahulu diusulkan oleh seorang Menteri barulah boleh usul ini dibawa. Setelah Menteri ini bawa usul, dibenarkan oleh pihak Parlimen baru saya boleh bawa usul. Itu baru bacaan kali yang pertama. Saya sudah bawa beberapa kali usul ini. Sudah bawa beberapa kali usul ini tetapi malangnya tidak dapat. Kali ini Kerajaan Kelantan sebagai kerajaan negeri boleh buat perundangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sambung petang Yang Berhormat Marang.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Ya, petang. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan kita tangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

**[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]**

***[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]***

***[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]***

**▪ 1430**

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya difahamkan bahawa Yang Berhormat Marang akan berhujah. Akan tetapi sebelum itu saya ingin bangkitkan satu peraturan mesyuarat, iaitu Peraturan Mesyuarat 99. Jadi, sesiapa Ahli Yang Berhormat yang ada itu peraturan mesyuarat di depan, saya jemput semua untuk baca Peraturan Mesyuarat 99, *“Keputusan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan sebarang perkara tafsir dalam mana-mana jua Peraturan Mesyuarat ini atau berkenaan dengan kelaziman adalah muktamad kecuali jika ada usul tersendiri menentang keputusan Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua, dari satu masa ke satu masa, boleh mengeluarkan petua-petua berkenaan dengan perkara-perkara itu”*.

Maksud ‘perkara-perkara itu’ mengenai dengan perkara-perkara peraturan mesyuarat. Jadi, kelmarin apabila seorang Pengerusi Mesyuarat di Kamar Khas, sebelum saya menjemput Yang Berhormat Segambut untuk berhujah menyampaikan usul beliau di bawah Peraturan Mesyuarat 17, saya berhujah di bawah Peraturan Mesyuarat 99 kerana saya berhak. Belum pun saya habis untuk memberi penjelasan kepada beliau, beliau berdiri. Dia kata, *“I am not here to be lectured”*. Sehingga saya keluarkan beliau kelmarin.

Pada hari ini saya dapat tahu dan saya baca juga di *Hansard* bahawa ada satu peraturan mesyuarat yang timbul lagi iaitu Peraturan Mesyuarat 26 kalau tidak silap saya. Peraturan Mesyuarat 26(1)(p) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas bahawa Speaker boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, bermakna bersama Yang Berhormat Segambut. Apa yang saya mahu tahu, kalau Yang Berhormat Beruas tiada di sini, kepada mereka yang faham, yang telah lama di Parlimen, adakah dalam peraturan mesyuarat ini yang kurang saya faham selama sembilan tahun sebagai Speaker yang bahawa Speaker boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan, ada?

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau tiada, saya mohon kerjasama Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum berhujah, kerana persidangan kita dikawal oleh peraturan mesyuarat. Yang memuktamadkan peraturan mesyuarat itu supaya diikuti Speaker. Kalaupun ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang benci pada Pandikar Amin, jangan benci kepada jawatan Speaker itu kerana itulah ketua Dewan. Kalau siapa yang tidak bersetuju dengan keputusan, bawa usul di bawah 43. Saya akan masukkan dalam



aturan mesyuarat. Kalau kerajaan mahu sanggup bahas di bawah Peraturan Mesyuarat 15, saya akan suruh bahas. Saya tidak ada masalah sama sekali. Akan tetapi jangan aibkan Kerusi Speaker, dan jangan aibkan saya umpamanya. Kelmarin saya dituduh oleh Yang Berhormat Segambut. Dia kata, *“You are a disgrace to Parliament”*.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *Come on man, am I really a disgrace to Parliament?*

Kalau saya menegur Ahli-ahli Yang Berhormat kerana melanggar peraturan mesyuarat, *isn't it a disgrace that* dia langgar peraturan mesyuarat? Adakah tindakan saya menegur Ahli Yang Berhormat yang melanggar peraturan mesyuarat *that* saya yang pula jadi *disgrace*? Pada ketika arwah Tun Zahir, Speaker Dewan Rakyat, pernah satu ketika bahawa Yang Berhormat Batu Gajah pada ketika itu wakil rakyat dia, Fong Po Kuan. Dia bawa usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Tun Zahir tolak kerana tidak memenuhi syarat iaitu tidak perlu disegerakan. Ahli Yang Berhormat berkenaan, Fong Po Kuan, buat *press statement* di luar. Dia kata tidak betul tindakan Tuan Yang di-Pertua. Dia digantung enam bulan.

Saya tahu itu kelaziman dia bahawa boleh diambil tindakan tetapi selama sembilan tahun, belum pernah saya ambil tindakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang buat kenyataan akhbar tentang dengan keputusan saya. Kalau orang lain yang buat, hakim-hakim kah, bekas hakim kah, peguam-peguam, mereka bukan Ahli Dewan. Mereka bukan Ahli Dewan. Akan tetapi Ahli Dewan, tugas utama mempertahankan Kerusi Speaker. Jadi, saya tidak angkat bakul sendiri. Selepas itu saya masuk bakul saya, saya angkat.

Tidakkah perkara-perkara yang saya buat bersama dengan Ahli Yang Berhormat dalam jawatankuasa saya dengan Yang Berhormat Seremban, dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain dalam Jawatankuasa Dewan, dalam Jawatankuasa Peraturan Mesyuarat, takkan perkara-perkara yang saya buat penambahbaikan yang sebelum ini belum dibuat, takkan saya ini *disgrace to Parliament? Am I really a disgrace to Parliament? Come on man. You people tell me if I am really a disgrace? Then, I got to back out, because I am a disgrace. But, if I were to do that, then all of us got to resign, because all of us a disgrace.*

Tadi lagi, saya tidak nampak seorang peguam daripada Yang Berhormat Beruas boleh mencadangkan bahawa Speaker boleh dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan oleh sebab menegur seorang Ahli Yang Berhormat yang dia berhak untuk tegur di bawah Peraturan Mesyuarat 99. *I cannot think anymore. Either that person is not thinking right or he is doing it purposely for provocation or some*

*other agenda*. Itu saya tidak faham. Jadi, saya mohon segala keputusan yang saya buat sebelum ini, kalau ada yang tidak bersetuju, bawa Peraturan Mesyuarat 43, *don't ridicule the Speaker*.

Jadi, saya sebut kepada Yang Berhormat Segambut kelmarin, saya bilang, *"When you make statement ridiculing me, challenging me to resign from my post, you are enjoying it"*. See, saya tidak balas pun. Akan tetapi apabila saya menggunakan saya punya kuasa di bawah Peraturan Mesyuarat 99, tegur sama Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak mahu dengar kepada saya, *because you said that, "You are lecturing me"*. *But then again, if you lecture me indirectly through the public, through the media, you are really enjoying it and you think you are not a disgrace? Then, you use...*

#### ■1440

Satu lagi yang saya sedih ialah Ahli Yang Berhormat yang berkenaan menggunakan, dia kata, *"You are not elected, you are appointed"*. *Come on, man*. Seorang Ahli Yang Berhormat harus faham Perlembagaan Malaysia. Saya menjadi Yang di-Pertua di bawah Perkara 57. Selepas itu di bawah Peraturan Mesyuarat 4. Peraturan Mesyuarat ini digubal di bawah Artikel 62. Jadi, saya bukan datang sini dari kampung saya, selepas itu saya lantik diri saya sendiri. Yang bawa usul Ketua Majlis, yang sokong usul ialah Timbalan Ketua Majlis. Selepas itu saya ditanding oleh mantan seorang hakim.

Selepas itu yang mengundi kepada saya ialah wakil-wakil rakyat yang mewakili rakyat. Jadi apabila saya letak bahawa kedudukan Speaker itu, yang memilih wakil-wakil rakyat, lepas itu saya timbang dia punya berat dengan seorang wakil rakyat yang menghina jawatan Speaker itu kerana dia diundi rakyat, yang saya ini tidak diundi secara *direct*, yang mengundi saya wakil-wakil rakyat yang diundi rakyat, kalau saya letak itu di bawah Perlembagaan, mungkin kami setimpallah tetapi kuasa saya adalah di bawah Peraturan Mesyuarat.

Jadi saya ingatkan kembali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya akan menjalankan tugas saya mengikut Peraturan Mesyuarat, saya akan *exercise* saya punya *discretion* dan siapa yang tidak bersetuju, bermakna bawa usul di bawah 43, jangan kita bertengkar, kita tentukan, kerana kalau mesyuarat ada pertengkar begitu, saya gunakan kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 44(2).

Jadi dengan yang sedemikian, saya jemput Yang Berhormat Marang dengan masa yang lebih lagi iaitu ikut di sana nanti. Tidak payahlah saya tegur. Kalau sampai masa, berhenti. Sila Yang Berhormat Marang.

## 2.42 ptg.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, bagi menyambung ucapan, saya ingin memberi penjelasan kepada persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kota Bharu dan Yang Berhormat Kuching yang belum dijawab dengan sebenarnya, yang berkait dengan Sabah dan Sarawak, ia berkait dengan mahkamah syariah.

Di mana berkait dengan mahkamah syariah, sudah disebut dalam Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Butiran I, Senarai Negeri. Itu satu. Apa yang disebut adalah Senarai Negeri. Mahkamah syariah adalah senarai negeri bagi melaksanakan dan terpulang kepada negeri masing-masing. Tidak dipaksa Sabah, Sarawak dan mana-mana negeri.

Kedua, berkait dengan orang bukan Islam. Disebut jelas kewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut Islam, taat perintah agama itu kecuali dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan. Tidak boleh melangkaui bidang kuasa Persekutuan. Ini jelas menunjukkan bahawa tidak ada masalah yang menghalang bagi penganut-penganut Islam memperkasakan mahkamah syariah. Tidak salah saya berunding dengan semua pihak.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Minta laluan. Minta laluan, Yang Berhormat Marang, daripada Tanjong.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Ya.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Okey, saya ingin bertanyakan Ahli Yang Berhormat Marang. Berdasarkan hujahan Ahli Yang Berhormat tadi bahawa tiada paksaan untuk Ahli Parlimen dari Sabah atau Sarawak untuk sokong, adakah mereka boleh diberikan kebebasan dan mereka tidak perlu memberi sebarang sokongan terhadap rang undang-undang 355 ini apabila ia perlu diputuskan nanti dalam Dewan yang mulia ini? Silakan.

**Dato' Takiyuddin bin Hassan Kota Bharu]:** Yang Berhormat Marang, saya minta laluan. Kota Bharu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Marang.

Saya tertarik dengan satu kenyataan tadi oleh Yang Berhormat Marang bahawa pada tahun 1965, semasa Akta 355 diluluskan oleh Parlimen yang mulia ini, terdapat ramai pimpinan daripada kalangan pimpinan bukan Islam dan tadi disebutkan mendiang Lee Kuan Yew berada dalam Parlimen pada masa itu yang tidak menentang atau pun tidak berbahas pun mengenai Akta 355.

Pada tahun 1984, Yang Berhormat Marang, semasa Akta 355 dipinda untuk menaikkan jumlah bidang kuasa mahkamah syariah, ia diluluskan dengan tanpa perbahasan dalam kalangan Ahli-ahli Parlimen bukan Islam. Pada masa itu, Yang Berhormat Gelang Patah berada dalam Parlimen, Yang Berhormat Kepong berada dalam Parlimen, dan yang lebih tertarik lagi pada pandangan saya, saya buat sedikit *research*, apabila Parlimen meluluskan pindaan Akta 355 pada tahun 1984, ia telah dibawa ke Dewan Negara pada 18 Disember 1984 dan yang membawa rang undang-undang ini ke Dewan Negara adalah Menteri pada masa itu iaitu Dato' Radzi Sheikh Ahmad, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan apabila usul itu dibawa untuk sokongan, *surprisingly* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, yang menyokong rang undang-undang di peringkat Dewan Negara Yang Berhormat Datuk Dr. James P. Ongkili, Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga Ahli Parlimen Tuaran, Sabah. Itu yang menyokong di Dewan Negara pada masa itu.

Jadi saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Marang, selaras dengan pandangan atau pun persoalan Yang Berhormat Tanjong, adakah bersetuju bahawa menyokong satu-satu rang undang-undang itu terpulang kepada Ahli-ahli Parlimen masing-masing, sama ada Islam atau bukan Islam? Terima kasih.

**Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Perlembagaan sudah memberi hak Islam sebagai agama Persekutuan, agama-agama lain adalah bebas. Dalam pada masa yang sama, kita menghayati konsep Demokrasi Berparlimen. Ada pun sikap Ahli-ahli Parlimen sama ada mereka menyokong atau tidak, itu bukan hak saya. Terpulang kepada masing-masing - hendak menyokong, membangkang, berkecuali, saya tidak boleh paksa. Biarlah konsep demokrasi. Yang kita bawa ke Parlimen ini pun kerana memahami prinsip demokrasi dan memahami prinsip Perlembagaan dan Rukun Negara, menghormati penganut semua agama.

Bukan sahaja - malah disebut, bahkan Islam sendiri dalam Al-Quran, saya sebut dalam ayat mukadimah tadi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Surah Al-Maidah. Jika mereka orang bukan Islam datang kepada kamu dalam kes-kes mereka, sekiranya mereka mahu kepada hukum Islam, maka boleh diterima. Mereka tidak mahu, mereka tidak boleh dipaksa, terpulang kepada mereka.

Islam telah memerintah selama 1,000 tahun lebih dalam negara yang sangat luas, belum ada alat-alat yang canggih yang segera seperti kini boleh menangani masyarakat majmuk di mana kita mengalami keadaan orang-orang bukan Islam tidak mahu menerima undang-undang Islam, diserahkan kepada mereka sendiri, bagaimanakah? Dan dibenarkan mereka mengadakan mahkamah mereka sendiri dalam hal yang berkait dengan agama.

Saya sudah sebut pada awal tadi, sepatutnya kita berdialog secara harmoni. Agama masing-masing ada tokoh-tokoh agama, pemimpin agama mereka. Apakah salahnya dihimpunkan semua penganut agama ini untuk memberitahu pandangan agama masing-masing? Kita menerima apa yang terbaik. Ini cara yang terbaik, yang perlu kita lakukan untuk memelihara keharmonian di antara kaum dalam negara kita. Kita tidak perlu sangsi dan takut di antara satu sama lain. Ada pun persoalan, adakah ada udang di sebalik batu?

■1450

Kita perlu terbuka, bukan batu di sebalik, udang pun tidak apa, secara terbuka. Kita mengamalkan demokrasi ada kerajaan negeri dan ada Kerajaan Pusat. Dalam perkara yang berkait dengan hal-hal orang Islam menjadi tanggungjawab penganut agama Islam tanpa mengira parti politik, tanpa mengira fahaman. Tanpa mengira sesiapa menjadi tanggungjawab mereka untuk melaksanakan ajaran agama mereka sendiri.

Oleh sebab perkara ini berkait dengan kepentingan bersama orang-orang Islam, tidak menjadi kesalahan rundingan diadakan sama ada peringkat politik, peringkat kerajaan, peringkat pegawai. Maka diadakan perundingan peringkat politik kerana yang dipilih dalam Dewan Negara dan Dewan Rakyat ialah peringkat politik. Rundingan peringkat pegawai, pegawai juga negeri, kita ada negeri Kelantan, ada Kerajaan Pusat boleh berunding kerajaan negeri. Kalau sekiranya hal yang berkait dengan kehidupan, hal lebu raya, hal jambatan kedua Pulau Pinang, hal macam-macam boleh berunding antara negeri dengan pusat. Adakah salah kami berunding dengan Kerajaan Pusat di semua peringkat? Ini tidak menjadi satu kesalahan.

Seterusnya saya beralih kerana masa yang sangat singkat. Saya beralih dalam aspek ekonomi iaitu isu GST. GST cukai darurat. Di samping perkara yang tersurat perlu disedari di sana ada perkara yang tersirat, bukan yang tersurat sahaja. Banyak kenyataan yang disurat, yang diluahkan bahawa ekonomi kita sangat kukuh, ekonomi kita sangat kuat. Kalau ekonomi kita sangat kukuh dan sangat kuat, bermakna kita bukan berada dalam keadaan darurat, bukan darurat. GST adalah darurat.

Dalam keadaan darurat pun Islam mengemukakan syarat-syarat kalau darurat. Pertama, mesti tidak ada sumber-sumber yang lain. Kalau ada sumber yang lain tangani sumber yang lain itu. Mesti dilihat kalau ada sebab-sebab yang tertentu seperti ketirisan, kebocoran, salah laku. Ini mesti ditangani masalah-masalah ini semua, ditangani masalah ini semua. Tidak ada pembaziran, ditinggalkan amalan pembaziran, menghadapi masalah penyelewengan, salah laku dan seumpamanya dan mestilah tidak membebani rakyat.

Sangat membimbangkan GST yang dilaporkan dalam ucapan Bajet 2016 dibandingkan dengan sebelumnya meningkat kepada peningkatan yang mendadak, cukainya mendadak. Akan tetapi mesti dikaji dalam masa yang sama ialah kesan inflasi yang meningkat. Inflasi meningkat sehingga 2.3%. Inflasi yang melibatkan barang-barang keperluan rakyat yang bukan sahaja berkait dengan penguatkuasaan undang-undang termasuklah juga kesedaran dan kefahaman masyarakat yang perlu disedari. Perlu ditangani hal-hal ini. Kita bimbang perkara negatif ini akan membebankan rakyat.

Seterusnya saya ingin tarik perhatian dahulu dalam aspek ini. Kerajaan menggunakan kaedah BR1M, bantuan langsung kepada rakyat. Kaedah ini dilaksanakan memberi ikan, bukan memberi kail. Kalau beri ikan lepas habis ikan, dia minta ikan pula. Ini akan jadi begitu. Mintanya lebih banyak ini menyebabkan meningkatnya BR1M. Meningkatnya BR1M akan meningkat bebanan kerajaan. Sepatutnya bukan memberi ikan, memberi kail. Peruntukan disediakan untuk subsidi, kemudahan-kemudahan seperti perikanan, pertanian, nelayan ini perlu dilakukan. Kemudahan mengeluarkan baja yang murah, makanan ternakan haiwan yang murah. Itu sepatutnya.

Kalau beri secara langsung saya yakin pengalaman yang sudah-sudah berlaku hal-hal penyalahgunaan yang sangat membimbangkan. Dalam masa yang sama pengawalan terhadap alam sekitar ini juga tidak berlaku dengan cara yang baik dan telus. Hasil laut kita makin hari makin hakis kerana pengawalan yang tidak tegas dalam menghadapi hasil laut.

Saya kejar-kejar masa Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menarik perhatian dalam aspek ekonomi ini ialah tentang hubungan antarabangsa TPPA. Filipina telah membatalkan hubungan dengan TPPA kerana fahaman politik antarabangsa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa Yang Berhormat. Masa berakhir Yang Berhormat.

**Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang]:** Ya. Saya harap kerajaan juga membuat kajian kerana ekonomi Amerika dan barat yang tidak kukuh dalam suasana keamanan dunia yang tidak boleh dijamin dengan ketegangan berlaku antara timur dan barat setelah perang dingin perang sudah menjadi panas sekarang. Maka kerajaan kita perlu mengambil kira hal yang seperti ini untuk mengkaji semula TPPA. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Langkawi. Yang Berhormat Langkawi tidak ada, Yang Berhormat Putatan. Sila Yang Berhormat Putatan.

### 2.56 ptg.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk sama-sama berbahas pembentangan bajet Yang Amat Berhormat Perdana Menteri minggu yang lalu. Pertama saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagi pihak semua rakyat warga Putatan kami mengucapkan terima kasih antara banyak kawasan Parlimen yang lain. Saya rasa bangga Putatan adalah antara kawasan Parlimen yang tertinggi, terbesar dan dibahagi peruntukan yang terbanyak.

Semenjak 10 tahun yang lalu saya tidak nafikan antara peruntukan yang terbesar adalah dicurahkan di kawasan Putatan, Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana kerjasama antara Ahli Dewan Undangan Negeri, dua ADUN di kawasan Putatan yang telah bekerja keras. Saya juga ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Haji Musa bin Haji Aman dan ADUN Petagas Datuk Seri Panglima Haji Yahya Hussin dan Datuk Edward Yong kerana sama-sama membangun dan kita bekerjasama untuk membuat Putatan seperti apa yang ada sekarang ini.

Dengan jumlah Bajet 2017 berjumlah lebih kurang RM260 bilion ini merupakan bajet yang berani untuk mensejahterakan rakyat jelata secara inklusif. Walaupun keadaan ekonomi dunia tidak menentu namun sumber bajet ini adalah dari pecahan 43.1 peratus pendapatan cukai, penggunaan hasil kerajaan sebanyak 15 peratus, cukai tidak langsung sebanyak 22.9 peratus, hasil bukan cukai sebanyak 15 peratus dan cukai langsung lain sebanyak 3.2 peratus.

Menurut *World Bank*, Malaysia antara 13 buah negara yang mencatatkan pertumbuhan ekonomi yang baik walaupun berhadapan dengan ketidakstabilan ekonomi dunia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri wira negara yang telah bertahan dengan kritikan dan tohmahan dari semua sudut. Walau begitu banyak pisau yang datang menikam dari depan, dari belakang tetap Yang Amat Berhormat dapat bertahan dan tidak lari daripada tanggungjawab untuk mengurus kewangan negara.

Saya percaya dan yakin negara kita tidak akan bankrap seperti mana yang dikatakan oleh golongan-golongan yang mahu Kerajaan Barisan Nasional jatuh termasuk permainan politik pembangkang. Kerja pembangkang memecah belah perpaduan rakyat, membuat tuduhan yang tidak betul, budaya yang tidak sopan dan sikap yang tidak baik, *walking out of the* Dewan, dengan izin, buat kecoh dalam Dewan, mempamerkan *placard* macam budak kecil. Langsung tidak memperjuangkan perpaduan.

■1500

Pihak pembangkang ini satu bukti yang memecah belah perpaduan rakyat. Dalam dewan ini kita berjuang untuk mempertingkatkan identiti. Membela maruah dan mempertingkatkan martabat bangsa Malaysia. Kita berjuang membangun dan mempromosikan kebudayaan bahasa sistem-sistem nilai murni, kepercayaan dan agama masing-masing. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Marang. Dewan ini adalah berdemokrasi. Terpulanglah kepada wakil rakyat, menyokong apa yang diutarakan oleh Yang Berhormat Marang tadi. Kita ada *freedom*. Berjuang kepada satu tahap pembangunan dan kemajuan sehingga mencapai status bangsa Malaysia yang maju. Membina bangsa Malaysia yang bersatu padu seperti mana yang dicita-citakan oleh Wawasan 2020. Kita memperjuangkan melalui prinsip-prinsip politik rundingan, politik keharmonian, politik kedamaian, politik setia kawan dan politik perkongsian kuasa yang diamalkan oleh kerajaan Barisan Nasional.

Saya menyokong Bajet 2017 yang sungguh *inclusive*, berhemah dan menyejahterakan rakyat. Bukan digubal untuk kepentingan atau berlegar kepada kumpulan rakyat tertentu sahaja. Namun direka bersifat *inclusive* dari kesejahteraan rakyat *overall*. Saya balik kawasan pada hujung minggu. Saya telah dicabar oleh beberapa orang penduduk di kawasan Putatan di pejabat saya. Kenapa Yang Berhormat tidak menyokong kenyataan daripada bekas-bekas peguam. Menyatakan satu rakyat dari Putatan disokong menjadi, dinaikkan sebagai *Chief Justice of Malaysia*. Saya menyentuh di sini bukan kerana dia dari Putatan. Bukan kerana dia pengundi saya. Walaupun dia telah mengundi saya tiga kali. Bukan bermaksud dia adalah sepupu saya. Bukan bermaksud dia sekampung dengan saya. Bukan maksud kami membesar sama-sama. Melastik burung sama-sama dulu. Bukan kroni. Orang ini adalah orang yang baik. Orang yang berpengalaman. Orang yang sudah lama memberi sumbangan kepada negeri Sabah dan negara. Beliau kawan Tuan Yang di-Pertua. Setahu saya.

Dia ialah seorang peguam yang dikenali sebagai *Chief Justice of Borneo* dan Sarawak. Nama beliau Tan Sri Richard Malanjum. Saya minta, mohon daripada kerajaan yang dipimpin Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya memberi satu hadiah lagi. Hadiah kepada negeri Sabah. Hadiah kepada kawasan Putatan. Seperti mana yang disuarakan terlebih dahulu ini. Ini boleh menjadi satu kebanggaan dan satu sejarah bagi negeri Sabah. Buat pertama sekali budak dari Sabah menjadi *Chief Justice of Malaysia*. Jadi, saya berterima kasih kerana sebelah sana telah menyokong banyak, sebelah sini pun menyokong banyak. Terima kasih saya ucapkan kepada



semua. Terutama dalam *legal circle* yang menyentuh soal pelantikan Tan Sri Richard Malanjum.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya. Kalau mahu cakap. Kalau tidak masa saya baca habis.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua Minta kebenaran. Yang Berhormat Putatan, saya dari *legal fraternity*. Saya rasa terpinggir. Saya cuma hendak tanya Yang Berhormat Putatan. Adakah ini cara-cara, *is it appropriate way* untuk seorang *Member of Parliament* untuk lobi pelantikan Ketua Hakim? Bukankah kehakiman sepatutnya berkecuali dan bebas? [*Tepuk*] Pihak kami adalah dari perundangan. Kehakiman adalah bebas dari campur tangan perundangan. Ini adalah satu inti pati yang amat penting daripada segi semangat Perlembagaan Persekutuan.

Maka saya tidak setuju dengan cara Yang Berhormat Putatan untuk melobi secara terbuka di Dewan yang mulia ini. Ketua Hakim Negara mesti dilantik berdasarkan kepada integriti, kewibawaan, kredibiliti, kemampuan seseorang. Bukan kerana dia orang kampung saya. Saya sokong.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Okey, Yang Berhormat Taiping.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Jika orang Yang Berhormat Taiping dia rasuah pun saya tolak juga. Tak macam Yang Berhormat Putatan. Yang Berhormat Putatan dia pilih kasih, tidak boleh diterima. Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Itu saya ceritakan apa penduduk di Putatan cakap kepada saya. Ini bukan melobi, tapi hanya luahan hati sebagai seorang rakyat daripada Putatan. Saya juga rakyat. Faham itu, Yang Berhormat Taiping. Bukan melobi. Okey, terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya tertarik kepada apa yang diluahkan daripada penduduk Putatan semasa saya berjumpa dengan rakyat. Di mana pemberian cermin mata sejumlah 150 orang. Bantuan perbaikan rumah yang kena bencana alam. Inilah bantuan kepada kuil-kuil dan *gurdwara*. Masa bercerita soal apa yang kurang, apa yang tidak senang hati kepada wakil rakyat. kerana ada perkara-perkara yang belum lagi disampaikan kepada rakyat. Inilah perkara-perkara yang ditimbulkan oleh rakyat Putatan untuk saya bawa bahas ke Parlimen.

Satu daripada kenyataan dari *The Sun Daily* yang kata pencaruman KWSP telah mencapai umur. Siapa yang mencapai umur 70 tahun yang dikatakan mencecah RM260,000 tidak lagi dibayar dividen ke atas simpanan mereka. Kekeliruan ini kerana

dasar KWSP pada tahun 2008 melalui Akta KWSP 1991 yang menyatakan sedemikian. Saya cadang kerajaan *review* dasar ini. Isu keagamaan, janji pilihan raya membaiki kuil-kuil, tokong-tokong dan juga gereja-gereja perkara yang ditimbulkan. Mereka tahu tiap-tiap tahun saya *me-repair* masjid-masjid dan surau-sarau dan dilihat oleh mereka yang tidak beragama Islam. Maka, janji untuk membaiki gereja-gereja. Walaupun saya bagi tiap-tiap tahun, peruntukkan untuk Hari Raya. Bagi lembu, raya korban, Krismas dan Deepavali saya bagi. Walau bagaimanapun inilah satu permintaan daripada penduduk di Putatan.

Isu apa yang berlaku di Sabah, saya ucapkan tahniah kepada pihak SPRM kerana telah membuat satu sejarah dengan penangkapan sebilangan pegawai penjawat awam di Jabatan Air Negeri Sabah ini. Saya mengharapkan pihak SPRM dapat menjalankan tugas yang betul. Supaya jabatan-jabatan lain yang melibatkan projek-projek kerajaan yang besar harus juga dipantau. Bukan maksud saya semua jabatan ini terlibat. Saya hanya mengharapkan penjawat-penjawat awam ini dapat bertanggungjawab atas apa yang di harapkan rakyat kepada mereka untuk jalankan tugas dengan telus.

#### ■1510

Saya tidak bermaksud menyalahkan semua penjawat awam tetapi ada juga sebilangan kecil, *little Napoleons* yang tidak bertanggungjawab bila menjalankan tugas. Seperti satu kes pelaksanaan yang tidak dipantau, ini kes *gravity water pipe*, dengan izin, yang diletakkan meter di kawasan-kawasan terpencil terutama di perkampungan-perkampungan Orang Asli. Ini saya harap Jabatan Audit telah pun mengambil tindakan ke atas perkara-perkara begini. Inilah tindak-tanduk daripada pegawai-pegawai yang tidak menentu.

Saya juga ingin menyentuh sedikit daripada kementerian KKLW, bekalan elektrik. Sabah sememangnya sudah biasa kekerapan *blackout*. Dengan jumlah pada tahun 2016, peruntukan luar bandar hanya diberi untuk tujuan yang sama, untuk tujuan bekalan elektrik RM398 juta dan pada tahun ini dikurangkan kepada RM250 juta. Saya mengharapkan perbelanjaan ini dapat dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak supaya masalah kekerapan *blackout* di Sabah dan Sarawak ini dapat diatasi dan dapat menyenangkan hati rakyat. Apa salahnya kalau kawasan luar bandar ini diletakkan *solar system* dan kalau boleh bekalan air itu, *gravity meter* yang kena *treated* daripada tadahan air hujan ataupun air daripada bukit dan disalurkan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Jadi ini belum lagi dapat dilihat seperti berkesan.

Banjir, saya harap peruntukan untuk permasalahan banjir kilat dan perbelanjaan di Sabah ini dapat ditambah, pengorekan sungai, pemulihan sungai-

sungai dapat diberi. Pagi tadi saya mendapat jawapan dari pihak Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, fenomena perubahan cuaca ini amat, *more worry* ya. Jadi saya hendak cadangkan supaya persediaan daripada kerosakan akibat daripada banjir dan pelbagai lagi seperti cuaca El Niño, La Niña dapat juga kita beri seperti *community education* kepada masyarakat yang *vulnerable* terutama penduduk-penduduk yang berada di tepi pantai yang mana tanah-tanah mereka telah pun dinaiki air masin, air pasang dan tanah-tanah yang rendah itu tidak lagi dapat ditanam dengan padi. Saya harap ada kolaborasi antara Kementerian Pertanian, MPIC ataupun LKIM supaya kawasan-kawasan yang tidak dapat ditanam dengan padi, dapat diusahakan dengan tanaman-tanaman yang lain yang memberikan hasil pendapatan kepada penduduk-penduduk yang *vulnerable*.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana memberi peruntukan untuk menyukat tanah-tanah adat iaitu *the native title* di negeri Sabah dan Sarawak. Ini membolehkan pemilik-pemilik tanah itu dengan banyak untuk peningkatan pendapatan penduduk di luar bandar. Saya bercadang juga selain daripada itu saya mengharapkan kolaborasi juga di semua kementerian untuk mewujudkan *cluster* untuk kotej industri ataupun mohon untuk R&D, penyelidikan. Tiap-tiap kawasan Parlimen harus diberi satu projek *cluster* untuk orang-orang kampung atau penduduk-penduduk di luar bandar untuk berusaha daripada hasil-hasil pertanian.

Bukan sahaja hasil pertanian tetapi dengan produk-produk biodiversiti di kawasan masing-masing, terutama herba-herba dan perubatan-perubatan kampung, *traditional medicine*. Ini perkara yang senang dan saya harap pihak AIM dapat membuat satu kajian, melihat kepada kepentingan produk-produk yang ada pasaran seperti pisang Sabah, ubi kayu yang boleh kita dengan senang membuat satu produk hiliran. Ini juga membantu pemilik-pemilik tanah terutama tanah-tanah yang terbiar.

*Pan Borneo Highway*, naik peruntukannya daripada RM800 juta kepada RM1.5 bilion. Saya mengharapkan dan rakyat Sabah mengharapkan penyiapan projek tersebut dapat disiapkan dengan mengambil masa yang singkat, jangan sampai 18 tahun.

Belia dan Sukan- Transformasi Nasional 2050 ataupun TN50 mewujudkan *as a caliber nation state as per with excellence mindset* amat dialu-alukan untuk golongan belia kepada semua kaum di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Ini adalah satu-satu langkah kementerian yang terpuji supaya *mindset* kita dapat daripada dulu kita memperkasakan pihak belia kita untuk membuat sesuatu yang sebagai *a developed nation*.

Pengangkutan- kempen berwaspada dan berbudaya iaitu sikap sopan di jalan raya. Undang-undang haruslah diperketat, ini satu yang dicadangkan supaya apabila kita memandu, kita mesti bersikap sopan, bukan macam beberapa orang pemandu di negara kita ini terutama pemandu dari Sabah. Bukan saya memalukan pemandu Sabah sebab tidak mengikut peraturan ataupun sikap-sikap yang baik. Saya mengharapkan pihak pengangkutan ini dapat mengadakan kempen sopan santun di jalan raya supaya kita melihat negara kita sebagai negara yang memberi satu kebanggaan kepada kita.

Perumahan, masih banyak perlu diperbaiki. Kutu-kutu sampah masih berleluasa. Mohon digubal undang-undang yang ketat untuk mengatasi pembuangan sampah di merata-rata tempat. Ini satu yang saya lihat sampah-sampah yang dicampak dengan *indiscriminate throwing of rubbish*, dengan izin, menyebabkan *culverts* kita cepat tersumbat dan mengakibatkan banjir kilat di kawasan-kawasan bandar, di pekan dan juga di kawasan-kawasan perkampungan. Inilah antara satu penyebab yang saya lihat harus ditangani oleh kerajaan.

Kesihatan. Saya mohon daripada Menteri Kesihatan, tolong jangan tutup Klinik 1Malaysia di *Cyber Square*, Penampang dan di Taman Ketiau, Putatan. Jangan tutup, wakil rakyat yang menjadi mangsa oleh penduduk kerana ini satu-satunya masalah yang kita bagi dulu dan kita tutup, ini jadi satu masalah yang besar.

Pelajaran- tolong jangan tutup dua IPG di Sabah iaitu dekat rumah saya iaitu IPG Gaya dan IPG di Keningau, guru-guru marah Tuan Yang di-Pertua. IPG di Sabah, Sandakan sudah pun ditutup kerana mengurangkan perbelanjaan mengurus. Ramai guru yang...

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Pencerahan.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Ya, masa tidak cukup.

**Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Putatan bersetuju bahawa penutupan dua IPG di Sabah ini adalah merupakan sebagai satu isu yang begitu sensitif di Sabah.

Kedua, apakah jangkaan Yang Berhormat mengenai dengan reaksi orang-orang Sabah ini sekiranya cadangan penutupan itu diteruskan? Sekian.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Yang Berhormat Ranau. Sangkaan itu susah saya mahu sangka sebab sangkaan itu rakyat yang punya sangkaan. Jadi kalau rakyat marah itu, tahu-tahulah dia punya pangkah itu takut kita tidak kena pangkah. Jadi itulah sangkaan saya. Saya mengharapkan kalaupun mahu ditingkatkan taraf IPG ini ke peringkat universiti, saya tidak ada masalah.

■1520

Saya sokong 150%. Akan tetapi kalau diturunkan kepada hanya kolej vokasional, satu buah pusat latihan TVET. Saya pun tidak faham apa ini. Jadi, rakyat jangan kasi keliru soal ini dan saya harap Yang Berhormat Menteri Pelajaran dapat melihat perkara dengan serius. Di universiti telah pun mengurangkan potongan peruntukan. Di Malaysia, kita ada 20 buah universiti. Semua perbelanjaan *operating expenses* 5 yang menurun. UKM yang paling banyak yang kena turun, 31%. Saya bercadang perbelanjaan mengurus dalam universiti haraplah berhemah dan semua-semua perbelanjaan yang tidak penting, saya harap pihak universiti dapat kurangkan.

Saya bercadang universiti-universiti yang mengeluarkan R&D, yang menghasilkan penemuan, jangan potong sebab ini baik untuk negara kita. Sumber manusia. Oleh sebab sebab mengurangkan perbelanjaan, maka saya telah dimaklumkan satu surat daripada Ketua Pengarah Jabatan Tenaga Manusia kepada semua pengurus ILJTM iaitu penangguhan pengambilan pelajar baru bagi sesi 2017 dan Julai 2017. Saya ingin bertanya, adakah penangguhan ini tiada *intake* baru dan apa aktiviti akan dilaksanakan dalam institut ini sekiranya tiada pelajar?

Sekolah jenis kebangsaan, sekolah-sekolah kebangsaan yang mendapat RM500 juta. Saya melihat sini sekolah kebangsaan dapat, sekolah kebangsaan Cina, Tamil, sekolah agama, sekolah bantuan kerajaan tetapi saya tidak nampak pula bagaimana pengagihan kepada sekolah-sekolah mubaligh. Saya harap pihak kementerian dapat melihat ini sebab di kawasan Sabah ini banyak sekolah-sekolah mubaligh. Penyokong-penyokong kita pun terdiri daripada guru-guru dan antara pemimpin-pemimpin negara kita pun dihasilkan oleh sekolah-sekolah mubaligh. Kita jangan lupa itu. Saya mengharapkan peruntukan kepada sekolah-sekolah mubaligh di kawasan saya, terutama sekali *Stella Maris School* dan *La Salle Secondary School*, di mana saya dididik sampai sekarang. Saya mengharap peruntukan-peruntukan ini bukan sahaja di kawasan saya tapi di kawasan-kawasan Parlimen yang lain. Saya harap kementerian dapat melihat ini kerana bajet kita pada tahun ini, tahun depan adalah *inclusivity*, termasuk juga orang-orang kurang upaya, keluarga yang perlu dibantu, keluarga-keluarga di luar bandar yang kita mesti lihat sebagai satu asas menunjukkan kepada *inclusivity*, tidak mengira kaum, bangsa, kepercayaan dan warna.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** [*Bangun*] Hendak sokong ini.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Saya juga bercadang- Oh, Yang Berhormat Sepang.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak betulkan sikit lah Yang Berhormat Putatan ya, terima kasih. Walaupun saya keluar daripada Dewan tapi saya pasti soal mubaligh ini ada dalam buku ini. Cuba Yang Berhormat Putatan *try* tengok muka surat 44 ya- RM50 juta untuk sekolah mubaligh. Ini kena *fair* daripada Perdana Menteri sebab dia pernah baca ini. Tiba-tiba Yang Berhormat Putatan tidak dengar. Yang Berhormat Putatan, saya bersetuju ya daripada kata Yang Berhormat Putatan, ada 2 fasal pecah rekod lah ya, SPRM itu.

Cuma saya juga supaya Kerajaan Sabah itu pecahkan rekod di Malaysia ini dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Putatan bahawa Tan Sri Richard Melanjun patut dilantik sebagai Ketua Hakim. *I've a paid several times, dengan izin, before dan I found him a fair judge. So, I hope* kita rakyat Malaysia ini pecahkan rekod, pecahkan satu sejarah, lantik seorang Ketua Hakim dari Sabah dan Sarawak. Bagi saya, saya tidak kisah. Melayu kah, Cina kah, *as long is a fair judge, I'm okay, even from Sabah and Sarawak. No problem, this is my position.*

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Sepang. Sebab Yang Berhormat Sepang ini sudah kuat, terima kasihlah Yang Berhormat Sepang kerana berjiwa rakyat Sabah. Itu hadiah kepada negeri Sabah. Saya ingin menyambung soal apa yang diertikan *inclusivity* ini. Jadi, saya juga menyahut saranan daripada sahabat saya dari Ranau. Komuniti-komuniti yang minoriti Tuan Yang di-Pertua, termasuk komuniti-komuniti yang dari Sabah dan Sarawak, jangan lupa Orang Asli, jangan lupa orang-orang yang duduk di nun di sana, duduk masih di atas bukit, masih di bawah pokok. Ini saya harap satu pendekatan kerana bajet ini *inclusivity* dan saya harap dapat membantu persatuan-persatuan golongan yang etnik-etnik minoriti di negeri Sabah dan Sarawak.

Jadi, ini saya rasa ini memberi satu *mileage* kepada kerajaan supaya dapat menyampaikan, kita turun padang, naik bukit, melihat apa yang berlaku sebenarnya, melihat cara-cara kehidupan penduduk-penduduk di nun di luar bandar sana. Itu saja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana mendengar ucapan yang tidak begitu menarik kepada pembangkang sebab saya tidak mengambil banyak provokasi daripada pembangkang. Terima kasih, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dalam *list* saya, Yang Berhormat Lanang. Sila Yang Berhormat Lanang. Selepas Yang Berhormat Lanang, saya jemput sebelah, Yang Berhormat Langkawi, selepas itu baru Yang Berhormat Pagoh.

### 3.26 ptg.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2017. Tuan Yang di-Pertua, Bajet 2017 bajet yang paling teruk bagi Sarawak. Dulu semasa Bajet 2014, Bajet 2015 dan Bajet 2016, Perdana Menteri selalu memberi penekanan kepada bajet untuk Sarawak. Akan tetapi kali ini dalam Bajet 2017, Sarawak tidak disebut sebanyak mana dalam bajet 3 tahun yang lalu. Ini seolah-olah Pilihan Raya Negeri Sarawak telah berlalu dan Perdana Menteri tidak lagi memerlukan sokongan daripada rakyat Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi pada Sarawak tidak mencukupi untuk pembangunan di Sarawak supaya mencapai sama taraf dengan pembangunan di Semenanjung. Bukan sahaja pihak pembangkang membuat aduan mengenai pengabaian Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan tetapi Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Adenan Satem pun bersetuju bahawa Sarawak masih ketinggalan jauh berbanding dengan Semenanjung. Ketua Menteri Sarawak pernah kata, beliau mahu pembangunan di Sarawak setanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Apa yang Semenanjung ada, Sarawak juga mahu.

Akan tetapi selama ini, mana ada peruntukan yang sama rata atau secukupnya diberi pada Sarawak untuk pembangunan setanding. Ia tidak berlaku pada 53 tahun yang lalu dan masih tidak berlaku pada Bajet 2017. Jadi, saya menyeru supaya semua Ahli Parlimen Sarawak BN menolak Bajet 2017. Bersama-sama kita sebagai wakil rakyat Sarawak mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kerajaan supaya membawa satu usul untuk meminda satu perkara dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memulihkan status atau kedudukan Sarawak dan Sabah kepada kedudukan asal sebelum pindaan Perlembagaan Persekutuan yang dibuat pada tahun 1976 iaitu pindaan bagi Perkara 1(2), Perlembagaan Persekutuan yang telah menurunkan status Sarawak daripada status wilayah kepada status negeri, menjadikannya sebahagian daripada 13 buah negeri di Malaysia.

Menurut Perjanjian Malaysia 1963, Persekutuan Malaysia adalah sebuah Persekutuan negara-negara, tidak seperti bekas Persekutuan Tanah Melayu yang merupakan satu sistem kesatuan negeri dengan pemusatan kuasa kerajaan. Jadi, hak dan keistimewaan yang termaktub dalam Perjanjian Malaysia 1963, Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (ICG), Perlembagaan Persekutuan dan Laporan Suruhanjaya Cobbold perlu diberi balik pada Sarawak. Saya juga menggesa agar semua Ahli Parlimen dari Sarawak dan Sabah bersatu dengan mengetepikan

perbezaan politik bagi memulihkan kedudukan sebenar kedua-dua Sarawak dan Sabah dalam Persekutuan Malaysia dan menuntut semula kuasa dan hak Sarawak dan Sabah, termasuk kuasa autonomi Sarawak.

■1530

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu keselamatan di Sibü. Semakin banyak kes jenayah berlaku di Sibü dan baru-baru ini kes rompakan di kedai kopi yang berlaku pada pukul 5 pagi. Ini membawa perasaan takut dan ketidaktenteraman kepada rakyat jelata bukan sahaja di Sibü malah di seluruh negara juga. Sudahlah hidup susah, perlu bangun awal untuk mencari makan, rakyat dirompak pula. Bukan sahaja wang dirompak, pemilik kedai kopi juga dcederakan oleh perompak.

Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dapat mempertingkatkan serta menjamin keselamatan rakyat di Sibü.

Sekali lagi saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri mengenai ketidakcukupan anggota polis dan polis peronda di Sibü. Walaupun diminta untuk mengadakan satu dialog bersama Ketua Polis Daerah Sibü yang baru, sehingga sekarang beliau tidak dapat berjumpa dengan wakil rakyat daripada pembangkang. Saya rasa pihak polis tidak sepatutnya pilih kasih siapa yang ingin beliau berjumpa, dan siapa yang tidak boleh kerana kita wakil rakyat yang dipilih secara sah oleh rakyat.

Kami hanya ingin membawa suara rakyat kepada pihak polis dan juga ingin berbincang dengan pihak polis supaya dapat membawa isu kekurangan anggota polis atau alat-alat di balai polis seperti *printer*, *aircond*, kipas di pejabat polis ke dalam Dewan yang mulia ini. Saya dimaklumkan oleh rakyat bahawa mereka perlu membawa *printer* untuk mencetak laporan polis kerana tidak ada *printer* atau *ink* di balai polis. Saya harap ini adalah tidak benar dan harap kementerian dapat menyasat dan menyelesaikan masalah ini.

Selain itu, Balai Polis Lanang didapati ditutup pagar pada waktu malam. Bagaimanakah rakyat dapat mendapatkan perlindungan terutamanya wanita jika diekori oleh penjenayah? Kita sering menasihati rakyat supaya memandu masuk ke balai polis jika mendapati seseorang mengekori di belakang tetapi sekarang balai polis pula tutup pagarnya pada waktu malam. Bagaimanakah orang awam mendapat perlindungan daripada polis?

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, boleh minta sedikit?

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ya, boleh.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Sedikit sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Lanang, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut kongsi pendapat dengan Yang



Berhormat Lanang di Ibu Pejabat Polis Ipoh di mana *aircond* sudah rosak tiga bulan, tidak ada peruntukan untuk memperbaiki. Polis apabila *record statement* tidak ada duit untuk beli *printer* baru dan pegawai terpaksa ambil gaji sendiri beli A4 *paper* untuk fotostat. Saya rasa perkara yang dibangkit oleh Yang Berhormat Lanang *is only tips of the iceberg* dan saya rasa terpanggil supaya Kementerian Dalam Negeri akan siasat dan memperbaiki kebajikan-kebajikan pegawai-pegawai polis semasa melaksanakan tugas secara profesional. Sekian, terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Ya, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Taiping. Jadi Kementerian Dalam Negeri perlulah menyiasat dan menyelesaikan masalah ini di seluruh negara dan bukan sahaja di SibU.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Repot tulis tanganlah.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Okey, saya sambung balik. Balai Polis Lanang yang ditutup pagarnya pada waktu malam. Takkan kita pergi ke balai polis, turun dari kereta, tekan loceng dan tunggu sehingga pintu pagar dibuka jika penjenayah di belakang kita? Tambahan pula, saya tidak nampak ada loceng di pintu Balai Polis Lanang... [*Dewan ketawa*] [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, jika pihak polis sendiri sudah takut kepada penjenayah, bagaimanakah pula orang awam yang tidak mampu mempertahankan diri mereka daripada ancaman jenayah? Saya faham keselamatan polis juga perlu dijamin tetapi bagaimana pula dengan rakyat? Jadi, apakah pendekatan kementerian dalam isu ini supaya keselamatan orang awam dan juga polis sama-sama dijamin?

Tuan Yang di-Pertua, pihak polis memaklumkan bahawa jalan di luar Balai Polis Lanang terlalu gelap, tidak cukup lampu jalan. Inilah masalah kekurangan lampu jalan raya yang masih serius di SibU. Sudah banyak kali saya mohon Kerajaan Barisan Nasional untuk membekalkan lampu jalan di kawasan saya iaitu di sepanjang Jalan Tun Ahmad Zaidi Adruce yang sering berlaku kemalangan tetapi sampai sekarang masih tidak ada lampu jalan pada sebahagian besar jajaran jalan tersebut.

Saya mohon Kerajaan Pusat untuk memberi peruntukan yang secukupnya supaya kerajaan negeri tidak memberi alasan tiada peruntukan untuk memasang lampu jalan yang secukupnya di SibU terutamanya di kawasan Lanang.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Ketua Menteri Sarawak pun sudah letih mahu minta... [*Dewan Ketawa*]

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Saya juga ingin memohon jasa baik kerajaan untuk memasang CCTV di seluruh kawasan SibU dan Lanang ataupun sekurang-kurangnya di kawasan yang lebih tinggi kejadian jenayah agar jenayah di SibU dapat dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri tentang masalah perjudian mesin kuda di SibU dan Sarawak. Saya dimaklumkan oleh Ketua Jabatan Siasatan Jenayah SibU, DSP Yeoh Chun Shyan bahawa pihak polis *go all out*, dengan izin, untuk membanteras kegiatan perjudian mesin kuda di SibU. Maka, saya ingin bertanya keberkesanan tindakan polis ke atas masalah ini.

Akan tetapi, satu lagi masalah perjudian telah muncul iaitu perjudian *online*. Isu ini pun saya pernah bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini pada tahun ini. Saya rasa banyak daripada Ahli Parlimen telah menerima SMS yang mempromosi perjudian kasino *online*. Dengan adanya *Smartphone* dan data atau WiFi, seseorang dapat berjudi di mana-mana tempat pada bila-bila masa. *Anytime, anywhere*.

Bulan ini saya terdengar satu perbualan di antara dua orang lelaki semasa beratur di Public Bank untuk menukar kad debit baru. Seorang mengatakan dia telah kalah sebanyak berpuluh ribu ringgit berjudi *online*. Kemudian, dia pula mengajar kawannya bagaimana dapat berjudi atas talian. Saya rasa ini amat berbahaya dan kita tahu apabila ekonomi buruk, kes jenayah akan naik. Tambahan pula, dengan perjudian atas talian yang tidak sihat ini, ia pasti akan menjadi satu punca peningkatan kes jenayah.

Saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak kerajaan dalam menangani masalah SMS yang mempromosikan kasino *online* dan sama ada kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu *taskforce* untuk menangani masalah perjudian *online*?

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan satu lagi isu berhubung dengan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM). Saya dan beberapa Ahli Yang Berhormat di sebelah sini telah membuat laporan polis tentang *posting* di *Facebook* yang membawa tuduhan yang tidak benar terhadap kami tetapi mengapa seolah-olah tiada apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak SKMM dan pihak polis? Malah, jika ada apa-apa *posting* yang memburuk-burukkan nama Perdana Menteri atau *First Lady of Malaysia*, pemilik akaun *Facebook* dapat terus dikesan dan ditangkap serta dituduh di mahkamah. Mengapakah ada *double standard* oleh SKMM? Adakah SKMM hanya ditubuhkan untuk menjaga kepentingan Perdana Menteri dan *First Lady of Malaysia* sahaja dan bukan orang awam? Saya ingin minta penjelasan kementerian, berapakah kes yang dilaporkan oleh pihak pembangkang dan orang awam disiasat dan dibawa ke mahkamah?

Kes yang saya lapor di Balai Polis SibU dimaklumkan oleh pihak polis bahawa SKMM tidak dapat *trace*, tidak dapat kesan pemilik atau *admin account page* tersebut.

Akan tetapi, *it is an open secret*, dengan izin, kepada semua orang SibU siapa sebenarnya pemilik akaun *Facebook page* tersebut. Adakah SKMM tidak dapat kesan kerana ia penyokong BN dan *page* tersebut pro BN?

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri, jumlah warganegara yang berumur 21 tahun dan ke atas yang layak mendaftar tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih sehingga daftar pemilih suku kedua, tahun 2016 adalah sebanyak 4,373,708 orang. Adakah kerajaan bercadang untuk membolehkan warganegara yang berumur 21 tahun menjadi pemilih secara automatik?

Ini kerana pada umur 21 tahun, masih banyak warganegara berada di luar negara untuk melanjutkan pelajaran mereka. Saya rasa ia adalah lebih adil jika setiap warganegara yang layak mengundi diberi peluang mengundi secara automatik dan tidak menyusahkan mereka mendaftar di Pejabat Pos atau Pejabat SPR.

#### ■1540

Saya juga ingin mencadangkan supaya Parlimen di Malaysia boleh menetapkan *fix term* atau *fix date election*. Adalah tidak adil kepada semua rakyat untuk meneka bila pilihan raya umum setiap kali dan tidak dapat mengatur jadual cuti mereka untuk melancong, untuk urusan perniagaan, konvokesyen dan sebagainya. Banyak kali wartawan tidak dapat mengambil cuti semasa kempen pilihan raya kerana tidak tahu bila masanya. Rakyat juga tidak ingin melepaskan peluang untuk mengundi pada masa pilihan raya. Jadi saya rasa ia adalah lebih adil kepada semua jika tarikh pilihan raya umum ditetapkan dan diketahui oleh semua.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan satu isu tentang kebajikan kepada ibu tunggal. Saya ingin tahu sama ada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berhasrat untuk menambahkan bantuan kebajikan ibu tunggal memandangkan RM100 untuk seorang anak dan maksimum RM450 atidak mencukupi kepada ibu tunggal yang mempunyai anak kecil dan tidak dapat bekerja. Dengan harga barangan yang semakin tinggi, ekonomi yang buruk dan dengan adanya GST, adakah rancangan kementerian untuk meringankan beban golongan ibu tunggal terutamanya ibu tunggal di kawasan luar bandar?

Selain itu, saya dimaklumkan pembayaran bantuan kebajikan sering lewat atau diberhentikan tanpa notis. Jabatan Kebajikan Masyarakat selalu memberi alasan yang tidak munasabah seperti peruntukan belum diterima, wang sudah di bank, suruh mereka menunggu sahaja dan sebagainya. Saya ingin minta penjelasan daripada kementerian tentang apakah sebabnya kelewatan pembayaran wang bantuan kepada penerima yang layak.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Bangun]*

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Silakan Yang Berhormat Kapar.

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lanang. Saya ingin merujuk kepada kementerian tersebut, minta bagaimana pengurangan dana yang telah berlaku dalam Kementerian Pembangunan Wanita, Kebajikan dan Masyarakat kerana pengurangan ini ada *effect*, ada impak secara terus kepada pemberian wang kepada penerima-penerima kebajikan sebab setiap tahun, setiap bulan, setiap hari ada kes-kes baru yang dibawa ke Jabatan Kebajikan.

Namun begitu dana diturunkan. Bila dana diturunkan, ia tidak dapat menampung penerima yang sedia ada dan juga penerima-penerima yang akan datang. So, saya perlu penjelasan daripada kementerian, bagaimana penurunan dana ini tidak akan mengganggu penerima yang sedia ada dan boleh juga menampung penerima-penerima yang akan bakal mendapat penerimaan tersebut daripada jabatan kebajikan. Terima kasih.

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Saya ingin masukkan ucapan Yang Berhormat Kapar ke dalam ucapan saya dan minta jawapan daripada Menteri. Jadi saya ingin minta penjelasan daripada kementerian apakah sebabnya kelewatan pembayaran wang bantuan kepada penerima yang layak.

Tuan Yang di-Pertua, satu *special task force* diwujudkan oleh JPN pada 1 Januari 2016 untuk menyelesaikan masalah tiada kad pengenalan terutama di kalangan rakyat di kawasan pendalaman Sarawak. Saya ingin tahu setakat mana keberkesanan *task force* ini sehingga sekarang. Saya juga ingin tahu sama ada *task force* ini dapat membantu kanak-kanak yang tidak dapat dicari ibu bapa kandung mereka tetapi dijadikan anak angkat kepada warganegara Malaysia untuk menyelesaikan masalah kewarganegaraan mereka.

Selain itu, saya ingin membangkitkan satu isu tentang *air conditioner* di JPJ Sibul. Saya dimaklumkan oleh seorang rakyat bahawa *air conditioner* di JPJ Sibul sudah rosak selama setahun. Saya ingin membawa isu ini kepada Kementerian Pengangkutan supaya menyasat dan membekalkan kemudahan yang sempurna kepada pegawai di JPJ dan juga orang awam. Saya berharap agar kerajaan akan memberikan jawapan yang realistik dan menyatakan penyelesaian kepada masalah-masalah yang telah saya bangkitkan di sini. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Bagan Serai.

### 3.44 ptg.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** *Bismillahir Rahmanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak kerana telah berjaya membawa pembentangan perbelanjaan tahun 2017 dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya pada mukadimah dalam perbahasan ini ingin membawa Dewan yang mulia ini kepada tujuan-tujuan sebenarnya. Melihat kembali pada asas dan tujuan bajet tahunan dilakukan kerana daripada sehari ke sehari, daripada setahun ke setahun saya mengikuti perkembangan bajet dan saya melihat rakyat makin keliru dengan apa yang patut dilihat sebenarnya. Rakyat hari ini keliru kerana ramai masyarakat dekat luar sana membelek-belek, melihat-lihat dari muka surat ke muka surat untuk melihat di mana sektor dia disebut. Di mana cikgu-cikgu disebut, di mana nelayan-nelayan disebut, di mana *taxi drivers* disebut dan juga mungkin juga tentera pun lihat di mana dia disebut. Kalau ada sebut tentera, bajet itu bagus. Kalau tidak ada sebut tentera, bajet itu tidak bagus. Kalau inilah yang menjadi ukuran kepada baik atau tidak baik, kepada bagus atau tidak bagusya sesuatu bajet tahunan itu, maka susahlah kalau macam ini.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Hendak tanya Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]:** Yang Berhormat Bagan Serai, bajet ini ada sebut tentang pemandu teksi. Adakah ini bagus untuk pemandu teksi?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, saya baru mukadimah. Minta sebentar. Apa yang paling mengelirukan pembangkang-pembangkang yang membawa isu-isu yang tidak berkaitan dengan bajet. Isu-isu yang tidak berkaitan dengan bajet, isu-isu yang tidak menyentuh sebenarnya hala tuju, matlamat dan tujuan bajet tahunan dilakukan... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat dan memberi satu contoh seolah-olah kita mendaki bukit.

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Yang Berhormat Tambun membangkitkan apa yang tidak berkaitan dengan bajet kah?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Seolah-olah kita mendaki bukit, ada jalan yang berliku-liku. Dalam masa kita hendak *maneuver*, dengan izin

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita hendak mendaki bukit dengan liku-liku ini, kita melihat kepada suasana pada satu masa itu.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Bagi contohlah, jangan cakap bukit gunung.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagaimana satu bajet itu untuk dilakukan melihat kepada suasana yang berlaku. Hari ini kita hendak naik bukit, kalau bukit hujan, kita buat macam mana. Kalau ada becak, macam mana kita buat. Ibarat sebuah kapal terbang yang hendak terbang kalau dia tengok awan, dia akan ubah. Akan tetapi bukan dia ubah untuk ke sana tanpa mengingati matlamat perjuangan dia dan dia akan kembali kepada matlamat asalnya.

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, bajet tahunan ini adalah sebenarnya satu matlamat jangka panjang yang kita ada sekarang ini iaitu RMKe-11 atau Rancangan Malaysia Kesebelas. Adakah kita telah lupa ke mana kita hendak pergi dalam lima tahun ini? Dalam lima tahun ini, bajet tahunan itu merujuk kepada usaha-usaha kita untuk menuju kepada matlamat kita iaitu RMKe-11. Ini tahun pertama.

Kita jangan lupa setahun yang lepas, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membentangkan RMKe-11. Ini baru tahun pertama dan kita melihat persamaan adakah kita pergi kepada matlamat kita. Tuan Yang di-Pertua, maksud saya secara ringkasnya ialah melihat kepada matlamat kita iaitu RMKe-11 dan tujuan bajet dilakukan adalah untuk menentukan kita atas hala tuju jalan untuk menuju kepada cita-cita dan matlamat negara kita... *[Dewan riuh]* Cita-cita kita, matlamat 2020, negara maju, pendapatan tinggi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** *[Bangun]*

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Ada lagi ke Wawasan 2020?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** *[Ketawa]* Mana ada 2020 lagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, sudah lima minit semua kosong sahaja. Tak ada apa-apa *content*. Apakah ini?

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat, 2020 ada lagi ke sekarang?

**Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]:** Sekarang 2050 lah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Hari ini ekonomi dunia, kita berdepan dengan banyak masalah ketidakpastian. Kita kena tengok apa yang kita hadapi sebenarnya hari ini. Dunia hari ini berdepan dengan *the new normal*, normal-normal baru. Kita tidak tahu hari ini tiba-tiba, oh Brexit datang.

■1550

Kita tidak tahu hari ini, tiba-tiba, oh! Minyak turun, tiba-tiba. Oh! Masalah peperangan, tiba-tiba. Oh! Geopolitik. Ini masalah-masalah yang mendatang untuk kita melihat bagaimana kita mencari jalan-jalan penyelesaian bukan mengusutkan, bukan mengelirukan lagi dan bukan meneruskan pembohongan demi pembohongan. Tuan Yang di-Pertua...

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Tidak masuk bajet...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Ketidaktentuan ekonomi global yang saya cuba hendak terangkan ini ialah contohnya kita ambil minyak.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Ini penglipur lara.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Minyak hari ini bukan turun macam 'V'. Bukan dia turun dan naik dan dia bukan *cyclical* tetapi minyak hari ini datang dia macam 'W' naik-turun, naik-turun, naik-turun kita pun tidak tahu, kita pun tidak tahu, Arab Saudi pun tidak tahu.

**Seorang Ahli:** Siapa tahu, siapa tahu...

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya hendak bagi contohlah. Tuan Yang di-Pertua, dalam dua hari perbahasan ini saya dengar banyak isu yang merapu-rapu, merepek-merepek, membelit-mebelit daripada sebelah sana. Semalam saya dengar kalau tidak silap saya Yang Berhormat Shah Alam berkata bahawa kerajaan bila minyak jatuh melakukan GST, mendera rakyat. Sebenarnya kerajaan telah membuat keputusan yang tepat, betul, berani, yang proaktif untuk melihat kebajikan rakyat, kesejahteraan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, semasa kita membentangkan, semasa kita menunjukkan pada rakyat GST tahun 2013, minyak pada tahun USD100 setong. Apabila dia dibentangkan minyak bila jatuh dan apabila dia *implement* minyak pada tahap yang rendah tetapi kita, siapa pun tidak terfikir bahawa minyak akan menjadi sampai pernah turun, sampai lebih USD20. Jadi ini ketidaktentuan, ini yang dinamakan *the new normal*, ini yang kita kena fikir. Ini kajian-kajian yang dilakukan. Bukan kita menghentam kromo, bukan kita bercakap terus, berkata ini memberatkan rakyat tetapi Tuan Yang di-Pertua, GST 160 lebih negara sudah buat. Malaysia ini sudah hujung. Kita letak 6% yang paling rendah. GST ini mengelakkan ketirisan supaya mereka yang lari daripada tanggungjawab membayar hutang, membayar cukai akan mula membayar cukai.

GST cukai kepenggunaan. *The more you use the more you pay*. Siapakah yang pakai banyak? Siapakah yang pakai banyak? Orang kaya yang pakai banyak. Siapa yang pakai sedikit, orang miskin lah yang pakai sedikit dan keuntungan daripada

GST diberikan kepada siapa, diberikan kepada orang miskin, kepada B40, kepada rakyat yang memerlukan. Ini yang kita buat.

Tuan Yang di-Pertua, itu sebab saya kata hari ini tengoklah sama *Bloomberg*, tengoklah sama, jangan pandai cakap sahaja. Jangan pakai cakap ini mendera manusia dan sebagainya. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak balik kepada RMK-11 tadi baru setahun. Apa dia dalam RMK-11 hari itu? Enam buah teras yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada Jun 2015.

Pertama, inklusiviti, kesejahteraan, modal insan, *green economy*, pertumbuhan ekonomi dan juga infrastruktur yang penting untuk membawa Malaysia kepada kejayaan. Mari kita tengok hari ini, bajet yang ada di depan mata kita hari ini. Adakah ia menepati? Adakah ia duduk dalam *manoeuvre* yang kita cakap tadi iaitu melihat pada suasana yang ada sekarang ketidaktentuan ekonomi bagaimana kerajaan hendak buat. Bagaimana kerajaan fikir hendak buat macam mana supaya kita duduk di atas landasan yang kukuh memapankan ekonomi kita dan juga bagaimana kita lihat kepada matlamat kita RMK-11.

Tuan Yang di-Pertua, tema bajet kita lihatlah, baca baik-baik tema bajet kita. Tema bajet kita ada tiga, perpaduan, inklusiviti, kesejahteraan. Ini yang saya hendak katakan tadi bahawa kalau kita lihat kepada isu-isu mikro, negara kita negara perdagangan yang terbuka yang terdedah kepada ketidaktentuan ekonomi global yang berlaku sekarang ini. Kerajaan kita yang ada sekarang ini begitu prihatin telah melaksanakan usaha-usaha untuk menstabilkan ekonomi.

Itulah sebab kita lihat kejayaan negara kita di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, di bawah pimpinan Kerajaan Barisan Nasional. Selama lima dekad kita berada di KDNK 6.2%, *maintain* 6.2% dan hanya ada beberapa tahun 1998, 2009 di mana kejatuhan kelembapan ekonomi disebabkan oleh kejutan-kejutan global. Tidak ada kejutan tidak ada masalah di dalam negara Malaysia yang tercinta ini. Tuan Yang di-Pertua, jelas, jelas bahawa apa yang terjadi kejutan dunia. Apakah yang kerajaan buat? Hari ini kita lihat KDNK kita pada tahap 4.1% dan kita meluncur *insya-Allah* kepada 4.5% dan pada ketika ini...

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Yang Berhormat, minta pencilahan. Boleh minta sedikit sahaja. Sama-sama Perak. Perak, Perak.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Taiping, sebentar Yang Berhormat Taiping. Saya masih lagi dalam *floor*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat duduklah, Yang Berhormat. Duduk, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua..



**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sukacita saya mengalu-alukan kehadiran penuntut-penuntut daripada sekolah kerajaan, sekolah rendah, Sekolah Rendah Kerayong Jaya, Bandar Bera. Jadi saya mengalu-alukan kehadiran itu... *[Tepuk]* Kalau boleh jangan anak-anak kita terkejut. Suara itu jangan terlampau kasi lantang *[Ketawa]* Kalau ada nanti pencelahan, mencelah baik-baik. Sila, sila Yang Berhormat.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Tuan Yang di-Pertua, saya akan celah dengan cara baik.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya bernafas sedikit.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Minta pencelahan Yang Berhormat, minta mencelah sedikit. Satu soalan sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Taiping, nanti dahulu Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Taiping duduk, Yang Berhormat Taiping. Saya tidak habis lagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Bagi jalan sedikit sahaja.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sebentar lagi saya akan bagi.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Saya cuma tanya tadi Yang Berhormat kata tidak ada kejutan ekonomi maka tidak ada masalah.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sabar Yang Berhormat Taiping. Yang Berhormat Taiping bersabar Yang Berhormat Taiping. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Taiping tidak mahu dengar cakap.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dia tidak kasi laluan, Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya tidak kasi, saya akan beri, saya akan beri sebentar lagi. Sabar, sabar.

**Tuan Nga Kor Ming [Taiping]:** Takut hendak jawab, tidak apa.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey, sila, sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Kalau sahabat-sahabat orang Islam saya boleh kata, *"Innallahama'as sobhirin"* akan tetapi Yang Berhormat Taiping tidak faham apa saya cakap. Tidak apa duduk Yang Berhormat Taiping. Sabar, Yang Berhormat Taiping, sabar. Saya sedang membandingkan KDNK dunia hari ini 3.1% malah ada kajian yang mengatakan ia akan menjunam kepada 2.9 yang saya sudah ulang beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini tentang *red alert* ini, tentang kelembapan-kelembapan yang mungkin akan berlaku.

Kita akan masuk langkah satu lagi kepada kelembapan ekonomi dunia. Kuasa-kuasa lembap hari ini tetapi Malaysia masih lagi di tahap 4.1%. Maknanya kita KDNK

lebih baik daripada KDNK dunia. Kita melihat kepada perkara ini apa yang kerajaan sudah buat. Kerajaan pada awal-awal lagi sudah mempelbagaikan sumber dan tidak bergantung banyak kepada komoditi, kepada minyak dan gas. Pada awal tahun 2009 kita kalau tidak silap saya Tuan Yang di-Pertua, 46% kebergantungan kita tetapi hari ini hanya tinggal 14% lebih.

Hari ini bila minyak jatuh kita stabil lagi sebab kita sudah mula kepada *trading*, kita sudah mula kepada pembuatan, perkhidmatan di mana kita adalah di antara yang dipercayai, yang tersohor tentang eksport umpamanya E&E, kita negara Malaysia hari ini. Indeks kepercayaan kita pada hari ini tinggi.

Keduanya, saya hendak ucap tahniah kepada kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dengan berani dan betulnya dan tepatnya melaksanakan GST. GST ini telah digembar-gemburkan oleh pihak pembangkang dengan warna yang buruk. *You painted it wrongly, you painted it harshly*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah* dengan adanya GST apabila adanya minyak merudum kan kita selamat. Bukankah kita dapat menaikkan BR1M. Bukankah kita dapat menolong pelajar-pelajar, mereka B40, dapat membantu nelayan, membantu pekebun getah, membantu pesawah padi, membantu petani, membantu semua orang malah wakil rakyat juga dibantu. Kena sedar bab itu, yang itu kena sedar sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, ini yang saya hendak sebut tentang GST tadi, itu satu perkara yang baik dan kita buat GST mendera orang. Sebanyak 8,000 barang lebih telah disifarkan dan ubat dikecualikan dan banyak lagi. Kita perlu ingat yang membayar banyak GST mereka yang kaya, mereka yang banyak duit, mereka yang menggunakan duit mereka untuk macam-macam sedangkan mereka yang miskin tidak menggunakan sebanyak itu. Jadi pembelian GST tidak banyak.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai. Sedikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yes, sila Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Saya cuma ingin tanya kepada Yang Berhormat Bagan Serai, adakah Yang Berhormat Bagan Serai pernah turun padang, tanya kepada pengundi-pengundi yang di bawah apakah pandangan mereka terhadap pelaksanaan sistem cukai GST? Saya rasa kalau kita turun padang tanya kepada rakyat jelata saya rasa kebanyakan mereka akan kata GST membebankan mereka... *[Tepuk]* Saya rasa selaku wakil rakyat, kita haruslah bersuara demi kepentingan rakyat bukanlah mempertahankan segala yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Tuan Yang di-Pertua pun sudah hendak berehat itu.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) mempengerusikan Mesyuarat]*

■1600

**Beberapa Ahli:** Jadi apa kena-mengena dengan... *[Tidak jelas]*

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Memang kita harap Yang Berhormat Rasah ini dia turun padang. Selalulah turun padang tengok rakyat Rasah. Saya turun padang juga, terpaksa menceritakan kebenaran kerana kekeliruan yang telah diwujudkan oleh pembangkang tentang GST ini. GST membantu, kata GST mendera pula. GST membantu, dia kata GST mendera pula. *Masya-Allah.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat, diam sedikit Yang Berhormat.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai, duduk sekejap Yang Berhormat Bagan Serai. Saya ingatkan Yang Berhormat, ketika Yang Berhormat sedang berucap, Ahli Yang Berhormat lain kena diam. Kalau tidak suka dengar, tidak suka duduk diam boleh minum teh keluar. Ya sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ketiga yang saya hendak sentuh ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Saya akan sebut nama yang cing, cing, cing saya akan sebut nama minta keluar. Ya, Yang Berhormat Lenggong. Ya sila.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perkara ketiga yang saya hendak sentuh ialah tentang rasionalisasi subsidi.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekejap sahaja, sabar. Saya tengah *flow* sekejap. Rasionalisasi subsidi iaitu menurunkan subsidi dan mengurangkan subsidi. Ini kerana subsidi pukal yang diamalkan adalah tidak adil dan diserakkan semua orang. Orang kaya dapat subsidi, orang miskin dapat subsidi. Mana boleh.

Oleh sebab itu rasionalisasi subsidi supaya penjimatan daripada subsidi ini diberikan kepada orang yang memerlukannya, betul. Jadi memerlukannya bermakna subsidi ini subsidi bersasar. Ini tiga perkara yang saya hendak tabik dan *salute* kepada Kerajaan Barisan Nasional pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana berjaya mengekalkan KDNK kita dan berjaya menurunkan defisit negara kita.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Bagi peluang sekali.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tuan Yang di-Pertua, berdentum-dentum manusia melihat kepada kita punya bajet dan hendak melihat di mana apa kita dapat sebenarnya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kuala Nerus bangun.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Kuala Nerus.

**Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Selalu dia kacau saya. Saya suka dengar perbincangan berkaitan GST. Saya hendak tegaskan pandangan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Cukai GST cukai berdasarkan kepenggunaan. Maksudnya berdasarkan perbelanjaan. Cukai berdasarkan penggunaan itulah yang tidak boleh bezakan antara yang berbelanja itu orang kaya ataupun orang miskin. Cukai dalam Islam apabila dikenakan juga kepada orang miskin walaupun satu sen, dua sen pun hukumnya adalah haram. Apakah pandangan daripada Yang Berhormat?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Faham saya cukai kepenggunaan ini cukai yang adil kerana mereka yang menggunakan banyak bayar banyak. Mereka yang tidak guna banyak bayar sedikit. Tuan Yang di-Pertua, cukai ini bukan membebankan. Kita mesti faham bahawa cukai ini satu tanggungjawab umum kita kepada negara.

Kita ada kereta, kita hendak jalan elok, kita hendak hospital elok, kita hendak universiti elok, kita hendak gaji elok tetapi di mana kerajaan hendak dapat duit kalau bukan daripada percukaian. Jadi dengan ada cukai GST ini kita melebarkan lagi pendapatan negara. Untuk siapakah? Untuk rakyat. Untuk siapakah? Untuk rakyat. Ini kena bagi *clear* benda ini dahulu supaya kita cakap itu berlandas.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu kita lihat hari ini dalam bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita lihat luar biasa sebab *inclusive* kesejahteraan. Itu sebab kita lihat hari ini ada tok imam, ada tok siak, ada OKU, ada

wanita, ada SME, tok batin pun datang ke Dewan. *Taxi drivers* datang ke Dewan, orang sukan datang ke Dewan. Ini untuk mempamerkan, untuk menunjukkan betapa seriusnya kerajaan untuk menjalankan *inclusive*. Akan tetapi macam-macamlah orang kata. Apabila kita tidak bagi dia berbunyi. Apabila kita bagi dia kata gula-gula. Ini persepsi. Saya rasa kita janganlah jadi manusia yang seperti kacang lupakan kulit. Kita mesti fikir macam itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bergerak kepada satu lagi perkara yang sangat penting yang saya rasa saya hendak sampaikan iaitu tentang perkara yang lebih pokok. Tentang desas desus mengatakan kerajaan kita akan bankrap, kerajaan kita kerajaan yang gagal- *failed state*. Ini, jangan main-main kerana ini memberikan kesan.

Saya hendak tunjukkan beberapa fakta. Pertamanya, negara kita mempunyai pertumbuhan KDNK selama lima dekad lebih 6.2%. Purata 6.2% *maintain*. Hanya ada beberapa episod kelembapan yang saya sebut tadi, tidak disebabkan oleh Malaysia tetapi kejutan-kejutan global dunia.

Kedua, pendapatan per kapita. Kita lihat dari tahun 1970, USD402. Tahun 2015 USD11,300. Peningkatan sebanyak 28 kali, 28 *times* 1970 dengan sekarang.

Ketiga, kita lihat pendapatan bulanan isi rumah. Tahun 1970 RM264. Tahun 2015 RM6,141. Peningkatan sebanyak 23 kali. Sebanyak 23 kali meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, yang akhirnya kemiskinan. Kadar kemiskinan hampir 50% isi rumah miskin. Sampai hari ini tahun 2015 kita hanya kurang dari 1% iaitu hanya 0.6% kadar kemiskinan. Kalau kita bawa butiran-butiran ini kepada World Bank, kepada IDB, kepada IMF dan kita kata adakah ini ciri-ciri negara yang gagal? Adakah ini ciri-ciri negara yang gagal? Mereka akan kata kita ini bodoh, buta, tidak tengok. Ini fakta-fakta.

Mana boleh negara sesebuah negara yang *maintain* KDNK 6% yang telah menaikkan pendapatan isi rumah 23 kali, yang naikkan pendapatan sehingga 29 kali, mengurangkan kemiskinan sehingga 0.6%, mana boleh dikatakan negara gagal. Mana boleh dikatakan *failed state*. Ini yang saya katakan tadi mengelirukan. Bukan sahaja mengelirukan malah saya kata ini satu pembohongan yang nyata.

Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi kalau kita hendak cakap semalam saya dengar daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara. Dengan lantangnya Yang Berhormat Petaling Jaya Utara menceritakan tentang "*kleptocracy*". Saya hendak tunjuk Tuan Yang di-Pertua, ini saya ada bawa satu data yang sahih. Akan tetapi saya rasa data ini sebab saya takut pembangkang tidak nampak. Data ini agak kecil saya sudah besarkan data ini.

**Tuan Teo Kok Seong [Rasah]:** Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Bagan Serai, mintalah *power point*.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Sekejap Yang Berhormat Rasah. GDP dari tahun 2009 RM713 bilion telah meningkat kepada RM1.1 trilion. Peningkatan GDP sebanyak 60%. Saya hendak ambil satu ini. Dari tahun 2009 iaitu pada masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memasuki pejabat hingga sekarang meningkat. Peningkatan sebanyak 60%. Mana mungkin kerajaan *kleptocracy* mendapat peningkatan 60% dalam GDP. Mana mungkin. Oleh sebab itu saya kata hari ini kata-kata yang salah kalau kita daripada data-data yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ambil yang besar ini. *Investment*. *Investment* tahun 2009 kita RM154 bilion sehingga RM157 bilion meningkat kepada RM287 bilion. Satu peningkatan 80% dan juga kita lihat pada *government revenue* pada tahun 2009, RM158 bilion kepada RM225 bilion. Kita juga lihat pada *tax revenue* daripada RM106 bilion kepada RM183 bilion. Peningkatan sebanyak 72%.

Ini data-data yang sah. Ini data-data yang sah. Kita lihat peningkatan-peningkatan ini. Malah kalau saya hendak sebut untuk perbandingan. Kita amat berterima kasih kepada Tun Mahathir yang selama ini memerintah menjadi ketua pemerintah negara. Akan tetapi kalau kita lihat pada tahun GDP pada masa Tun Mahathir melepaskan jawatan kepada Pak Lah, kita lihat peningkatan ada RM419 bilion. Ada saya dengar kata zaman Tun Mahathir tidak ada hutang yang banyak. Macam mana hendak ada hutang yang banyak, pendapatan pun kecil. Duit pun tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan berdasarkan fakta-fakta ini saya sudah kata bolehkah kita mencapai peningkatan demi peningkatan kalau negara ini kleptokrasi ataupun ini satu pembohongan daripada Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Yang di-Pertua, ini cerita mufliis dan bankrap ini. Saya ada lima minit lagi. Ringkas boleh?

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar ini, Yang Berhormat Bagan Serai ini macam seorang pemicato daripada *Amway* hebatnya itu [Ketawa] Hebat. Realitinya Yang Berhormat Bagan Serai, saya hendak tanya, mungkin *disconnect* sedikit.

■1610

Apa yang menjadi isunya ialah Yang Berhormat Bagan Serai, rakyat dahulu apabila dia dapat RM100, dia pergi *market*, banyak barang yang dia boleh bawa balik. Jadi, dia seronok. Dia ada RM100, dia pergi *market*. Bagan Serai dan Sungai Petani sama sahaja. Saya ingat orang Melayu, orang Cina, orang India, dia punya *needs* sama. Akan tetapi sekarang ini, dalam masa dua tiga tahun ini khususnya, tahun inilah yang rasa sekali, dia pergi *market*, dengan RM100, banyak benda yang dia tidak mampu beli. Bukan persepsi. *Really* ialah dia rasa *something wrong*. Sebuah negara yang kaya dengan penduduk yang amat kecil iaitu 30 juta orang tetapi tiba-tiba dia rasa kenapa kita harus berhutang sampai hampir-hampir RM700 bilion. Jadi, ini yang menjadi persoalannya.

Jadi, adakah ini bermaksud salah *management*kah ataupun salah rakyatkah ataupun salah duniakah atau salah siapa? Ini masalahnya. Terima kasih.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Nampak gayanya Yang Berhormat Sungai Petani, kita kena duduk minum kopi untuk sembang benda ini lebih *detail* lagi. Kena masuk *Amway* rasanya ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak merujuk ini. Cerita ini cerita negara hendak muflis ini. Bising sini sana. Malaysia akan muflis. Hati-hati sikitlah cakap.

Tuan Yang di-Pertua, defisit fiskal. Apabila kerajaan buat keputusan pada tahun 2009, pada tahap kita 6.7 *percent* dan turun tahun demi tahun. Tahun 2015 sebanyak 3.2 *percent*, tahun ini dianggarkan 3.1 *percent* dan kita menuju kepada tiga *percent* pada tahun depan. Satu matlamat, satu usaha yang serius oleh kerajaan. Ini saya lihat ini. Saya lihat daripada satu data *Malaysian Government Budget* ini. Lihat graf yang ada di sini. Graf yang ada di sini.

**Seorang Ahli:** Tidak nampak.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tidak nampak? Kalau tidak nampak, saya bagi yang besar punya. Saya ada hari ini, Tuan Yang di-Pertua. Saya bawa yang besar-besar. Saya takut pembangkang tidak nampak. Tengok ini, tengok ini. *Bar chart* ini. *Bar chart* ini turun cantik. Kita kena tengok ini. Ini fakta. Ini fakta. Bukan kita boleh laung-laung macam itu. Laung-laung kemudian kita tuduh orang macam-macam. Kerajaan sangat komited dan serius. Tuan Yang di-Pertua, saya sudah tinggal dua minit lagi.

Ini penting saya hendak tunjuk ini. Penarafan antarabangsa. *International rating*. *Fitch*, *Moody's*, *Standard and Poor's* memberikan penarafan yang baik untuk negara Malaysia. *A- Moody's*, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. *Moody's credit rating for Malaysia was at A3 with stable outlook*.

*Fitch credit rating for Malaysia was last reported at A- with a stable outlook.* Kita lihat *Standard and Poor's credit rating for Malaysia standard at A- with stable outlook.* *A- stable outlook.* Bilakah saya dapat data ini? Pada 24 Oktober selepas bajet dibentangkan. *International rating* memberikan gambaran yang baik dan pandangan yang baik kepada negara Malaysia. Siapakah kita untuk percaya orang-orang yang cakap ini? Siapakah mereka ini? Ini adalah *international credit rating agency* yang tidak terpengaruh dengan apa-apa yang kita lihat memberikan satu gambaran yang baik kepada Kerajaan Malaysia yang mereka kata ini hendak muflis.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Pencilahan, Yang Berhormat Bagan Serai.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Saya terangkan di sini Tuan Yang di-Pertua, ini jelas satu perkara yang mengelirukan dan satu pembohongan yang nyata daripada pembangkang hari ini untuk menyusahkan kerajaan yang sedang menuju ke arah kemajuan.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Yang Berhormat Bagan Serai.

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Bagan Serai, ada dua orang yang bangun. Yang manakah satu?

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Taiping, tidak mahu bangun sudah, Yang Berhormat Taiping? Yang Berhormat Taiping, tidak mahu bangun sudah? Yang Berhormat Taiping? Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal satu minit lagi. Saya minta maaf kepada kawan-kawan. *I'm so sorry.*

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [Bukit Gelugor]:** Sedikit sahaja. Sedikit. Sedikit.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Jika Tuan Yang di-Pertua bagi saya lagi lima atau sepuluh minit, saya akan benarkan sahabat-sahabat saya ini dari Penang dan Pandan ini. Kalau tidak, saya terpaksa tamatkan di sini kerana saya hendak beritahu.

**Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:** Kalau bagi sudah boleh pun. Banyak membebel pula.

**Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Peruntukan yang diberikan ini peruntukan yang berhemah yang mengajak kita berdikari juga. Yang mengajak kita memperbaiki diri kita. Sebab itu hari ini Tuan Yang di-Pertua, saya tetap berfikir bahawa pembentangan bajet ini adalah antara yang terbaik kerana kerajaan memikirkan tentang apa yang perlu dibuat di sebalik tidak ketentuan, di sebalik kejayaan-kejayaan yang ada hari ini. Apa yang dikatakan oleh pembangkang tentang



negara hendak mufliis, tentang negara hendak bankrap ini cuma kata-kata khayalan semata-mata. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak saya ucapkan. *Astagfirullahal'azim. Lahaulawala quwata'llabillahilalimul'azim.* Bagan Serai menyokong bajet ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila Yang Berhormat Pagoh. Yang lain sila diam.

#### 4.15 ptg.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih atas peluang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2017. Saya mengambil peluang ini untuk menyentuh beberapa perkara asas berkaitan dengan bajet dan juga pengurusan ekonomi negara. Pertamanya ialah mengenai tadbir urus ekonomi ataupun *economic governance*. Bercakap mengenai soal ini, saya tidak dapat lari daripada menyentuh satu isu yang amat meresahkan kita hari ini iaitu isu 1MDB [*Tepuk*] Agak menarik perhatian apabila...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebelum Yang Berhormat Pagoh meneruskan perbahasan, sila duduk, Yang Berhormat. Saya sangat hormat kepada Yang Berhormat Pagoh. Saya percaya Yang Berhormat Pagoh telah mendengar penjelasan dan juga petua daripada Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa isu-isu mengenai 1MDB dan juga DOJ serta RM2.6 bilion tidak boleh disentuh dalam perbahasan.

Jadi, saya harap Yang Berhormat dapat... [*Disampuk*] Yang Berhormat, bila soalan pun perbahasan. Tengok dalam *sub judice*, dalam peraturan mesyuarat yang mengatakan bahawa 23 juga menyebabkan *sub judice*. Dalam perbahasan yang melibatkan *sub judice* juga tidak dibenarkan. Jadi, saya terpaksa menegur mana-mana Yang Berhormat yang akan menyentuh perkara mengenai 1MDB. Ini telah dibuat *ruling* oleh Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini ialah saya rujuk kepada apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tambun yang juga telah menyentuh panjang lebar dalam perbahasan peringkat Dasar ini mengenai dengan pengalaman beliau dan soalan yang telah dikemukakan berkenaan dengan 1MDB. Jadi, saya tidak tahu kerana di peringkat itu tidak ada teguran dan beliau dibenarkan untuk sampai ke penghujung ucapannya. Walaupun apa yang disebutkan oleh Tuan Yang di-Pertua, saya ingin hendak menyatakan

bahawa apa yang saya sebutkan itu bukanlah kerana ia tidak berkaitan dengan soal belanjawan.

Isu ini tidak boleh kita asingkan daripada masalah yang besar yang sedang dihadapi oleh negara kita. Apabila sejumlah wang yang dikatakan amat besar yang sekarang ini sudah menjadi satu bebanan dan tanggungan kepada pihak kerajaan. Pastinya ia membawa implikasi yang bukan sedikit terhadap masyarakat dan negara kita apabila dikatakan sejumlah lebih daripada RM53 bilion yang bertanggung di bawah syarikat 1MDB ini adalah yang akan diselesaikan oleh pihak kerajaan.

Jadi, oleh sebab itu saya menyentuh perkara-perkara itu bukan kerana apa. Ia adalah satu daripada aspek yang agak penting yang ada hubung kait dengan belanjawan yang sedang pun kita bahaskan. Banyak perkara yang saya bangkitkan mengenai skandal ini yang saya masih waktu itu berada dalam kerajaan. Saya telah pun menyatakan pandangan saya kepada Perdana Menteri hampir semua perkara yang melibatkan isu 1MDB ini. Semasa saya dalam Kabinet juga, saya tidak bersetuju kepada beberapa perkara yang telah pun dilaksanakan iaitu khususnya pelan rasionalisasi untuk hendak menyelesaikan hutang-hutang yang dikatakan bertimbun menerusi penjualan aset yang diperoleh dengan harga yang murah daripada kerajaan. Oleh sebab saya percaya ada elemen-elemen yang dikatakan terselindung yang tidak dijelaskan dengan nyata.

#### ■1620

Pelan rasionalisasi untuk menyelesaikan masalah ini tidak dibuat oleh pihak yang pakar yang dikatakan bebas tetapi disediakan secara dalaman sahaja oleh Kementerian Kewangan dan saya ingin maklumkan, pada waktu itu diuruskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Jadi seolah-olahnya kerajaan ingin menyembunyikan fakta-fakta penting mengenai apa yang disebutkan penyelewengan yang telah pun berlaku dalam urusan Syarikat 1MDB daripada diketahui oleh pihak yang lain.

Malah, saya ingin sebutkan juga di sini, selepas mesyuarat Kabinet suatu ketika, saya telah menghubungi mantan Peguam Negara dan bertanyakan beliau, *“Adakah wajar pihak kerajaan memutuskan Pelan Penstrukturan Semula 1MDB? Bukankah itu tanggungjawab Lembaga Pengarah 1MDB?”* Peguam Negara bersetuju dengan pandangan saya dan kemudiannya keputusan Kabinet telah pun ditukar daripada meluluskan Pelan Rasionalisasi 1MDB kepada mengambil maklum sahaja tentang cadangan ini.

Jelas terbukti sekarang bahawa teguran saya ini terhadap apa yang dikatakan Pelan Rasionalisasi 1MDB yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Tambun sebagai

Menteri Kewangan II pada ketika itu adalah amat berasas bilamana apa yang diluluskan oleh Jemaah Menteri tidak dilaksanakan. Ini yang saya sebutkan tidak dilaksanakan walau telah diluluskan. Malahan, apa yang berlaku hari ini saya katakan agak berlainan daripada apa yang sepatutnya dilaksanakan.

Begitu juga apabila kerajaan meminta, sebagai contoh, meluluskan pembiayaan sebanyak RM3 bilion kepada syarikat ini untuk membayar faedah pinjaman yang tertanggung pada waktu itu. Saya telah menyatakan rasa tidak selesa dengan keputusan itu bila mana syarikat yang ditubuhkan ini waktu itu tidak dimaklumkan kepada pihak Kabinet dan kehilangan wang yang dikatakan berbilion-bilion Ringgit pun tidak dilaporkan kepada Kabinet. Jadi apabila syarikat ini menghadapi masalah untuk membayar hutangnya, maka barulah Perdana Menteri merujuk perkara ini kepada Kabinet untuk meminta sejumlah wang yang besar daripada pihak kerajaan untuk menyelesaikan tanggungan hutang tadi.

Ini saya kira suatu tindakan yang amat tidak bertanggungjawab dan bertentangan dengan prinsip tadbir urus ekonomi yang baik, tiada ketelusan dan juga *accountability*. Saya amat tidak bersetuju dengan tindakan itu dan akhirnya keputusan untuk meluluskan pembiayaan sebanyak RM3 bilion pada ketika itu ditukar kepada kredit tersedia sebanyak RM950 juta. Ini adalah selepas intervensi yang telah saya buat pada pihak kerajaan pada waktunya.

Jadi apabila masalah 1MDB menjadi semakin parah, kerajaan terpaksa menanggung semua hutang 1MDB yang asalnya berjumlah RM42 bilion dan sehingga tahun lalu dikatakan meningkat kepada RM53 bilion. Jadi kalau tidak bincang soal begini, Tuan Yang di-Pertua, suatu perkara yang agaknya boleh menimbulkan banyak persoalan di luar sana. Bagaimanakah cara kerajaan hendak menyelesaikan perkara ini? Sumber manalah dan dana manalah yang kerajaan guna untuk mengurangkan bebanan ini sedangkan dia meningkat boleh dikatakan tiap-tiap bulan? Pasti juga dalam soal dasar bajet negara, hal ini tidak boleh kita ketepikan. Akan tetapi malangnya, waktu pembentangan, hal ini tidak disentuh.

Jadi persoalan itu berbangkit di kalangan masyarakat di luar menanyakan pada saya, bagaimanakah kerajaan hendak selesaikan? Apakah ini dengan menggunakan seluruh dana yang dia dapat kumpul daripada apa dikatakan hasil GST? Ataupun dia harus mendapat daripada sumber-sumber lain? Sedangkan kita sedar dalam situasi dan keadaan sekarang ini, hasil negara sudah berkurangan, harga minyak sudah pun turun, cukai pun tidak dipungut seperti biasa, jadi dari mana hasil yang ada untuk menyelesaikan masalah tanggungan kerajaan menerusi hutang 1MDB yang amat besar ini?

Jadi, oleh sebab itu saya membangkitkan soal ini dan saya berharap pihak pimpinan Kerajaan Barisan Nasional tidak mengambil mudah malahan seharusnya mengambil langkah untuk menjelaskan cara dan bagaimana perkara itu akan dapat diatasi tanpa membawa kesan dan implikasi yang besar kepada masalah rakyat. Soal bebanan yang harus ditanggung oleh kerajaan yang akan membawa implikasi kepada pengurangan dana dan peruntukan bagi sektor-sektor penting yang diperlukan oleh rakyat jelata.

Saya hendak menyebut di sini tentang satu hadis Rasulullah SAW kalau diizinkan dalam bahasa Arab...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Ya, sila.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** *[Membaca sepotong Hadis]* Saya petik Hadis sahih daripada Rasulullah SAW ini ialah untuk menekankan tentang apa yang disebutkan kemungkaran yang sudah pun berlaku, kesalahan-kesalahan. Dan oleh sebab itu, waktu saya berada dalam kerajaan, saya telah mengambil panduan daripada hadis ini untuk memberi pandangan dan nasihat. Maksud hadis ini ialah, "*Barang siapa yang melihat kemungkaran, maka ubahlah ia dengan tangannya*" yakni dengan kuasa. Dan waktu itu saya berada di sebelah sana, biasa kerusi nombor dua itu, jadi saya ambil kesempatan duduk di sebelah Perdana Menteri selalu, bila melihat keadaan begini, apakah saya harus berdiam diri dan tidak menyebut apa-apa dan hanya bersetuju semata-mata?... *[Tepuk]* Sebab itu saya kena sebutkan itu kerana ini masalah kemaslahatan rakyat Malaysia. Sebagai seorang yang diamanahkan oleh rakyat, dipilih pula itu sebagai Timbalan Presiden UMNO yang menjadi Timbalan Perdana Menteri, saya tidak boleh berdiam diri, Tuan Yang di-Pertua.

Sebab itulah saya sebutkan tadi dikatakan iaitu kalau melihat kemungkaran, ubah dengan tangannya yakni kuasa yang kita ada pada waktu itu. Jika tidak mampu, maka ubahlah dengan lisannya iaitu teguran. Ini sabda Rasulullah. Jika tidak mampu, maka ubahlah dengan hatinya. Maka kita simpan dalam hati sahajalah dan kata "*Apalah, aku tidak boleh buat apa-apa, aku orang biasa*" dan sebagainya. Akan tetapi ikut hadis ini mengatakan ini adalah selemah-lemah iman. Itu yang pertama yang saya hendak sebutkan.

Keduanya ialah tentang institusi-institusi penting negara. Saya sebutkan Jabatan Peguam Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Polis Diraja Malaysia yang kita tahu pada suatu ketika dahulu bertugas dalam satu *taskforce* untuk mencari jalan bagaimana hendak mengenal pasti apakah

isu dan permasalahan yang berlaku dan tindakan-tindakan yang sesuai yang boleh diambil untuk mengatasinya. Jadi kalau saya boleh sebutkan, semua institusi ini antara lain, walaupun dia penting, telah tertubuh sekian lama tetapi menjadi *dysfunctional*, disalah gunakan oleh pihak pimpinan kerajaan untuk melindungi kesalahan-kesalahan yang besar yang telah pun dilakukan.

Kita tahu cerita tentang bekas Peguam Negara ya. Saya tidak hendak panjangkan cerita. Pegawai SPRM ditukar, bersarakan Gabenor Bank Negara yang sudah pun bersara, diugut waktu itu. Dan peranan Ketua Polis Negara, institusi penting yang boleh diberikan kuasa untuk melindungi rakyat tetapi sampai hari ini tidak berbuat apa-apa.

Jadi soal yang berkaitan dengan kita ialah soal integriti institusi ini semakin dipersoalkan. Ketika pihak berkuasa di luar negara mengambil tindakan undang-undang ke atas pihak-pihak yang terlibat dalam kegiatan pengubahan wang haram yang ada kaitan langsung dengan 1MDB, di Malaysia seolahnya tiada apa yang berlaku. Di Amerika Syarikat- saya minta maaf, lalu sahaja, tiada hendak buat secara terperinci- Peguam Negara memfailkan saman ke atas individu-individu yang dikaitkan dengan 1MDB termasuklah anak tiri Perdana Menteri. Peguam Negara Amerika Syarikat menemui bukti-bukti kukuh, kata mereka ya, mengenai perlakuan jenayah kleptokrasi yang terbesar dalam sejarah dunia... *[Tepuk]* Yang menyebabkan kehilangan wang berjumlah sekurang-kurangnya USD3.5 bilion.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Inilah yang dikatakan cara orang lama yang bijak pandai. Walaupun sekali lalu tetapi juga menyentuh... *[Dewan ketawa]* Sila Yang Berhormat Pagoh.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Terima kasih. Saya fikir Tuan Yang di-Pertua faham. Di Switzerland...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sebab saya pun banyak belajar daripada Yang Berhormat Pagoh.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Pihak berkuasa kewangan negara ini juga mendapati beberapa buah bank melanggar undang-undang mengenai pengubahan wang haram yang dikaitkan dengan transaksi 1MDB dan semua ini tertumpu pada skandal yang mana- minta maaf. Pengerusi Lembaga Penasihatnya iaitu 1MDB ialah Perdana Menteri. Akan tetapi di Malaysia, tiada apa-apa yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua. *Nothing happen*. Senyap sunyi.

■1630

Kalau detik jarum jatuh pun boleh dengar seolah-olah siasatan terhadap salah laku ini mereka yang terlibat secara langsung dalam skandal ini tidak dikuatkuasakan. Umpamanya contoh siasatan yang dikatakan hendak buat terhadap CEO ataupun bekas CEO Datuk Shahrol Azral Ibrahim Halmi tidak dibuat. Pengerusi dan ahli lembaga pengarah yang berhenti tidak disiasat, dia berhenti begitu sahaja padahal benda-benda yang telah pun berlaku itu dilakukan sewaktu mana mereka menjadi Ahli Lembaga Pengarah tetapi tiada tindakan yang dibuat.

Saya fikir perkara yang saya sebutkan ini bukan baru cuma saya hendak sebutkan di dalam Parlimen kerana ini ucapan sulung saya di sebelah kerusi di sebelah sini [*Tepuk*] Kemudian itu tidak ada seorang pun yang dipecat, yang dipecat Timbalan Perdana Menteri dulu [*Ketawa*] *Nobody has been removed until today*, ini luar biasa. Padahal saya bukan bekerja dalam 1MDB, saya Timbalan Perdana Menteri takkanlah Timbalan Perdana Menteri tak boleh cakap pada waktu itu. Apa hal? [*Tepuk*]

**Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]:** Mana Yang Berhormat Bagan Serai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, Yang Berhormat Pokok Sena, saya sudah cakap jangan menyampuk. Bagi peluang Yang Berhormat Pagoh.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Ya, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Kita dengar dengan teliti, sabar jangan panas telinga. Sila.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Terima kasih, yang nyata saya sebutkan seolah-olah segala yang berlaku ini disahkan dan dibiarkan oleh Perdana Menteri sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat. Jadi saya rasa sedih, saya kalau tak cakap ini walaupun Tuan Yang di-Pertua tahan saya cakap jugalah. Terima kasihlah kerana mungkin Tuan Yang di-Pertua pun faham apa yang saya hendak sebutkan ini. Jadi Peguam Negara yang baru pun tak menemui sebarang bukti. Ini *nothing new*, saya sebutkan di Parlimen fasal itu di luar, tak ada jumpa apa-apa bukti.

Akan tetapi saya waktu di dalam sana ditunjukkan bukti oleh bekas peguam negara. Kalau dia bohong, bohong lah saya. Kata RM42 juta masuk akaun Perdana Menteri dua kali dalam, ini bukti dia tunjuk kepada saya bukan bohong, *wallahi* saya tidak pernah berbohong. Jadi katanya datang daripada mana? SRC International. Jadi ini satu perkara yang agak memalukan tapi apa kata Peguam Negara, tak ada apa-apa okey. Fasal apa, fasal Perdana Menteri tak tahu duit masuk dalam akaunnya. Jadi

kalau Ahli Yang Berhormat duit masuk akaun sendiri tak tahu okey tak jadi kes apa-apa pun dalam soal ini.

Jadi seingat saya Tuan Yang di-Pertua, janji kerajaan bahawa isu dan masalah ini akan diselesaikan pada tahun 2016 iaitu waktu saya berada di sana dibentangkan Pelan Rasionalisasi 1MDB hanya merupakan satu khayalan yang tidak mampu dilaksanakan dengan berlalunya tahun 2016 yakni tidak berapa lama lagi. Benarlah sebagaimana yang disebutkan oleh Ketua Audit Negara mengenai 1MDB bahawa tahap pematuhan *compliance* dengan tadbir urus korporat adalah di tahap yang paling lemah.

Isu ketiga yang saya ingin bangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah tentang kedudukan kewangan kerajaan yang semakin meruncing dan ketahanan ekonomi negara yang kian lemah. Jelas bahawa bajet tahun hadapan dibentangkan dalam keadaan hasil kerajaan merosot hampir 10% yang sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan harga minyak dunia. Ini yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, purata harga minyak dunia telah jatuh pada USD100 pada tahun 2014 pada kira-kira USD52 setong pada tahun 2015 dan kini dengan purata kira-kira USD42 setong.

Akibat kemerosotan hasil kerajaan ini, defisit bajet negara kita telah meningkat pada hampir empat peratus pada bulan Ogos 2016. Begitu juga dengan hutang kerajaan yang semakin membebankan. Pada bulan Jun 2016, hutang kerajaan dilaporkan berjumlah RM655.7 bilion atau 53.2% pada KDNK. Jika diambil kira hutang 1MDB yang kini berjumlah RM53 bilion yang sebahagian besarnya dijamin oleh kerajaan, maka hutang kerajaan berbanding dengan KDNK adalah melebihi had 55% yang ditetapkan.

Ini menunjukkan bahawa kedudukan kewangan kerajaan amat meruncing dengan bayaran faedah pada hutang kerajaan meningkat daripada RM2.3 bilion pada tahun 2013 kepada RM28.9 bilion pada tahun 2017. Kutipan cukai GST sebanyak lebih RM30 bilion, nampaknya mungkin akan habis digunakan untuk menampung bayaran faedah ini sahaja. Malah jika dilihat akan unjuran pendapatan tahun hadapan sekitar RM220 bilion, kerajaan bercadang akan membelanjakan sebanyak 97% daripada pendapatan negara untuk perbelanjaan mengurus. Ini amat merisaukan saya, hanya lebih kurang RM5 bilion sahaja yang ada untuk perbelanjaan pembangunan. Maka dengan itu sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan, kerajaan terpaksa berhutang sebanyak RM40 bilion lagi untuk perbelanjaan pembangunan pada tahun hadapan.

Lebih merisaukan ialah ketahanan ekonomi Malaysia yang semakin lemah, hutang isi rumah telah pun meningkat secara mendadak daripada RM90 bilion pada

tahun 1997 kepada RM847 bilion pada tahun 2015 iaitu pertumbuhan hutang sebanyak 841%. Hari ini hutang isi rumah Malaysia mencecah 89.9% kepada KDNK iaitu dikatakan di antara yang tertinggi di Asia. Saya bimbang dalam keadaan hutang kerajaan isi rumah meningkat, rizab antarabangsa berkurangan, nilai ringgit juga jatuh, harga komoditi rendah dan kadar inflasi tinggi, negara kita mungkin tidak mampu untuk bertahan jika berlaku serangan spekulasi mata wang. Ini saya hendak sebutkan sebagai amaran kepada kita iaitu ketika Ringgit kita diserang pada tahun 1997 Tuan Yang di-Pertua, sekurang-kurangnya rizab antarabangsa kita pada masa itu masih lagi kukuh.

Harga komoditi masih tinggi dan kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan langkah-langkah rangsangan ekonomi dan juga mengeluarkan negara kita daripada krisis. Malangnya Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan langsung tidak menunjukkan bahawa kerajaan serius dan mempunyai pelan yang jelas untuk membolehkan ekonomi negara dan mempersiapkan Malaysia bagi menghadapi sebarang kemungkinan buruk yang akan berlaku akibat ketahanan ekonomi negara yang lemah ini. Ini satu realiti yang harus kita terima.

Tuan Yang di-Pertua, di awal ucapan tadi saya menyebut tentang isu 1MDB mungkin ada yang mempersoalkan mengapa saya bangkitkan isu ini. Kaitannya dengan bajet adalah jelas RM53 bilion hutang 1MDB ditanggung oleh kerajaan. Akan tetapi malangnya *Malaysian Official 1* tidak menjelaskan secara terperinci bagaimana hutang piutang ini hendak dibayar oleh kerajaan. Persoalannya adakah kerajaan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk melunaskan hutang piutang ini? Tentunya segalanya tertanggung dan perlu dilunaskan menggunakan sumber dana kerajaan iaitu sumber sama ada yang diagihkan kepada kementerian-kementerian dan agensi kerajaan dalam bajet yang dibentangkan. Adakah nantinya kementerian-kementerian akan menerima peruntukan yang lebih kecil berbanding apa yang dijanjikan dalam bajet kerana kerajaan terpaksa menggunakan sumber yang sedia ada untuk membayar hutang piutang yang ditanggung akibat penyelewengan dan kepincangan yang ditadbir ada kaitan dengan tadbir urus negara. Tuan Yang di-Pertua, masa saya tinggal lagi enam minit sahaja.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Boleh saya minta laluan jika diizinkan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, terpulang kepada Yang Berhormat Pagoh.



**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Boleh saya habiskan dulu selepas itu Yang Berhormat masuk.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya, tidak dibenarkan Yang Berhormat Ketereh.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Minta maaf fasal masa singkat, kecuali bagi saya setengah jam lagi bolehlah. Minta maaf Yang Berhormat Ketereh kawan saya juga.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Yang Berhormat Pagoh pernah menduduki sebelah sini sebagai Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri agaknya tiga jam boleh bercakap.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Ya, terima kasihlah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat Kapar.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Tuan Yang di-Pertua, isu 1MDB yang punya kaitan langsung dengan rakyat sebenarnya. Saya jumpa ramai orang bertanya kepada mereka 1MDB ini milik siapa, mereka jawab milik Najib. Ada juga yang nakal kata milik Rosmah [*Ketawa*] Saya kata ini salah [*Tepuk*] 1MDB adalah milik rakyat. Selepas itu saya tanya balik, siapakah yang akan membayar hutang? Selepas itu dia kata, kita lah yang terpaksa bayar hutang baru dia tahu. Makna rakyat akan menanggung beban hutang kerana kerajaan terpaksa membayar hutang daripada wang yang patut digunakan oleh mereka untuk mereka tetapi dialihkan kepada menyelesaikan masalah 1MDB. Jadi rakyat kita sebenarnya sedih, cerdik, mereka tahu juga skandal...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Minta laluan sedikit.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Biar saya habiskan dulu.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Saya rasa kalau Yang Berhormat banyak buat dakwaan elok bagi sikit ruang untuk adakan perbincangan.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Apa yang saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua bukan dakwaan. Ini adalah kenyataan.

■1640

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Tidak apa Yang Berhormat...

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Jangan guna perkataan itu mengatakan ini dakwaan. Ini kenyataan...

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Bagi ruang...

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** ...Bagi pengalaman saya.

**Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh]:** Boleh saya mencelah?

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Saya hendak sedikit sahaja.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin [Pagoh]:** Selain itu skandal 1MDB mempunyai kesan yang negatif atas nilai ringgit yang menjunam. Banyak faktor yang saya tahu mempengaruhi kenaikan atau kejatuhan nilai mata wang tetapi masalah 1MDB ini adalah salah satu faktor utama yang mempengaruhi sentimen pasaran terhadap ringgit. Walaupun dikatakan asas ekonomi kita agak kukuh tetapi kehilangan keyakinan terhadap Malaysia akibat skandal 1MDB ini menyebabkan nilai ringgit kita jatuh ke paras yang lebih rendah.

Pakar-pakar ekonomi menyatakan berdasarkan perkiraan asas ekonomi nilai ringgit kita tidak sepatutnya melebihi RM3.50 bagi satu *dollar*, yang lebih daripada itu ialah kerana sentimen. Maka sebab itu rakyat merungut mengenai kenaikan harga barang. Saya pergi ke pasar dan bertanya dengan ramai suri rumah, berapa dia belanja lebih satu bakul, dia kata RM50 dahulu penuh, sekarang ini separuh sahaja. Tadi kata RM100, sekarang ini RM50 pun tidak penuh seperti mana yang biasa dibeli. Jadi kesan daripada kejatuhan nilai ringgit ini adalah banyak kerana kita mengimport sebahagian besar daripada barang-barang makanan. Waktu saya menjadi Menteri Pertanian dulu hendak melancarkan program, saya akui tidak lagi berjaya. Jadi dengan sebab itu barang-barang yang dibawa masuk, sebahagiannya diimport dan disebabkan oleh ringgit sudah menjunam jatuh, maka pembeli terpaksa membayar harga yang lebih tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Perdana Menteri kerana pandai menggunakan sumber yang ada untuk membina persepsi bahawa semuanya berada dalam keadaan yang baik, *everything is okay*. Banyak yang kita tahu dia menawarkan tawaran-tawaran bergula kata orang tetapi sebenarnya ini ialah saya sebutkan sebagai candu ekonomi yang boleh membuatkan rakyat khayal dengan sedikit pemberian tetapi permasalahan pokok yang

ada tidak diselesaikan. Jadi kalau ini berlaku, saya takut nanti keadaan kita akan bertambah lebih buruk lagi. Dalam keadaan yang meruncing ini pun, kita juga rasa agak kesal kerana seolah-olah masih dilihat kerajaan mengambil sikap *business as usual, there is no problem*. Macam Yang Berhormat Bagan Serai tadi kata tidak ada masalah, *everything is alright*.

Sebenarnya realitinya tidak begitu. Kita tahu apa yang ada di bawah tetapi ini tidak tercerna dan dilahirkan di sini kerana kita anggap itu mungkin perkara tidak besar tetapi sebenarnya itulah yang memberikan kesan besar kepada kita. Waktu mana kita berhadapan dengan masalah sebegini kita tahu kerajaan masih terus berbelanja, projek-projek mega. Sehingga waktu zaman dahulu kalau timbul keadaan sebegini sudah buat keputusan, Menteri punya gaji potong sikit ataupun soal projek-projek ini mesti tangguhkan. Akan tetapi saya dengar pengumuman tentang berbilion-bilion projek masih diteruskan. Ini satu saya fikir kebimbangan yang amat sangat. Taman Tugu Negara RM650 juta, biasiswa anak-anak tidak dapat, Tuan Yang di-Pertua tahu. Kawasan Tuan Yang di-Pertua pun memang ada masalah-masalah ibu bapa yang mengatakan kerana apa— wang yang biasa diberikan hari ini sudah tidak lagi disampaikan seperti dahulu.

Jadi apa yang saya sebutkan Tuan Yang di-Pertua, adalah satu kenyataan bahawa situasi kita tidaklah sebaik yang digambarkan. Apa lagi banyak ketirisan-ketirisan yang masih berlaku. Saya tahu mungkin sudah ada usaha dibuat tetapi tidak dapat diatasi, lebih-lebih lagi diburukkan oleh keadaan situasi ekonomi yang ada pada hari ini. Jadi saya hendak menyatakan sekali lagi ucapan terima kasih atas kesempatan yang diberi. Minta maaf kerana tidak bagi ruang kepada rakan-rakan untuk mengemukakan pertanyaan tetapi saya sanggup pergi ke luar minum kopi dan saya boleh jawab kalau ada perkara-perkara yang berbangkit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. [Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Terima kasih Yang Berhormat Pagoh. Saya ada menerima nota daripada Yang Berhormat kawasan Bandar Tun Razak. Ya, sila.

**4.44 ptg.**

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya Yang Berhormat. Selepas Yang Berhormat Pagoh, kena bagi Bebas, barulah Barisan Nasional balik. Dalam proses *cooling down*, sila.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berbesar hati mewakili Bandar Tun Razak yang turut serta membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan pada 21 Oktober lalu. Setelah meneliti teks ucapan bajet yang dibentangkan dalam Laporan Ekonomi 2016/2017 yang disertakan, saya mendapati ada kesinambungan bagi pelbagai usaha dan inisiatif yang telah digariskan dalam bajet sebelum ini dengan langkah-langkah bertujuan untuk meningkatkan kemakmuran negara dan menaikkan taraf sosioekonomi rakyat.

Namun tidak banyak pembaharuan yang telah dibentangkan dalam Bajet 2017 ini selain daripada sedikit perancangan dan usaha untuk mengurangkan perbelanjaan serta pelbagai insentif untuk kumpulan sasar terutamanya masyarakat luar bandar. Orang Asli, miskin bandar, penjawat awam, usahawan mikro kecil dan sederhana, belia, khususnya para penuntut dan graduan, wanita dan kanak-kanak, OKU dan kumpulan berteraskan agama khususnya komuniti Islam.

Tuan Yang di-Pertua, bukan cara saya untuk membuang masa untuk memberikan kritikan kosong yang tidak menambah baik ataupun membina. Namun tidak rugi sekiranya kita saling memberikan peringatan bahawa perencanaan dan perancangan yang baik perlu disusuli dengan pelaksanaan yang kompeten, telus, bertanggungjawab dan berintegriti. Meskipun demikian, saya tidak boleh menyembunyikan kehairanan saya, bukan kekecewaan terhadap Bajet 2017 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan pada hari Jumaat lepas kerana kurang tumpuan terhadap saya dan rakan-rakan yang tergolong dalam kategori warga emas.

Inisiatif spesifik bagi warga emas dalam Bajet 2017 hanyalah peruntukan RM470 juta yang bakal memanfaatkan 120,000 orang warga emas dan penubuhan lapan buah pusat aktiviti warga emas baru. Peruntukan RM424 juta itu hanyalah sekadar menyediakan wang saku untuk saraan hidup sebanyak RM300 sebulan. Sebagai sebuah negara yang sedang bergiat, berusaha untuk mencapai status negara maju, tidak menghairankanlah sekiranya populasi warga emas turut bertambah sejajar dengan jangka hayat yang lebih panjang. Natijah peningkatan tahap penjagaan kesihatan serta indikator kemaslahatan dan kesejahteraan rakyat umum yang lain. Pagi tadi Yang Berhormat Kepong juga membangkitkan soal angka tunjuk-angka tunjuk tentang perkembangan dan pertumbuhan warga emas.

Saya mengingatkan semula sekarang ada lebih daripada 2.8 juta warga emas ataupun 8.9 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia. Menurut statistik 2014,

jangka hayat bagi lelaki meningkat 72.5 tahun, manakala wanita 77.2 tahun. Dalam 15 tahun yang akan datang, peningkatan warga emas dijangka akan melebihi 15 peratus daripada penduduk dan ini merupakan lebih daripada lima juta. Saya hendak mengingatkan, saya tidak boleh hendak mengingatkan ahli politik di sini sebab tiga juta ini lebih baik daripada kanak-kanak sebab tiga juta ini ialah orang yang akan memberi undi. Itu sebab saya hendak mengingatkan.

#### ■1650

Oleh itu wajarlah kita bersiap sedia dengan mengambil langkah-langkah seimbang dan lestari demi menjamin kesejahteraan dan kebajikan warga emas agar mereka boleh meneruskan kehidupan dan menghabiskan hari-hari terakhir dengan tenang dan aman, bebas daripada sebarang bentuk gangguan dan sekatan. Ingin saya nyatakan secara tegas apa yang sekiranya perlu dilakukan oleh kerajaan dan merumuskan sebuah kerangka dasar dan strategi pelaksanaan yang jelas. Pernah dikatakan 10 tahun dahulu kita telah mula membincangkan perkara ini tetapi dia tidak— masih lagi belum dibuat dengan penuh komitmen untuk menyumbang kepada kesesuaian dan kemampuan negara kita.

Pada 11 Oktober 2016, saya telah memenuhi jemputan *Policy Dialogue of Asian Parliamentarians and Experts on Aging*. Saya membentangkan satu kertas kerja yang dalam bahasa Inggerisnya, *“Parliamentarians Role, Policies and Measures on Aging”*. Dalam perjumpaan yang diadakan di Kuala Lumpur, Parlimen Malaysia juga menjadi hos perjumpaan tersebut. Dalam kertas kerja tersebut, saya mengingatkan bahawa jutaan warga emas di Malaysia dan juga di negara-negara Asia yang belum bersedia akan menghadapi pelbagai masalah dan kesulitan hidup akibat tiada persediaan holistik dan menyeluruh dalam menangani peningkatan bilangan warga emas.

Antara lain saya meramalkan kemungkinan berlakunya beberapa perkara. Pertama, isu kekurangan tenaga terlatih untuk memastikan penjagaan kesihatan dan perubatan yang cekap dan berkesan bagi warga emas bakal meruncing jika tidak segera dilakukan. Warga emas akan semakin terasing dan terabai kerana prasarana komuniti dan kemudahan awam tidak mesra warga emas, tidak memudahkan mereka untuk hidup berdikari dalam jangka masa panjang.

Terdapat yang paling penting ialah akan terjadi golongan-golongan miskin warga emas dan berpendapatan rendah akan muncul malah meluas kerana jumlah simpanan terlalu rendah dan tidak mencukupi untuk menampung kos sara hidup di kalangan warga emas akibat tidak ada dasar spesifik untuk menggalakkan simpanan hari tua. Reformasi dana kebajikan dan penjagaan sosial kurang diberi perhatian dan

jarang dibincangkan. Jurang dalam penjagaan sosial semakin melebar dan membawa bencana kepada masyarakat khususnya warga emas pada masa hadapan. Jurang juga terlalu besar antara penawaran perumahan untuk pesara berbanding permintaan itu belum ada khusus dasar untuk membolehkan warga emas juga dapat bentuk perumahan yang sesuai untuk mereka.

Saya juga hendak mengingatkan ekonomi negara juga kehilangan sumbangan berpotensi oleh warga emas yang dianggarkan bernilai berbilion-bilion ringgit terutama warga emas yang masih produktif dan ada keupayaan. Namun terhalang akibat peluang terhad daripada segi pekerjaan. Boleh jadi...

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya, sila.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Tun Razak. Persoalan tentang warga emas ini ialah satu yang pernah saya bangkitkan beberapa kali terutama kadar *fertility* atau kadar kesuburan kita menurun. Jadi kelahiran kurang, kematian lebih dan kita akan mengecut sebagai sebuah masyarakat. Ini berlaku di Jepun dan beberapa buah negara lain. Strategi mereka antaranya ialah mengambil pendatang asing ke negara mereka sebagai *work force*. Ini kerana apabila kurang *work force*, kurang produktiviti, kurang perniagaan, pendapatan dan penghasilan negara.

Saya tertarik untuk mendengar pandangan Yang Berhormat Bandar Tun Razak, dimisalkan beliau menjadi Perdana Menteri, apakah yang beliau syorkan? Kalau untuk warga emas terus bekerja, itu juga saya rasa tidak praktikal kerana mereka juga ada masalah dan juga kadang-kadang— dan tidak semua warga emas yang dulu pernah bekerja cemerlang, terus bekerja cemerlang apabila mereka telah mencapai umur warga emas. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu Perdana Menteri tidak timbul. Akan tetapi saya yang paling penting ialah bagaimana kita menyelesaikan perkara ini. Kita patut menerima hakikat bahawa Malaysia dalam keadaan *full employment*. Maknanya— jadi oleh sebab itu kalau kita usaha untuk menyelesaikan masalah kekosongan guna tenaga itu mengambil pekerja asing, kita boleh kurangkan seperti dijalankan oleh beberapa buah negara termasuk Jepun, Singapura dengan bukan semua warga emas yang kita kena kerjakan. Katalah kita ada tiga juta warga emas. Boleh jadi 30% daripada mereka boleh kita gunakan. Umpamanya seorang doktor, arkitek, *engineer* yang boleh. Bayangkan kalau sejuta daripada mereka mendapat hanya gaji katalah RM200

sebulan. Sebanyak RM200 sebulan ialah RM2,400 setahun. Kali dengan sejuta mereka, RM2.4 bilion. Jadi saya telah buktikan bahawa potensi warga emas ini sangat besar. Jadi jangan kita abaikan.

Jadi oleh sebab itulah saya terima kita mesti membuat beberapa usaha. Malah trend saiz keluarga miskin masa kini, saiz keluarga masa kini semakin mengecil. Bilangan anak-anak semakin berkurangan. Fenomena ini berlaku pada kadar yang sangat pantas sehingga tidak dapat dikejar oleh sistem alternatif terlalu— penjagaan sosial warga emas yang dulunya banyak dipermudahkan dengan bilangan keluarga yang besar, sekarang sudah tidak ada. Demi mengelakkan pelbagai kemungkinan— ini banyak kemungkinan yang saya nyatakan tadi...

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Yang Berhormat Bandar Tun Razak boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya. **Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Silakan.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Hendak buat penjelasan sikit, warga emas.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Warga emas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Sila, sila.

**Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat]:** Tuan Yang di-Pertua, saya antara orang yang merasa kalau kita benarkan warga emas bekerja, kita telah pun menidakkan ataupun mengurangkan peluang generasi muda untuk bekerja. Jadi itu yang kebimbangan sayalah. Tidakkah apabila kita beri peluang kepada warga emas, maka yang 100,000 orang penganggur ini tidak dapat peluang pekerjaan? Itu yang membimbangkan saya. Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak]:** Tuan Yang di-Pertua, kalau saya nyatakan *full employment* itu maknanya semua boleh dapat kerja. Akan tetapi apa yang saya tunjukkan walaupun Yang Berhormat Hulu Langat ialah seorang pakar dalam bahagian nuklear, kalau dapat diminta untuk memberi syarahan di universiti bukan sepenuh masa tetapi beberapa jam. Pengalaman dan itu akan memberi nilai tambahan kepada masyarakat dan juga menolong menambahkan pendapatan dan kewangan. Jadi oleh sebab itu tidak ada yang rugi dalam cadangan ini.

## ■1700

Jadi, oleh sebab itu minda kita mesti fleksibel untuk membuat beberapa usaha untuk menggunakan punca-punca guna tenaga yang kita ada. Untuk perkara ini, oleh sebab banyak perkara ini, sangat luas, saya hendak cadangkan untuk pengalaman dan perbincangan di Parlimen ialah satu kertas putih merangkumi profil demografi, keperluan penjagaan dan perkembangan warga emas menjelang tahun 2030. Jadi, kerajaan sendiri mengeluarkan kertas putih supaya kita, Ahli-ahli Parlimen bersedia membincangkan perkara ini supaya esok kalau masa depan, belanjawan dan strategi kita akan lebih berkesan.

Jadi, saya juga mencadangkan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat bolehlah memulakan inisiatif ke arah menghasilkan satu kertas putih yang dicadangkan sebab saya rasa ia juga penerima RM400 juta peruntukan tersebut.

Jadi, perkara kedua yang saya ingin tumpukan ialah mengenai *tools for Parliamentary oversight* atau pun peralatan mekanisme pengawasan Parlimen. Saya dapati, kita nampaknya tidak bersedia untuk memberi nilai tambahan kepada pengawasan kita.

Baru-baru ini, saya dihubungi oleh penduduk Bandar Tun Razak yang meminta saya menjelaskan tentang berita Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menguruskan perancangan taman tugu, projek yang dikatakan menelan belanja RM600 juta. Antara yang dihebohkan ialah 66 ekar hutan simpanan di belakang Tugu Negara. Walaupun rakyat Parlimen Bandar Tun Razak menerima usaha membangunkan taman hijau untuk kesejahteraan masyarakat di Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tetapi mereka mempersoalkan tentang jumlah perbelanjaan RM600 juta.

Orang Bandar Tun Razak juga mempunyai pengalaman. Antara mereka ialah bekas pengurus ladang kelapa sawit yang menyatakan kepada saya, untuk membangunkan ladang kelapa sawit, seluas 1,000 hektar atau pun 2,400 ekar, dari menanam benih hingga ladang kelapa sawit boleh dituai— maksudnya jadi *green*—belanjanya tidak lebih daripada RM30 juta. Jadi, RM600 juta dengan RM30 juta memeranatkan orang di kawasan Parlimen Bandar Tun Razak.

Saya merasakan kekurangan maklumat diberikan kepada Ahli Parlimen untuk memberi penjelasan kepada rakyat. Dia kata, ini terlalu— takut kita membuang duit. Jadi, saya membuat kajian dan saya dapati banyak artikel mengenai tanggungjawab Parlimen. Antaranya ingin saya baca, "*Sesungguhnya tidak wujud sistem demokrasi di pihak kerajaan tanpa transparensi atau pun ketelusan dan akauntabiliti, kebertanggungjawaban. Dalam urusan ini, tanggungjawab utama pengawasan ialah terletak sepenuhnya di bahu Parlimen*". Jadi, *it is our responsibility*. Disebabkan



fungsinya kini sudah dicemari dan kesilapan yang ketara, maka Parlimen berhak untuk meletakkan bahana atau bahan tersebut kepada kerajaan bagi pihak rakyat bagi memastikan polisi dasar dan tindakan kerajaan supaya setiap usaha itu ialah cekap dan selari dengan kehendak orang awam. Pengawasan Parlimen adalah sangat penting dilakukan dalam usaha menyemak ketirisan dan kelebihan kuasa di pihak kerajaan.

Jadi, oleh sebab itu, saya melihat satu perkara yang boleh Ahli-ahli Parlimen bincangkan iaitu apa yang dikatakan *value for money project*, *value for money* atau saya baca dalam kamus Dewan Bahasa, walaupun saya tidak biasa menggunakannya, berbaloi dengan harganya, itu *value for money*. Saya menerima kenyataan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan yang selalu mengutamakan pelaksanaan *value for money*, berbaloi dengan harganya. Akan tetapi saya dapati, kenyataan itu ada tetapi pelaksanaannya tidak jelas.

Jadi, saya mengambil peluang ini untuk mencadangkan Parlimen boleh menjadi pemantau dalam perbelanjaan negara supaya duit awam dibelanjakan dengan berekonomi, jimat dan berhemah, secara efisien dan secara efektif. Cadangan saya, maksud berekonomi ialah perbelanjaan yang berpada-pada. Langkah-langkah berbelanja secara ekonomi itu dapat mengukur kos yang dibelanjakan berbanding dengan nilai pengeluaran dan memberi petunjuk sama ada harga yang berpatutan telah dibayar bagi barangan dan perkhidmatan yang diperlukan dengan mengimplikasi standard sesuatu ekonomi yang dapat mengesan dan mengelakkan kejadian rasuah.

Saya terbaca mengenai kenyataan Yang Berhormat dari Pokok Sena tetapi beliau tidak ada di sini. Beliau *complain* pasal harga jalan raya, lebuhraya ke Pantai Timur. Jadi beliau kata, beliau ada buat kenyataan macam harga emas. Jadi, kita tidak boleh marah sahaja. Kita sebagai Ahli Parlimen kalau marah sahaja, tidak ada *value added*. Jadi, saya hendak cadangkan kita bagi cara-cara penyelesaian. Jadi, untuk penyelesaian ini, saya ingat ekonomi dan juga kita mesti boleh menyemak *efficiency*nya, memperlihatkan hubungan yang positif antara barangan dan perkhidmatan menerusi perancangan aktiviti berserta sumber-sumber yang digunakan untuk pengeluaran sesuatu.

Jadi, kita lihat daripada ekonomi, kita lihat daripada *efficiency*nya, juga kita lihat efektifnya iaitu perbelanjaan yang bijaksana, iaitu keberkesanan merupakan tekad keinginan untuk menjayakan rancangan-rancangan yang ditetapkan dengan hasil yang sepatutnya. Apa yang perlu kita buat? Saya percaya Tuan Yang di-Pertua ingin membuat inovasi yang *value added* untuk Parlimen. Jadi, kita boleh tubuhkan *Parliamentary oversight committee on value for money spending*. Jadi kita boleh

bincang yang berpandukan sebagai contoh, tiga 'E' yang saya katakan tadi, ekonomi, efektif dan efisien dan untuk kebaikan rakyat. Jadi untuk ini, tidak ada yang tidak menerima. Jadi, saya cadangkan jawatankuasa yang dipilih mewakili dari semua pihak dan semua parti. Jadi, kita boleh buat itu dan setiap tahun kita dijangkakan boleh buat 10 *case study* dalam usaha menentukan kerajaan meneruskan usaha *value for money*.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini sangat penting bagi kita supaya kita tidak marah sahaja tetapi kita akan memberi pengalaman dan nilai tambahan untuk menentukan tatacara yang kita buat memberikan hasil yang terbaik.

#### ■1710

Tuan Yang di-Pertua, saya dinasihatkan untuk dua perkara walaupun saya ada banyak perkara tetapi dua perkara ini. Saya ingatkan warga emas, program dan strategi warga emas perlu diperbaiki.

Pertama, kertas putih yang kita cadangkan itu akan menjadi *catalyst* atau pemangkin untuk Ahli-ahli Dewan Rakyat berbincang dan mungkin mencadangkan undang-undang yang sesuai untuk menentukan kehidupan warga emas yang sekarang. Saya buat beberapa kiraan. Kiraan saya, dalam lima tahun, lebih daripada 50 peratus dalam Parlimen ini pun sudah sampai ke peringkat itu walaupun dia malu untuk mengatakan dia warga emas. Dia ingat dia masih muda, tidak apalah, itu saya terima. Akan tetapi, usaha ini mesti kita lakukan supaya kita dapat membina satu negara yang mengambil perhatian kepada semua pihak.

Kedua, saya telah tunjukkan bahawa usaha berbelanja ini perlu dipantau dengan penuh tertib. Oleh sebab itu, kita dapati 35 peratus daripada perbincangan di Parlimen ialah memarahi satu sama lain sebab tidak gunakan duit dengan betul. Jadi, kalau itu sahaja yang kita cakapkan, kita tidak menghasilkan satu usaha yang boleh kita perbetulkan. Jadi oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya konsep Jawatankuasa Parlimen memantau perbelanjaan yang berbaloi ataupun saya segan hendak bercakap, saya tidak pernah gunakan ini tetapi *value for money* ini kita teruskan.

Jadi oleh sebab itu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memberi dua minit 24 saat kepada ahli yang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:**

Ya, sila Yang Berhormat Lipis. Lepas Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Lembah Pantai.

**5.12 ptg.**

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sehati sejiwa. Yang saya hormati Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan Belanjawan 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Jumaat yang lepas.

Sesungguhnya, pada hemat saya, Belanjawan 2017 ini merupakan bajet yang menjamin perpaduan dan ekonomi, menghemat perbelanjaan *inclusive* dan yang paling penting sekali ialah menyejahterakan kehidupan rakyat seluruhnya. Belanjawan 2017 ini sesungguhnya merupakan penerus tradisi terbaik Kerajaan Barisan Nasional dalam memakmurkan negara dan membawa kesejahteraan kepada semua rakyat. Kita boleh imbas kembali sebagaimana sejarah-sejarah pembentangan bajet yang lalu sehingga menyebabkan kita memimpin dan menerajui kerajaan ini dari dahulu sehingga sekarang.

Belanjawan kali ini, pada hemat saya, memberi sangat cabaran kepada negara, kepada seorang Perdana Menteri kerana kita berada dalam keadaan tahap ekonomi global yang sangat mencabar khususnya dalam harga-harga komoditi yang tidak menentu dari segi getah, minyak dan sebagainya yang menyebabkan kita mempunyai berbagai-bagai perkara yang harus dilakukan untuk mengurangkan bajet defisit dari 4.5 peratus pada tahun 2014 kepada 3.1 peratus pada tahun 2016 dan menyasarkan 3.0 peratus pada tahun 2017.

Kejayaan ini tidak lain tidak bukan kerana Perdana Menteri mempunyai kekuatan ataupun mempunyai satu daya tahan yang sanggup mengharungi apa jua cabaran, tidak kira serangan dari depan, belakang, atas ataupun bawah. Akan tetapi, beliau mendapat satu pengiktirafan daripada *international rating agencies* yang telah menunjukkan kepercayaan pasaran antarabangsa terhadap ekonomi Malaysia. Ini kadang-kadang menyebabkan terpaksa kita mengakui, tidak kira daripada Barisan Nasional ataupun dari sebelah sana, kena mengakui bahawa Perdana Menteri dapat membawa kepada perjalanan yang cukup baik dalam menegakkan ekonomi untuk negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa perkara yang mungkin boleh menambah baik dari segi perjalanan kepimpinan negara dan untuk terus menekankan kepada aspek pelaksanaannya. Saya ingin menambah beberapa perkara yang boleh mungkin dijadikan sebagai satu dorongan pada masa-masa yang akan datang.

Saya melihat pada hari ini sering kita dikaitkan dengan soal pengangguran. Banyak perkara yang boleh dilakukan dalam hal sedemikian rupa. Saya hendak mengambil contoh sahaja, mengambil contoh kalau seorang doktor, sehabisnya beliau daripada pengajiannya, dia akan pergi dalam bidang perubatan. Kalau seorang peguam, dia akan pergi di dalam bidang perundangan. Kalau seorang juruelektrik, dia akan pergi ke dalam bidang *electrical*. Begitu juga dengan bidang-bidang lain yang boleh membawa kepada jurusan mereka itu sendiri.

Akan tetapi, saya ingin membawa kepada satu cadangan bagaimanakah hari ini kita melihat suasana alam sekitar kita sendiri. Apakah yang disebabkan alam sekitar ini sering dikaitkan dengan pencemaran alam? Ini yang membawa kepada— ingin saya cadangkan seperti yang saya katakan sebentar tadi. Saya mengambil contoh kalau hari ini G7 di dalam bidang pembinaan ataupun kalau dahulu dikenal sebagai kontraktor Kelas 'A', mestilah disyaratkan meletakkan seorang jurutera, mesti meletakkan seorang QS dan begitu juga dengan Kelas 'B' ataupun G6, disyaratkan begitu ketat sekali kalau mereka hendak mendapatkan lesen tersebut.

Akan tetapi dalam soal industri lain seperti industri perlombongan di Malaysia ini, kita tidak mempunyai meletakkan syarat sedemikian rupa. Maka, kalau kita melihat perlombongan-perlombongan seperti bauksit, kalau kita melihat perlombongan emas, perlombongan bijih besi, seolah-olah pelaksanaannya adalah seperti koboi sahaja. Tidak ada garis panduan. Tidak ada satu garis panduan yang boleh membawa kepada mengikut pengiraannya boleh mendatangkan hasil kepada negara yang begitu tinggi sekali.

Kalau kita melihat di Kuantan, umpamanya bauksit itu sendiri yang telah mencemarkan suatu ketika bandar Kuantan menyebabkan Kementerian Alam Sekitar telah mengambil daya langkah inisiatif yang cukup drastik untuk memastikan bahawa alam sekitar itu terjamin dengan baik. Kalau kita merangka kembali, kita menyebut dalam industri perlombongan di negara kita ini terutama bauksit, kita jadikan ia sebagai perkara yang penting yang boleh mendatangkan hasil yang begitu banyak kepada industri ini. Kerajaan kerugian satu sumber hasil yang begitu banyak kalau kita tidak dapat memastikan pengendalian bahan ini dengan betul. Kita berharap supaya ia boleh ditambah baik supaya menjadi satu hasil yang sangat penting kepada negara kita.

Oleh sebab itu, saya katakan soal alam sekitar, kalau bauksit itu sendiri didapati dijaga dengan betul, saya percaya kita hari ini mempunyai hasil yang banyak daripada hasil perlombongan bauksit ini sendiri.

■1720

Oleh sebab itu saya menyarankan supaya satu langkah drastik yang perlu diambil oleh kementerian yang berkaitan untuk memastikan yang ia boleh dilakukan kerana ia mempunyai banyak sumber pendapatan kepada hasil negara kita itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, kita telah memberhentikan aktiviti perlombongan ini. Maka serba sedikit hasil kerajaan negeri akan terjejas menyebabkan kita sebenarnya boleh mendapat hasil yang lumayan daripada sedemikian rupa. Oleh sebab itu saya menyarankan supaya pihak kerajaan melalui Kementerian Alam Sekitar meletakkan syarat setiap permohonan perlombongan yang hendak dibuka mestilah meletakkan seorang pegawai alam sekitar, meletakkan jurutera perlombongan, meletakkan *technicians* dan sebagainya, yang setaraf dengannya untuk membuka sesuatu lombong yang baru ini. Itu sangat penting kerana pelan pembangunan untuk alam sekitar ini sangat penting.

Saya mengambil contoh di kawasan saya sendiri umpamanya mempunyai begitu banyak lombong-lombong yang diluluskan secara kecil-kecilan ataupun secara haram yang menyebabkan kita tidak dapat mengawal dari segi alam sekitar itu sendiri. Kita terpaksa menghadapi masalah air yang tercemar dengan begitu ketara sekali. Kita menghadapi tanah-tanah yang telah dibuka lombong, tetapi telah dibiarkan begitu saja menyebabkan tanah-tanah tersebut tidak dapat diusahakan lain-lain hasil. Maka saya dengan ini minta supaya kerajaan memberi perhatian serius dalam hal ini.

Saya sangat bersetuju dengan beberapa NGOs yang telah datang ke negeri Pahang atau pun ke beberapa negeri di dalam negara kita ini yang khususnya daripada Pertumbuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) yang diketuai oleh pengerusinya, Puan Sri Shariffa Sabrina yang telah memasuki beberapa '*core...*' untuk menyelamatkan pencemaran ini. Maka dibantu oleh Laili Basir, dibantu oleh Profesor Maktab yang mana mereka menggunakan berbagai-bagai kaedah untuk sebenarnya membantu kerajaan supaya mengelakkan daripada bencana berlaku seperti ini.

Saya sendiri di kawasan saya pernah berlaku hampir tiga bulan tidak mempunyai air kerana kesusutan air yang teramat ketara. Ini disebabkan tidak lain tidak bukan kerana udara semakin nipis. Kalau dahulu kita pernah dengar ozon semakin nipis. Inilah disebabkan oleh perkara ini yang tidak terkawal dengan rapi, maka ia berlaku seperti sedemikian rupa yang kita tidak kawal EIA nya menyebabkan ia menjadi sedemikian rupa.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya menyarankan supaya amalan seperti ini kita boleh melihat daripada universiti-universiti yang telah mengeluarkan graduan-graduan seperti sedemikian rupa, memberi peluang kepada mereka yang hari ini kadang-

kadang mereka keluar dalam jurusan ini tidak dapat tempat kerana kita tidak memberi ruang kepada mereka. Jadi saya menyarankan daripada pengiraan saya, sebenarnya hasil yang boleh kita peroleh kita dapat melihat begitu besar sekali hasil yang boleh datang kepada kerajaan negeri ataupun kepada Kerajaan Pusat.

Saya hendak mengambil contoh pengiraan ini. Empat tan bauksit menghasilkan satu tan aluminium. Harga aluminium satu tan USD1,500. Campur tolak 10 peratus kita boleh ambil kira lebih kurang RM6,000. Hasil setiap tan bauksit ini sebenarnya boleh menghasilkan 1,500 sehingga 2,000 setiap tan bauksit. Oleh itu, hasil bauksit Pahang ataupun untuk Malaysia dikira 1,500 kali dengan 27 juta tan yang bagi tahun 2015 sahaja, kita sepatutnya boleh dapat RM40.5 bilion. Tak payah hendak cerita 1MDB. RM40.5 bilion, tetapi adakah angka ini dikira, fakta ini diambil kira oleh pakar-pakar ekonomi kita yang mana boleh menghasilkan begitu besar sekali. Bayangkan satu negeri sahaja boleh mengeluarkan sedemikian rupa. Akan tetapi mungkin perkara ini kita tidak mengambil penelitian secara khusus sedangkan hasilnya sangat lumayan sekali. Tidak diambil kira lagi pada hasil emas. Tidak diambil lagi dikira lagi hasil biji besi. Tidak ambil lagi dikira lagi hasil balak.

Maka inilah sebenarnya kalau kita membuat penjagaan yang cukup rapi kita dapat menyelamatkan dari hasil kerajaan dan kita dapat menyelamatkan segi alam sekitar itu sendiri. Faktornya mestilah kerajaan berfikir bagaimana hendak menyelamatkan alam sekitar itu sendiri. Kalau di Kuantan kita sudah melihat menggunakan lori yang begitu banyak dan begitu ketara sekali menyebabkan alam sekitar di Kuantan hinggalah ke pelabuhan yang sangat dahsyat sekali. Akan tetapi kalau kita mengambil kira, kita menggunakan kaedah sebenar, maka hasil yang lumayan dan alam sekitar ini kita dapat terjamin.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Yang Berhormat Lipis. Boleh celah sikit?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Ya sila.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:** Ya.

**Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya sangat tertarik kerana Pahang bahawa Kuala Lipis dari Pahang, dan Pahang banyak kali dalam fokus kita tentang masalah perlombongan dan pengeluaran hasil bumi yang menyebabkan pencemaran bauksit dan lain-lain lagi.

Soalan saya begini, apakah Yang Berhormat dari Lipis memaksudkan yang ada sekarang ini, yang kita lakukan sekarang ini tak boleh dilakukan lagi, belum boleh dilakukan lagi adakah ia merosakkan alam? Apakah yang perlu dilakukan supaya kita

dapat mengeluarkan hasil bumi tadi tanpa merosakkan alam? Maksud saya benda-benda ini sudah lama. Adakah sampai sekarang kerajaan masih belum berfikir? Ataupun masih belum ada cara? Ataupun memang tidak boleh dikeluarkan hasil-hasil bumi tanpa merosakkan alam? Terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih rakan saya daripada Kuala Kedah. Sebenarnya ucapan saya akan sampai kepada persoalan yang akan ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah. Perkara ini bukan saya katakan tidak boleh dilakukan. Oleh sebab itu saya hendakkan supaya kementerian-kementerian ini, kita mengeluarkan bajet R&D. Kena buat *research*, kena buat dia punya kajian sebenar. Sekarang ini kita hentikan hampir enam hingga tujuh bulan pengeluaran bauksit kerana kita mengambil tidak kira langsung. Kalau bawa *excavator*, bawa *bulldozer* dan sebagainya, korek tak menentu sehingga menyebabkan tanah berlubang-lubang. Pastinya masa-masa mendatang tanah-tanah tersebut tidak boleh digunakan.

Akan tetapi kalau kita membuat secara yang *proper* ataupun cara sebenarnya saya percaya ini menjadikan hasil yang telah kita buat pengiraan daripada pakar-pakar ini yang boleh mendatangkan hasil kepada negara. Saya tidak katakan ia tidak boleh dilakukan. Kita hendak lakukan supaya tidak menjejaskan alam sekitar dan kedudukan orang ramai yang mana di dalam kandungan di dalam bauksit ini sendiri sangat tinggi kandungan yang membahayakan kepada manusia itu sendiri.

Sebagai pemimpin dari Kuala Kedah, sebagai seorang doktor sudah pasti tahu kandungan bauksit itu mengandungi cukup bahaya kepada manusia. Sudah pastilah kita hendaklah membuat ia secara benar-benar teratur. Maknanya mungkin kalau sesetengah negara telah menggunakan paip menyalurkan bauksit ini ke tempat penghantarannya. Tidak menggunakan lori, menggunakan paip-paip tertentu yang boleh sampai terus ke pelabuhan umpamanya yang menyebabkan kita tidak mendatangkan pencemaran alam kepada manusia itu sendiri ataupun kepada hidupan-hidupan liar itu sendiri yang menjejaskan kepada orang yang tidak dapat hasil daripada hasil mineral ini.

Orang yang dapat hasil seronok. Buat demonstrasi kononnya minta supaya dibukakan semula. Ada pula yang demonstrasi hendaklah ditutup. Di manakah kerajaan hendak duduk di kedudukan ini? Oleh sebab itu saya katakan sebentar tadi, saya puji sikap-sikap NGOs alam sekitar ini yang diketuai oleh Puan Sri Shariffa Sabrina ini telah melakukan perkara yang terbaik untuk memastikan alam sekitar ini. Bukan saya katakan kepada bauksit sahaja, tentang alam sekitar pencemaran-pencemaran lain. Kadang-kadang kalau kita melihat banyak lombong-lombong yang

saya baca daripada beberapa *Facebook* banyak lombong-lombong di tengah-tengah hutan, yang tidak tahu siapa tuannya. Mungkin tidak bertuan. Buat secara haram.

■1730

Bagaimanakah kerajaan hendak mengatasi perkara ini yang menyebabkan saya kata tadi pencemaran yang berlaku sehingga menyebabkan manusia itu gagal mengawalinya seperti air kotor dan sebagainya. Ini sebab saya katakan dari segi hasil itu sendiri boleh mendatangkan lumayan kepada kerajaan ataupun kerajaan negeri. Kenapa kita tidak melakukan perkara ini terbaik?

Saya mengambil contoh satu lagi, kalau kita mengambil, membuat R&D umpamanya. Sesetengah negara sekarang ini mereka lakukan perkara ini tidak lagi menggunakan lori dan sebagainya. Mereka dah tukar kepada pemasangan kilang-kilang tertentu untuk proses di tempat tersebut kerana ia melibatkan lebih kurang dalam RM1 bilion untuk perkilangan tersebut tetapi sedangkan hasil bagi tahun 2015 sahaja telah mencecah sehingga lebih RM40 bilion yang boleh diperolehi kalau kita mengambil sehingga terus jual sahaja kepada negara-negara tertentu.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Jadi saya berharap supaya dengan sedemikian rupa, daripada royalti umpamanya, daripada hasil yang dikutip dibahagi-bahagikan termasuklah kalau mengikut bayaran GST pun sendiri, GST pun boleh mengutip RM4.86 bilion daripada hasil bauksit ini sahaja. Kalau mengikut penjualan harga yang ada pada hari ini. Akan tetapi mengapa kita tidak lakukan, kita tidak lakukan untuk menambah baik kepada pendapatan hasil negara itu sendiri. Kita hendak supaya dalam masa yang tertentu ini supaya kerajaan mengeluarkan sebaik mungkin belanja R&D ini untuk memastikan semua perkara yang saya katakan sebentar tadi boleh menambah baik khusus kepada negeri, kepada Pusat dan juga boleh menambah baik kepada alam sekitar itu sendiri, dapat menyelamatkan banyak perkara yang kita boleh lakukan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa sangat baik perkara ini kerana operasi, saya hendak mengambil contoh satu lagi perkara yang lombong terbaik di negeri Pahang. Ada dua lombong yang terbaik, satu J Resources di kawasan saya, satu lagi Selinsing *mining* di kawasan Cameron Highlands. Mereka mempunyai kelengkapan, mereka mempunyai cukup tenaga, mereka mempunyai kepakaran, mereka mempunyai segala kelengkapan, mereka sanggup menanam kembali pokok-pokok yang telah mereka rosakkan waktu masa perlombongan. Maka mereka juga boleh mendapat hasil yang sangat lumayan daripada perlombongan tersebut.



Sebagai contoh, ketika ini harga emas satu auns bersama dengan RM1.5 juta dan kerajaan mendapat royalti sebanyak 7 peratus. Maknanya kerajaan boleh mendapat dalam RM420 juta hasil tersebut. Maka inilah salah satu contoh terbaik. Kalau kita berikan perkara yang saya nyatakan sebentar tadi, bukan perkara kita nak menutupkan sahaja dengan demonstrasi, bukan kata kita nak bukakan saja juga dengan cara demonstrasi. Saya tidak tahu siapa yang demonstrasi ini tetapi mereka menyarankan supaya perlombongan bauksit ini dibuka semula pun demonstrasi dan hendak menutup pun demonstrasi. Akan tetapi sayangnya ataupun mungkin telah kita lakukan kajian-kajian tertentu untuk melaksanakan perkara tersebut.

**Seorang Ahli:** Siapa yang demonstrasi?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Yang di-Pertua, yang selalu demonstrasi kuning.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya ingin menyentuh juga beberapa perkara yang ada masa lebih kurang lapan minit lagi. Saya hendak menyentuh soal yang banyak kita perbincangkan. Pertamanya, saya hendak bincangkan soal juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi ataupun KPDNKK. Ini kementerian yang cukup *top*, yang sering dikatakan sebab hubung kait dengan harga barang, turun dan naik. Saya berpendapat KPDNKK ini mungkin dah lakukan tetapi kerana tidak mengeluarkan lagi kenyataan-kenyataan tertentu, saya berpendapat KPDNKK ini mestilah membuat juga *research and development* tentang harga-harga barangan ini. Kalau tidak sampai bila pun masalah GST, masalah yang dibangkitkan kenaikan harga barang tidak akan selesai kalau tanpa harga.

Saya mengambil contoh, kalau harga yang dikenakan GST sebagai contoh tetapi kita tidak tahu kos sebenarnya, kita tidak buat *research*, kita tidak tahu harga sebenarnya, maka bagaimanakah kita hendak mengawal harga barang-barang tersebut. Kita kena tahu betul harga barang-barang ini. Maknanya di dalam Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Kepenggunaan dan Koperasi ini mestilah tahu benar berapakah harga sebenar, harga yang dijual itu dan berapakah mereka mendapat keuntungan. Mungkin dari segi keuntungan disorokkan juga tetapi soalnya R&D ini mesti dilakukan. Kalau tidak alasannya harga minyak naik tetapi bila harga turun, tidak ada pun seorang kartel-kartel ini, peniaga-peniaga ini menurunkan harga barang tersebut, tidak ada dengar.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Yang Berhormat Lipis, boleh?

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sila Yang Berhormat Putatan, sahabat.

**Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mencelah. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Lipis berkenaan dengan harga barang. Walaupun cadangan Yang Berhormat Lipis untuk mengkaji harga-harga barang itu tidak kira di mana, Semenanjung, Sabah, Sarawak. Adakah Yang Berhormat juga menyentuh soal kualiti barangan yang boleh dipermainkan oleh para peniaga, *traders* misalnya terutama sekali beras. Kalau kita makan beras di Sabah dan di Semenanjung, saya ulang sekali lagi, *packaging* sama, kualiti diletakkan di luar itu sama tetapi di dalamnya lain pula. Adakah Yang Berhormat bersetuju dengan saya supaya KPDNKK ini dapat memantau kualiti barang-barang *especially consumption goods* sama ada gula ada campuran, tepung ada campuran, beras ada campuran dan macam-macam lagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Putatan. Saya sangat bersetuju dengan yang disarankan oleh Yang Berhormat Putatan. Banyak perkara yang berlaku seperti sedemikian rupa. *Ramly Burger* yang disembarkan baru-baru ini pun dah proses daging khinzir, maknanya kita tidak ada satu kawalan. Kita kena melihat dari segi kawalan ini. Jadi sebab itu kita ada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan dan Akta Perihal Dagangan.

Ini yang kena kita pentingkan akta ini. Kita gunakan akta ini untuk memberi amaran kepada yang dikatakan oleh Yang Berhormat Putatan tersebut sebab sewenang-wenangnya mereka menggunakan hal ini, sewenang-wenangnya mereka akan melakukan perkara sedemikian rupa. Sedangkan kita sendiri tidak tahu apakah garis panduan, kayu pengukur harga tersebut. Jadi sebab itu saya katakan harga minyak, barang naik, minyak naik, naik gaji pegawai kerajaan, harga barang pun naik. Turun harga minyak, harga barang tak turun. Maka ini semua harus dikaji untuk memastikan kesejahteraan rakyat itu.

Jadi sebab itu saya melihat sebenarnya sebagai contohnya kita mesti mengambil contoh negara-negara maju yang menuju ke era negara maju itu sendiri. Mereka sebenarnya banyak melakukan R&D. Jadi sebab itu dalam bidang sukan umpamanya, dalam bidang apa jua seperti Korea, Jepun dan sebagainya, mereka lebih tekankan kepada konsep *research* ini supaya mereka menjadi negara yang lebih maju. Sedangkan mereka satu ketika dulu belajar daripada Malaysia dan pada hari ini Malaysia berkunjung ke sana untuk belajar dari segi pengalaman mereka kerana mereka mempunyai kayu pengukur ataupun *benchmark* untuk melakukan perkara tersebut.

**Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]:** Boleh Tuan Yang di-Pertua? Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Saya mendengar hujah yang disampaikan oleh Yang

Berhormat Lipis bermula daripada cerita berkaitan alam sekitar, kemudian masuk pula dengan isu berkaitan KPDNKK ini.

■1740

Setuju tak Yang Berhormat Lipis bahawa hari ini permasalahan yang paling besar dengan jabatan-jabatan dan kementerian ini ialah isu berkaitan dengan penguatkuasaan. Seperti mana yang kita lihat, penguatkuasaan baik di peringkat alam sekitar mahupun di peringkat kenaikan harga barang. Contohnya baru-baru ini bila berlakunya pengurangan stok minyak masak di pasaran dan sebagainya. Ini berpunca sebenarnya daripada mereka yang dikatakan menyorok minyak-minyak masak ini dan sebagainya dan kita lihat penguatkuasaan ini memang amat lemah terutamanya di peringkat KPDNKK itu sendiri. Jadi apakah saranan daripada Yang Berhormat sendiri terutamanya untuk kita pastikan kerajaan melihat hal berkaitan dengan penguatkuasaan ini diletakkan pada prioriti yang pertama.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang, sahabat saya. Sebenarnya saya berterima kasih kerana inilah salah satu poin yang saya dah tertinggal. Hendak saya perkatakan sedemikian rupa. Penguatkuasaan ini sangat penting kerana apa juga yang dilakukan adalah berbalik kepada penguatkuasaan. Kalau penguatkuasaan tidak dapat melakukan ataupun tidak cukup penguatkuasaan ataupun dalam rangka untuk menambah penguatkuasaan, saya percaya banyak perkara yang boleh kerajaan lakukan tidak hanya kepada KPDNKK sahaja termasuklah juga sebagaimana saya perkatakan alam sekitar itu sendiri.

Oleh kerana tidak ada penguatkuasaanlah maka ia berlaku pencerobohan-pencerobohan haram yang menyebabkan alam sekitar itu sendiri menjadi tidak baik, menjadi sungai tercemar ataupun juga penguatkuasaan ini tidak faham, tidak tahu kedudukan pelan dan sebagainya. Yang itu yang saya sarankan supaya kita mengambil pakar-pakar yang keluar dalam jurusan-jurusan tertentu ini supaya mereka tahu sebenarnya kedudukan itu.

Kita tidak mahu mereka pakai cermin mata hitam. Kalau pakai cermin mata hitam ini maksudnya tidak nampak, biarlah sahaja mereka menceroboh, biarlah air itu mengalir tidak baik sehinggakan NGO-NGO ini yang mengambil langkah untuk menyelesaikan masalah ini. Bukan saya katakan negeri Pahang sahaja, termasuklah negeri-negeri lain yang telah berlaku perkara-perkara sedemikian rupa. Maka saya bersetuju dengan Yang Berhormat Sekijang bahawa penguatkuasaan sangat penting dalam soal ini bagi memastikan kawalan ini dengan baik. Saya menggunakan masa

secukupnya Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya mohon menyokong Belanjawan 2017. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Lembah Pantai.

**5.42 ptg.**

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam reformasi saya ucapkan kepada semua dalam Dewan Rakyat. Pertamanya saya memanjatkan rasa syukur *alhamdulillah*. Terima kasih kepada Allah SWT di atas kesempatan peluang saya untuk turut serta dalam perbahasan bagi peringkat Parlimen, bagi wakil Parlimen Lembah Pantai dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2017. Tak lupa juga selawat dan salam ke atas junjungan besar kita Nabi Muhammad SAW.

Tuan Yang di-Pertua, belanjawan kali ini merupakan defisit buat Malaysia ke sekian kalinya pada tahun yang ke-20 di bawah pemerintahan Barisan Nasional. Saya sedia maklum bersama teman-teman Yang Berhormat lain, cabaran yang kita hadapi dengan kejatuhan harga minyak setong atas USD40 ataupun RM168.40 tetapi yang lebih parah, yang menjadi kemelut yang kita hadapi bersama Tuan Yang di-Pertua adalah bila masa kerajaan tidak punyai keberanian sensitiviti dengan penyelewengan dana negara yang melibatkan pihak kerajaan sehingga menanggung hutang yang berbilion ringgit. Izinkan saya memetik kata-kata mantan Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim tahun 2014, *“If we continue with this culture of accumulating debts, Najib’s 1MDB will fail and become a liability that should be called 1Malaysia’s Debt of Billions”*.

Saya fikir Tuan Yang di-Pertua, bila masa kita merujuk kepada sejarah, kata-kata ini terbukti benar. Mungkin mantan Ketua Pembangkang Permatang Pauh sekarang selaku tahanan politik, *kleptocrat* masih di luar tetapi saya sambut baik ucapan perbahasan yang dibawa daripada Yang Berhormat Tambun dan juga Yang Berhormat Pagoh kerana mengesahkan isu-isu yang tak boleh lagi disebut. Tuan Yang di-Pertua, kami tidak marah dengan Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kemarahan yang mendorong protes Jumaat lepas, kemarahan kepada *kleptocrat*. Apa pun pada minggu ini, semua anggota pembangkang, Ahli-ahli Parlimen mengambil peluang untuk melaksanakan tugas berbahas Belanjawan 2017.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebentar tadi mendengar juga ramai yang mengkritik penggunaan terma bankrap. Sebenarnya sekali lagi kalau merujuk sejarah, orang pertama yang mengguna pakai ini tak lain tak bukan anggota Kabinet, Datuk Seri Idris Jala yang menyatakan Malaysia akan bankrap menjelang 2019. Makanya

bila masa kita mengutarakan konsep-konsep ini, ini bermaksud kita mahu cari penyelesaian yang tuntas bagi masa depan ekonomi Malaysia. Saya mahu melihat isu lain. Tak sebut tentang 1MDB, telah disebut secara penuh tadi isu cabaran IPIC misalan. Itu juga beban hutang boleh menelan RM26 bilion. Sekarang ikut sahaja *debt service charges* atau bayaran khidmat hutang mencecah RM28.87 bilion pada tahun ini.

Ini bermaksud kita dapat sahaja pendapatan negara, terus kita bayar servis hutang sebanyak 13.1% daripada hasil kutipan kerajaan. Nisbah ini, 13.1% tak jauh Tuan Yang di-Pertua. Had dia 15% yang ditetapkan bawah peraturan pentadbiran fiskal dan risiko kita melepasi had ini sebenarnya ada, agak tinggi memandangkan jumlah hutang awam yang terus melonjak dan saya lihat ini juga belum kita ambil kira hutang tertunggak oleh 1MDB seperti mana yang diumumkan oleh PAC yang setakat Januari 2016 sebanyak RM50 bilion.

Maka ambil juga dengan *target* kita. Rancangan Malaysia kalau kita lihat daripada *Economic Transformation Program*, saya nampak *Economic Transformation Program* satu ketika dahulu menyasarkan sasaran kita mencapai KDNK menjelang tahun 2020 sebanyak enam peratus, peratusan GDP. Akan tetapi pertumbuhan sekarang hanya di kadar 5.3 peratus. Bank Dunia pula menjangka menjelang tahun 2017, pertumbuhan KDNK akan serendah 4.5 peratus.

Kita sekarang sudah ada Jawatankuasa Dasar Fiskal (JDF) Tuan Yang di-Pertua, tetapi tidak melibatkan pun anggota-anggota Parlimen daripada pembangkang. Sewajibnya bila masa negara berhadapan dengan banyak *red alerts*. *Red alerts* bukan Ahli Parlimen pembangkang sebut Tuan Yang di-Pertua. Yang sebut tak silap saya tadi daripada Bagan Serai. Jadi kita memerlukan satu sistem yang terbuka. Jawatankuasa ini menjelaskan kepada semua dalam Dewan Rakyat tentang risiko-risiko utama yang menghadapi ekonomi Malaysia.

Pada hari ini, yang saya mengutarakan adalah isu yang berkait dengan jaringan keselamatan sosial, Tuan Yang di-Pertua ataupun *safety net*. Orang pertama Tuan Yang di-Pertua, kalau kita melihat bila masa kita takut dengan risiko bankrap, kita masih lagi melihat Perdana Menteri dan anggota Kabinet mungkin kebanyakan daripada kita di sini masih lagi berupaya untuk menyelamatkan diri di kala krisis. Kita punyai dipanggil jaringan keselamatan sosial. Simpanan dalam akaun peribadi sesiapa misalannya. Rumah kedua, tanah, pegangan saham. Semua ini merupakan lebihan di kala kita ditimpa musibah tetapi bagaimana pula dengan rakyat biasa yang kebanyakan?

Mengikut statistik KWSP, hanya satu dalam lima pencarum mereka yang mampu untuk bersara dengan jaminan. Jadi saya bawakan satu contoh, isu yang sering kali dilihat remeh. Kita sebagai *middle upper income nation* dan kita gah mengumumkan pendapatan, perolehan negara tetapi hakikatnya anak-anak di Malaysia ini masih lagi bergelut dengan masalah nutrisi yang tidak mencukupi.

Saya petik pandangan James Heckman, pemenang hadiah Nobel dalam bidang ekonomi dan seorang pakar dalam ekonomi pembangunan manusia. Beliau menyatakan Tuan Yang di-Pertua dengan izin, *the highest rate of return in early childhood development comes from investing as early as possible in disadvantage families*. Yang Amat Berhormat Pekan pun menyatakan usia dua hingga lima tahun merupakan fasa penting tumbesaran minda dan fizikal anak-anak. Malangnya kerajaan daripada segi pelaksanaan belanjawan ini membatalkan program sedia ada yang jelas bermanfaat untuk anak-anak di sekolah.

#### ■1750

Program bantuan makanan tambah prasekolah dikurangkan. Peringkat sekolah rendah, Program Susu 1Malaysia yang diperuntukkan pada asalnya RM7.8 juta dibatalkan. Tuan Yang di-Pertua, kita kena ingat, sebelumnya kalau ia bercakap tentang isu ketempangan pelaksanaan, tahun 2007 menyaksikan ratusan anak-anak murid mengalami keracunan kerana susu sekolah yang dibekalkan oleh kerajaan itu melepasi tempoh had dan ini berlaku skandal yang begitu besar, kalau di negara lain sudah tentu dibangkitkan.

Akan tetapi akhirnya, seolah-olah kerajaan dan kementerian tidak punyai keupayaan untuk membekalkan, sampai bab nutrisi pun gagal. Ini pada saya membawa kebimbangan kerana kita dikenali sebagai sebuah negara yang memperkenalkan rancangan makanan tambahan dan pembekalan nutrisi untuk membantu anak-anak miskin di sekolah supaya mereka dapat peluang yang lebih baik. Saya ingin rujuk juga kepada Laporan UNICEF yang menyatakan anak-anak di Malaysia menghadapi masalah malnutrisi.

Okey, orang kita di Malaysia, *you don't think about malnutrition*. Akan tetapi berdasarkan Laporan National Health and Mobility Survey 2015 Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 13.4 peratus anak-anak yang berusia 18 tahun ke bawah mengalami *stunting low height for their age* dan sebanyak 13 peratus anak-anak terdiri daripada mereka yang kekurangan berat badan, *underweight, low weight for their age*. Apa yang menyedihkan, 7.9 kanak-kanak ditimpa masalah kekurusan, *low weight for height*. Saya ingin membangkitkan, semua ini wajib kita ambil kira sebagai satu masalah yang mendasar, yang penting.

Kalau kita lihat kepada kejayaan Vietnam. Vietnam 1994, isu kadar malnutrisi itu bagi anak-anak bawah lima tahun, 45 peratus tetapi jatuh secara mendadak pada tahun 2008, dikurangkan kepada 19.9 peratus. UNICEF iktiraf Vietnam sebagai negara, di mana kadar malnutrisi dikurangkan paling pesat di Asia. Justeru, saya tegaskan di sini, kanak-kanak yang berasal daripada keluarga-keluarga berpendapatan rendah iaitu golongan B40, lebih cenderung kepada fenomena malnutrisi.

Kita pinta keutamaan oleh pihak Yang Amat Berhormat, mengambil perhatian kepada isu ini supaya bukan soal perancangan sahaja Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan di lapangan. Kes keracunan tidak berlaku lagi. Masalah ini diatasi dengan serius. Anak-anak yang membesar dengan sihat akan kurang bergantung pada perkhidmatan sosial, kurang terlibat dalam gejala jenayah serta berupaya mencapai tahap sara diri dan meningkatkan produktiviti dalam masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, ini belum saya sebut tentang isu malnutrisi menerusi kajian UKM. Mereka lakukan kajian Tuan Yang di-Pertua, ke atas 168 isi rumah di Daerah Baling. Keputusan yang sangat mengejutkan. Kajian menunjukkan selain daripada dimensi ternakan, sebanyak 87 peratus, hampir 88 peratus isi rumah menghadapi kekurangan dalam mendapatkan makanan yang berzat dan 70 peratus isi rumah kekurangan dalam dimensi pemilikan tanah. Kebanyakan mereka dilaporkan, memang kalau kita pergi ke kampung-kampung, Yang Berhormat Ampang ya, kita pernah pergi jelajah penoreh getah. Ada yang makan nasi dengan garam. Jadi, pada saya bila masa kita lihat perkara ini dengan serius, kita memahami ini berlaku. *So, you cannot expect to say that we have done fine, we have been great when focus society continue to suffer* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga di sini ingin membangkitkan isu yang bawah tema orang miskin dilarang sakit.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Kalau diizinkan Yang Berhormat Lembah Pantai.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Baik, pendek sahaja Yang Berhormat, kalau boleh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Kamaruddin Jaffar [Tumpat]:** Pendek sahaja ya. Sebab yang Yang Berhormat Lembah Pantai sebutkan tadi tentang masalah penjagaan anak-anak kecil *malnutrition* dan sebagainya. Pagi tadi dan sebentar tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Kepong dan Yang Berhormat Bandar Tun Razak tentang masalah orang-orang tua, warga emas. Jadi, kalau orang tua kerajaan tak jaga, anak-anak kecil muda kerajaan tak jaga, ini bermakna kita benar-benar berada dalam keadaan krisis yang amat teruk. Apa pandangan Yang Berhormat Lembah Pantai?

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Lembah Pantai]:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Saya setuju, saya harap kita dapat melihat secara objektif. Oleh kerana bila masa kita diminta berbahas, sebenarnya masalah yang paling fundamental adalah belanjawan ini sepatutnya diserapkan dalam perancangan jangka masa panjang, Rancangan Malaysia Kesebelas. *It is not supposed to be election budget.* Bila masa kita menyatakan isunya bukan soal memberi lebih banyak dana supaya ramai lagi poket rakyat mendukung kita. Isunya ialah untuk menjamin masa depan rakyat yang lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Asia-Pacific Regional Centre (APRC) berpangkalan di Singapura, situasi penuaan rantau ini akan mengakibatkan kos penjagaan kesihatan, ya Yang Berhormat Tumpat, sebanyak USD20 trilion menjelang tahun 2030.

Jadi, di Malaysia bagaimana keadaan kita? 75 peratus rakyat mengguna pakai sistem rawatan hospital, 90 peratus guna sistem pesakit luar penjagaan kesihatan awam. Akan tetapi kerajaan hanya belanja 52.4 peratus untuk penjagaan kesihatan. Saya hendak maklumkan daripada peratusan KDNK. Tengok Malaysia, kita belanja 4.2 peratus daripada KDNK. Singapura 4.9 peratus, Thailand 6.5 peratus, Amerika Syarikat 17.1 peratus dan UK 9.1 peratus. Ini pada saya bukan tidak mencukupi memandangkan kebarangkalian kematian kerana penyakit tidak berjangkit buat Malaysia, 24 peratus berbanding dengan Singapura 3.6 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, bila masa makmal rasionalisasi subsidi PEMANDU sendiri, bawah kerajaan, mengatakan penjagaan kesihatan kita kena letakkan sebagai salah satu perkara dalam program rasionalisasi subsidi. Bagaimana kita boleh *in all good conscience* ya, menerima bahawa isu kesihatan pun hendak *rationalise*? Sedangkan skandal yang lain-lain itu yang tak boleh disebut pun tak diambil kira sebagai isu yang patut diselesaikan. Bila masa kerajaan ambil keputusan untuk menswastakan banyak perkhidmatan hospital, dalam masa 20 tahun sahaja sektor swasta di Malaysia memiliki dua per tiga keseluruhan pakar perubatan dan pembedahan.

Akhirnya, tengoklah kemelut yang rakyat hadapi. Kos bersalin kelas satu di hospital awam RM800 berbanding kos rawatan sama di hospital swasta RM3,500 hingga RM6,000. Kalau kita lihat bagi negara-negara lain, kalau orang kata di Malaysia ini murah Tuan Yang di-Pertua. Kos lahirkan bayi di hospital United Kingdom dan Australia dengan tempoh tinggal di hospital selama 2.6 hari, kadar median sebulan gaji, banding dengan Malaysia, median tiga bulan gaji hendak melahirkan anak.

Pada saya, inilah statistik yang harus kita lihat. Bila masa kita mahu memastikan rakyat Malaysia ini mendapat kehidupan yang terjaga. Saya ingin merujuk



bila masa keputusan-keputusan kerajaan yang diambil, contohnya permit kelulusan untuk ubat-ubatan. Ini memberikan laluan keuntungan melampau yang dikutip oleh Sime Darby, Pantai, Khazanah, KPJ semua merupakan *government-linked companies*, dengan izin, yang memegang lebih 40 peratus jumlah katil di hospital swasta.

Jadi, kerajaan sebenarnya ada tiga peranan. Dia tak boleh jadi *independent regulator*. Kerana apa? Dia membekal penjagaan kesihatan awam pun dia, penggubal dasar pun dia dan dia juga melabur untuk mengaut keuntungan menerusi penjagaan kesihatan. Jadi, bila masa kita dengar perkataan kleptokrat itu lagi sakit hati kerana kita melihat ia memberi kesan kepada kesihatan rakyat terbanyak.

Saya minta supaya kerajaan ambil serius kewajipan melaksanakan reformasi dalam bentuk regulasi kepada bidang kesihatan. Contohnya, memastikan pindaan dan peruntukan ditambah supaya Akta Perkhidmatan dan Kemudahan Penjagaan Kesihatan Swasta ini mendapat kawalan yang mencukupi. Tuan Yang di-Pertua, mengikut Rancangan Malaysia Kesebelas, kerajaan menyasarkan nisbah satu doktor bagi 400 pesakit. Ini bermakna, sasaran 75,000 doktor menjelang tahun 2020. Adakah kita punyai hospital latihan yang mencukupi?

Adakah kita punyai bekalan pelajar perubatan yang mencukupi? Kita juga harus faham, kita hanya ada 44 hospital latihan dan kekurangan hospital ini diterjemahkan dengan masa tambahan yang perlu dilalui oleh graduan perubatan sebelum mereka boleh ditempatkan. Ini bebanan bertambah. Saya fikir bila masa kita melihat apa yang berlaku baru-baru ini, tragedi semalam, kebakaran di Hospital Sultanah Aminah. Apa yang membimbangkan saya, pagi tadi Yang Berhormat Menteri jawab, tiba-tiba tengah hari berlaku lagi *power source short circuit* yang mengakibatkan kalau semalam kehilangan enam jiwa, termasuk 10 yang masih lagi cedera teruk, hari ini dua jururawat terpaksa dikejarkan ke hospital kerana kepulan asap yang berbahaya.

#### ■1800

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah satu pada saya *a national disaster* yang harus diambil serius. Seterusnya saya pergi kepada isu biasiswa pendidikan dan universiti awam. Isu *unemployment and underemployment* Tuan Yang di-Pertua. Masyarakat muda sudah sentuh, tua sudah sentuh dan sekarang anak-anak muda kita, *our brains*, dengan izin. Sejak pembentangan Bajet, didengar di luar sana Tuan Yang di-Pertua bahawa belanjawan ini kerajaan *kleptocrat* ini anti pendidikan dan juga anti kesihatan. Dana universiti awam dipotong. Kalau dilihat, UKM mengalami kejatuhan peruntukan terbanyak sebanyak potongan 31.2%.

Universiti awam pada 2016 mengalami potongan yang begitu melulu. Pada saya wajib kementerian tampil dengan statistik terkini, kesan *what is the impact of your cuts*. Takkanlah perkara yang *fundamental*, sezasas itu tidak boleh diambil kira. Sudah dibuat potongan, harus ada keprihatinan untuk melihat kesan impak khusus kepada bidang perubatan dan juga *research and development*. USM sahaja dalam QS *World University Ranking 2016/2017* jatuh merudum dari tangga 289 ke 330. Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini kami semua bersetuju semasa USM dipilih sebagai universiti APEX, *Accelerated Programme for Excellence*.

Malangnya bila masa kita tidak beri dokongan secara konsisten, maka anak-anak kita yang terkesan. USM dipotong belanjawan mereka sebanyak 17.14% dan menjelang 2017 dipotong lagi sebanyak 28%. Tuan Yang di-Pertua, pada saya isu *unemployment* dan *underemployment* ini memperlihatkan fenomena graduan terpaksa bekerja dalam sektor di luar bidang serta menerima gaji yang tidak setaraf dengan tahap pengajian mereka. Setakat Februari 2016, berapa ramai Tuan Yang di-Pertua, pemegang ijazah yang tidak bekerja 200,000 orang. Semua pegang ijazah institusi pengajian tinggi. Menurut kajian *Khazanah Research Institute*, 33% daripada mereka yang menganggur mempunyai lulusan institusi pengajian tinggi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, bila masa kita dengar pula sekarang Transformasi Nasional 2050. Saya hendak bangkitkan sekali lagi. Tidak cukup dengan melihat keberkesanan program, saya mahu tahu apakah sasaran ETP ini menepati *target-target* awal. Program Transformasi Ekonomi dulu, kita bayar banyak kepada PEMANDU, kita bayar banyak untuk meluluskan badan baru ya, merancang Program Transformasi Negara. Menjelang 2020 sasaran 3.3 juta pekerjaan. Setakat ini hanya 2.2 juta pekerjaan. Itu pun yang ada adalah daripada bidang *wholesale and retail*. *Target 595,000* Tuan Yang di-Pertua dan yang diwujudkan 474,000. Itu untuk *wholesale* dan *retail*. *Low ranking job Tuan Yang di-Pertua*.

Untuk *financial service*, *target 275,000* tapi yang dapat 31,000. 31,000 saja kerja dalam bidang kewangan, servis kewangan, 11%. Akan tetapi bila masa menyalahkan, bukan main mudah untuk menyalahkan dan memotong peruntukan pada pihak kerajaan membiarkan sahaja. Maka pada saya sebelum kita bercakap tentang mana-mana program yang melibatkan kos untuk hiasan, kos perunding, konsultan dan sebagainya, *imej consultant*, saya mahu tahu apakah hasil PEMANDU dalam memastikan peluang pekerjaan di bawah ETP. Satu persatu kerajaan wajib menjawab.

Tuan Yang di-Pertua saya pergi kepada isu perumahan. Dalam RMKe-11, kerajaan mensasarkan pembinaan 1 juta rumah mampu milik dan 182,000 unit

dijangka dapat disiapkan pada akhir tahun 2015. Akan tetapi sehingga ke hari ini hanya ada 96,000 unit rumah mampu milik. Itu pun masih dalam proses pembangunan dan hanya 10,000 dijangka siap menjelang tahun 2016. Tuan Yang di-Pertua yang saya bimbang, kita ada Menteri baru sekarang, yang pegang jawatan Menteri terus menyatakan sasaran itu ini, tidak melihat kepada kegagalan terdahulu dan cadangan yang paling menakutkan membenarkan pemaju mengeluarkan lesen pinjaman.

Saya juga terkesan kerana bagi peringkat Lembah Pantai sudah ada skim *rent-to-own* PPRPA. Akan tetapi Menteri yang baru dinobatkan, Yang Berhormat Tanjong Karang seolah-olah tidak tahu menahu pun bahawa skim PPRPA ini wujud. Tambahan lagi bila masa ini berlaku, kita juga mempersoalkan bagaimanakah kerajaan membuat keputusan. Wajib ada reformasi struktur dalam menyelesaikan masalah perumahan. *Khazanah Research Institute* telah menyiapkan laporan kajian tentang Dasar Perumahan Negara. Akan tetapi kalau Perdana Menteri, kalau Menteri tidak baca pada saya, tidak berguna kita ada hal-hal, bahan-bahan yang membantu kita melaksanakan cadangan yang terbaik.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya bangkitkan isu PPR? Ini kerana pada saya bila masa kita berada di lapangan, kita sedar kadang-kadang ada ibu yang baru bersalin, suami masuk ke hospital. Kemudian anak yang 8 tahun yang terpaksa menjaga ibu kerana tidak ada *bigger family net*, ibu dan ayah sudah meninggal dunia. Tentunya rumah-rumah inilah yang disita, rumah-rumah ini yang menyaksikan potongan bekalan air dan sebagainya. Jadi kadangkala harus ada mekanisme pantauan yang sangat efektif *because you know a concerned, focused government will be able to appreciate the difficulties of the rakyat* Tuan Yang di-Pertua.

Saya maklumkan kenapa, kerana saya takut kalau sesama Menteri pun tidak tahu dasar, maka kita akan menghadapi banyak masalah, bukan yang dapat diselesaikan tetapi penambahan dasar-dasar yang lebih membebankan lagi. Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin menyatakan satu perkara. Kalau bagi pihak kami Ahli-ahli Parlimen pembangkang, kami memang mengutarakan kritikan yang jelas kepada autokrat zaman dahulu tapi kita tidak pernah membenci peribadinya. Ekoran itu Wawasan 2020 Tuan Yang di-Pertua, kita tidak pernah kecam. Kita mungkin tidak bersetuju dengan banyak yang Dr. Mahathir buat, banyak kezaliman tetapi isunya bila masa wawasan itu menggariskan masa depan negara sesama kita.

Saya tidak faham kenapa Yang Amat Berhormat Pekan boleh menyahkan begitu sahaja wawasan yang telah dibina begitu lama, sama-sama kalau kita punyai keyakinan dengan Malaysia, kita cintakan negara kita, seharusnya ada keberanian *to*

*admit our weaknesses*. Lihat sasaran, lihat apa yang mungkin gagal kita tepati, kemudian secara bersama laksanakan reformasi mendasar untuk memperbaiki isu rasuah, isu keberkesanan secara bersama. Saya tidak mahu lagi kita dibelenggu dengan sebuah lagi Program Transformasi Nasional 2050 sedangkan segala *alphabet suq*, ETP dan juga PEMANDU pun belum satu pun mencapai sasaran.

Tuan Yang di-Pertua, *this is our money*. Yang saya sedih bila masa kita libatkan diri dalam perbincangan, yang saya mahukan secebislah, sedikit ruangan daripada Yang Berhormat Perdana Menteri, *please accept good policies for the rakyat*. Kalau mahu kritik tapi pada masa yang sama janganlah terlalu melulu, hanya mengingatkan kepentingan peribadi. Kewajipan kita sebagai anggota Dewan Rakyat untuk melaksanakan dan meluluskan program yang terbaik, bukan sahaja untuk menang pilihan raya, tapi untuk memenangi masa depan.

Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf. Saya sebenarnya tidak boleh untuk bersetuju bila masa kita tidak melihat keutamaan yang wajib dilaksanakan. Belanjawan ini ada sedikit sebanyak program-program yang membantu. Isu *cash transfers*, isu pengenalan skim Uber kerana ramai yang memerlukan peluang pekerjaan. Isu kewajipan memberikan keadilan kepada pemandu teksi. Akan tetapi pada saya bila masa ianya seolah-olah menyembunyikan masalah utama yang kita hadapi, tidak memberikan sedikit keutamaan pun kepada usaha membanteras rasuah, saya terpaksa menolak.

Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Tuan Yang di-Pertua dapat memberikan ruangan kerana kemarahan ini sebenarnya berpunca daripada kekecewaan kami dalam memastikan masa depan kita dijaga oleh bukan seorang *kleptocrat*, tapi Perdana Menteri yang memahami kesusahan dan inspirasi rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Batu Sapi.

**6.09 ptg.**

**Datuk Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada 21 Oktober 2016, Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kita, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak telah membentangkan Bajet 2017 di Dewan yang mulia ini dan mencadangkan jumlah peruntukan sebanyak RM260.8 bilion. Bajet ini merangkumi perbelanjaan pengurus sebanyak RM214.8 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM46 bilion.

**■1810**

Bajet ini mengambil kira keperluan ekonomi, sosial dan keselamatan negara. Saya menyokong penuh Bajet 2017 yang telah dibentangkan dan saya yakin bajet ini akan menjamin kesejahteraan rakyat. Walau bagaimanapun, izinkan saya memberi sedikit ulasan dan cadangan berkaitan dengan Bajet 2017 yang telah dibentangkan khususnya dengan merujuk kepada keperluan Sabah dan pandangan dari segi negeri Sabah dan kawasan yang saya wakili iaitu Batu Sapi di kawasan perbandaran Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, satu penekanan Bajet 2017 ialah pembinaan landasan kereta api termasuk LRT, dengan izin *light rail transit*, MRT ataupun dengan izin, *mass rapid transit*, ETS ataupun dengan izin *electric train service*. Di Pantai Barat Semenanjung Malaysia projek rel baru *east coast rail line*, dengan izin dan lain-lain. Oleh kerana rangkaian kereta api adalah sangat penting untuk memudahkan kegiatan ekonomi, projek-projek ini sangat dialu-alukan.

Sebagai seorang Ahli Parlimen dari Sabah, dukacita saya ingin maklumkan Dewan yang mulia ini bahawa perkhidmatan kereta api di Sabah masih dalam keadaan sebelum merdeka dan saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan memberi perhatian kepada Sabah untuk menyediakan infrastruktur asas ini. Negeri Sabah telah merancang untuk membina rangkaian landasan kereta api untuk menghubungkan semua bandar utama di Pantai Barat, Pantai Timur dan pedalaman.

Saya mencadangkan fasa pertama pembinaan landasan kereta api dilaksanakan untuk menghubungkan Kota Kinabalu di Pantai Barat dengan Sandakan di Pantai Timur. Dalam fasa-fasa berikutnya landasan kereta api yang menghubungkan bandar-bandar lain boleh dibina. Dengan adanya perkhidmatan kereta api ini saya percaya pembangunan semua sektor ekonomi Sabah akan lebih maju.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua mengakui bahawa Pusat Transformasi Bandar atau UTC ataupun dengan izin, Urban Transformation Centre dan Pusat Transformasi Luar Bandar atau RTC dengan izin Rural Transformation Centre telah memberi banyak manfaat kepada rakyat terutamanya untuk golongan yang sibuk semasa waktu pejabat biasa.

UTC yang merupakan pusat khidmat sehenti yang beroperasi tujuh hari seminggu bermula 8.00 pagi hingga 10.00 malam sangat dialu-alukan. Setakat ini belum ada UTC disediakan di kawasan perbandaran Sandakan. Saya mewakili penduduk Bandar Sandakan memohon sebuah UTC dibina di Sandakan dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, pelepasan cukai pendapatan yang digabungkan sebagai pelepasan cukai gaya hidup adalah satu langkah bijak memandangkan negara kita semakin maju dan rakyat makin mementingkan mutu kehidupan yang baik. Saya mencadangkan bukan sahaja bayaran keahlian gimnasium diberi pelepasan tetapi bayaran keahlian sukan lain seperti keahlian kelab golf, kelab bowling dan pas pelajar ataupun dengan izin, *joggers* juga diberi pelepasan kerana sukan lain juga menyumbang kepada gaya hidup yang sihat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan penekanan kepada kesihatan dan perubatan dalam Bajet 2017 namun sebagai Ahli Parlimen dari kawasan perbandaran Sandakan saya ingin menarik perhatian Menteri Kesihatan tentang beberapa kekurangan dan masalah di hospital tunggal di Sandakan iaitu Hospital Duchess of Kent. Blok Perubatan perlu dinaikkan taraf dari segi kerja-kerja kejuruteraan awam, paip dan elektrik dengan segera untuk menyediakan perkhidmatan yang memuaskan. Perkhidmatan radiologi termasuk *CT scan*, *mammogram* dan *fluoroscopy* perlu ditingkatkan dengan segera. Di samping itu bilangan mesin hemodialisis perlu ditambah kerana pesakit buah pinggang telah meningkat di Sandakan.

Diperhatikan juga bilangan ambulan yang sedia ada iaitu empat buah tidak mencukupi dan perlu ditambah empat buah kerana bilangan penduduk di kawasan perbandaran Sandakan telah bertambah. Dicadangkan juga sebuah bangunan baru dibina untuk menyimpan rekod perubatan pesakit kerana rekod perubatan yang disimpan dengan rapi sangat penting untuk menyediakan perkhidmatan perubatan yang baik. Dari segi pelantikan ahli-ahli lembaga pelawat Hospital Duchess of Kent saya mencadangkan kepada Menteri Kesihatan supaya melantik wakil-wakil yang boleh memberi sumbangan dan mewakili semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik di kawasan luar bandar saya menyeru perhatian diberikan kepada ramai penduduk desa di Sabah yang masih serba kekurangan. Di sini saya bagi pihak penduduk-penduduk di Pulau Tempang, di kawasan Parlimen Batu Sapi sekali lagi mengemukakan permohonan kepada Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk menyediakan bekalan air bersih dan bekalan elektrik ke kampung-kampung di pulau ini dengan seberapa segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya memuji usaha kerajaan untuk mempertingkatkan dengan izin, *online connectivity* dan mempertingkatkan perkhidmatan internet jalur lebar. Namun di beberapa tempat di kawasan perbandaran Sandakan, capaian perkhidmatan internet dan rangkaian telefon bimbit tidak memuaskan. Contohnya kedai dan pejabat di bandar utama di kilometer 10, Jalan Utara Sandakan telah

mengalami masalah perkhidmatan internet. Saya meminta bantuan Menteri Komunikasi dan Multimedia untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan tumpuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada sektor pelancongan. Saya memohon kepada Menteri Pelancongan dan Kebudayaan untuk memberi perhatian kepada Sabah terutamanya dalam inisiatif udara bersih dan ekopelancongan kerana berbanding dengan Semenanjung Malaysia, Sabah memang terkenal dengan produk-produk ekopelancongan dan alam semula jadi dan cogan kata yang sangat sesuai untuk mempromosikan pelancongan di Sabah ialah dengan izin, *Eco Treasures from Mountain High to Ocean Deep*.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengundur diri, saya ingin sekali lagi menegaskan bahawa saya menyokong penuh Belanjawan 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dan dengan ini saya menamatkan ucapan perbahasan saya ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Raub, sila.

**6.18 ptg.**

**Dato' Mohd Arif Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya menyentuh sedikit mengenai memberi ulasan mengenai Bajet 2017 saya ingin menyatakan pendirian parti saya iaitu parti DAP serupa seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Marang pagi tadi. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Prinsip permuafakatan dan kerjasama ialah kita berusaha untuk mewujudkan kebaikan dan meningkatkan ketakwaan. Dalam bahasa Inggeris ketakwaan itu *God-fearing*. Tidak mahu melihat *kleptocracy*, tidak mahu melihat korupsi, tidak mahu melihat salah guna kuasa. Jadi kalaulah parti-parti politik bersetuju dengan prinsip tersebut kita tidak ada masalah untuk bekerjasama.

■1820

Saya tertarik di penghujung ucapan beliau, dia menyebut mengenai adat pejuang. "*Yakni apabila layar sudah dibentang, bahtera sudah dikemudi, apabila gendang perang ditabuh-tabuhkan, pantang pendekar berbalik pulang. Jadi bukan dia seorang sahaja berani. Sebelah sini pun kita berani juga sebab kita sambut dengan prinsip rukun anak jantan yang matinya di tengah gelanggang, yang tidur di puncak gelombang, yang tidak kenal air mata, yang tidak kenal tunduk kulai, yang lawan tetap*

*lawan*". Jadi sebetulnya saya melihat, bukan keberanian kepahlawanan berperang di dalam medan perang yang kita kehendaki tetapi...

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** [Bangun]

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Ya silakan.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Raub, saya juga tertarik dengan pantun yang diberi oleh Yang Berhormat Pekan pada hari itu. Tidak akan cabut lari dan sebagainya. Akan tetapi kenapa merengek-rengok selepas itu apabila kita tidak boleh terima ucapan beliau waktu belanjawan pada 21 hari bulan yang lepas. Ya, Yang Berhormat Raub, terima kasih.

**Dato' Mohd. Ariff Sabri bin Abdul Aziz [Raub]:** Saya sendiri tidak tahu secara peribadi apa yang berlegar di kepala Yang Amat Berhormat Pekan. Akan tetapi apabila kita keluar, itu boleh jadi menandakan penolakan kita terhadap kepura-puraan dan *kleptocracy* dan kita tidak sanggup mendengar lagi. Kita jangan lekas melenting sebab itu sudah di penghujung kita dengar. Bahkan kalau lihat pun, *we have heard whatever we want to hear*. Akan tetapi berbalik kepada tadi Tuan Yang di-Pertua, bukan keberanian tersebut, untuk berlawan di dalam medan perang yang kita kehendaki tetapi keberanian melawan *kleptocracy*, melawan rasuah yang berleluasa, melawan salah guna kuasa dan macam-macam lagi yang berlaku dalam negara kita ini.

Apabila ada orang mengatakan bahawa bajet ini tidak ada kandungan, lebih *form* daripada *substance*, kita jangan melenting sebab persepsi rakyat di luar sana bahawa inilah yang terjadi sebab pertama kali. Saya sebelum masuk Dewan Parlimen, saya mengikuti pembentangan bajet yang lalu-lalu dan saya melihat kali ini suatu pendekatan yang amat berbeza. Buat pertama kali bajet kita dihiasi dengan *overhead projection*, dengan PowerPoint *display* dan kemudian dengan publisiti *star* yang banyak. Menjemput daripada *Paralympians*, kepada tok batin, kepada pelbagai orang.

Oleh sebab ini kalau dahulu, *in the old school system*, kalau kita ini mengambil *exam* ini orang kata *padding* iaitu menyembunyikan isi yang tidak ada dalam jawapan. Itu yang berlaku. Oleh sebab itu kita tengok rata-rata kali ini penerimaan rakyat terhadap bajet di luar sana sungguh *lukewarm*, dengan izin sebab tidak ada keseriusan dari pihak kerajaan untuk bertanggungjawab di atas perbelanjaan. Bajet ini konsepnya ialah berbelanja secara berhemah. Disebut ada tetapi pelaksanaannya belum kita tengok, belum kita lihat.

Oleh sebab saya melihat bajet ini seperti biasa. Bajet ini ialah membayar keluar daripada masalah. Kita tengok tidak ada dalam Bajet 2017 ini, kita boleh lihat tidak ada



kumpulan yang tidak disentuh untuk diberi oleh-oleh oleh Menteri Kewangan pada tahun ini. Daripada doktor yang 2,600 yang tidak boleh mendapat *housemanship* diberi *contract of service* dan banyak lagi.

Kita tengok orang-orang kampung mendapat lampu untuk menerangi kampung-kampung mereka. Saya di Raub ada sebuah tempat saya tengok di kampung yang bernama Sungai Pasu kalau kita masuk ke jalan itu, jalan diterangi oleh lampu-lampu yang banyak seolah-olah kita berada di Putrajaya. Bukan lagi di kampung yang tersisih jauh daripada peradaban.

Saya melihat lagi satu. Ini bajet yang beroperasi atas prinsip membayar jalan keluar daripada masalah. Kita tengok siapa yang akan bina 616 kilometer jalan kampung yang mempunyai bajet RM1.2 bilion atau apabila kita hitungkan makna jalan kampung. Satu kilometer akan berkos hampir RM2 juta. Jadi jalan kampung apa yang berkos RM2 juta ini Tuan Yang di-Pertua? Saya tidak tahu, boleh jadi kita hendak buat *highway* dalam kampung. Saya tahu jalan kampung ini jalan yang biasa. Takkanlah jalan kampung akan berkos hampir RM2 juta. Siapakah yang akan dapat nanti? Nanti ketua-ketua cawangan UMNO, ketua bahagian akan berpintasan kaki untuk mendapatkan projek membina jalan kampung. "*Kawan nak 10 kilometer, koi nak 20 kilometer. Kah nak 30 kilometer*". Semua akan berebut untuk membina jalan kampung.

Akan tetapi tidak mepedulikan kesannya ke atas perbelanjaan kerajaan. Sedangkan objektif bajet, konsep bajet itu, istilah bajet itu sendiri ialah berbelanja berhemah. Saya lihat Menteri Kewangan ada menyebut mengenai perbelanjaan berhemah. Akan tetapi ia mesti kita *reconcile*kan dengan perlakuan peribadi. Kalau kita suruh orang kampung makan yang sederhana, kalau dahulu beli *toys* yang mahal. Sekarang beli tetap beli tetapi beli yang murah sedikit dan makan jangan makan di restoran. Kalau boleh di warung-warung.

Ini tidak langsung menampakkan yang bercakap itu betul-betul mahu melaksanakan prinsip belanja berhemah. Sedangkan kita tahu Menteri-menteri dan Perdana Menteri sendiri pun tidak memperlihatkan perbelanjaan yang berhemah. Bagaimana kita hendak jadi contoh dan teladan kepada rakyat biasa? Rakyat sekarang terhimpit. Pendapatan mereka terutama yang bekerja di dalam bidang pertanian, mereka mempunyai pendapatan yang rendah. Bagaimanakah mereka mahu mengongkosi dan membiayai perjalanan hidup?

Kita lihat dalam *research* yang dilakukan oleh Khazanah Research Institute bahawa orang miskin yang mempunyai pendapatan RM2,000 berbelanja hampir 40% daripada pendapatan mereka ke atas bahan-bahan makanan. Sedangkan dalam *research* yang serupa Khazanah memberitahu kita bahawa kos bahan makanan makin

meningkat. Daging, bahan-bahan tenusu, ikan semua meningkat. Bagaimanakah orang yang mempunyai pendapatan yang rendah akan menangani dan melayari hidup mereka?

Ini bajet yang dibentangkan. Bukan sahaja dibentangkan dengan merujuk kepada beberapa ayat al-Quran terutama mengenai cerita Nabi Yusuf tetapi pengajaran yang sebenarnya daripada penceritaan tersebut ialah apabila keadaan baik kita patut *save more*, bukan berbelanja lebih. Sebab apa? Apabila keadaan tidak bagus, kita ada *reserve* untuk membiayai ekonomi dan membiayai negara kita ini. Itu pengajaran yang sebetulnya daripada ayat-ayat yang dibaca itu.

Jadi kita tidak lihat keseriusan dan komitmen untuk betul-betul mengurus dasar kewangan negara dan merancang untuk masa hadapan. Oleh sebab itu kita tengok *we didn't save when the economy was good*. Oleh sebab itu kita tidak mempunyai wang. Hari ini kita melihat Tuan Yang di-Pertua dengan izin, isu pengangguran. Ini sebab ramai orang sebut isu pengangguran. Saya hendak sentuh sedikit doktor yang 2,600 kita bagi *temporary job*. Lain-lain kita bagi pendapatan, golongan lain kita bagi *skills set*. Akan tetapi apakah mereka akan dapat pekerjaan di kemudian hari? *In the long run*, apakah mereka akan mendapat kerja?

Oleh sebab kita tahu hendak masuk kerja kerajaan, kerajaan sendiri menanggung hutang yang banyak. Sekarang ini *public debt* RM800 lebih bilion. Itu tidak dikira dan dihitung lagi *the contingents liabilities*. Bagaimanakah kerajaan yang mempunyai hutang yang banyak dan yang terpaksa *service debt* sebanyak RM20 bilion, RM30 bilion setahun akan mengambil orang-orang ini bekerja? Tidak dapat bekerja. Hendak harap *private sector*? Sektor swasta pun mempunyai hutang sekarang ini, saya dapat maklumat yang terbaru RM1.38 trilion. Adakah sektor swasta yang menanggung beban hutang yang begitu tinggi akan mengambil pekerja-pekerja baru? Ini yang kita kena fikir mewujudkan peluang pekerjaan untuk jangka masa yang panjang.

#### ■1830

*We cannot rely on the government anymore and government* pun tidak boleh dijadikan *employer of last resort*. Yang tidak ada kualiti pun masuk kerja kerajaan. Tidak boleh begitu. Bagaimanakah kita memperbaiki perkhidmatan dan mutu *service* kepada rakyat kalau kita mengambil pekerja dengan tidak mengira kelayakan. Oleh sebab itu saya daripada dulu, semasa saya berada di dalam kerajaan, saya senantiasa untuk menganjurkan bahawa *civil service* kita, *civil servant* kita mesti dinaikkan kualiti, *the entry point* supaya kita boleh menawarkan kepada rakyat, perkhidmatan yang terbaik.

Tadi pengangguran. Jadi saya sebut ini satu benda yang menggelisahkan ramai graduan dan kita tengok tadi dan kita dengar siswazah dan ramai yang menganggur. Apa yang paling menyedihkan, majoriti yang menganggur ini adalah daripada kaum bumiputera.

Saya hendak sentuh sikit mengenai perumahan. Perumahan banyak disebut. Daripada dahulu sampai sekarang kita digembar-gemburkan, kita ditawarkan dengan jumlah rumah yang terlalu banyak. Daripada tahun 2013 hingga tahun 2015, kita sepatutnya sudah ada 378,000 buah rumah dengan bajet RM4.8 bilion. Ini disebut. Daripada tahun 2013, tahun 2014 dan tahun 2015, 378,000 buah rumah. Akan tetapi berapakah yang PR1MA betul-betul buat? Tadi kita dengar daripada Yang Berhormat Lembah Pantai, jumlahnya amat sedikit dan tidak akan mencapai objektif kerajaan untuk membina satu juta buah rumah.

Saya juga hendak sebut mengenai tadi sebab pagi tadi saya ada dengar seorang Ahli Parlimen menyebut mengenai perumahan untuk generasi kedua FELDA. Kita tahu FELDA diberi bajet sebanyak RM1.4 bilion untuk membina 70,000 buah rumah untuk generasi kedua. Berapakah yang telah dibina? Berapa banyak yang telah dibina? Hari ini kita nampak, dalam Bajet 2017, ditambah lagi RM200 juta untuk FELDA, untuk infrastruktur. Kalau infra tidak dibuat, bagaimanakah rumah hendak dibuat?

Saya tidak tahu macam mana kontraktor beroperasi. Kita bina rumah dahulu dan kita *provide infrastructure* kemudian. Apa yang saya tahu secara logiknya, *infra* itu kena dibuat dahulu dan dibina dahulu, barulah rumah-rumah akan dibina. Jadi ini satu persoalan yang besar sebab di kawasan saya ada empat rancangan FELDA dan orang FELDA bertanya. Manakah perumahan untuk generasi kedua? Tidak ada. Di tempat saya, saya tengok tidak ada. Jadi kita hendak tanya orang yang bertanggungjawab mengenai FELDA yang menjanjikan pembinaan 20,000 buah rumah dengan RM1.4 bilion punya bajet, di manakah? Sedangkan wang sudah diberi kepada FELDA. Kenapa tidak ada rumah? Jadi kita hendak tahu.

PR1MA tadi saya hendak sebut sekali lagi. Peranan untuk membina 378,000 buah rumah. Semalam, saya hendak cakap terus terang sebab kita berada di sini untuk menyelesaikan masalah. Saya berjumpa dengan seorang bekas Menteri Kewangan yang dulu menangani krisis ekonomi di Malaysia. Saya tanya mengenai keadaan ekonomi dan keadaan bajet ini sendiri. Kita hendak tahu. Walaupun bergegar macam mana pun diceritakan oleh Menteri Kewangan mengenai peruntukan itu dan ini, *when we come to 2017*, adakah kita betul-betul dan benar-benar mempunyai wang untuk membiayai dan mengongkosi apa yang kita sebut dalam Bajet 2017 ini.

Saya juga hendak sebut satu lagi, Tuan Yang di-Pertua mengenai GST. Ramai orang cakap hari ini GST penyelamat kepada ekonomi kita. Kalau kita tengok hari ini harga minyak satu *barrel* adalah USD50, tahun 2016 RM48. Tidak ada banyak beza tetapi semua orang menyatakan bahawa GST inilah penyelamat ekonomi kita. Kalau tidak ada GST, maka kita akan mengalami kesusahan. Kita tidak boleh bayar umpamanya gaji untuk penjawat awam.

Akan tetapi saya hendak beritahu Dewan ini, apa jadi dengan subsidi yang diambil balik? Itu adalah penjimatan oleh kerajaan, bermakna ada lebih wang di dalam tangan kerajaan. Kemudian pengurangan caruman KWSP. Ramai orang mempunyai wang *disposable income* yang akan mereka belanjakan dengan secara automatik akan dikenakan GST. Lagi dapat hasil kepada kerajaan. Jadi, bukan sahaja GST menyelamatkan keadaan ekonomi kita tetapi penarikan rasionalisasi subsidi pun turut menyumbang kepada menyelamatkan ekonomi kerajaan.

Jadi, jangan kita meletakkan kepentingan yang terlalu banyak sangat kepada GST sehingga kita ini menggambarkan kepada semua orang, siapa yang menentang dan mengkritik GST itu tidak patriotik. Jangan kita bersikap demikian. Saya harap kita tidak bersikap demikian.

Di samping itu saya juga hendak menyentuh mengenai pertambahan *revenue* atau hasil kerajaan sebanyak 3%. Mengapa ini- Saya hairan hendak *reconsult* fakta-fakta yang dikemukakan oleh Menteri Kewangan. Sebagai contoh, *purchasing power parity* kita sampai USD27,000. Akan tetapi pada masa yang sama, walaupun kita ada *purchasing power parity* USD27,000, kita ada tujuh juta orang penerima BR1M. Kita ada banyak orang tergolong dalam golongan B40. Dahulu kita tidak pernah dengar penggolongan dan pengelasan orang di dalam B40. Kali ini kita tengok perkara yang disebut dan digembar-gemburkan mengenai B40 bahawa golongan termiskin ini memperoleh pertumbuhan yang paling besar dan mengatasi pertumbuhan pendapatan purata isi rumah T20.

Ini saya tidak faham perkara ini. Kita cakap, saya melihat angka yang mutakhir daripada *Economic Planning Unit*. Golongan B40 memperoleh, mencatat pertumbuhan dari segi peratusan 38%. Wow! Bukan main besar. Sementara golongan T20 hanya mencatat pertumbuhan 18%. Akan tetapi 18% itu menyamai RM1,900 sebulan, yang 38% tadi, RM681. Saya rasa Tuan Yang di-Pertua, kita tidak memerlukan otak seorang Einstein untuk kita memilih manakah pertumbuhan peratusan yang menggembirakan, memberi khabar gembira kepada semua orang ataupun pertambahan pendapatan secara mutlak. Saya tentu akan memilih walaupun *we got a lower percentage increase*, saya memilih *absolute income* sebab RM1,960. Inilah perkara *illusion* yang

diberi kepada rakyat bahawa kamu B40 mencatat pertumbuhan peratusan yang tinggi. Maka itu adalah satu kebaikan dan menunjukkan baiknya dasar-dasar yang dijalankan oleh kerajaan.

Akan tetapi yang sebetulnya yang terjadi ialah apabila kita melihat pendapatan secara mutlak, kesenjangan pendapatan di antara T20 dengan B40 makin melebar. Ini patut ditengok sebab kita tengok sekarang ini, bajet ini bajet yang *public happiness*. Apa yang disebut sebagai *public happiness*. Jadi, kalaulah golongan B40 mengalami pendapatan yang makin berkurang berbanding dengan pendapatan T20, maka ini akan menimbulkan rasa tidak puas hati sebab ini bukannya *outcome* daripada *market forces*. Ini kerana kalau kita tengok ekonomi ini bergantung juga kepada dasar-dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan. Kalau dasar itu menyebelahi golongan T20, maka selama-lamanyalah golongan T20 akan meningkatkan pendapatan mereka.

Sementara saya menyebut perkara itu, saya hendak sebut mengenai perkara yang selalu disebut oleh Menteri Kewangan yang saya dengar daripada tahun 2013 hingga hari ini sejak saya duduk dalam Dewan ini iaitu Pemerksaan Ekonomi Bumiputera. Betul, kita tengok golongan-golongan sasaran ada diberi bantuan yang mungkin dijayakan oleh penerima-penerima bantuan tersebut. Akan tetapi apakah nasib majoriti bangsa Melayu yang tergolong daripada B40.

#### ■1840

Kalau kita tengok di antara 2012 hingga 2014, pertumbuhan peratusan pendapatan untuk orang Melayu B40 ialah 40%. Sungguh mengagumkan, membolehkan Menteri Kewangan pergi ke seantero dunia bercakap kita punya dasar untuk menaikkan taraf ekonomi bumiputera, terutama yang miskin sudah berjaya. Akan tetapi kita jangan lupa bahawa pendapatan pertumbuhan pendapatan T20 walaupun 18%, mencatatkan pendapatan bulanan secara mutlak hampir RM2,000. Sedangkan 40% ini kalau dengar ini, bergegar satu dunia. Sungguh baik ini dasar yang untuk kita lakukan kepada B40.

Akan tetapi inilah perkara-perkara yang mesti kita lihat. Oleh sebab itu saya tengok banyak benda yang bercanggah di dalam pembentangan Bajet 2017 ini. Sebab kita nampak sangat bersegera untuk menyenaraikan ole-ole yang diberikan kepada segala macam golongan-golongan tetapi tidak *address the fundamental issue* yang paling penting kepada hari ini ialah pengimbangan pendapatan antara golongan yang kaya dengan yang miskin. Kita percaya banyak lagi perkara-perkara yang saya hendak sentuh tetapi saya percaya saya tidak sempat tetapi saya hendak menyebut lagi satu perkara yang mesti disentuh.

Lima prinsip Bajet 2017 ini, saya hendak sebut dua sahaja iaitu perpaduan negara itu menjadi tunjang. Apakah jenis kerajaan Tuan Yang di-Pertua, yang membenarkan satu golongan warganegara menyerang satu golongan warganegara lain? Satu warganegara Malaysia sendiri yang lain. Hanya kerana kita mempunyai perbezaan pendekatan dan pandangan. Ini menunjukkan bahawa inilah sebuah kerajaan yang *who has lost control*. Tidak boleh mengawal ketenteraman awam dan apa jadi? Kita akan panggil ini satu kerajaan, satu negara yang berada dalam anarki.

Mungkinkah ini merupakan sebahagian daripada *grand plan* untuk mencetuskan huru-hara supaya kita boleh *apply* undang-undang *draconian* yang baharu untuk mengekalkan kuasa. Akan tetapi rakyat bertanya, sebab Yang Amat Berhormat Perdana Menteri *must speak as a Prime Minister of all Malaysians*, bukan hanya satu golongan. Ini kita kena *note*. Prinsip kedua, *wasatiyyah*. Ini banyak kali disebut sebab ia— untuk menjayakan diri itu menjadi contoh dan teladan, kita mesti menunjukkan perlakuan, sikap dan kita menunjukkan keperibadian yang baik.

Kalau kita ini diselaputi dengan tuduhan mencuri wang atau menyebabkan wang rakyat Malaysia dicuri ataupun kita melakukan perkara-perkara yang mencurigakan, bagaimanakah kita boleh menjadi contoh dan teladan kepada rakyat? Kita baca, umat Islam ini sepatutnya menjadi contoh dan teladan, umat yang pertengahan yang menjadi *focus of attention* yang boleh mengadili umat-umat lain. Akan tetapi kalau kita sendiri tadi tidak memelihara dan kita tidak *cultivate* kita *as a good person*, orang akan memandang kita rendah.

Jadi, walau macam mana pun dia baca, [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] dia bukan cakap kamu orang UMNO, contoh teladan kepada rakyat Malaysia. Kamu orang Islam, mesti *cultivate* diri kamu menjadi contoh dan teladan yang baik, barulah rakyat lain boleh melihat kita sebagai *focus of attention*, sebagai umat pertengahan yang boleh mengadili, yang adil dan saksama. Jadi, jangan kita datang dalam Dewan ini mempermain-mainkan, meringan-ringankan konsep *wasatiyyah* tersebut.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ada empat minit lagi. Saya hendak beritahu, kalau kita datang dalam Dewan ini, menganjurkan rakyat melakukan kebaikan, kita jangan lupa, diri kita sendiri mesti menunjukkan kita bersedia untuk melakukan kebaikan tersebut. [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Kamu suruh orang berbuat baik tetapi kamu sendiri lupa untuk melakukan kebaikan*". Jadi, saya tidak pernah lihat Tuan Yang di-Pertua, satu kerjaya Menteri Kewangan dibentuk di atas omongan kosong dan janji-janji yang tidak mungkin ditepati. *I've never seen a career of a Finance Minister built on more ... than the current Finance Minister*. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya tidak boleh menyokong Bajet 2017. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Tanah Merah.

**6.46 ptg.**

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberi ruang dan kesempatan kepada saya untuk turut sama membahaskan Bajet 2017 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Pekan pada Jumaat lalu. Bagi saya, bajet yang dibentangkan beliau bukan sahaja terbaik tetapi juga membuktikan keprihatinan kerajaan yang diterajui oleh Barisan Nasional dalam usaha meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat ketika ekonomi dunia berada tidak menentu dan di luar kawalan kita. Bagaimanapun ia bukanlah batu penghalang kepada kerajaan untuk mengemukakan sebuah bajet yang saya anggap merangkumi semua aspek kehidupan rakyat dan menyentuh seluruh lapisan masyarakat, tidak kira di mana pun mereka berada, sama ada di desa mahupun di kota, di bandar, mahupun perkampungan Orang Asli.

Meneliti satu demi satu peruntukan yang disediakan oleh kerajaan dalam Bajet 2017, ia bukti nyata Kerajaan Barisan Nasional dalam keadaan apa jua sekalipun akan berusaha membela rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, dalam perbahasan ini saya akan menyentuh beberapa perkara berkaitan Bajet 2017, khususnya berkaitan pendidikan, kesihatan, wanita dan luar bandar. Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana akan menggantikan baucar buku dengan kad debit pelajar sejumlah RM250. Saya menganggap ini adalah langkah tepat dalam memastikan hasrat kerajaan bagi membantu golongan pelajar, khususnya di peringkat institusi pengajian tinggi tercapai.

Justeru bagaimanapun, saya ingin menggesa dan mencadangkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi untuk bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan untuk memastikan *outlet-outlet* terlibat benar-benar menerima dan mengiktiraf kad debit tersebut. Gesaan dan cadangan ini dilakukan memandangkan terdapat banyak aduan daripada pelajar-pelajar bagaimana ada sesetengah *outlet* tidak mahu melayan mereka seperti mana diskaun yang sepatutnya diberikan kepada pelajar apabila mereka menunjukkan kad matrik.

Pelbagai alasan diberikan oleh pengusaha *outlet*, termasuklah menetapkan hanya hari tertentu sahaja kad tersebut akan diterima untuk urus niaga. Justeru itu, bagi memastikan kad debit yang diperkenalkan tersebut benar-benar bermanfaat, kementerian harus memastikan *outlet-outlet* atau premis perniagaan terlibat benar-

benar menerima dan mengiktiraf pelaksanaan itu dan bukan memberi seribu satu alasan untuk tidak menerimanya.

Selain daripada itu, saya juga ingin mencadangkan supaya pemantauan rapi dilakukan bagi mengelakkan kad debit tersebut tidak disalahgunakan yang mana ia ditukar dalam bentuk tunai seperti mana berlaku kepada baucar buku sebelum ini. Bagaimanapun kajian harus dilakukan bagi memastikan pelaksanaan benar-benar berkesan. Ini termasuklah menentukan bahawa kad itu diserahkan kepada pelajar pada masa yang sesuai. Hal ini kerana berdasarkan laporan media dan aduan pelajar, baucar buku itu hanya diberikan apabila seorang pelajar itu sudah hampir menghadapi peperiksaan.

Jadi, kalau sudah dekat peperiksaan, sudah *no point*, tak guna lagi. Satu garis panduan perlu dikeluarkan untuk memperincikan penggunaan kad debit tersebut yang boleh digunakan untuk pembelian buku, alat tulis, peralatan komputer dan akses internet. Langkah ini bertujuan bagi memastikan pengumuman kerajaan dalam pelaksanaan kad debit ini tidak dianggap sia-sia apabila dilihat tidak memberi manfaat kepada pelajar. Sebenarnya, hasrat kerajaan adalah baik tetapi malangnya ia digagalkan oleh sikap sesetengah *outlet* yang tidak mahu bekerjasama bagi memastikan pelajar mendapat faedah melalui pemberian kad debit tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung peruntukan RM4.3 bilion bagi pemberian biasiswa, saya mengalu-alukan langkah kerajaan itu kerana ia bagi memastikan golongan pelajar yang tidak berkemampuan. Sehubungan itu, saya ingin mengambil kesempatan untuk menggesa kerajaan untuk mencari satu mekanisme bagi membantu pelajar-pelajar universiti luar negara, khususnya di Mesir yang dikatakan berhadapan dengan masalah meneruskan pengajian berikutan kekangan kewangan.

#### ■1850

Tidak salah jika kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi mengenal pasti pelajar terlibat khususnya mereka di dalam bidang perubatan untuk diberikan biasiswa tersebut. Kita tidak mahu pengajian mereka terkandas kerana masalah kewangan.

Selain itu, saya juga ingin menggesa kerajaan melalui Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pengajian Tinggi untuk mencari kaedah mengatasi masalah kelemahan bahasa Inggeris di kalangan pelajar khususnya bumiputera dan orang Melayu. Saya menyetujui isu ini memandangkan majoriti graduan tidak mendapat pekerjaan kerana kelemahan mereka dalam bahasa Inggeris.

Dalam mengatasi masalah ini, sukalah saya ingin mencadangkan kelas-kelas bahasa Inggeris di sekolah-sekolah khususnya di kawasan luar bandar dipertingkatkan, manakala di peringkat institusi pengajian tinggi, mungkin dilaksanakan



peraturan mana-mana pelajar yang lemah bahasa Inggeris perlu mengikuti kelas khas selama tiga hingga enam bulan sebelum mereka melanjutkan pengajian dalam bidang masing-masing. Masalah kelemahan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar dan graduan tidak boleh dipandang ringan. Ini kerana ia boleh menggagalkan usaha kerajaan bagi melahirkan pekerja berkualiti dalam pelbagai sektor.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Pendidikan kerana berjaya membawa pelbagai pembaharuan dalam menerajui Kementerian Pendidikan. Ia bukan sahaja dari segi infrastruktur tetapi juga kebajikan khususnya melibatkan guru-guru.

Langkah Yang Berhormat Menteri Pendidikan menyelesaikan masalah guru yang berjauhan dengan suami atau isteri dalam isu guru duka lara amat-amat dihargai kerana ia adalah satu masalah yang menjadi dilema kepada guru-guru.

Selain itu, saya juga menyokong penuh jika ada cadangan, yang saya dengarlah, daripada Kementerian Pendidikan untuk memansuhkan peperiksaan UPSR dan Penilaian Menengah Rendah (PMR). Melalui langkah itu, ia akan membolehkan pelajar-pelajar hanya mengambil peperiksaan SPM. Apa-apa pun, saya mohon pengesahan daripada Yang Berhormat Menteri tentang cadangan ini.

Pada pandangan saya, langkah seumpama ini sepatutnya sudah lama dilakukan kerana ketika ini Malaysia merupakan satu-satu negara yang pelajar di peringkat sekolah terpaksa melalui pelbagai peperiksaan. Sedangkan di negara-negara lain, pendekatan lebih diberikan untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran melalui pendidikan teknikal dan latihan vokasional ataupun TVET.

Sehubungan itu, bagi saya, jika pemansuhan ini dilakukan, ia bertepatan dengan hasrat kerajaan untuk tujuan tersebut apabila dalam Bajet 2017, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM4.6 bilion kepada institusi-institusi TVET yang terlibat.

Dari segi infrastruktur pula, saya juga menghargai keprihatinan Yang Berhormat Menteri Pendidikan melaksanakan pelbagai projek membangunkan sekolah dan meningkatkan taraf kemudahan sekolah-sekolah di seluruh negara turut dilaksanakan.

Namun begitu, sukalah saya ingin menggesa Kementerian Pendidikan supaya mengambil langkah tegas bagi memastikan tandas-tandas di sekolah sentiasa berada dalam keadaan bersih dan sempurna. Hari ini kalau kita pergi ke sekolah-sekolah, kita akan dapati rata-rata tandas-tandas sekolah berada dalam keadaan yang cukup menyedihkan. Saya membangkitkan perkara ini kerana terdapat banyak rungutan yang begitu banyak daripada ibu bapa yang menyatakan tandas-tandas di sekolah berada

dalam keadaan tidak bersih dan jika dibiarkan, ia boleh menjejaskan kesihatan anak-anak kita dan juga pelajar-pelajar.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri KKLW yang begitu prihatin dengan nasib penduduk-penduduk di luar bandar. Sejak mengambil alih Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, saya mendapati Yang Berhormat Menteri KKLW begitu aktif menjelajah ke seluruh negara untuk meninjau penduduk-penduduk di kawasan berkenan dan menyalurkan bantuan serta peruntukan yang diperlukan. Saya percaya melalui keprihatinan ini, inilah yang akan mampu mengubah taraf hidup penduduk-penduduk di luar bandar.

Dalam masa yang sama, sebagai Ahli Parlimen yang mewakili penduduk luar bandar, saya merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada kerajaan kerana melalui Projek Rakyat Centric seperti yang diumumkan Jumaat lepas, sebanyak 97,000 lampu jalan dan 3,000 lampu LED akan dipasang di 7,500 buah kampung seluruh negara.

Dalam soal ini, saya memohon Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan turut menyenaraikan kawasan Parlimen saya bagi melaksanakan program ini. Ini kerana dua pertiga kawasan Parlimen Tanah Merah adalah duduk dalam kawasan luar bandar dan merata-rata kampung-kampung di kawasan saya masih dalam keadaan gelap di waktu malam. Saya percaya dan yakin pelaksanaan kedua-dua projek ini akan memberikan manfaat yang besar kepada penduduk-penduduk kampung khususnya dari segi keselamatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh pemberian BR1M. Walaupun pelbagai momokan dilemparkan kepada kerajaan oleh pihak tertentu terhadap pemberian tersebut, namun ia ternyata memberikan manfaat yang besar kepada rakyat yang memerlukan. Sekali lagi, pada pembentangan bajet kali ini, ia menyaksikan pemberian BR1M dinaikkan. Langkah ini sudah tentulah akan menggembirakan kepada penerima-penerima.

Bagaimanapun, selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengurangkan beban rakyat bagi memastikan BR1M memberi manfaat kepada mereka, saya ingin mencadangkan separuh daripada pemberian ini diberikan dalam bentuk kad debit seperti kepada pelajar-pelajar. Contohnya, jika seorang menerima RM1,200, separuh daripadanya iaitu RM600 diberikan dalam bentuk tunai manakala RM600 lagi dalam bentuk kad debit. Kad debit tersebut bolehlah digunakan untuk membeli barang-barang keperluan asas serta keperluan-keperluan lain yang diinginkan oleh penerima. Kita tak mahu penerima-penerima BR1M menggunakan wang seperti membeli *hand phone*, *top up* dan sebagainya. Melalui cara ini— separuh kad debit, separuh tunai— saya

percaya matlamat kerajaan bagi mengurangkan beban kos saraan hidup rakyat melalui pemberian ini akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya, tidak siapa pun boleh menafikan bajet yang dibentangkan oleh kerajaan akan memberikan manfaat besar kepada seluruh rakyat negara ini. Bagaimanapun, sama ada impian dan matlamat kerajaan dalam mensejahtera rakyat melalui peruntukan dan program yang dibentangkan di dalam bajet ini akan tercapai atau tidak, ia bergantung pada pelaksanaannya.

Justeru itu, saya ingin menggesa kerajaan bagi memastikan pemantauan yang rapi dilakukan oleh agensi-agensi terlibat bagi menentukan semua projek yang dirancang melalui pembentangan bajet ini dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan. Apa yang menjadi kebimbangan kita, hasrat murni kerajaan dalam soal tersebut akan terjejas jika berlaku ketirisan khususnya melibatkan barang-barang bersubsidi.

Seperti mana yang dilaporkan oleh media baru-baru ini, pada tahun lalu kerajaan menanggung kerugian RM900 juta akibat ketirisan dan penyalahgunaan barangan bersubsidi. Apa yang mengecewakan, ia termasuklah juga akibat kelemahan penguatkuasaan di kawasan sempadan. Sebagai penduduk di Kelantan, saya tahulah apa yang berlaku khususnya di kawasan sempadan. Kalau hendak tahu lebih, tanya Ahli Parlimen Rantau Panjang, dia lagi arif. Oleh itu, saya ingin mencadangkan supaya agensi penguat kuasa di kawasan sempadan diperkukuhkan termasuklah memastikan pegawai dan anggota bersih daripada amalan rasuah.

Pada masa yang sama, saya juga berharap kerajaan boleh menimbangkan untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa pemantau pelaksanaan Bajet 2017 bagi memantau pelaksanaan semua program dan projek yang digariskan dalam bajet tersebut. Selain melibatkan agensi seperti Jabatan Peguam Negara melalui Pasukan Penguatkuasaan Pemulihan Hasil Negara (NRRET) dan SPRM, ia juga boleh melibatkan semua kementerian yang menerima peruntukan.

Saya membangkitkan perkara-perkara ini bertujuan bagi memastikan segala usaha kerajaan bagi memberikan kesejahteraan kepada rakyat tidak terjejas atau terbantut hanya disebabkan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak. Apa yang berlaku di Sabah baru-baru ini berhubung penyelewengan dana kerajaan berjumlah RM3.3 bilion harus dijadikan pengajaran.

Apa yang perlu difahami, jika pelaksanaan program atau projek untuk kesejahteraan rakyat terjejas akibat ketirisan dan penyalahgunaan kuasa, yang akan menanggung akibat ialah kerajaan. Rakyat akan menuduh kerajaan dengan pelbagai tohmahan yang hakikatnya mereka sendiri tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku.

Menyentuh soal sempadan, saya juga ingin menggesa Jabatan Imigresen memperketat kawalan di sempadan bagi mengelakkan berlakunya bukan sahaja penyeludupan barang-barang yang mendatangkan kerugian kepada hasil negara tetapi kegiatan penyeludupan manusia. Kegiatan tersebut harus dipandang serius kerana kita tidak mahu Malaysia menjadi pintu masuk atau tempat transit perbuatan haram tersebut yang sekali gus boleh menjejaskan imej negara di peringkat antarabangsa.

#### ■1900

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat saya ingin menggesa kementerian supaya mencari jalan atau mekanisme bagi membantu ibu-ibu tunggal yang mengalami kesempitan hidup. Dalam masa yang sama, kementerian juga perlu memandang serius kes-kes perceraian tertanggung sehingga ia akhirnya mendatangkan penderitaan kepada isteri-isteri yang sedang melalui proses itu manakala anak-anak menderita. Perbincangan perlu diadakan dengan pihak-pihak berkenaan khususnya pihak-pihak berkuasa agama negeri supaya kes-kes tertunggak di Mahkamah Syariah diselesaikan segera.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh soal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat lagi, saya berpendapat langkah kerajaan memperuntukkan RM30 juta untuk saringan mamogram dan menerima vaksinasi HPV secara percuma adalah satu langkah yang tepat dan sekali lagi menunjukkan keprihatinan kerajaan dalam memastikan kesihatan kaum wanita. Seperti mana yang kita ketahui penyakit kanser adalah pembunuh nombor satu kepada kaum tersebut. Oleh itu, saya berharap kementerian akan mempergiatkan lagi usaha bagi memberi kesedaran kepada kaum wanita khususnya di luar bandar berhubung bahaya penyakit ini.

Saya membangkitkan isu ini kerana acap kali terdapat kes yang mana sesetengah wanita di kawasan luar bandar tidak mempunyai pengetahuan mengenai penyakit tersebut sehingga mungkin ada antaranya sudah berada di tahap empat barulah mereka mengetahui mereka menghidap penyakit tersebut. Bila sudah tahap empat, sudah terlambat. Oleh itu, saya berharap kempen yang lebih giat dilaksanakan di kawasan luar bandar bagi tujuan berkenaan dengan melibatkan agensi-agensi kerajaan supaya masyarakat luar bandar memahami penyakit kanser ini tidak boleh diubati melalui rawatan tradisional. Mungkin juga boleh dipertimbangkan dalam kempen seumpama itu, golongan agama juga boleh turut serta supaya mereka boleh memberi pandangan dari sudut Islam khususnya mengenai kepentingan menjaga kesihatan dan menjauhi penyakit berbahaya.

Berhubung pelepasan cukai RM1,000 untuk membeli peralatan penyusuan bayi, saya berpendapat ia adalah langkah yang tepat dalam memastikan kaum ibu

mengutamakan ibu susu dalam menyusukan anak-anak mereka. Ia memandangkan ketika ini ada berbagai dakwaan yang dikaitkan dengan susu formula atau susu dalam tin yang boleh menjejaskan kesihatan bayi-bayi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung pelepasan GST kepada OKU berdaftar tanpa melalui entiti kebajikan swasta dan skop barangan yang dikecualikan GST diperluaskan. Sememangnya kita perlu membela nasib OKU kerana mereka insan istimewa yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita. Oleh itu penting dalam apa juga yang kita lakukan, golongan ini tidak harus dipinggirkan. Saya percaya melalui pelepasan cukai ini, ia akan membolehkan proses pembelian barangan keperluan OKU lebih mudah dan pantas tanpa melalui entiti yang berdaftar. Saya percaya dan yakin langkah ini juga akan mengurangkan beban OKU dalam memiliki peralatan-peralatan tersebut yang sekali gus akan membolehkan mereka menjalani kehidupan dengan lebih selesa.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong penuh langkah kerajaan memperuntukkan RM424 juta yang akan dimanfaatkan oleh 120,000 orang warga emas termasuk bantuan sosioekonomi warga emas sebanyak RM300 sebulan sebagai saraan hidup dan wang saku serta juga untuk menubuhkan lagi lapan buah Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE). Saya percaya bantuan ini akan memberikan manfaat yang besar kepada golongan tersebut. Bagaimanapun saya ingin mencadangkan supaya pemantauan rapi dilakukan khususnya dalam senarai penerima bagi memastikan mereka yang benar-benar layak untuk menerimanya.

Daripada PAWE ataupun Pusat Aktiviti Warga Emas pula, saya berpendapat kewujudan pusat ini perlu digunakan semaksimum mungkin bagi membolehkan warga emas merasai mereka dihargai. Ini termasuklah memperbanyakkan lagi aktiviti warga emas di pusat tersebut termasuklah mengadakan program bersama masyarakat. Di Tanah Merah Parlimen saya, saya berterima kasih, Yang Berhormat Menteri telah meluluskan dan kini PAWE telah pun ada di Parlimen saya. Namun malangnya, PAWE tersebut serba kekurangan dan ia menumpang ihsan di bangunan orang lain disebabkan PAWE tiada peruntukan untuk membayar sewa. Adalah penting setiap PAWE mesti dilengkapi dengan pelbagai kemudahan agar ia mencapai matlamat murni kerajaan.

Saya juga ingin menyentuh tentang Kementerian Kesihatan. Saya berterima kasih setelah menunggu dua tahun setengah telah saya bangkitkan selepas PRU-13 mengenai permohonan *CT scan* di Hospital Tanah Merah. Akhirnya dua tahun setengah menunggu, akhirnya *CT scan* telah pun dibekalkan di Hospital Tanah Merah. Akan tetapi malangnya pakar untuk mengendalikannya pula tiada. Jadi kita ada mesin

yang canggih tetapi pengendalinya tidak ada. Jadi saya mengharapkan pihak Kementerian Kesihatan dapat menghantar segera pakar untuk mengendalikannya kerana setiap hari penggunaannya sangat penting.

Contohnya sepupu saya sendiri semalam meninggal dunia, sebelum itu dia sudah pergi hospital, pihak doktor mengatakan jika ada *CT scan* boleh kita gunakan tetapi malangnya tidak ada pakar. Bukanlah saya kata maut semua di tangan Tuhan tetapi beliau mengalami serangan jantung. Kalaulah ada mesin *CT scan* digunakan, mungkin kita dapat mendiagnosis, dapat mengenal pasti punca dan mungkin boleh mengambil langkah-langkah yang sewajarnya.

Begitu juga apa yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah amat menyedihkan kita. Oleh sebab itulah di Hospital Tanah Merah yang berada di atas bukit di mana laluan untuk masuk ke hospital tersebut sempit. Cukuplah dan kita tidak mahu ada satu kemalangan di mana apabila lori-lori yang menghantar tong-tong gas terjatuh, berlaku kemalangan ia boleh mengakibatkan— dan kita tidak mahu lagi apa yang berlaku di Hospital Sultanah Aminah berlaku di hospital-hospital di tempat-tempat lain. Maka saya mohon kepada Kementerian Kesihatan untuk mengkaji bagaimana untuk menyelesaikan masalah laluan pintu masuk ke Hospital Tanah Merah yang hari ini begitu sempit, yang tidak selesa untuk laluan keluar masuk kenderaan.

Jadi rasanya tidak sempurna jika saya sebagai Ahli Parlimen dari salah sebuah kawasan Parlimen di Kelantan tidak menyentuh mengenai isu di negeri saya. Dua isu yang saya ingin ketengahkan ialah berhubung pengurusan Air Kelantan Sdn. Bhd. (AKSB). Sebagai anak Kelantan, saya bersyukur dan berterima kasih kepada Kerajaan Pusat, pada 14 September lalu telah memuktamadkan dengan Kerajaan Negeri Kelantan penstrukturan semula industri perkhidmatan bekalan air negeri Kelantan yang bakal memanfaatkan 1.6 juta pengguna negeri itu dengan perkhidmatan air yang lebih mampan.

Sebelum ini Kerajaan Pusat di bawah KKLW pasang paip, dimasuk— tetapi malangnya air tidak boleh dibekalkan oleh AKSB. Jadi sebab itulah saya mahu ketengahkan ini ialah jaminan bahawa penstrukturan ini akan berjaya jika pengurusan AKSB tidak dirombak. Jika dahulu mereka tidak begitu cekap, kalaulah pengurusan yang sedia ada dikekalkan, saya bimbang masalah akan terus berterusan. Oleh itu saya menggesa jika benar-benar Kerajaan Negeri Kelantan terus untuk menyelesaikan masalah bekalan air tersebut, mereka haruslah melakukan rombakan dalam pengurusan AKSB. Kita mahu pengurusan AKSB diterajui oleh pegawai-pegawai yang benar-benar komited kerana ia adalah demi kesejahteraan rakyat Kelantan bagi memastikan langkah penstrukturan semula itu tidak menjadi sia-sia.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang saya ingin sentuh mengenai Kelantan juga ialah mengenai kegiatan pembalakan yang menjejaskan kehidupan masyarakat Orang Asli khususnya di kawasan Gua Musang. Kita tahu bahawa hutan adalah nadi kehidupan masyarakat tersebut. Kalaulah kawasan tersebut diganggu atau diteroka sudah pastilah ia mendatangkan kemudaratan kepada mereka. Sementara saya memahami kerajaan negeri memerlukan sumber bagi menjana pendapatan negeri malah ia merupakan pendapatan nombor satu kepada kerajaan negeri, saya menggesa supaya kerajaan negeri juga mempertimbangkan untuk memberi pampasan kepada masyarakat Orang Asli yang terjejas akibat aktiviti pembalakan.

Bayangkanlah mereka mahu hidup kalau sumber rezeki mereka terjejas. Dalam soal ini saya berharap kerajaan negeri akan bersikap prihatin untuk membela nasib Orang Asli dan bukannya melakukan tindakan yang boleh mendatangkan penderitaan kepada mereka. Mungkin bolehlah dicadangkan supaya Kerajaan Pusat mengambil alih kawasan tersebut daripada kerajaan negeri di bawah konsep *win-win*, duduklah berbincang untuk kebaikan kepada semua pihak.

#### ■1910

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengakhiri perbahasan ini untuk menyatakan kekesalan sikap segelintir Ahli-ahli Parlimen pembangkang yang mengambil tindakan meninggalkan Dewan Rakyat ketika pembentangan bajet. Saya percaya dan yakin bahawa tindakan itu dilakukan kerana mereka merasai, melalui apa yang dibentangkan menutup ruang mereka untuk memburuk-burukkan kerajaan. Apa yang anehnya di luar Dewan, pelbagai tuduhan mereka lemparkan kepada kerajaan.

Termasuklah kononnya bajet yang dibentangkan adalah tidak realistik atau mencari satu demi satu perkara dalam Bajet 2017 untuk diperlekehkan demi membangkitkan keraguan rakyat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Kalaulah mereka merasa hebat dan mempunyai hujah kukuh untuk menyanggah Bajet 2017 tersebut, kenapakah perlu keluar Dewan? Kenapa harus membuat tuduhan tidak berasas kepada kerajaan?

Apa pun Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tindakan kebudak-budakan itu tidak menggugat keazaman kerajaan untuk meneruskan agenda membela rakyat kerana akhirnya rakyatlah yang akan menentukan siapa yang menggunakan kuasa politik untuk mensejahterakan rakyat dan siapa pula yang memperalatkan rakyat untuk mencari kuasa politik? Terima kasih. Saya dari Tanah Merah menyokong dengan mengesyorkan menambah baik pandangan dan cadangan yang telah saya kemukakan tadi. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Yang Berhormat Parit Buntar.

### 7.11 mlm.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memulakan perbahasan bajet ini dengan memetik dari Surah Ali-Imran, ayat yang menceritakan tentang bagaimanakah pemimpin itu harus bertindak dalam melayani kerendah rakyat yang di bawah.

Firman Allah SWT, *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "Maka dengan sebab rahmat yang melimpah dari Allah kepadamu wahai Muhammad, kau telah bersikap lemah lembut kepada mereka. Dan kalaulah engkau bersikap kasar lagi keras hati tentulah mereka lari daripada kelilingmu. Oleh itu maafkanlah mereka mengenai kesalahan yang mereka lakukan dan pohonkanlah ampun bagi mereka dan juga bermesyuaratlah dengan mereka dalam urusan keduniaan kamu. Kemudian apabila engkau telah berazam sesudah bermesyuarat, maka bertawakallah kepada Allah. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertawakal kepadaNya."*

Tuan Yang di-Pertua, inilah ayat yang menggambarkan sikap seorang pemimpin yang senantiasa meminta pandangan dan terbuka kepada apa-apa kritikan. Ini kerana bercanggahan dengan sikap itu, istilah yang digunakan dalam ayat ini ialah, *[Berucap dalam bahasa Arab] "Kasar dan keras"*. Kalau diterjemahkan dalam istilah politik hari ini diktator namanya. Oleh sebab itu dalam suasana rakyat mahukan sebuah negara yang dapat mereka berlindung di bawahnya daripada pemimpin yang berasa belas serta memberi rahmat kepada semua pihak. Maka rakyat mengharapkan pemimpin yang boleh dikritik, pemimpin yang mahu mendengar teguran. Apatah lagi jikalau kefasadan politik itu sudah tidak lagi menjadi rahsia, sudah diketahui umum dan seluruh dunia gegak-gempita membicarakannya.

Apabila ditegur maka ada di kalangan pemimpin yang berasa dirinya terancam dengan teguran itu lalu disambut dengan tindakan menggunakan kuasa dan menggunakan undang-undang yang ada. Maka kerana itu seorang pujangga telah menyatakan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *"When the law no longer protects you from the corrupts, but protects the corrupt from you, you know your nation is doomed"* dengan izin. *"Kalaulah undang-undang itu tidak lagi melindungi kamu daripada pemimpin yang korup, tetapi undang-undang itu melindungi orang yang korup daripada kamu menegurnya, kamu sudah pasti ketahui negara itu menuju ke arah kehancuran"*.

Tuan Yang di-Pertua, ramai daripada kalangan kita di sebelah rakan kerajaan menyatakan kita menguar-uarkan, mengheboh-hebohkan kononnya negara ini sudah bankrap dan sebagainya. Kami menyatakan bahawa dalam keadaan ekonomi yang ada hari ini serta suasana dunia yang tidak menentu, maka wajar kita memberi ingatan



itu bukan hendak tunggu negara sudah korup, negara sudah hancur, negara sudah bankrap baru kita hendak beritahu. Oleh sebab itu seharusnya rakan-rakan dalam Dewan ini mengambil teguran itu dengan semangat yang positif. Bukan dengan menganggap ia sebagai tuduhan politik. Saya juga ingin mengambil kesempatan, mengambil ruang yang ada ini kalau saya menyebut 1MDB nanti dikatakan perkara itu tidak boleh disentuh. Kalau dicakap tentang RM2.6 bilion dikatakan perkara itu juga tidak boleh disentuh.

Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menghormati pesan itu saya berpantun. Mudah-mudahan pantun itu sampai ke telinga mereka yang mungkin, *“makan cili akan terasa pedas”*. Pantunnya berbunyi begini Tuan Yang di-Pertua,

*Rosak susu nila setitik,  
Secangkir emas air dituang,  
Pemimpin hebat rela dikritik,  
Rakan menegur tidak dibuang.*

Itu satu pertanyaan tentang apa yang berlaku apabila seorang pemimpin merah padam telinganya apabila ditegur tentang perbuatannya. Tidak hairan jikalau ia ditegur oleh pembangkang kerana itu memang tugas dan tanggungjawab pembangkang menegur. Akan tetapi kalau pemimpin yang ada rakan di sebelahnya juga apabila ditegur, rakannya juga dibuang, ini menimbulkan kebimbangan tentang bagaimana sikap keterbukaan seorang pemimpin itu.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk mengunjur ke belakang bagi saya mengingatkan seluruh rakyat Malaysia, bagaimana kita telah sampai kepada tahap kita pada hari ini berpandukan kepada kerangka dasar ekonomi negara yang telah melahirkan apa sahaja yang kita bicara hari ini sama ada positif ataupun negatif. Dasar yang sering kita dengar dan kita pelajari malah diambil contoh kepada negara-negara lain iaitu Dasar Ekonomi Baru.

Dasar Ekonomi Baru ini secara asasnya mempunyai satu falsafah yang begitu baik iaitu menstrukturkan semula masyarakat, menghapuskan kemiskinan. Tidak ada perkara yang kita boleh pertikaikan dalam konteks waktu itu, negara kita baru sahaja bangkit dan baru sahaja melalui satu peristiwa besar yang telah membuka satu peluang kepada apa yang kita namakan sebagai *the New Economic Policy* ataupun Dasar Ekonomi Baru. Di situ kita melihat bagaimana anak-anak Melayu khususnya diberi peluang untuk mendapat pendidikan di sekolah hinggalah ke universiti. Tidak

dinafikan bahawa dasar ini pada tahap tertentu dan pada waktu dan masa ia dilancarkan sudah tentu membawa hasil yang baik kepada negara ini.

Akan tetapi apa yang saya ingin sentuh di sini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kajian-kajian yang dibuat oleh para ahli akademik seperti salah satunya "*The New Economic Policy in Malaysia: Affirmative Action, Ethnic Inequality and Social Justice*", merangkumkan pelbagai implikasi pasca Dasar Ekonomi Baru.

#### ■1920

Saya akan petik sebahagian daripadanya untuk saya sampai kepada rumusan di hujung ucapan saya nanti tentang perlunya kita melangkah kepada satu model yang lebih terbuka, model yang lebih universal sehingga kita mengharapkan apa yang disebut oleh Perdana Menteri sebagai TN50 atau Transformasi Nasional 50 itu boleh kita pertikaikan di atas sebab analisis yang dibuat ini.

Tuan Yang di-Pertua, tamatnya Dasar Ekonomi Baru pada tahun 1990 menyaksikan pendekatan baru ekonomi yang dinamakan dengan pelbagai jenama iaitu Dasar Pembangunan Negara, kemudian digantikan dengan Dasar Wawasan Negara dan yang akan memecut kepada Wawasan 2020 iaitu Model Ekonomi Baru (*the New Economic Model*). Saya ingin memberi, mengajak rakan-rakan di dalam Dewan ini sebelum kita nak pergi ke TN50 yang disarankan oleh Yang Berhormat Pekan, adalah wajar untuk kita menuntut beberapa persoalan setelah kita melalui dasar-dasar yang telah diperkenalkan dan tidak syak dasar-dasar ini mempengaruhi bajet yang dibentangkan selama ini.

Saya mengajukan beberapa soalan di sini untuk dijawab oleh pihak kerajaan. Apakah dasar-dasar yang selama ini dikatakan *affirmative action*, *Melayu centric* bagi kita menstrukturkan semula masyarakat dan sebagainya. Apakah selama itu kalau diambil kira DEB setelah dua puluh tahun ia dilaksanakan, kita telah gagal mencapai maksud itu sehingga setelah tahun pos DEB, isu lain yang timbul ialah perkataan yang kita dengar ketuanan Melayu, *the Malay supremacy*.

Apakah setelah 20 tahun berjalan, maka kita terpaksa bercakap lagi tentang *Malay supremacy*. Dalam rangka *Malay supremacy* itu, dilanjutkan lagi dasar-dasar *affirmative* yang kononnya masih belum cukup masa dan sebagainya. Itu satu soalan dan perlu dijawab. *Did we fail*, dengan izin dan *if we fail, why we fail?* Tidak ada jawapan, hanya diteruskan dengan nuansa-nuansa yang terus dikatakan perlu ketuanan Melayu diteruskan dan sebagainya.

Kedua, apakah masalah hubungan antara kaum yang menjadi asas kepada penstrukturkan semula itu benar-benar telah diselesaikan? Kalau bertanya kepada saya Tuan Yang di-Pertua, maaf cakap, sepatutnya setelah dua puluh tahun lebih kita

menjalankan dasar-dasar yang pada dasarnya adalah untuk memperbaiki hubungan antara kaum tidak tercapai. Kenapa ia tidak tercapai? Buktinya hari ini nuansa-nuansa *racist*, cakap-cakap *racist* bukan datang daripada orang bawah tetapi kadangkala datang daripada orang-orang yang di atas. Sedangkan segala dasar ekonomi yang kita telah perkenalkan, salah satu matlamatnya adalah untuk memperbaiki hubungan antara kaum dalam negara ini. Hari ini kelompok yang membawa nuansa-nuansa *racist* bagi saya Tuan Yang di-Pertua, masih berleluasa.

Adanya suara mempertikaikan kaum lain. "*Balik kamu ke kampung kamu, kamu bukan orang sini*". Ada yang melalak-lalak menyatakan, "*kamu tidak layak di bumi ini*". Ini semua Tuan Yang di-Pertua, suatu yang amat malang. Kalau ia merupakan satu indikator, maka saya berani menyatakan indikatornya adalah sebahagian kerana gagalnya dasar-dasar ekonomi yang selama ini kita perkenalkan.

Ketiga, adakah sasaran orang Melayu yang dikatakan merupakan sasaran utama bagi menstrukturkan semula masyarakat itu. Soalan saya, adakah tercapai maksud itu? Soalan saya lagi, adakah orang Melayu setelah dasar-dasar ini diperkenalkan benar-benar boleh hidup tanpa dasar *affirmative* ini pada tahun-tahun yang mendatang seperti lagi Transformasi Nasional 50 dan sebagainya.

Kalau saya melihat Tuan Yang di-Pertua, amalan *patronage* ataupun *political patronage*, perlindungan politik masih berleluasa. Akses untuk mendapat projek dan juga *advantage* atau kelebihan-kelebihan masih lagi berlandaskan kepada *political patronage*. Begitu juga budaya ugutan yang hari ini berleluasa. Cakap-cakap politik, "*Oh, kalau Barisan Nasional tidak memerintah, UMNO tidak memerintah, habis negara ini akan dikuasai oleh orang Cina*". Bahasa apa ini? Setelah kita merdeka 60 tahun, bahasa apa ini? Dasar ekonomi negara yang pada dasarnya mahu menghindari kenyataan-kenyataan ini. Akan tetapi ia masih berleluasa. Malah ia menjadi zikir politik. Ia menjadi mantera politik, diulang-ulang, dibawa momokan parti ini anti Melayu, parti ini akan menghapuskan Islam.

Bagi saya amat malang kalau orang Melayu setelah sekian lama dengan dasar-dasar yang pada dasarnya mahu mereka ini bebas daripada mental terkepung, *siege mentality*, nampaknya tidak tercapai Tuan Yang di-Pertua. Jikalau nuansa-nuansa ini masih terus beredar dan berlegar, malah jikalau lebih buruk daripada itu nuansa-nuansa ini dipakai supaya pihak tertentu mahu terus berkuasa, menggadaikan perjuangan selama ini, perpaduan yang menjadi asas kepada dasar ekonomi yang telah kita pakai selama ini.

*"Pendekar bertapa di Gua Kluang, Tan Sri Amin Pandikar Mulia, bermandi minyak mengelak mati, guna kuasa tabur wang, kekal di takhta semahu hatinya,*

*biarlah rosak isu perpaduan, biarlah apa nak jadi, janji aku terus berkuasa*". Ini amat malang khususnya bagi budaya Melayu yang benar-benar sebenarnya *gentlemen* dan meletakkan kepentingan negara lebih daripada kepentingan kelompok dan diri tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, apa implikasi DEB dan dasar *affirmative* yang telah saya sebutkan tadi mengambil beberapa ringkasan daripada ucapan teks ini, saya menyatakan bahawa orang Melayu hari ini tidak lagi boleh dikelompokkan kepada satu kelompok. Kita telah melahirkan orang Melayu yang berada peringkat menengah bandar di kalangan pekerja, orang Melayu di kalangan yang profesional, orang Melayu yang di kalangan kelompok teratas, yang terkaya dan sebagainya. Orang Melayu yang masih lagi di peringkat luar bandar.

Tahukah kita bahawa hari ini persoalannya bukan lagi membela sesuatu kaum atau hari ini bukan lagi persoalan melihat antara kaum tetapi hari ini dalam kaum yang dibela itu sendiri berlaku jurang perbezaan yang cukup luas, yang cukup ketara. Berpandukan kepada Laporan MAPEN tahun 2001, di kalangan orang Melayu yang merupakan sasaran utama kepada dasar yang selama ini kita garapkan.

#### ■1930

Menunjukkan bahawa jurang ketidaksamaan ataupun *inequalities among the Malays is high*, dengan izin, iaitu 9.2 kali ganda dibandingkan antara 20 yang teratas dengan 20 yang terbawah. Ini amat membimbangkan kita. Apakah ia satu perkara yang menuntut kita supaya kita ambil pusing perkara ini dan cuba ubah cara berfikir kita, Tuan Yang di-Pertua. Untuk tidak hanya berfikir dalam kaca mata kaum tetapi berfikir dalam kaca mata yang lebih besar. Etnik Melayu juga tidak lagi berkongsi cita-cita politik yang sama.

Mereka terbahagi kepada pelbagai pemikiran. Ini bukan satu bala, ia satu perkara yang baik kerana mereka sudah terbuka, mereka sudah mahu melihat dunia yang lebih kompleks. Kalau dahulu hanya dua, tiga parti atau dua sahaja tetapi hari ini kepelbagaian itu menuntut kita sebagai pembuat dasar, kita sebagai ahli politik supaya tidak lagi boleh guna kaedah yang sama. Perlu keluar daripada kotak pemikiran itu. Apatah lagi tanpa dinafikan era 1999 adalah era reformasi yang mahukan kita berubah cara berfikir.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, kita masih belum sedar— sembilan minit lagi. Kita masih dalam kerangka lama, kita masih dalam bahasa lama, kita masih dalam pemikiran lama. Lalu kita mengharap satu keputusan yang lain. Ini amat malang kerana seorang Melayu kalau kita berbicara kerana dasar ekonomi yang ada adalah dasar *affirmative* terhadap orang Melayu.

Orang Melayu hari ini yang kita mahu ialah orang Melayu yang benci rasuah. Orang Melayu yang memilih pemimpin mereka yang beramanah. Orang Melayu yang ada suara berani menyatakan kamu tidak betul. Bukan orang Melayu yang dimomokkan, kalau kamu menegur kerajaan, kamu ini tidak bersama untuk membina negara ini. Kamu ini kalau bercanggah pandangan, kamu ini menyebabkan pecah belah orang Melayu, derhaka, pengkhianat. Ini bahasa-bahasa yang tidak membina orang Melayu.

Orang Melayu yang kita mahu ialah orang Melayu yang menentang rasuah, orang Melayu yang ada harga diri dan lebih utama, orang Melayu yang menghormati kaum lain, bangsa lain. Ini orang Melayu yang kita mahu bina, ini orang Melayu yang kita mahu dihormati oleh kaum lain. Jangan lagi kita bermain retorik menyatakan perpecahan orang Melayu, perpaduan orang Melayu, kita mesti bersatu padu. Bersatu padu atas apa? Bersatu padu atas rasuah? Bersatu padu mendiadakan kalau pemimpin orang Melayu melakukan kefasikan, diam. Ini kerana apa? Ini kerana perpaduan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Saya orang Melayu— Tuan Yang di-Pertua sudah tukar syif.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Segar begitu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Sudah rehat tiga jam Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Saya orang Melayu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tahu, tahu Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Akan tetapi saya tidak akan terima pemimpin yang rasuah walaupun dia orang Melayu. *[Tepuk]* Dasar ini yang kita hendak garap, ini yang negara perlukan. Bukan hanya kerana Melayu diam dan kemudian menggunakan isu Melayu untuk membenci kaum lain hanya untuk kekal berkuasa. Ini yang saya maksudkan Melayu yang kita tidak perlukan dalam suasana transformasi negara hari ini. Saya pun tidak tahu yang disebut TN50 ini apa yang dimaksudkan.

Akan tetapi yang penting bagi saya ialah yang kita tidak perlu ialah Melayu yang *racist*, Melayu yang dogmatik, Melayu yang melankolik, yang tersekat dalam

kegemilangan silam, gagal menghayati realiti di hadapannya. Saya ulang dalam Dewan yang mulia ini kepada semua kawan-kawan saya yang ada, saya mahu Melayu sebagai rakyat Malaysia yang mahu menamakan dirinya dan mahu kaum lain menamakan diri mereka sebagai bangsa Malaysia. [*Tepuk*] Anak bangsa negara.

Malaysia adalah sahaja bumi kita, bumi semua yang perlu kepada pembelaan. Tun Dr. Ismail pernah menyebut, "*But unfortunately the Malays themselves have tended to give the impression consciously or unconsciously. That it is the sign that the Malays are placed superior to other races in the country. The biggest mistake that the Malay made was to point the term bumiputera, because the term tended to convey and entirely different meaning to what was intended for the special position of the Malay.*" Tun Dr. Ismail, orang UMNO, dia bukan orang PAS, dia bukan PKR, masa itu tidak ada lagi.

**Seorang Ahli:** Amanah.

**Dato' Dr. Mujahid bin Yusof Rawa [Parit Buntar]:** Amanah jauh lagilah tetapi ada satu parti yang paling *latest* sekali, Bersatu. Esok lepas ini tidak tahu apa pula lagi yang akan lain. Bagus, *this is democracy*. Saya hendak menyatakan di sini bahawa pemimpin kita dahulu, saya petik mereka itu sebagai *statesman*, bukan sebagai ahli parti tetapi kita panggil *statesman*, negarawan. Mereka jelas dengan apa yang mereka mahu. Akan tetapi hari ini semua itu telah disalah tafsirkan, menjadikan Melayu itu segala-galanya.

Oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan dalam minit terakhir ini, ekonomi yang saya namakan sebagai ekonomi era baru. Ekonomi era baru ini melihat keperluan universal, keperluan manusiawi sekali gus mengubah kerangka etnosentrik yang selama ini menentukan dasar-dasar ekonomi negara. Kembali kepada *maqasid* syariah yang asasnya ialah manusiawi dalam perancangan, dalam berfikir dan dalam tindakan.

Kedua, asas ekonomi era baru ini membentuk perundangan hak-hak sivil bagi memacu ekonomi yang baru ini supaya jati diri lebih rancak. Apa yang kita cadangkan ialah undang-undang peluang sama rata dari sudut pekerjaan, undang-undang jenayah kebencian kaum dan agama serta suruhanjaya anti diskriminasi. Ini kerana hasrat *maqasid* syariah ini mencapai erti keadilan dan sama rata. Selagi tidak ada undang-undang ini, sahabat-sahabatku sekalian, kita masih terperangkap dan perkauman masih bebas berleluasa. Kita perlu perangkap perkauman ini dengan undang-undang yang lebih tegas, baru negara ini boleh maju ke hadapan.

Ketiga— tiga minit lagi. Merombak Dasar Perpaduan Negara. Hari ini Jabatan Perpaduan Negara bajet *ciput* tetapi bercakap besar, perpaduan tetapi bajet *ciput*.

Dasar Perpaduan Negara mesti membentuk entiti bangsa Malaysia berasaskan hak dalam perlembagaan. Bukan ketuanan bangsa atau konsep bangsa asing. Oleh kerana itu, kalau kita dapat membongkar pemikiran ini Tuan Yang di-Pertua, kita mampu maju ke hadapan dengan kita membawa negara ini kepada satu tahap yang lebih hebat, satu tahap yang bukan sekadar TN50. Entah apa nanti akan keluar lagi. Ubah cara berfikir, baru kita fikirkan cara macam mana kita hendak maju ke hadapan. Akan tetapi kalau berfikir dengan cara yang sama, bercakap bergegar-gegar mahu ke hadapan kita akan berpusing pada satu rumah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggal lagi dua minit. Saya rasa dua minit ini saya gunakan sebagai pantun akhir saya dalam ucapan bahas bajet ini. Kalau sudah bagi ayat Al-Quran, mungkin kata ini ayat Al-Quran, ini hadis. Kita bagi pantun, kita orang Melayu. Moga-moga pantun ini dapat memberikan gambaran kepada keseluruhan bajet yang telah dibentangkan.

*Mak Andih mara ke hadapan, Pak Pandir tertinggal,  
Pergi ke pekan bergulai kawah,  
Bajet negara sudah berpenggal-penggal,  
Disuruh cermat, dia bermewah-mewah.*

#### ■1940

Itulah saya harapkan. Poin saya sepanjang 30 minit ini ialah ayuh kita keluar daripada kerangka berfikir yang sama. *Ethnocentrism is no more workable*. Sebab itu saya menyatakan kalau kerajaan yang ada pada hari ini sudah tidak mampu keluar daripada kerangka itu, izinkan yang lain untuk membawa kerangka baru ini menuju kepada ekonomi era baru untuk seluruh rakyat Malaysia.

Sekian dahulu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri dengan menolak Bajet 2017 ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Sipitang.

#### 7.40 mlm.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** *[Membaca pantun]*  
*Kapal belayar dari Beluran,  
Singgah berlabuh di hujung tanjung,  
Terima kasih kerana memberi laluan,  
Budi Tuan Yang di-Pertua tatap disanjung.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Tatap itu, Sabah itu.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Sebagai mukadimah, pembuka kata, saya menyertai rakan-rakan yang lain merakamkan setinggi penghargaan kepada Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan atas pembentangan Bajet 2017 di Dewan yang mulia ini pada Jumaat yang lepas.

Selesai meneliti inti sari bajet ini, Sipitang berkongsi citra semangat atau pun roh bajet tersebut yang tetap berpaksikan denyutan nadi rakyat bagi mengangkat kesejahteraan umat menerusi pelbagai pakej dan pendekatan yang mengimbangi pasang surut ekonomi di dunia kebelakangan ini. Di persembahkan sarat penuh dengan harapan ini, Bajet 2017 menuntut segenap lapisan rakyat tanpa mengira darjat untuk sama-sama menggalas amanah serta tanggungjawab termasuk kita di dalam Dewan yang mulia ini sebagai pengemudi tugas nasional demi untuk menerangi horizon kehidupan rakyat di segenap pelosok tempat dengan tema 'Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh'.

Bajet 2017 berjumlah RM 260.8 bilion merupakan belanjawan membela untung nasib rakyat di bawah cakerawala bumi Malaysia ini kerana ia telah melukiskan satu senario yang paling holistik yang mudah untuk difahami, lengkap dengan pelan strategik bagaimana kita mendepani cabaran demi cabaran dalam langkah perjalanan kemakmuran untuk memakmurkan rakyat. Sari pati bajet ini adalah pancaran spiritual dalam jiwa pemimpin kita di tengah gelanggang politik dan ekonomi yang menduga sebagai membuktikan keazaman dan ketegasan, komitmen untuk bekerja keras lagi bijaksana dalam mencapai kehendak bersama demi sebuah bangsa Malaysia yang besar.

Untuk itu, Sipitang merakamkan penghargaan segunung Kinabalu kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah mengatur belanjawan sebegitu rupa sebagai susur keluar untuk menuju ke jalan utama yang lebih kukuh berasaskan tujuh strategi untuk kita terus meluncur laju ke depan dalam larian persaingan di padang balapan dengan para pemain ekonomi seantero dunia. Natijahnya, Bajet 2017 saya anggap sebagai bajet rakyat 1Malaysia yang apabila diterjemahkan bakal memberikan impak yang tinggi, membesar kerana paksinya berpasak kuat untuk menentukan asas-asas ekonomi negara kekal cergas dan kukuh.

Rakyat seterusnya daripada Telok Melano di lokasi paling selatan negeri Sarawak hingga ke Simpang Mengayau dalam Kudat di titik paling hujung di Sabah di Kepulauan Borneo dan daripada garis sempadan di utara Padang Besar, Perlis



sampailah ke Tanjong Piai di negeri Johor yang juga merupakan titik paling selatan di tanah air kita pastinya memperoleh manfaat yang seimbang secara langsung dan sebaliknya. *“Matahari bersinar di pagi hari menabur cahaya, menyapa bumi, kita bersyukur ke hadrat Illahi, Malaysia tetap teguh dan dirahmati”*.

Tuan Yang di-Pertua, atas prinsip rakyat menghargai pemerintah dan pemimpin mendengar suara rakyat, saya menzahirkan penghargaan yang sebesar-besarnya kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan kerana telah mendengar idea dan pandangan rakyat dalam menyediakan Bajet 2017 ini. Saya yakin penyediaan Bajet 2017 ini bukan mudah, tidak semudah dulu-dulu kerana cabaran kini membesar dan makin besar dan harapan rakyat pun makin besar dan meluas sedangkan ekonomi kita makin menyempit dan sumber kita makin menipis.

Namun, kebijaksanaan Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan bersama barisan pegawai-pegawai yang memiliki jiwa yang besar berjaya mengimbangi antara perbelanjaan dan unjuran pendapatan biar pun terpaksa menyesuaikan sebahagian peruntukan pembangunan, maka tidaklah terjadi apa yang disebut defisit, sebaliknya sebuah bajet *prudent*, dengan izin, atau berhemah sebagaimana yang telah diangkat menjadi tema kepada perbincangan ini.

Bajet kini yang berjumlah RM260.8 bilion merupakan peningkatan 34 peratus daripada pengubahsuaian Bajet 2016 daripada jumlah RM 214.8 bilion adalah perbelanjaan mengurus dan RM46 bilion untuk perbelanjaan pembangunan.

Seperti yang saya sebut awal tadi, Bajet 2017 ini memancarkan idea dan gagasan pemikiran dan cita-cita pimpinan kita untuk mensejahterakan rakyat secara menyeluruh. Saya ringkaskan agenda kesejahteraan rakyat ini di bandar dan juga di luar bandar menerusi pelbagai bentuk pembangunan dan peningkatan kemudahan-kemudahan, infrastruktur seperti pemasangan 97,000 lampu jalan dan 3,000 lampu LED di persimpangan jalan yang melibatkan 7,500 buah kampung di seluruh negara.

Sebanyak RM1.2 bilion pula diperuntukkan untuk menaikkan taraf 616 kilometer jalan kampung dan jambatan bagi meningkatkan jaringan perhubungan kampung dan pekan dan juga bandar. Bagi menyelenggarakan jalan negeri, RM4.6 bilion disediakan kepada semua negeri di bawah Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya atau pun yang dipanggil MARRIS. Sebanyak RM350 juta diperuntukkan membina dan membaik pulih 17,000 unit rumah usang dan daif di kampung terpencil dan penempatan Orang Asli di mana semua rumah diberi bantuan antara RM1,000 hingga RM 15,000.

Sebanyak RM730 juta diperuntukkan untuk menyasarkan 5,200 buah rumah termasuk menaik taraf sistem bekalan air FELDA. Bagi menaik taraf kapasiti menjamin

bekalan air di negeri-negeri, kerajaan menyediakan RM156 juta dan RM509 juta dalam bentuk pinjaman. Tabung bekalan air diwujudkan dengan peruntukan RM500 juta. Kerajaan juga menyediakan RM300 juta di bawah Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia untuk membaik pulih kemudahan kawasan *flat* dan 113 program perumahan rakyat di kawasan bandar dan pinggir bandar.

#### ■1950

RM800 juta diperuntukkan Projek Mesra rakyat untuk menaik taraf dan membina surau, titi, parit, balai raya, pasar dan gerai perniagaan kecil. Keutamaan diberikan projek kepada kontraktor kelas G1 dan G2 tempatan. Sesungguhnya Bajet 2017 ini sederhana sifatnya. Tidak terlalu *ambitious* atau dengan izin, dia bukan populis tetapi duduk dalam acuan sendiri mengikut ukuran baju di badan kerana Kerajaan Barisan Nasional sentiasa bersikap realistik lagi pragmatik bukan seperti kerajaan plastik yang hanya sibuk berpolitik seperti nun di utara Pulau Pinang dan di Selangor yang ditadbir oleh pembangkang.

*Jangan harap padi seberang,*

*Walau menguning satu kawasan,*

*Jangan diharap kepada pembangkang,*

*Lebih baik sokong Barisan. [Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, menyedari pentingnya peranan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dalam usaha untuk memperkasa pembangunan usahawan dalam memacu pembangunan ekonomi negara, Bajet 2017 nyata turut meletakkan sebagai keutamaan dalam teras utama kerajaan memperkukuhkan sejumlah RM75 juta di bawah Pelan Induk Perusahaan Kecil dan Sederhana. Bagi menggalakkan pembangunan sektor berkenaan, selain daripada itu jaminan sehingga RM15 bilion bagi pelbagai skim Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP) akan dilanjutkan tempoh hingga tahun 2025.

Nyata benar sesungguhnya IKS mengikut peranan amat signifikan biarpun namanya industri kecil tetapi sumbangannya sangat besar. Kecil sahaja pada nama tetapi sebenarnya besar dari segi saiznya. Justeru, IKS perlu dimajukan secara bersepadu dan menyeluruh terutama dalam konteks pasaran bebas dan terbuka ini. Ini kerana ia merupakan nadi serta enjin pelaburan domestik sekali gus pemangkin kepada pencapaian Wawasan 2020 menjadikan negara ini sebagai sebuah negara industri.

Sebagai tambahan kepada yang sudah tertulis dalam Model Ekonomi Baru, kita ingin menyarankan supaya kerajaan terus memperkasakan IKS dengan tumpuan

kepada segmen-segmen perniagaan yang terpilih atas platform agensi seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN, Yayasan Usaha Maju (YUM) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan seperti FAMA. Menerusinya aktiviti ekonomi pada skala kecil oleh belia, suri rumah dan orang kampung sama ada berniaga runcit dari rumah, menjahit pakaian di penjuru kedai, menjaja sayur di pasar tani boleh dikembangkan sedikit demi sedikit dan lama-lama ia berkembang menjadi bukit. Jangan lupa juga Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera seperti TUBE yang diperkenalkan oleh SME Corp. Malaysia pada penghujung tahun 2014 wajar juga diperkasakan demi untuk memastikan golongan belia kita bergerak seiring dengan usaha kerajaan dan tidak sumbang mudik ke hulu sebaliknya dapat sama-sama menyumbang secara positif.

Begitu juga dengan Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) iaitu sebuah unit strategik Jabatan Perdana Menteri berperanan menerajui, memacu, menyelaras penyertaan bumiputera dalam ekonomi negara selaras dengan Pelan Transformasi Negara adalah amat wajar diperkasakan lagi selaras usaha membantu golongan bumiputera. Dengan dana yang besar, kita yakin sungguhpun TERAJU benar-benar dapat menjadi peneraju dalam menyediakan peluang pembiayaan perniagaan, pembangunan modal insan yang besar-besar lagi. Dalam hal ini, kita memohon supaya agensi dan institusi yang berkaitan untuk mengambil pendekatan secara proaktif untuk melestarikan pembangunan budaya keusahawanan secara holistik dalam kalangan para pelajar di IPTA dan IPTS juga perlu diperkasakan untuk melahirkan graduan berkemahiran yang akhirnya dapat memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Menerusi kursus-kursus *business* dan usahawan, kita perlu mendidik graduan dengan jiwa keusahawanan supaya mereka mampu bersaing dengan bangsa-bangsa dan rakyat seluruhnya. Hanya mereka yang ada fikiran keusahawanan, budaya keusahawanan serta disuburi semangat keberanian yang kental untuk menghadapi cabaran dalam usaha bersaing dalam dunia usahawan hari ini. Hal ini jangan dipandang enteng dalam perjalanan kita membina masa depan Malaysia. Kita perlu membentuk personaliti usahawan yang universal merentasi ras, etnik dan budaya malah melepasi batasan geografi supaya kita dapat mencetuskan transformasi yang signifikan lagi dinamik dalam hal pembangunan sosioekonomi dan mampu memenuhi keperluan pengguna.

Kami di Sabah turut mengakui pentingnya peranan dan sumbangan IKS ini. Sebagai contohnya pada bulan Ogos yang lepas, program Gerak IKS SDC 2016 yang telah diadakan di Sandakan bersama-sama dengan Kumpulan Yayasan Sabah, MARA

dan juga SDC telah menganjurkan program pembangunan usahawan ini disertai oleh 1,000 orang usahawan, tanpa dibayar tambang, mereka datang sendiri. Pada 21 Oktober yang lalu juga satu program yang besar diadakan daripada Yayasan Sabah juga dengan MDEC dan juga Amanah Ikhtiar untuk melakukan satu program Mega eUsahawan yang dihadiri oleh 1,000 orang usahawan *online* untuk memperkasa mereka bergerak secara betul mengikut perkara-perkara yang perlu dilakukan dalam persaingan zaman moden ini. Memang pun sejak daripada dahulu hingga sekarang kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan menyediakan pelbagai kemudahan untuk membantu usahawan-usahawan tempatan termasuk masyarakat bumiputera di bandar dan desa.

Kita menyokong penuh usaha-usaha untuk membangunkan usahawan ini khusus kepada bumiputera seperti mana yang termaktub dalam Belanjawan 2017 yang dibentangkan seperti Program Pelan Induk PKS, RM75 juta dana modal kerja untuk status, RM200 juta bagi meningkatkan kapasiti perniagaan Bumiputera, SME Bank – RM100 juta, Amanah Ikhtiar – RM100 juta, TEKUN termasuk TEMANITA – RM300 juta, pembiayaan keusahawanan PNB RM200 juta, keusahawanan MARA RM120 juta dan kemudahan TERAJU – RM500 juta. Di samping program-program MySuria – RM45 juta, *Mobilepreneur* – RM30 juta, program *Agropreneur* – RM100 juta, usahawan eRezeki – RM100 juta. Ini menunjukkan betapa kerajaan sangat sensitif terhadap usaha-usaha membangunkan usahawan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada kesempatan ini juga Sipitang mengalu-alukan langkah kerajaan mewujudkan kesejahteraan rakyat kepada kehidupan rakyat dalam bidang perumahan. Adalah penting bagi kerajaan mengimbangi perumahan kos rendah dan sederhana dan juga memenuhi keperluan-keperluan pertengahan. Untuk itu, kita berharap agar dapat diperhebatkan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan yang paling penting bagi kami di Sabah ialah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) perlu diperkasakan di samping Program Perumahan Mesra Rakyat dan yang paling penting sekali ialah untuk memberikan prasyarat dan kelonggaran untuk pembangunan rumah mesra rakyat ini kerana perumahan mesra ini terdapat halangan-halangan dari segi mereka yang mempunyai geran tanah di mana geran tanah mereka juga terdapat waris-waris yang terdapat di dalam geran tanah tersebut.

#### ■2000

Terlanjur bercakap mengenai Sabah dan Sarawak, saya ingin mengesyorkan supaya kerajaan mewujudkan kesejahteraan hidup kepada rakyat, dapat kiranya diperbanyakkan lagi program-program khususnya di kawasan desa-desa di negeri Sabah di perkampungan yang jauh-jauh iaitu program klinik desa, memberikan

perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat di luar bandar. Namanya pun klinik desa, maka wajarnya desa-desa yang terpencil di kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak disediakan kemudahan ini apatah lagi negeri Sabah, program perkhidmatan doktor udara dan klinik bergerak dijalankan selama ini telah diberhentikan. Ini pernah disuarakan oleh Timbalan Speaker yang melihat dengan tenang dalam hujah saya ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** *[Ketawa]*  
Mendengar dengan tenang.

**Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang]:** Ini kerana beliau menyuarakan beberapa kali supaya diperkasakan klinik desa ini untuk memastikan mereka yang tinggal di desa yang terpencil merasai nikmat kemudahan untuk memastikan kesihatan mereka.

Bersangkutan dengan kesejahteraan hidup rakyat, kita memohon supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) memperhebatkan operasi dan pemantauan ke atas premis-premis perniagaan secara rambang dan menyeluruh tanpa perlu menunggu aduan-aduan dan rungutan pengguna demi menentukan peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan dalam kesempitan ekonomi pada hari ini.

Sebagai contohnya, isu yang paling besar hari ini adalah berkaitan dengan bekalan minyak masak yang mana kalau kita lihat bukan sekadar di Semenanjung tetapi juga melibatkan kita di negeri Sabah dan mungkin di Sarawak. Rata-ratanya minyak masak ini mungkin dinaikkan harga tetapi juga yang pasti ia tidak terdapat pada masa-masa yang tertentu tetapi di dada akhbar dapat dilihat ia berada di negeri-negeri ataupun di negara-negara bersempadan dengan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, mewakili rakyat Sipitang dan Sabah khususnya, saya merakamkan penghargaan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan atas pelaksanaan lebuh raya tanpa tol Pan Borneo merentasi negeri Sarawak hingga ke Sabah. Perenggan 240 Bajet 2017 menyebutkan juga kerajaan komited menambah baik pengangkutan awam di luar bandar dengan pelbagai langkah termasuk menggiatkan pelaksanaan Lebuhraya Pan Borneo. Bagi jajaran di Sabah, pakej pertama telah disempurnakan pelancarannya oleh Perdana Menteri pada 24 April di Kampung Andus, Papar di Pantai Barat negeri Sabah. Manakala pakej kedua, dilancarkan di SMK Balung, Tawau 28 Mei 2016.

Ketika ini pelaksanaan dua pakej dilancarkan itu sedang berjalan mengikut perancangan keseluruhan projek sejauh 700 daripada Sindumin yang sepatutnya bermula daripada Sindumin yang mana kalau kita melihat pada hari ini pelancaran bermula daripada Papar dan Tawau. Kita berharap pakej daripada Sindumin yang

akan melalui Beaufort dan Papar akan dilaksanakan sebagai salah satu pakej yang utama kerana pakej ini adalah merupakan pakej persempadanan antara Sabah dan Sarawak dan ia melalui satu proses laluan utama daripada Brunei ke negeri Sabah.

Oleh sebab projek ini bermula di Sindumin bersempadan dengan Sarawak di dalam kawasan Parlimen Sipitang, kita memohon supaya pakej laluan Sindumin dan Beaufort-Papar ini segera dianugerahkan agar dapat dimulakan secepat yang mungkin kerana penghubung utama ataupun *connector* paling penting antara dua negeri Sabah dan Sarawak, apatah lagi Sipitang adalah merupakan salah satu koridor *hub oil and gas* yang sedang siap dilaksanakan pada akhir tahun ini. Sehingga kini belum kedengaran lagi bila pelaksanaan pakej ini akan bermula. Malahan belum ada ura-ura untuk menganugerahkan kontraknya. Kita mohon jasa baik dan keprihatinan kerajaan moga-moga Kementerian Kerja Raya memberikan respons yang menggembirakan dalam ucapan penggulungan nanti.

Pada masa yang sama saya ingin mengulangi pesanan dan harapan penduduk kawasan Sipitang juga cadangan menaik taraf jalan Mendolong-Meligan-Long Pasia adalah satu daripada jalan yang berkali-kali disebut di dalam Parlimen ini juga jalan Mintulut-Bengkalalak dan jalan Kangsa-Bengkalalak-Suasa di kawasan DUN Lumadan. Ketiga-tiga jalan ini perlu segera dinaiktarafkan, bukan sahaja kerana keadaannya yang daif menyulitkan tetapi lebih penting ia membabitkan ribuan penduduk yang menggunakan sebagai jalan membawa hasil pertanian untuk pemasaran dan membangunkan ekonomi mereka.

Perkara ini berkali-kali sudah dilaungkan dan dibawa dalam Parlimen ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk memberi peluang kepada kawan-kawan yang lain, lebih kepada mereka. Sebagai penutupnya, berbekalkan kepada sari pati semangat Bajet 2017, Malaysia kini berada di landasan yang betul untuk melangkah gagah dan menjadi kuat mendepani apa pun cabaran dalam membawa kemakmuran kepada rakyat.

Kita yakin dan percaya menerusi perancangan strategik, mengimbangi perbelanjaan dan pendapatan dengan sumber semula jadi komoditi alam yang melimpah, Malaysia mampu muncul menjadi ekonomi baru dunia masa akan datang, yang penting bagi rakyat, buangkan kemalasan dan ketamakan demi mencapai cita-cita murni yang penting bagi pemimpin, ketepikan *egocentrism* dan *personal agenda* demi membina negara bangsa yang berjaya. Sekian, terima kasih. Saya menyokong.  
[Tepuk]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kluang.

**8.07 mlm.**

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hairan terdapat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri berada di dalam Dewan, hebat Timbalan Perdana Menteri. *[Tepuk]* Saya hendak susun balik ucapan saya supaya hendak bincang tentang Kementerian Dalam Negeri sebelum Timbalan Perdana Menteri keluar dari Dewan. *[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, dia tak akan dijawab sekarang Yang Berhormat. Minggu depan jawab.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya kalau boleh jawab sekarang lebih baik tetapi dia boleh celah, boleh catitlah. Saya sebenarnya hendak mula dengan Hospital Sultanah Aminah tetapi saya hendak, mungkin mula dengan isu polis. Pagi ini saya terima panggilan dari IPD Johor Bahru Selatan yang memanggil saya untuk bertemu dengan mereka supaya ambil *statement* tentang kehadiran saya dalam satu Himpunan Bersih pada 1 hari bulan Oktober di Dataran MPJBT.

Saya tidak hadir di sana dan sudah dua kali mereka panggil saya. Saya beritahu mereka, saya kata ini Inspektor Adilah, saya kata, sudah dua kali saya maklumkan kepada mereka bahawa saya tidak hadir dan dia kata, saya hanya perlu jumpa dengan Yang Berhormat ambil *statement* dan selepas itu tak ada masalah. Hanya hendak ambil *statement* sahaja kerana ada laporan pada 1 Oktober dan saya beritahu dia tak perlulah. Semak dengan Cawangan Khas, video Cawangan Khas memang tunjuk saya tidak hadir di sana dan itu sudah cukuplah, tak perlu ambil *statement*, tak perlu datang ke Parlimen jumpa saya untuk ambil *statement*.

Akan tetapi yang lebih penting, saya rasa kalau boleh Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, kita dalam satu suasana di mana Jabatan Siasatan Jenayah digunakan untuk menyiasat isu-isu politik. Sebelum ini biasanya isu-isu politik dikendalikan oleh Cawangan Khas. Itu pun saya rasa lebih baik kita lebih terbuka, tidak perlu begitu tumpukan isu kes-kes politik kerana dalam belanjawan polis diperuntukkan RM8.1 bilion dan penyiasatan jenayah hanya diperuntukkan RM666 juta.

**■2010**

Risikan keselamatan terutamanya *Special Branch*, Cawangan Khas diperuntukkan RM481 juta. Akan tetapi dalam isu BERSIH, dalam isu siasatan isu-isu politik, kita sekarang ini telah guna sumber-sumber yang terhad di Jabatan Siasatan Jenayah untuk kes politik. Sebelum ini biasanya kes politik hanya dikendalikan oleh Cawangan Khas dan tidak melibatkan Jabatan Siasatan Jenayah.

Saya kenal ramai IO. IO ini memang pekerjaan yang paling teruklah dalam dunia. IO tidak ramai. IO Yang Berhormat Menteri tahu, 2,000 lebih, tidak sampai

3,000 yang sebenarnya IO. Akan tetapi, IO tidak ramai tetapi IO terpaksa selain daripada mengendali kes-kes jenayah, mereka terpaksa kendalikan kes politik dan di IPD-IPD yang besar seperti IPD JB, IPD JB Selatan, IPD Dang Wangi, Kuala Lumpur ataupun lain-lain. Kes jenayah telah banyak. Seorang IO mungkin kena kendalikan 30 kes, sampai 40 kes satu bulan. Bagaimana mereka boleh berikan tumpuan terhadap kes dan memberikan siasatan yang berkesan supaya mereka boleh menyelesaikan kes bukan dengan cara apa yang tidak dibenarkan dalam undang-undang tetapi dengan cara cerdik, dengan cara risikan supaya menyelesaikan kes-kes jenayah dalam negara kita ini.

Saya haraplah Yang Berhormat Menteri ambil tindakan. Satu ialah kurangkan bergantung terhadap Jabatan Siasatan Jenayah untuk kes-kes politik. Kes Bersih memang kes politik. Kes politik ini biar *Special Branch* kendalikan. Jangan libatkan Jabatan Siasatan Jenayah. Daripada segi penstrukturan polis, lebih baik kita memberikan tumpuan terhadap penyiasatan jenayah, berikan lebih banyak sumber tenaga, sumber kewangan terhadap penyiasatan jenayah dan kurangkan bidang-bidang lain.

Saya rasa kalau boleh, Yang Berhormat Menteri boleh fikirilah, Pasukan Gerakan Am (PGA), ramai PGA tetapi sebenarnya kalau di Semenanjung cabaran untuk PGA ini tidak banyak. Kalau ada cabaran di Sabah, okey, boleh faham. Akan tetapi cabaran untuk PGA di Semenanjung ini tidak banyak. Kalau boleh *deploy* PGA untuk mencegah jenayah. Bukan untuk isu-isu ataupun bukan simpan dalam kem sahaja. Saya rasa ini satu soalan yang ramai rasa memang kita ada ramai polis tetapi polis ini daripada segi pembahagian kerja tidak semestinya optimum.

Saya juga hendak Yang Berhormat Menteri kalau boleh berikan penjelasan apa tindakan susulan tentang *task force* ataupun *caucus* berkenaan dengan mesin judi haram. Yang Berhormat Menteri umum di sini setengah tahun lalu bahawa satu *caucus* berkenaan mesin judi haram akan ditubuhkan dan merangkumi ahli-ahli pembangkang. Akan tetapi sampai sekarang, *task force* ataupun *caucus* yang melibatkan ahli-ahli pembangkang belum lagi ditubuhkan. Saya minta kalau Yang Berhormat Menteri tidak hendak jawab hari ini pun tidak apa, catat dan masuk *task* itu. Ya.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Yang Berhormat Kluang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kluang.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kluang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat pendapat atau pandangan Yang Berhormat Kluang mengenai satu insiden di Balai Polis IPD Klang di



mana tiga orang anggota polis telah bertubi-tubi memukul dua orang anak sekolah yang berumur 14 tahun, kedua-dua mereka 14 tahun. Sebenarnya mereka bukan saja dipukul, tapi mereka juga telah ditendang dan juga seorang anggota polis telah keluarkan kasut beliau dan baling kepada muka anak-anak kecil ini.

Saya telah bangkit isu ini. Sebenarnya pihak polis telah menyiasat dan penyiasatan ini telah dihantar kepada Timbalan Pendakwa Raya pada 9 Ogos 2016. Akan tetapi sekarang kita sudah habis Oktober. Dua bulan telah berlalu dan kita belum dapat apa-apa pandangan ataupun keputusan daripada pihak pendakwa raya. Saya ingin bangkit isu ini sebab saya mungkin Yang Berhormat boleh ulas perkara ini di mana kita dapati bahawa pihak polis kerja sebagai gengster dan mereka selepas dilepaskan oleh Majistret, kedua-dua anak ini dibawa ke balai polis IPD Klang dan dipukul di balai polis. Ini saya ingat tidak boleh diterima dan ini minta pandangan. Saya juga nampak di depan saya Yang Berhormat Bagan Datok, Menteri Dalam Negeri mungkin dapat ulas mengenai perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma hendak ingatkan kepada Yang Berhormat bahawa baru-baru ini telah berlaku satu lagi insiden di Hospital Serdang di mana seorang doktor telah ditangkap, digari dan telah dimalukan. Jadi setakat ini saya rasa pihak polis masih belum meminta maaf dan tidak ada apa-apa tindakan yang telah diambil. Saya rasa perkara ini juga perlu dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Okey terima kasih kepada Yang Berhormat Klang dan Yang Berhormat Batu Gajah. Saya minta masukkan kedua-dua ucapan dalam ucapan saya. Saya minta Yang Berhormat Bagan Datok kalau boleh jawab kepada kes-kes berikut, kes-kes yang disebut. Saya rasa ini satu masalah persepsi awam adalah penting untuk polis mengekalkan satu persepsi ataupun integriti yang boleh diterima oleh umum dan persepsi di antara umum terhadap polis ini agak penting. Kalau tidak memang kita tidak ada keyakinan terhadap polis. Maka tidak baik untuk masyarakat kita.

Juga saya ambil kesempatan ini untuk minta Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, ini *point* baru lah yang saya hendak bangkit kerana Yang Berhormat Menteri di sini. Saya pernah bangkit secara peribadi kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kalau boleh banduan dalam penjara untuk hukuman mati, kalau boleh apabila mereka dijalankan hukuman mati, berikan maklumat kepada peguam dan juga keluarga sekurang-kurangnya dua bulan. Jangan menjalankan hukuman mati secara *ambush*,

secara tergesa-gesa tanpa memberikan makluman kepada keluarga dan peguam masa yang mencukupi.

Ini adalah penting kerana nyawa hanya sekali saja. Walaupun untuk pentadbiran mungkin mereka tidak diganggu oleh sesiapa tetapi untuk banduan terutamanya banduan ataupun yang akan dijalankan hukuman mati ini kalau mereka bukan warganegara, mereka warga asing dan untuk keluarga mereka untuk datang ke negara kita untuk berjumpa dengan banduan ini, mereka memerlukan masa. Ini adalah penting daripada segi *human rights*, daripada segi hak asasi manusia.

Saya juga hendak bangkitkan ini kerana Yang Berhormat Menteri Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri telah mengumumkan dalam satu mesyuarat di Parlimen bahawa kerajaan untuk mengkaji semula sistem hukuman mati. Akan tetapi walaupun kerajaan telah mengadakan kajian semula, tetapi hukuman mati tidak juga dihentikan. Saya cadang satu *moratorium* di mana hukuman mati tidak dijalankan sampai selepas pengajian semula diadakan.

#### ■2020

Bagi pihak kami, kami tidak cadang untuk menghapus sampai habis hukuman mati. Akan tetapi kami hanya minta *discretion* untuk menghukum seorang mati diberikan pada hakim. Iaitu bermakna, kita tukar sistem mandatori *death sentencing* kepada satu sistem yang mana hakim ada *discretion*, hakim diberikan kuasa untuk menentu adakah si penjenayah ini diberikan hukuman mati ataupun tidak. Ini satu isu yang penting, isu yang akan ada kesan terhadap persepsi antarabangsa terhadap negara kita dan juga adalah penting untuk semua yang sedang menunggu pelaksanaan hukuman mati terhadap mereka dan satu moratorium adalah penting untuk mereka. So, saya minta kerajaan memberikan pertimbangan supaya memanjangkan tempoh makluman kepada keluarga kalau hukuman mati dijalankan dan juga menimbangkan satu moratorium supaya mereka yang dihukum mati, tidak dijalankan hukuman mati sampai kajian semula kerajaan.

Saya hendak bincang tentang isu Hospital Sultanah Aminah yang ada tragedi semalam. Bagi pihak DAP, bagi pihak kami, kami ucapkan takziah kepada semua yang terlibat dan semua keluarga mangsa dan juga memberikan keprihatinan kami kepada semua yang terlibat dalam tragedi ini. Kami juga memberikan penghargaan yang paling tinggi kepada semua doktor dan para perubatan...

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Kluang.

Yang Berhormat Kluang, tadi saya terdengar kenyataan daripada Yang Berhormat Kluang mengenai hukuman mati mandatori. Adakah Yang Berhormat

Kluang ingat, setahun lepas ada mesyuarat *round table discussion* yang telah dianjurkan oleh *Parliamentarians for Global Action* (PGA) yang telah dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Dato' Seri Mohamed Nazri bersama dengan Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri. Dalam mesyuarat itu yang berlangsung di Bangunan Sementara Parlimen Malaysia, kerajaan telah beri komitmen untuk memansuhkan hukuman gantung mandatori. Kalau sudah sampai bulan depan, sudah setahun kami menunggu untuk pelaksanaan pemansuhan ini.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Kluang, apakah respons? Bagaimanakah kita boleh mencapai status sebuah negara yang telah memansuhkan hukuman gantung mandatori ini? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Saya berkongsi sentimen Yang Berhormat Batu Kawan dan saya minta kerajaan menimbang supaya kita mengakhirkan hukuman mati mandatori. Bukan kita hendak cadang hapuskan hukuman mati secara *complete* tetapi sekurang-kurangnya kita akhirkkan hukuman mati mandatori supaya kita memberikan *discretion* atau kuasa menentu untuk hakim.

**Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]:** Setuju tidak kalau saya katakan bahawa hukuman mati hanya perlu kepada pengedar dadah sahaja. Oleh sebab dia menyebabkan ramai orang mati dan yang lain itu boleh dipertimbangkan untuk dadah sahaja yang seharusnya dikenakan hukuman mati. Oleh sebab sesetengah negara mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas kes dadah ini.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Untuk makluman Yang Berhormat Rompin, biasanya di negara lain ia ada berasingan antara *drug mules*, dia bukan pengedar dadah, bukan tauke-tauke dadah tetapi hanya *drug mules*, biasanya mereka asingkan supaya hukuman yang lebih rendah untuk *drug mules*. Akan tetapi kalau benar-benar tauke-tauke dadah ini mungkin hukuman yang berlainan.

**Puan P. Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Rompin dan juga Yang Berhormat Kluang. Mungkin saya ingin memberi sedikit pandangan. Setakat ini ada 1,044 orang banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati. Lebih daripada 600 daripada angka ini warganegara Malaysia dan lebih daripada 400 orang warganegara asing. Kebanyakan mereka, jenayah mereka adalah *drug trafficking*, dengan izin. Akan tetapi kita lihat trendnya peningkatan dalam bilangan banduan yang telah dijatuhkan hukuman mati atas kesalahan mengedar dadah. Kita tidak akan lihat seperti Yang Berhormat Kluang kata tadi, kita tidak lihat, dengan izin, *the manufacturer, the person who packages it, the person who puts it in the hands of the trafficker*. Kita tidak akan lihat mereka

dibawa ke mahkamah. Kita akan lihat orang di tengah-tengah, *courier* dia, mangsa keldai dadah yang dimangsakan oleh sistem ini.

Juga dalam negara-negara lain yang telah memansuhkan hukuman gantung mandatori dan juga hukuman gantung sampai mati, mereka menunjukkan penurunan dalam jenayah yang berat, dengan izin, *very heavy crimes*. Seperti contoh di Switzerland, mereka telah memansuhkan hukuman gantung sampai mati dan *heavy crimes* di negara tersebut macam pembunuhan berkurangan 40%. Jadi, ia bukan sekadar hanya memansuhkan akta sahaja tetapi *there should be inclusive social justice*. Oleh sebab yang dijatuhkan hukuman seperti ini orang-orang yang datang dari keluarga yang kurang berkemampuan, yang memang minoriti, mungkin mereka daripada, dengan izin, *broken family* dengan tahap pendidikan pembelajaran yang tidak begitu tinggi. Mereka yang akan dipergunakan untuk menjadi keldai dadah ini. Jadi, pada pandangan saya, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *the solution is not just only to a man, but an entire reform of the judiciary system* dengan memberikan kuasa kepada mahkamah dan kepada hakim untuk mempertimbangkan setiap satu kes berdasarkan fakta-fakta kes tersebut. Apakah pandangan Yang Berhormat Kluang? Terima kasih.

**Tuan Liew Chin Tong [Kluang]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu Kawan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Batu Kawan. Sebenarnya kalau boleh saya pun minta kawan-kawan di sebelah sana, isu hukuman mati ini bukan isu partisan. Kalau boleh isu ini boleh ditangani secara *by partisan* untuk demi kebaikan negara. Lebih baik ini boleh ada satu *by partisan position* yang mana kita tidak ambil jalan *third party* di Filipina tetapi ambil jalan yang mana kita mengambil kira semua faktor, termasuk faktor-faktor sosioekonomi, faktor-faktor *inclusivity*, pelbagai faktor dan juga memang faktor keadilan. Supaya kita ada satu sistem di mana kita boleh benar-benar mencegah penggunaan dadah tetapi juga tidak menghukum sesiapa sahaja yang terlibat dengan dadah untuk hukuman mati.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak masuk kepada tajuk Hospital Sultanah Aminah. Saya bagi pihak DAP dan bagi pihak kami, merakamkan takziah kepada semua mangsa dan keluarga mereka dan juga memberikan penghargaan yang paling tinggi kepada doktor dan para perubatan di hospital tersebut yang memang memberikan, menunjukkan satu semangat yang kita mesti contohi apabila mengalami tragedi yang berlaku semalam.

Saya telah masukkan satu soalan dan saya ucapkan terima kasih kepada pihak Tuan Yang di-Pertua yang memberikan kebenaran untuk saya tanya satu soalan kepada Yang Berhormat Menteri pada hari esok tentang isu Medivest Sdn. Berhad. Isu

Hospital Sultanah Aminah ini walaupun sekarang ini kita tidak tentu apa sebenarnya faktor kebakaran yang berlaku semalam tetapi ada satu faktor yang kita sudah faham, sudah tahu daripada kenyataan Menteri pagi ini dalam Dewan ini dan juga dalam apa yang berlaku sejak semalam iaitu perkhidmatan hospital telah diswastakan kepada sebuah syarikat bernama Medinvest Sdn. Berhad tanpa tender terbuka.

■2030

Pihak kami minta kementerian beritahu apa kos yang terlibat dalam ini. Juga adakah syarikat ini akan digantung kerana apa yang berlaku semalam walaupun kita belum tahu apa sebab sebenar tetapi penswastakan ini untuk perkhidmatan sokongan hospital, pihak ini mesti bertanggungjawab untuk apa yang berlaku pada semalam.

Faktor ini perlu diambil kira kerana dalam bajet yang baru-baru ini bajet 2017 ada diperuntukkan RM2 bilion untuk penswastakan perkhidmatan sokongan hospital. Perkhidmatan sokongan hospital masih diswastakan lebih banyak perkhidmatan hospital diswastakan tetapi tidak semestinya kita mesti ambil jalan ini. Saya rasa apa yang berlaku semalam adalah satu peringatan kepada kita semua supaya kita jangan lagi menswastakan perkhidmatan sokongan hospital ini kepada pihak swasta tanpa satu plan komprehensif dalaman. Adalah penting menjalankan atau mengendalikan hospital secara komprehensif dan bukan dengan pelbagai penswastakan yang tidak semestinya membawa manfaat. Apa yang berlaku semalam- sebenarnya satu lagi kebakaran berlaku pada pukul 1.35 petang hari ini di Hospital Sultanah Aminah. Ini satu peringatan untuk kita bahawa cara lama tidak lagi harus diteruskan.

Dalam masa yang singkat yang saya ada ini, saya hendak bangkitkan dua isu ringkas. Satu ialah krisis air di Johor termasuk di kawasan saya. Kawasan Kluang telah mengalami dua kali catuan air pada bulan Ogos dan pada bulan ini. Di Kluang dan di merata tempat di Johor saya pernah diberikan taklimat juga di bawa lawatan oleh pegawai-pegawai SAJ. Di seluruh Johor, empangan-empangan di Johor di kelilingi oleh kawasan kelapa sawit. *All surrounded by palm oil estate*, sampai di keliling empangan. Apa kejadiannya? Kejadiannya ialah bahawa empangan-empangan di Johor ini hanya bergantung kepada hujan dan hanya bergantung kepada hujan yang masuk ke dalam empangan. Kalau hujan di sekitar kawasan sekitar empangan tidak berkesan, tidak akan bawa air.

Jadi kita ada satu krisis yang bukan sahaja berlaku sekarang tetapi akan ada akibat ataupun kesan-kesan jangka panjang. Saya minta kementerian ataupun Kerajaan Pusat sekurang-kurangnya ada *guide line*. SPAN ini boleh kata ini bukan bidang kuasa SPAN. Ini bidang kuasa kerajaan negeri tetapi saya cadangkan satu skim *name and shame*, di mana Kerajaan Pusat memberikan *guide line*, memberikan

piawaian dan sesiapa yang tidak mematuhi piawaian *will be name and shame*, disenarai namakan dan empangan-empangan yang tidak mematuhi kriteria-kriteria disediakan oleh Kerajaan Pusat disenaraikan. Ini akan membantu kita mengakhiri krisis air jangka panjang di Johor dan di seluruh negara.

Juga saya hendak bawa satu isu tentang jalan Batu Pahat. Saya tengok timbalan menteri di sini. Saya hari itu sudah minta timbalan menteri untuk menimbang bahawa lampu jalan diadakan di sepanjang jalan Batu Pahat dari Tol Ayer Hitam sampai ke Kampung Seri Lalang. Selain daripada projek Jalan FT 50, saya minta projek untuk memasang lampu jalan dari Tol Ayer Hitam ke Kampung Seri Lalang ini dijalankan secepat mungkin supaya mengelakkan kemalangan pada malam.

Sebelum saya mengakhiri, saya hanya hendak tunjuk kos Jabatan Perdana Menteri. Walaupun kos Jabatan Perdana Menteri telah diturunkan daripada RM21 bilion ke RM16 bilion iaitu kekurangan RM5 bilion dalam bajet baru ini. Saya rasa ini satu pembaikan yang kita semua terima. Akan tetapi sebenarnya JPM tidak perlu peruntukan yang begitu banyak.

Pada tahun 2008, bajet belanjawan yang terakhir Tun Abdullah Badawi hanya memerlukan RM7 bilion sahaja. Akan tetapi belanjawan tahun 2016 memerlukan RM21 bilion. Belanjawan tahun 2017 memerlukan RM16 bilion untuk JPM. Ini adalah satu aspek di mana kita memerlukan pemikiran baru.

Dalam jumlah peruntukan pembangunan, walaupun jumlah peruntukan pembangunan hanya RM46 bilion sahaja untuk tahun ini tetapi dalam jumlah peruntukan pembangunan yang terhad ini, RM46 bilion RM11 bilion diperuntukkan untuk JPM. Saya rasa ini harus diakhirkan. Kita tidak perlukan peruntukan yang banyak kepada JPM dan harus dikurangkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya yang tersenarai tidak bangun. Jadi kita ambil yang tersenarai selepas dia. Yang Berhormat Tanjong Manis.

**8.37 mlm.**

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Pertama kali marilah kita mengucap syukur ke hadrat Allah SWT dan selawat dan salam ke atas Junjungan kita Nabi Muhammad SAW. Kita bersyukur kerana diberi kesihatan, kelapangan dan kekuatan untuk menghadiri sidang Dewan bagi membahaskan Bajet 2017 yang dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato'

Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak di mana inti pati utama adalah menumpukan pada fokus ke arah kesejahteraan rakyat.

Sebelum saya memulakan isu bajet, saya hendaklah merakamkan kesedihan ke atas kejadian tragedi kebakaran Hospital Sultanah Aminah di Johor Baru. Terfikir juga kita yang duduk di Parlimen ini sama ada selama saya berada di sini belum pernah kita ada sesi *fire drill*. Sama ada kita di Parlimen ini *water sprinkler* ataupun *fire extinguisher* semua telah dilihat supaya janganlah apabila kebakaran berlaku kita tidak tahu ke mana hendak pergi. Biarlah kita ada sesi *fire drill* untuk dijalankan untuk keselamatan semua yang bertugas di Parlimen ini.

#### ■2040

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Ahli Parlimen kawasan Tanjong Manis dan mewakili Parti PBB, dengan ini saya ingin membahas mengenai bajet daripada aspek dan impak untuk negeri Sarawak, luar bandar di luar negeri Sarawak, pendidikan, kesihatan dan terutamanya kawasan saya di Tanjong Manis.

Bajet 2017 yang bertemakan, '*Menjamin Perpaduan dan Pertumbuhan Ekonomi, Menghemah Perbelanjaan Inklusif, Mensejahtera Kehidupan Rakyat Seluruh*' bajet untuk kesejahteraan rakyat. Antara lain, bajet ini telah dirangka dengan kemasukan pelbagai langkah yang akan terus menyokong pertumbuhan domestik bagi memastikan ekonomi Malaysia terus mencatatkan pertumbuhan walaupun negara sekarang tidak dapat lari dari terkena tempias suasana persekitaran global yang mencabar.

Harga minyak yang rendah dan keadaan yang tidak menentu, kuasa-kuasa ekonomi dunia contohnya seperti Great Britain yang telah mengundi untuk keluar dari *European Union* dan juga pemilihan Presiden Amerika Syarikat pada 8 November 2016. Harga minyak pada paras yang rendah juga contohnya telah memberi kesan kepada kerajaan dan dianggarkan kehilangan pendapatan kira-kira RM30 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, Sarawak amat memerlukan satu bajet yang diberi pertimbangan khas untuk negeri Sarawak, memandangkan Sarawak sebuah negeri yang telah memberi kemenangan besar dalam pilihan raya negeri baru-baru ini. Terima kasih saya ucapkan untuk peruntukkan RM30 juta bagi kerja-kerja pengukuran tanah, hak adat bumiputera (NCR) yang diumumkan ini dapatlah membantu rakyat yang telah lama menunggu tanah mereka untuk diukur dan dimiliki oleh mereka dengan sepenuhnya. Bajet 2017 memberi manfaat kepada rakyat Sarawak. Antaranya, melalui peruntukan untuk pembangunan luar bandar, pembangunan infrastruktur seperti jalan, sebuah RTC, kenaikan kadar bayaran untuk bantuan BR1M dan juga penambahan lampu jalan biasa dan LED untuk kampung-kampung.

Saya amat berharap Tanjong Manis terutamanya di Pulau Bruit juga akan mendapat lampu jalan kerana pulau ini amatlah besar sebesar negara Singapura dan jalan-jalan kampung amatlah uzur dan berlubang. Dengan ini dapatlah membantu rakyat bila keluar ke bandar terutamanya ke hospital pada waktu malam dan bila ada kecemasan. Jadi terima kasih kepada kerajaan dengan mengadakan program lampu jalan untuk kawasan kampung-kampung.

Terima kasih juga kepada kerajaan bagi pihak Angkatan Tentera yang akan melaksanakan Program Jiwa Murni dengan peruntukkan sebanyak RM114 juta bagi membina dan menaik taraf jalan di pedalaman negeri Sarawak.

Bagi pendidikan pula, peruntukan yang disediakan untuk membina semula 30 buah sekolah daif di seluruh negeri ini menggunakan Sistem Pembinaan Berindustri (IBS) amat saya alu-alukan terutamanya banyak lagi sekolah-sekolah di kawasan Parlimen Tanjong Manis amatlah daif dan uzur. Mengikut sumber, terdapat 486 buah sekolah daif di seluruh negeri Sarawak dengan 183 buah daripadanya perlu diperbaiki dengan kadar segera. Jumlah yang diumumkan dalam Bajet 2017 hanya dapat menampung menaik taraf sebanyak 16% daripada sekolah daif dan uzur di negeri Sarawak. Secara spesifiknya, kandungan Bajet 2017 melibatkan negeri Sarawak secara terus, terdapat berbagai-bagai insentif yang khas untuk penduduk di luar bandar juga akan memanfaatkan rakyat negeri Sarawak yang berada di luar bandar dan kawasan pedalaman.

Saya ingin memohon agar isu-isu pembangunan di kawasan luar bandar di Tanjong Manis dimasukkan dalam Bajet 2017 di bawah pembangunan luar bandar dan infrastruktur. Isu pembangunan di kawasan Parlimen Tanjong Manis boleh saya bahagikan kepada lapan perkara iaitu pembangunan jalan utama dan jalan penghubung antara desa, pembekalan air, elektrik, sekolah, bantuan pendidikan, kesihatan, klinik, perkhidmatan doktor bergerak, baik pulih rumah-rumah dan rumah panjang, ban parameter untuk pertanian, menara telekomunikasi, Pusat Internet 1Malaysia dan bantuan 1AZAM.

Hampir 70% buah kampung, dan rumah panjang di kawasan Parlimen Tanjong Manis masih ketinggalan dari segi pembangunan infrastruktur dan kemudahan asas. Saya amatlah berharap dengan bajet ini, kerajaan akan memberi pertimbangan sebaiknya untuk kawasan Parlimen Tanjong Manis. Sekolah-sekolah rendah dan asrama, kuarters guru di kawasan Tanjong Manis telah dibina pada tahun 70-an dan 80-an menggunakan bahan kayu. Beberapa buah sekolah dan asrama serta kuarters guru telah dinaiktarafkan kepada struktur konkrit. Terima kasih kepada Kerajaan Pusat. Namun, banyak lagi sekolah dalam keadaan daif dan baru-baru ini saya pergi ke



Kampung Buit dan berada di SK Buit menghadiri Program CPC anjuran Kementerian Kewangan di mana titi di sekolah yang menghubungkan dua kelas telah roboh dan sembilan orang jatuh dan mengalami cedera ringan termasuk seorang wanita tua yang terhantuk kepalanya dan benjol dan amatlah sedih kerana perkara ini tidaklah harus berlaku. Saya sangat berharap dalam ini, SK Buit diberi perhatian khas.

Pulau Buit yang mempunyai penduduk melebihi 10,000 orang mempunyai tiga buah klinik desa yang serba kekurangan tanpa perkhidmatan doktor. Amatlah mengecewakan saya sebagai seorang wakil rakyat. Untuk mendapatkan perkhidmatan doktor, pesakit-pesakit dari sepuluh buah kampung di Pulau Buit terpaksa melalui muara sungai yang berombak ataupun jalan kampung yang amat uzur berjam-jam untuk ke hospital baru dalam keadaan yang amat sukar. Jadi pada tahun 2014, Timbalan Menteri Kesihatan telah melawat Pulau Buit dan telah mengumumkan pembinaan Klinik 1Malaysia di Kampung Penipah, Pulau Buit. Walau bagaimanapun, setahun kemudian, kementerian telah menarik balik atas sebab-sebab yang saya rasa amat tidak munasabah.

Sehubungan ini, saya memohon dengan kadar segera dibina sebuah klinik kesihatan di Pulau Buit berserta dengan perkhidmatan doktor khas untuk penduduk-penduduk di Pulau Buit lengkap dengan peralatan perubatan moden dan sebuah makmal.

#### ■2050

Saya juga telah berkali-kali mengutarakan di Pulau Buit kes kecurian dan dadah amatlah berleluasa. Kita amatlah memerlukan sebuah balai atau pondok polis untuk dibangunkan di Pulau Buit untuk memantau kawasan-kawasan dan untuk menangani gejala-gejala dadah dan kecurian. Ban parameter untuk pertanian amatlah diperlukan terutamanya baru-baru ini fenomena air pasang besar yang luar biasa telah merosakkan ban-ban parameter di kawasan sawah di Paloh, Kedang, Berangan, Stalun dan Sebayang dan di Pulau Buit.

Terdapat banyak lokasi di mana ban telah pecah dan sekali gus membolehkan air laut masuk ke kawasan sawah padi dan merosakkan tanaman sedia ada. Rosaklah stok padi mereka untuk makanan mereka tahun hadapan. Pusat khidmat Tanjong Manis telah menghubungi Jabatan Pengairan dan Saliran di Mukah dan diberitahu dan dukacita dimaklumkan mereka tidak mempunyai bajet untuk membaik pulih ban yang rosak. Jawapan yang sama juga telah diberi oleh Jabatan Pertanian Daro apabila kita memohon pampasan untuk padi yang telah rosak untuk rakyat dan mereka telah memberitahu mereka tidak ada dana lagi. Jadi saya berharap kementerian beri perhatian kerana mereka orang-orang yang amat daif.

Menara telekomunikasi juga amatlah diperlukan terutamanya lagi di kawasan luar bandar di mana guru-guru sekolah amat bergantung pada telekomunikasi dan juga untuk peniaga-peniaga kampung untuk berjualan, untuk menunjuk produk-produk mereka. Saya amat berharap agar beberapa buah menara telekomunikasi dibangunkan di beberapa buah kawasan di Tanjong Manis. Program 1Azam yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi-agensinya merupakan satu usaha dan inisiatif kerajaan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar.

Penerima-penerima 1Azam terdiri daripada pemohon-pemohon yang telah dipilih oleh jawatankuasa *focus group* tetapi malangnya bajet yang diberi kepada agensi kerajaan yang terlibat tidak mencukupi bagi penerima bantuan yang baharu yang hendak memulakan perniagaan. Misalnya kelulusan 1Azam yang diterima pada tahun 2013 sehingga bulan Oktober 2016 masih lagi belum menerima bantuan tersebut. Jadi saya amat berharap Kerajaan Pusat memberi dana kepada kementerian supaya mereka dapat menjalankan tugas.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Menteri Sarawak Yang Amat Berhormat Tan Sri Adenan Satem serta Kerajaan Negeri Sarawak telah membawa berunding isu autonomi untuk negeri Sarawak. Penubuhan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963 dahulu asalnya menyenaraikan Sabah dan Sarawak sebagai rakan kongsi atau *equal partner* dengan Persekutuan Tanah Melayu dan bukan negeri jajahan Persekutuan Tanah Melayu. Sarawak dan Sabah menyertai Malaya sebagai rakan kongsi yang sama taraf untuk menubuhkan negara Malaysia yang kita cintai. Selepas pilihan raya dengan cemerlangnya negeri Sarawak baru-baru ini, proses *devolution of power* kepada negeri Sarawak perlu dilaksanakan dengan segera agar kuasa autonomi mentadbir Sarawak berada di tangan kerajaan negeri untuk melaksanakan dan dengan kefahaman isu-isu berbangkit dalam negeri dengan sebaik-baiknya. Perbincangan kuasa autonomi Sarawak dengan Kerajaan Persekutuan seharusnya dimuktamadkan secepat mungkin, mengambil kira Perjanjian Penubuhan Malaysia pada tahun 1963.

Negeri Sarawak juga telah mengisytiharkan 22 Julai sebagai Hari Sarawak yang diraikan sebagai mengingati hari Sarawak mula dibebaskan daripada cengkaman penjajahan koloni British pada tahun 1963. Dengan pentadbiran negeri diuruskan oleh anak Sarawak sendiri. Maka banyaklah anak-anak Sarawak yang berkebolehan dan saya amat berharap isu ini dapat diselesaikan dengan secepat mungkin. Sarawak...

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** [Bangun]

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Ya.

**Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis. Apabila saya mendengar tadi Yang Berhormat Tanjong Manis mengatakan autonomi Sarawak, saya juga terpanggil untuk bertanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri telah pun berunding duduk semeja untuk membincangkan bagaimana autonomi ini boleh dilaksanakan. Apa pandangan Yang Berhormat, bilakah dan bagaimana ia hendak dilaksanakan mesti dipercepatkan supaya tidak ada lagi demonstrasi sana sini yang kita lihat di jalan raya? Apakah pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Hajah Norah Abd. Rahman [Tanjong Manis]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Memanglah harapan kita perbincangan ini akan dijalankan dengan secepat mungkin dan kita amat berharap di antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri dapat diselesaikan dengan segera. Seperkara lagi yang saya ingin membahaskan ialah melibatkan isu Petronas dan royalti minyak untuk negeri Sarawak. Sarawak amat bangga Petronas telah menjadi sebuah syarikat yang terkenal dalam *Fortune 500*. Dengan hasil minyak dari negeri Sarawak akan tetapi peluang pekerjaan untuk anak Sarawak dan peluang perniagaan untuk rakyat Sarawak dalam bidang minyak dan gas tidaklah dibalas seperti ini.

Ramai rakyat Sarawak berkemampuan dan *structure* baru pengambilan *manpower* seperti yang diberitahu oleh Petronas adalah berasaskan merit. Kita rakyat Sarawak tidak boleh menerima alasan ini dan amatlah berharap Petronas melihat semula dan memberi peluang khas untuk anak Sarawak yang amat berkebolehan. Anak Sarawak tidak meminta pekerjaan yang mereka tidak mampu mengerjakan tetapi berikanlah mereka *a fair chance*. Janganlah lupa matlamat Petronas sebagai sebuah syarikat minyak nasional untuk membantu membangun anak negeri Sarawak yang banyak memanfaatkan Petronas.

Setelah 40 tahun Sarawak telah memberi *resource* petroleum, Sarawak berhak untuk diberi *priority* dalam pemberian kerja. Saya amat berharap lebih banyak lagi anak-anak Sarawak dalam *senior management* sampai ke tahap pengarah di dalam Petronas. Penubuhan Petroliaam Nasional Berhad ataupun Petronas pada 17 Ogos 1974 yang berkembang daripada jaguh tempatan menjadi gergasi dunia. Tersenarai dalam *Fortune 500* itu berkembang pesat sehingga kebergantungan Malaysia kepadanya telah meningkat secara purata 40% belanjawan Kerajaan Pusat. Hasil minyak dan gas telah membiayai pembinaan Menara Berkembar Petronas bernilai RM6 bilion serta pemandaran Putrajaya yang bernilai RM22 bilion.

Saya amatlah berharap Kerajaan Pusat menggunakan budi bicara memandangkan Sarawak telah menyumbang dengan begitu besar kepada Kerajaan Pusat dan dalam Pilihan Raya Umum ke-13 dan pilihan raya negeri tahun ini. Adalah wajar jika tuntutan penambahan pembayaran royalti minyak ini diberi perhatian khas untuk mengenang jasa Sarawak serta rakyat Sarawak.

■2100

Akhir sekali saya juga ingin memberi maklum balas isu pemilikan rumah dan rumah mampu milik yang masih lagi dibangkitkan oleh rakyat dan masih lagi tidak ditangani dalam Bajet 2017. Saya mengalu-alukan projek *My Beautiful My New Home* khusus kepada golongan B40. Dalam projek ini, kerajaan akan membiayai RM20,000 dan baki dibayar secara ansuran oleh pemilik. Syaratnya rumah ini akan dibina atas tanah milik sendiri, tanah yang telah dapat kebenaran tuan tanah dan tanah kurniaan kerajaan negeri. Ini bagi saya satu syarat yang agak ketat memandangkan tidak ramai rakyat dalam golongan B40 yang mempunyai tanah milik sendiri.

Soal di sini ialah harga rumah di pasaran yang masih terlalu tinggi walaupun kita sedia maklum bahawa pasaran hartanah yang lembap pada masa sekarang. Permintaan dan bekalan yang tidak sepadan, pelaksanaan Sistem Bangunan Berindustri (IBS) yang perlahan dan penerimaan teknologi hijau dalam industri yang sepatutnya adalah faktor-faktor yang membolehkan harga rumah diturunkan bagi golongan yang memerlukan. Menurut kenyataan akhbar, Timbalan Menteri Kewangan I mencadangkan harga rumah ialah sehingga RM165,060 adalah mampu milik kepada isi rumah pertengahan di Malaysia. Bagaimanapun hanya 21% perumahan baru yang dilancarkan berharga di bawah RM250,000 pada tahun 2014.

Memandangkan pemaju lebih tertarik untuk membina hartanah mewah mencecah lebih setengah juta. Inilah yang perlu kerajaan tangani iaitu syarikat harta tanah tidak berminat untuk membangunkan rumah mampu milik dan masalah untuk mendapat dana *loan* dari bank. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bajet 2017 dengan harapan agar lebih banyak lagi yang dapat dilakukan oleh kerajaan pusat untuk negeri Sarawak dan membela nasib rakyat negeri Sarawak. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Selayang.

**9.02 mlm.**

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan saya peluang untuk membahas Bajet

2017. Saya hendak menyentuh dua perkara tentang anggaran hasil untuk tahun 2017. Pertama ialah anggaran hasil cukai pendapatan syarikat yang berjumlah RM69,193 juta, kenaikan sebanyak RM6 bilion atau pertumbuhan 9.5%. Adakah ini satu anggaran yang realistik dan munasabah?

Kita melihat bahawa cukai pendapatan syarikat telah jatuh daripada RM63,679 juta untuk tahun 2015 kepada RM63,193 juta untuk tahun 2016. Keterangan yang diberikan untuk pertumbuhan sebab KDNK akan naik sehingga 4%. Akan tetapi apabila kita melihat apa yang jadi untuk tahun 2016 walaupun KDNK telah naik 4.1% kita melihat bahawa pendapatan cukai daripada syarikat telah turun. Ini bermaknanya anggaran terlalu optimistik.

Perkara yang kedua tentang anggaran hasil ialah anggaran kutipan GST untuk tahun 2017 sebanyak RM40 bilion. Kita telah melihat untuk suku kedua, tahun 2016 bahawa kutipan GST adalah hanya RM7.1 bilion telah jauh jatuh berbanding dengan suku pertama tahun 2016 iaitu RM10 bilion. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan bajet beliau telah berkata sehingga 19 Oktober 2016, jumlah kutipan GST RM30 bilion. Ini bermakna purata satu bulan kutipan GST RM3 bilion. Dengan ada baki Oktober, dua bulan, November dan Disember, nampaknya susah untuk mengutip baki RM9 bilion untuk mencapai sasaran kutipan RM39 bilion untuk tahun 2016. Oleh yang demikian, soalnya ialah adakah anggaran kutipan GST untuk tahun 2017 sebanyak RM40 bilion itu munasabah.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah tentang ekonomi negara dan respons yang telah dibuat. Kita tahu ekonomi negara kita ekonomi terbuka dan dengan penurunan harga minyak, harga komoditi, nilai mata wang serentak pada tahun 2016 dan keadaan tidak nampaknya begitu akan pulih untuk tahun 2017. Ini satu keadaan bila kita banding dengan apa yang telah berlaku pada tahun 2008 keadaan yang lebih serius.

Akan tetapi pada tahun 2008 kita di bawah pimpinan Menteri Kewangan pada masa itu Mantan Perdana Menteri Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah melancarkan pakej rangsangan ekonomi pertama berjumlah hampir RM7 bilion untuk merangsang kembali pertumbuhan ekonomi negara. Bila Yang Amat Berhormat Penganjur telah menjadi Perdana Menteri pada Mac 2009, pakej rangsangan kedua bernilai RM60 bilion telah dilaksanakan.

Bila kita melihat pada keadaan sekarang dengan kejatuhan harga minyak, nilai mata wang, harga komoditi serentak, pada saya memang harus kita perlu mengadakan sebuah pakej rangsangan untuk membantu rakyat dan syarikat-syarikat.

Kita melihat oleh sebab ekonomi yang lembap, untuk tahun 2015, 38,499 orang pekerja telah diberhentikan.

Untuk tahun 2016, dari bulan Januari sehingga Ogos jumlah pekerja yang diberhentikan ialah 20,798. Perhentian yang tertinggi dicatat dalam sektor pembuatan merangkumi 36.9% diikuti dengan sektor kewangan, insurans dan takaful 21% serta perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal 18.6%.

Kategori pekerja yang diberhentikan juga terlibat mereka yang mengadakan jawatan pentadbiran dan pengurusan jumlah ialah 26.1% diikuti oleh profesional 22%. Maknanya kita melihat kesemua sektor, semua perniagaan mengalami kerugian dan pekerja-pekerja seluruh sektor ini telah diberhentikan. Oleh sebab itu, saya merayu kepada kerajaan untuk mengkaji semula. Pada pandangan saya, harus untuk mengadakan sebuah pakej rangsangan untuk membantu syarikat dan menyelamatkan pekerja...

■2110

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh Yang Berhormat Selayang?

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya, boleh.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan cadangan daripada Yang Berhormat Selayang dan artikulasi tentang hasil negara pada tahun- unjuran negara pada tahun 2017. Yang Berhormat Selayang mencadangkan supaya kerajaan mengadakan pakej rangsangan untuk mencergaskan atau menampung kelompangan tadi. Adakah Yang Berhormat Selayang maklum bahawa kalau kita hendak rangsangan, makna kita ada kemungkinan menambahkan lagi perbelanjaan, kalau kurang, ada memerlukan kerajaan menambah unsur-unsur pendapatan dan kalau boleh, adakah termasuk juga kita menambah hutang kita, satu.

Kedua, kalau kita tambah, adakah ini akan melepasi tahap 54% yang saya difahamkan ramai yang tidak berapa setuju di sebelah sana. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Selayang? Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Memang kalau kita mengadakan sebuah pakej rangsangan dan kerajaan hendak pinjam, maknanya hutang akan naik tetapi ini satu kos yang kita tidak boleh elakkan kalau kita hendak menyelamatkan

ekonomi kita, pertumbuhan syarikat dan pekerja. Ada cara untuk mengadakan hutang yang telah dilaksanakan pada masa ini.

Perkara ketiga, tentang kos sara hidup. Peningkatan kos sara hidup perkara yang menjadi beban kepada rakyat, terutamanya kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan Bajet 2017 berkata bahawa kerajaan terus memberi tumpuan bagi meningkatkan kualiti hidup, terutamanya golongan isi rumah B40.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan dalam ucapan Bajet 2017 telah menyentuh beberapa perkara. Antaranya ialah nasihat kepada rakyat yang sebelum ini bermewah dan makan di restoran mahal, kini boleh bersederhana serta berjimat barangkali di restoran yang berpatutan. Saya hendak memberitahu bahawa pada ketika ini rakyat biasa menghadapi masalah bukan makan di restoran sederhana atau mewah tetapi masak dan makan di rumah sendiri juga mengalami masalah. Pilihan hari ini kepada mereka bukan di mana restoran hendak pergi tetapi sama ada mereka dapat makan pada hari itu atau tidak.

Mengikut Laporan Institut Penyelidikan Khazanah, lebih daripada separuh jumlah pekerja di negara kita berpendapatan kurang daripada RM1,600 sebulan. Untuk mengadakan makanan berkhasiat mengikut Garis Panduan Pemakanan Malaysia, dengan izin, *Malaysian Dietary Guidelines* yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, kos makanan adalah di antara RM25.21 sehingga RM38.45. Ini adalah menganggap satu isi rumah, lima orang ahli dan makan masakan di rumah, ini tidak mengambil kira kos memasak, pengangkutan, membeli makanan, bil elektrik dan gas memasak.

Mengikut kajian yang telah dibuat untuk tahun 2014, median perbelanjaan nasional RM2,946 sebulan. Satu makanan berkhasiat mengikut garis panduan ini adalah dalam lingkungan 25.7 peratus sehingga 39.2 peratus sebulan. Mengikut penyelidikan yang dibuat oleh Khazanah dan Pejabat Perangkaan, isi rumah bandar tidak membelanjakan 25.7 peratus, mereka hanya dapat mampu membelanjakan 16.4 peratus untuk makanan. Manakala, isi rumah luar bandar membelanjakan 20.8 peratus dan bagi keseluruhan negara 17.7 peratus. Ini bermakna, keseluruhan isi rumah di Malaysia tidak mampu mengadakan makanan berkhasiat untuk isi rumah berpendapatan rendah kos untuk mengadakan makanan berkhasiat mengikut garis panduan akan hampir menggunakan keseluruhan pendapatan mereka. Ini bermakna, setiap kenaikan harga untuk makanan akan mengadakan satu impak dan kesan negatif kepada rakyat biasa.

Indeks Harga Pengguna (CPI) untuk 2016 telah menunjukkan bahawa harga pengguna CPI telah naik sebab bayaran tol dan tambang kereta api telah dinaikkan pada suku keempat 2015. Harga pengangkutan juga naik sebanyak 5.2 peratus. Akan tetapi yang lebih penting kita lihat bahawa harga makanan mencatat peningkatan yang tertinggi bagi kategori makanan di rumah. Harga sayur-sayuran naik sebanyak 8.8 peratus, ikan dan makanan laut naik sebanyak 7.1 peratus, buah-buahan naik sebanyak 5.8 peratus. Ini bermakna, rakyat biasa pada hari ini adalah di dalam satu keadaan yang sungguh mencabar dan hendak dilindungi oleh kerajaan.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Yang Berhormat Selayang, minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat Selayang. Bersetuju kah Yang Berhormat Selayang kalau saya kata susah untuk rakyat memilih kedai mana yang kedai mewah, kedai yang sederhana atau berpatutan. Oleh sebab kadang-kadang kita tidak tahu, kita pergi masuk, kita sudah duduk, makan tiba-tiba, wah, bil yang keluar begitu tinggi sekali. Ada banyak restoran tidak ada *signboard*. Jadi, masalahnya macam semalam saya pergi ke sebuah kedai nampak biasa macam kedai berpatutan sahaja tetapi makan daun pisang, RM13.00.

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Makan daun pisang kah, makan apa? Nasi?

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Makan nasi. Nasi daun pisang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya, memang ini menjadi masalah. Apa yang saya ucapkan sekarang ialah makanan yang dimasak di dalam rumah, bukan keluar ke restoran. Makan di rumah juga sudah mengadakan masalah. So, inilah keadaan yang rakyat kita hadapi, bukan pilihan pergi Pelita kah atau ke hotel kah tetapi makan di dalam rumah sendiri menghadapi masalah.

Perkara yang kedua yang saya hendak sentuh ialah apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan merangkap Perdana Menteri tentang beliau kesian kepada anak dara graduan universiti yang telah di saman oleh Majlis Perbandaran Shah Alam menjual nasi lemak tanpa lesen. Cerita yang penuh pada keesokannya, Menteri Besar Selangor sendiri telah turun padang untuk memberikan borang permohonan lesen dan telah diluluskan. Akan tetapi masalah...

■2120

**Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]:** Selepas kena saman baru dia bagi borang.

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*



**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Masalah bukan tentang ada lesen atau tidak ada lesen. *[Disampuk]* Masalah yang kita hendak melihat ialah graduan universiti terpaksa menjual nasi lemak untuk mencari rezeki. Ini adalah satu perkara, masalah yang kita lama di dalam Dewan ini telah memberikan perhatian tetapi nampak jelasnya bahawa...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Selayang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Kota Tinggi bangun, Yang Berhormat.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Boleh Yang Berhormat Selayang?

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Yang Berhormat Selayang, terima kasih. Saya...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Ya, Selayang, sayang, dekat-dekatlah itu. Tidak, isu yang nasi lemak anak dara itu masalah keusahawanan, bukannya tertindas. Dia dapat jual sebulan RM20,000.

Satu lagi saya hendak sebut dan minta pandangan Yang Berhormat Selayang, ada tidak indeks obesiti dekat Malaysia ini? Berapa ramai orang yang berat badan lebih daripada sepatutnya kerana terlampau banyak makan? Ada tidak? Jadi kalau kita kata rakyat Malaysia ini... *[Disampuk]* Ya, samalah kita. Jadi saya lihat kalau dekat Malaysia ini— saya pergi *travel* banyak, Yang Berhormat Selayang. Banyak orang cakap Malaysia ini *heaven for food*. Makanan dia, *masya-Allah*. Jadi kalau kita kata tertindas, banyak makan, saya ingat itu satu pandangan yang— mungkin indeks itu kena tengok balikkah betul atau tidak betul. Apa pandangan Yang Berhormat Selayang? Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Terima kasih. Apa yang saya kata dalam ucapan saya telah diambil daripada Laporan Institut Penyelidikan Khazanah yang juga telah diguna oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan beliau.

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Sikit. Minta maaf, mungkin saya...

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Walaupun mereka...

**Datuk Noor Ehsanuddin bin Mohd. Harun Narrashid [Kota Tinggi]:** Saya setuju. Mungkin pandangan itu daripada segi indeks nutrien, makanan berzat, tetapi

tidak ada lah orang tidak ada benda hendak makan. Kalau nutrien, saya ingat itu saya setuju. Kalau tidak cukup makan, saya ingat itu Yang Berhormat Selayang pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ada sikit *off tangent* sikitlah. Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya tidak berkata tidak cukup makan, saya kata makanan yang berkhasiat. Kita boleh makan dua, tiga pinggan nasi tetapi itu bukan makanan yang berkhasiat.

**Seorang Ahli:** Gizi, gizi makanan.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** So, apa yang saya berkata ialah pengangguran graduan universiti adalah satu masalah yang telah lama kita wujudkan tetapi dengan contoh yang telah digunakan ini menjadi satu bukti yang jelas bahawa masalah pengangguran graduan masih tidak dapat ditangani. Peningkatan jumlah siswazah menganggur memang adalah satu perkara yang membimbangkan kepada kita terutamanya kita sebagai wakil rakyat di Dewan yang mulia ini. Mereka yang menganggur dengan pendidikan tinggi pada tahun 2013 adalah 3.6 peratus, untuk tahun 2014 adalah 35.2 peratus dan pada tahun 2015 adalah 33.8 peratus.

Menurut Kementerian Pengajian Tinggi, satu per empat daripada 254,161 orang pelajar yang menamatkan pengajian tinggi adalah penganggur enam bulan selepas tamat pengajian. Ini adalah masalah yang telah dilaporkan dalam Laporan *World Bank*. Kita mengetahui bahawa adalah masalah *mismatch* adalah kekurangan kemahiran graduan kita dalam menguasai literasi dan *soft skill*. Bank Dunia dan Talent Corp telah mengadakan program dan telah belanja RM1 bilion. Akan tetapi mengikut kajian ini, majikan masih tidak berpuas hati dengan kemahiran. Maksudnya, perbelanjaan yang telah dibuat tidak memberikan keputusan yang kita hendak. Oleh yang demikian, perlu kerajaan mengkaji semula tentang peruntukan yang telah dipotong dan dikurangkan untuk universiti-universiti kita di dalam Bajet 2017.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Yang Berhormat Selayang.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Selayang, apabila Yang Berhormat Selayang sebut tentang pengangguran, setujukah Yang Berhormat Selayang dengan saya kalau saya katakan bahawa ada suatu yang tidak kena dalam sistem pendidikan kita, sama ada di peringkat sekolah menengah ataupun di peringkat pendidikan tinggi di mana pengajar-pengajar sama ada di sekolah ataupun di kolej atau universiti terlalu menekankan dan selalu meyakinkan— *sorry*, saya gunakan— pelajar-pelajar supaya mengatakan bahawa kamu belajar dengan baik, dapat keputusan yang baik dan akhirnya kamu

keluar, kerja menunggu kamu? Akibat dari itu, pelajar-pelajar yang keluar ini rasa mereka tidak mempunyai kekuatan untuk *instead of creating job, they are looking for job*.

Jadi, saya rasa ada sesuatu yang tidak kena sebab kalau kita tengok di negara-negara barat khususnya di Amerika Syarikat, pelajar-pelajar itu didedahkan dengan segala bentuk kebebasan yang akhirnya apa yang berlaku ialah *instead of looking for job, student yang graduate will create job*. Jadi ini akan memberikan kekuatan kepada mereka. Bukan sahaja diri mereka tetapi juga *society at large*. Jadi setujukah Yang Berhormat Selayang dengan pendapat saya tadi? Terima kasih.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya setuju dengan Yang Berhormat Sungai Petani kerana apa yang kita telah katakan ialah kekurangan *critical thinking* yang tidak diajarkan di dalam universiti kita dan ini harus diperbetulkan.

Perkara yang saya hendak sentuh juga ialah nasihat daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada rakyat untuk menjadi pemandu Uber untuk menampung kos sara hidup. Ini menunjukkan sekali lagi bahawa kehidupan rakyat pada hari ini tidak begitu berkualiti kalau kita hendak mengadakan dua kerja untuk mencari rezeki.

Penting juga yang saya minta kerajaan untuk mengkaji semula ialah keputusan untuk membenarkan Uber dan GrabCar beroperasi bersaing dengan pemandu-pemandu teksi yang kita sudah tahu 20,000 orang pemandu teksi telah serah kembali teksi mereka kepada syarikat kerana tidak mampu membayar sewa dan pinjaman daripada bank akibat daripada operasi Uber dan GrabCar. Persaingan antara Uber dan GrabCar dengan teksi tidak adil kerana Uber dan GrabCar tidak mengikut undang-undang dan peraturan. Ini juga ada kesan kepada penumpang dan rakyat tentang *roadworthiness*, kereta, kelayakan pemandu dan apa yang akan jadi bila berlaku kemalangan. Semua ini adalah kesan yang kita minta kerajaan untuk mengkaji semula.

Perkara yang selalu yang kita bincang ialah tentang BR1M. Apabila tujuh juta orang bergantung kepada BR1M, ini bukan satu kejayaan, ini adalah satu kegagalan. Tumpuan seharusnya hendaklah diberikan untuk meningkatkan pendapatan golongan yang berpendapatan rendah. Masalah ini telah berlaku kerana kerajaan telah memberikan tumpuan dan membenarkan pekerja asing untuk datang dan akibatnya kita menghadapi masalah ketakungan gaji, pendapatan yang tidak naik dan rakyat hari ini mengalami masalah. Kerajaan juga menghadapi masalah kerana tidak dapat mengutip cukai daripada satu golongan yang lebih besar.

Oleh itu, penting bahawa ini dibetulkan dan cara yang terbaik ialah untuk melaksanakan gaji minimum. Walaupun kerajaan telah mengisytiharkan 1 Julai untuk

menaikkan gaji tetapi sampai hari ini kita melihat adanya majikan dan syarikat yang masih membantah dan meminta penangguhan. Saya meminta kerajaan tegas tentang perkara ini kerana apabila kita melaksanakan gaji minimum, barulah kita akan memberikan dan membantu rakyat kita untuk menaikkan pendapatan mereka dan juga memberikan dorongan kepada syarikat untuk meningkatkan produktiviti, juga memberikan cenderung kepada mereka untuk melabur dalam automasi dan teknologi yang baru.

Akhirnya adalah tentang rasuah dan ketirisan yang kita bukan sahaja terkejut dengan 1MDB tetapi apa yang telah berlaku dengan projek infrastruktur Jabatan Air Negeri Sabah yang bernilai RM3.3 bilion yang telah dimakan suap. Saya cadangkan kerajaan dan juga Ahli-ahli Dewan ini bekerjasama dan kita mengadakan satu reformasi bahawa Ahli Parlimen memainkan peranan yang lebih berkesan dalam proses bajet dan juga memastikan bahawa peruntukan dapat sampai ke sasaran dengan ada *transparency* dan *accountability* dengan mengadakan lebih jawatankuasa untuk bekerja dalam proses bajet dan juga melihat bahawa wang itu disampaikan kepada sasaran.

Akhirnya adalah tentang Sabah dan Sarawak, permintaan tentang autonomi. Akan tetapi yang lebih penting kepada saya ialah untuk memansuhkan dasar kabotaj yang selalu dibincangkan di sini kerana Sabah dan Sarawak tidak akan dapat membangun industri dan pembuatan mereka kalau kos pengangkutan masih ada. Ini boleh diadakan dengan adanya pelabuhan di *Sepangar Bay* di Sabah, di Kuching untuk menjadi satu *transport hub* kerana ini adalah satu kawasan strategik untuk menjadi *transport hub* kepada Jepun, Korea, China dan Taiwan.

Dengan ini, saya tidak menyokong Bajet 2017. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Yang Berhormat Jerantut.

**9.32 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam sehati sejiwa.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ya, cukup setakat itu Yang Berhormat ya.

**Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis 27 Oktober 2016.

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.32 malam]***